TAHUN
2024

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

# LAPORAN TAHUNAN



UNIT AUDIT DALAM
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN
KOPERASI

# KANDUNGAN

**PRAKATA**........................................................................

**PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA**.......................................

**PENGHARGAAN KETUA AUDIT DALAM** ................................

**RINGKASAN EKSEKUTIF**...................................................

**1. PENDAHULUAN**

- Penubuhan, Visi, Misi dan Objektif serta Bidang Tugas **1 - 2**
- Kedudukan Perjawatan Dan Struktur Organisasi **2 - 4**

**2. RANCANGAN DAN PENCAPAIAN PROGRAM AUDIT**

- Rancangan dan Pencapaian Program Audit **5 - 7**

**3. PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN**

- Pusat Khidmat Kontraktor **8 - 26**
- Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi **27-49**

**4. PENGAUDITAN PENGURUSAN PEROLEHAN**

- Pengurusan Perolehan Sebut Harga dan Pembelian Terus di Pusat Khidmat Kontraktor **50 – 74**

**5. PENGAUDITAN PEMATUHAN**

- Aktiviti Pengiktirafan Sijil Taraf Bumiputera **75 – 91**
- Program Pembangunan Perniagaan Usahawan MIKRO (BIZME) – SME Corp. Malaysia **92 - 102**

| | | |
|---|---|---|
| **6.** | **PENGAUDITAN PRESTASI** | |
| | • Program INSKEN Bumiputera Business Coaching (IBBC) - Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) | **103 - 118** |
| | • Pengurusan Program Pemerkasaan Rantaian Bekalan Koperasi di Suruhanjaya Koperasi Malaysia | **119 – 140** |
| **7.** | **PENGAUDITAN PENAMPILAN AUDIT** | |
| | • Pusat Khidmat Kontraktor Cawangan Negeri | **141 - 142** |
| **8.** | **PENGAUDITAN KHAS** | |
| | • Peruntukan RM 1 Juta Kepada NGO Persatuan Penjaja | **143 - 147** |
| **9.** | **PENGAUDITAN BAKI PERUNTUKAN** | |
| | • Peruntukan Pembangunan SME Corp. Malaysia | **148 – 157** |
| **10.** | **PENGESAHAN BAKI ASET DAN LIABILITI** | |
| | • Pengesahan Data Baki Awal Aset dan Liabiliti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Bagi Data Cut-Off 31 Disember 2023 | **158 - 159** |
| **11.** | **MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT** | **160 - 161** |
| **12.** | **LAPORAN SUMBANGAN UNIT AUDIT DALAM** | **162** |
| **13.** | **PERKARA-PERKARA AM** | |
| | • Tindakan Pengurusan Terhadap Laporan Unit Audit Dalam | **163** |
| | • Cabaran Masalah Yang Dihadapi...................................... | **163** |
| | • Latihan Yang Dihadiri Oleh Pegawai Unit Audit Dalam...... | **164** |
| **14.** | **AKTIVITI UNIT AUDIT DALAM SEPANJANG TAHUN 2024** | **169** |

# PRAKATA

Laporan Tahunan Unit Audit Dalam (UAD), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) disediakan selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (1PP) PS 3.1. Laporan ini disediakan untuk dikemukakan kepada Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat, Kementerian Kewangan Malaysia dan Jabatan Audit Negara.

Laporan ini merumuskan aktiviti pengauditan Unit Audit Dalam KUSKOP serta membentangkan ringkasan isu-isu dan pemerhatian audit yang dibangkitkan semasa pengauditan dijalankan sepanjang tahun 2024. Penemuan audit dan syor yang dilaporkan diharap dapat dijadikan sebagai rujukan dan panduan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab oleh pihak Auditi.

Laporan ini juga bertujuan untuk memastikan penemuan yang dibangkitkan tidak akan berulang dan tindakan pembetulan serta penambahbaikan diambil bagi meningkatkan kecemerlangan pengurusan kewangan dan aktiviti dan program KUSKOP.

UAD merakamkan penghargaan dan terima kasih terhadap kerjasama yang diberikan semasa pengauditan dijalankan. Disamping itu, UAD juga menyanjung tinggi usaha dan komitment yang ditunjukkan oleh semua pihak terhadap penemuan Audit yang dibangkitkan. Semoga jalinan kerjasama yang ditunjukkan mampu mempertingkatkan tahap kecemerlangan dan kecekapan pengurusan ke arah pengurusan yang lebih baik.

**"Laporan ini ialah untuk rujukan dan panduan kepada warga Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) sahaja. Laporan ini tidak boleh disiarkan tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Setiausaha KUSKOP. Segala maklumat yang terdapat di dalam laporan ini tidak boleh digunakan sebagai asas kepada sebarang tindakan undang-undang oleh mana-mana pihak ketiga atau bagi apa-apa tujuan lain."**



# PERUTUSAN
## KETUA SETIAUSAHA

**Assalamualaikum dan salam sejahtera,**

Sekalung tahniah diucapkan kepada Unit Audit Dalam, Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (UAD KUSKOP) kerana telah berjaya melaksanakan pengauditan selaras dengan Rancangan Audit yang diluluskan dan menghasilkan Laporan Tahunan Unit Audit Dalam 2024.

Unit Audit Dalam memainkan peranan penting dalam memantau aktiviti utama dan berisiko yang melibatkan pengurusan kewangan dan perolehan di peringkat Kementerian. Perkara ini sejajar dengan hasrat Kerajaan dalam mewujudkan perkhidmatan awam yang berpotensi tinggi dan berintegriti. Adalah menjadi harapan saya agar laporan ini menjadi panduan kepada warga Kementerian untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan yang diamanahkan kepada KUSKOP supaya kekal relevan dan sentiasa selari dengan visi, misi dan objektif Kementerian. Harapan saya, UAD akan terus berperanan secara profesional, bebas dan proaktif melalui Laporan Audit yang memberi impak serta syor penambahbaikan yang sesuai dan praktikal. Penemuan Audit yang dibangkitkan dapat dijadikan rujukan oleh warga KUSKOP bagi meningkatkan akauntabiliti pengurusan kewangan serta memastikan setiap program yang dilaksanakan, mencapai objektif dan bermanfaat kepada golongan sasar.



Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga KUSKOP atas segala komitmen dan kerjasama yang telah diberikan kepada UAD semasa pengauditan dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**DATO' SRI KHAIRUL DZAIMEE BIN DAUD**

**Ketua Setiausaha**

**Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi**

27 **Mac 2025**

# PENGHARGAAN
## KETUA AUDIT DALAM



**Assalamualaikum dan salam sejahtera,**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya Laporan Tahunan Unit Audit Dalam, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (UAD KUSKOP) 2024 dapat diterbitkan. Saya berbangga dengan penerbitan Laporan Tahunan UAD KUSKOP 2024.

Laporan ini merupakan satu bentuk imbasan hasil usaha gigih seluruh warga UAD KUSKOP sepanjang tahun 2024. Selain itu, ia merupakan sumber rujukan kepada semua pihak yang ingin mengetahui peranan dan aktiviti pengauditan yang telah dilaksanakan oleh UAD merangkumi perancangan dan pencapaian program audit, ringkasan isu, tindakan/maklum balas Auditi dan sumbangan UAD kepada KUSKOP serta aktiviti UAD sepanjang tahun 2024.

Di kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YBhg. Dato' Sri Ketua Setiausaha di atas kepercayaan, bimbingan, nasihat dan sokongan padu yang telah diberikan kepada UAD. Ucapan terima kasih kepada semua Setiausah Bahagian/ Ketua Unit/ Ketua Agensi dan semua pegawai yang telah memberi kerjasama semasa pengauditan dilaksanakan serta telah mengambil tindakan proaktif terhadap isu-isu Audit yang dilaporkan.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih khusus kepada semua pegawai UAD di atas usaha dan dedikasi pengauditan dilaksanakan serta telah mengambil tindakan proaktif terhadap isu-isu Audit yang dilaporkan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih khusus kepada semua pegawai UAD di atas usaha dan dedikasi mereka dalam menjalankan tugas pengauditan.

Sekian, terima kasih.

**MOHD ISKANDAR BIN AMRAN**
**C.A.(M), ASEAN CPA**
**Ketua Audit Dalam**
**Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi**
20 **Mac 2025**

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Tahunan Unit Audit Dalam Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi ini disediakan bagi melaporkan pencapaian aktiviti pengauditan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024. Laporan ini diharap dapat membantu Bahagian/ Pusat Tanggungjawab meningkatkan akauntabiliti pengurusan kewangan dan program berdasarkan peraturan kewangan dan undang-undang sedia ada.

Pada tahun 2024, Unit Audit Dalam (UAD) telah berjaya melaksanakan Penampilan Audit, dua Pengauditan Pengurusan Kewangan, empat Pengauditan Pematuhan, satu Pengauditan Perolehan, tiga Pengauditan Khas dan satu Pengesahan Data Baki Awal Aset Alih dan Liabiliti.

## 1. PENAMPILAN AUDIT

Penampilan audit dijalankan bertujuan untuk mewujudkan kesedaran terhadap pematuhan kepada peraturan semasa PTJ/Pusat Kos yang jarang dilawati. Seksyen 15(A) Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan menetapkan antara lain, Pegawai Pengawal bertanggungjawab menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

Penampilan audit telah dijalankan pada 5 hingga 20 Februari 2024 di empat Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) Cawangan Negeri iaitu Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Melaka dan Terengganu. Skop pengauditan meliputi tiga elemen utama iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Pengurusan Aset Dan Stor serta Kawalan Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Hasil daripada pengauditan menunjukkan bahawa prestasi pengurusan bagi ketiga-tiga elemen adalah baik.

## 2. PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

Pengauditan Pengurusan Kewangan dilaksanakan bagi menentukan wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan, sistem kawalan dalaman yang berkesan, pengurusan kewangan dilaksana mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dan rekod/dokumen yang berkaitan diselenggara dengan lengkap, kemas kini dan teratur. Pengauditan Pengurusan Kewangan telah dilaksanakan di Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) KUSKOP (11 November – 12 Disember 2025) dan PKK (21 Oktober – 1 November 2025) terhadap dua elemen utama iaitu Pengurusan Aset dan Stor dan Pengurusan Kenderaan jabatan.

Secara keseluruhannya pengurusan Aset Dan Stor serta Kenderaan adalah memuaskan dan boleh dipertingkatkan melalui usaha penambahbaikan yang berterusan. Tindakan *preventive* juga perlu diambil bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang.

## 3. PENGAUDITAN PEMATUHAN

Pengauditan pematuhan dilaksanakan terhadap sesuatu objek pengauditan meliputi aktiviti, transaksi kewangan, perolehan dan sistem ICT yang berisiko bagi memastikan pematuhan kepada undang-undang, pekeliling dan peraturan yang berkuat kuasa. Pengauditan pematuhan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

### 3.1. Pengauditan Aktiviti Penarafan Syarikat Bumiputera

Pemberian Sijil Taraf Bumiputera (STB) kepada Syarikat yang berkelayakan telah dibuat oleh Pusat Khidmat Kontraktor berdasarkan dokumen yang dikemukakan oleh syarikat. Secara keseluruhannya, aktiviti pengiktirafan STB telah diuruskan dengan baik.

Pengauditan yang telah dijalankan pada 22 Januari hingga 15 Mac 2024, mendapati perkara seperti berikut:

3.1.1. 21 STB telah diluluskan melebihi tempoh 21 hari daripada tarikh permohonan dikemukakan;
3.1.2. 98 permohonan pengiktirafan taraf Bumiputera telah diluluskan walaupun dokumen mandatori dan sokongan tidak lengkap; dan
3.1.3. Pejabat Cawangan Negeri (PCN) Sabah tidak melaksanakan lawatan pemeriksaan premis bagi 3 syarikat kerana pandemik Covid-19;

PKK disyorkan untuk mengambil tindakan berikut:

3.1.4. Merekodkan dengan lengkap tarikh dokumen diterima pada Borang Semakan Pengesyoran dan alamat premis yang dilawati pada Laporan Borang Pemeriksaan Premis;
3.1.5. Semua dokumen mandatori dan sokongan dimuat naik/ dikemukakan sebelum STB diluluskan; dan
3.1.6. Melaksanakan aktiviti pemutihan terhadap syarikat yang diluluskan STB secara berkala.

### 3.2. Pengauditan Terhadap Program pembangunan Usahawan Mikro

Program Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro (BizME) merupakan salah satu projek yang dijalankan di bawah RMKe-12 dengan peruntukan berjumlah RM30 juta. Pengauditan program BizME telah dijalankan pada bulan Oktober hingga November 2024**.** Antara penemuan audit adalah seperti berikut:

3.3.1. Pelantikan Rakan Pelaksana yang sama walaupun gagal mencapai sasaran peserta;
3.3.2. 42.58% daripada 7 program tidak mencapai Sasaran Peserta ditetapkan;
3.3.3. Perbezaan senarai nama peserta hadir fizikal program dengan borang perakuan penerimaan pakej program; dan

Secara keseluruhannya, pengurusan Program BIZME adalah **baik**. SME Corp. Malaysia disyorkan agar mengambil tindakan berikut:

3.3.4. Terma dan syarat dalam surat tawaran dan surat setuju terima peserta perlu ditambah baik; dan
3.3.5. Menyediakan mekanisma pemantauan bagi Rakan Pelaksana perkhidmatan dengan peserta program.

## 4. PENGAUDITAN PRESTASI

### 4.1 Pengauditan Terhadap Program INSKEN Bumiputera Business Coaching

Program INSKEN Bumiputera *Business Coaching* (IBBC) program bimbingan komprehensif "*one-on-one*" selama 4 bulan mengikut industri yang dibimbing oleh Pakar Industri (Industry Coach*)* yang berpengalaman. Program ini direka khas untuk melonjakkan hasil jualan usahawan. Pengauditan yang telah dijalankan pada Mei hingga Jun 2024 telah mendapati perkara seperti berikut:

4.1.1. Sejumlah lapan orang *coach* bagi 10 kohort tidak berjaya mencapai KPI sasaran jualan melebihi 50%;
4.1.2. Terdapat kelewatan tandatangan penerimaan pelantikan bagi 32 kohort yang dijalankan antara 1 hingga 44 hari;
4.1.3. Tiada senarai semak atau SOP yang digunakan bagi membuat pemilihan peserta;
4.1.4. Bayaran bagi pakej seminar yang telah diadakan melebihi bilangan sebenar peserta yang hadir;
4.1.5. Baki peruntukan tahun 2019 berjumlah RM603,047 yang tidak dibelanjakan telah digunakan untuk menampung perbelanjaan program lain; dan
4.1.6. Peningkatan bilangan pekerja tidak mencapai KPI yang telah ditetapkan;
4.1.7. Bayaran diperakukan oleh pegawai yang sama menerima bayaran; dan

4.1.8. Pegawai INSKEN menerima bayaran terhadap program yang dilaksanakan oleh INSKEN berjumlah RM105,000.00.

Secara keseluruhannya, pengurusan Program IBBC adalah memuaskan. INSKEN disyorkan mengambil tindakan berikut:

4.1.9 SOP atau senarai semak khusus bagi program IBBC perlu disediakan supaya pelaksanaan program lebih tersusun;
4.1.10 Terma dan syarat dalam surat pelantikan *coach* dan surat setuju terima peserta perlu ditambah baik;
4.1.11 Menyediakan mekanisma pemantauan bagi sesi *coaching* oleh *coach* dengan peserta; dan
4.1.12 Prosedur Pengesahan invois bayaran perlu diperbetulkan agar bayaran tidak diperakukan oleh pegawai yang sama menerima bayaran.

## 4.2 Pengauditan Terhadap Pemerkasaan Rantaian Bekalan Koperasi (SCOPE)

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah diluluskan peruntukan di bawah RMKe-12 berjumlah RM10 juta bagi membiayai Program Pemerkasaan Rantaian Bekalan Koperasi (SCOPE). Sehingga bulan Mei 2024 SKM telah menerima peruntukan berjumlah RM7.0 juta (70%) untuk melaksanakan program SCOPE. Sejumlah RM6.87 juta (98.1%) bantuan telah diluluskan kepada 39 koperasi.

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Mei hingga Jun 2024. Antara penemuan audit adalah seperti berikut:

4.2.1. SKM telah menaik taraf sembilan daripada 20 DC/SDC yang disasarkan, manakala sebanyak 30 DC/SDC baharu telah dibangunkan dan dinaiktaraf berbanding 20 DC/SDC yang disasarkan;
4.2.2. RM1.72 juta bantuan masih belum dibayar kepada 11 koperasi yang telah diluluskan bantuan pada tahun 2023 dan 2024;
4.2.3. Jumlah peruntukan program SCOPE yang diterima oleh SKM terkurang nyata sejumlah RM500,000;
4.2.4. Lapan dokumen Perjanjian Penerimaan Bantuan Program SCOPE lewat ditandatangani antara tujuh hingga 49 hari; dan
4.2.5. Penyaluran dana kepada Koperasi Makmur Malaysia Berhad berjumlah RM150,000.00 tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap.

SKM disyorkan untuk mengambil tindakan berikut:

4.2.6. Koperasi telah melaksanakan skop kerja/pembekalan yang diluluskan sebelum tuntutan koperasi diperakukan;
4.2.7. Peralatan dan kelengkapan yang dibeli ditempatkan di pusat pengedaran yang diluluskan bantuan;
4.2.8. Kenderaan koperasi yang tidak digunakan secara optimum diserahkan kepada koperasi yang memerlukan;
4.2.9. Terimaan peruntukan program SCOPE perlu diakaunkan segera untuk memastikan rekod kewangan SKM adalah benar dan saksama; dan
4.2.10. Siasatan dibuat ke atas penggunaan dana selain yang diluluskan.

### 4.3 Lawatan Susulan Pengauditan Terhadap Pemerkasaan Rantaian Bekalan Koperasi (SCOPE)

Pengauditan dijalankan selaras dengan keputusan Mesyuarat JKA KUSKOP Bilangan 3 Tahun 2024 bagi menilai pencapaian Program SCOPE terhadap baki 24 koperasi. Pengauditan telah mendapati perkara berikut:

4.3.1. Lapan koperasi masih belum melaksanakan naik taraf pusat pengedaran dan pembelian peralatan seperti yang diluluskan.
4.3.2. Enam koperasi telah menggunakan dana bantuan di luar skop yang diluluskan;
4.3.3. Empat koperasi masih belum membelanjakan sepenuhnya dana bantuan yang telah disalurkan; dan
4.3.4. Satu koperasi masih belum menggunakan peralatan yang telah dibeli.

## 5. PENGAUDITAN PEROLEHAN

Pengauditan Perolehan dijalankan bagi memastikan perolehan dilaksanakan dengan teratur dan mengikut peraturan dengan mematuhi prinsip perolehan Kerajaan.

### 5.1. Pengauditan Sebut Harga dan Pembelian Terus di Pusat Khidmat Kontraktor

Perolehan Kerajaan hendaklah dilaksanakan berdasarkan amalan tatakelola baik dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Berdasarkan Perancangan Perolehan Tahunan 2023 dan 2024, sebanyak 213 latihan dengan anggaran perbelanjaan berjumlah RM2.24 juta telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal untuk dilaksanakan oleh Pusat Khidmat Kontraktor. Ringkasan penemuan Audit adalah seperti berikut:

5.1.1. Pindaan terhadap Perancangan Perolehan Tahunan tidak dikemukakan kepada Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Pegawai Yang Diturunkan Kuasa untuk pengesahan dan kelulusan;

5.1.2. Perolehan kursus/program rasmi berjumlah RM0.47 juta yang melibatkan golongan sasar dan perkhidmatan kepakaran daripada kalangan bukan pegawai awam yang melebihi had nilai perbelanjaan RM20,000 tidak dikemukakan kepada Jawatankuasa Sebutharga selaku PBM untuk kelulusan;

5.1.3. Kadar Piawai yang digunakan untuk membuat pembayaran kepada bukan penjawat awam adalah tidak teratur;

5.1.4. Empat perolehan latihan berjumlah RM58,200 tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Melulus (PBM) untuk kelulusan;

5.1.5. Pembayaran tenaga pengajar/penceramah terlebih bayar sebanyak RM31,800;

5.1.6. Bayaran kepada tenaga pengajar tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap;

PKK disyorkan mengambil tindakan berikut:

5.1.7. Pindaan terhadap PPT dikemukakan kepada Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/ Pegawai Yang Diturunkan Kuasa untuk pengesahan dan kelulusan sebelum perolehan dilaksanakan;

5.1.8. Penetapan Kadar Piawai diangkat kepada Lembaga Perolehan Agensi bagi kelulusan;

5.1.9. Mendapatkan kelulusan PBM sebelum melaksanakan perolehan;

5.1.10. Bayaran yuran kursus diperakukan hanya untuk peserta yang menghadiri kursus; dan

5.1.11. Dokumen sokongan yang lengkap disertakan bersama Arahan Pembayaran;

## 6. PENGAUDITAN KHAS

Pengauditan Khas merupakan suatu pengauditan yang dijalankan di atas arahan Ketua Setiausaha Kementerian berdasarkan keperluan dan kepentingan semasa. Pengauditan ini tidak termasuk dalam Rancangan Audit Tahunan yang telah diluluskan pada setiap awal tahun. Berikut adalah pengauditan khas yang telah berjaya dijalankan pada tahun 2024:

### 6.1 Pengurusan Emolumen INSKEN

Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) telah diperbadankan sebagai sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan pada 18 Jun 2014 di bawah Akta Syarikat 1965. Pengurusan Emolumen INSKEN melibatkan 14 kakitangan yang dilantik secara *Fixed Term Contract*.

Skop pengauditan meliputi bayaran gaji dan elaun bagi tempoh Januari 2022 hingga November 2024 termasuk pelarasan gaji baharu serta bayaran bonus. Pengauditan yang telah dijalankan pada 18 hingga 22 November 2024.

### 6.2 Pengauditan Peruntukan RM 1 Juta Kepada Gabungan Persatuan-Persatuan Penjaja Dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia

Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM1 juta di bawah peruntukan Pembangunan Premis (Tamu Desa) untuk disalurkan kepada Persatuan-Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil. Pengauditan telah dijalankan pada 18 hingga 20 Disember 2024.

## 7. PENGAUDITAN BAKI PERUNTUKAN

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1,487,523,536 kepada Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia) untuk melaksanakan program pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sepertimana yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia, Pelan Induk PKS 2012 -2020 dan program-program khas yang diarahkan oleh Kerajaan Pusat, Kementerian dan Agensi Kerajaan Lain. Ringkasan penemuan adalah seperti berikut:

7.1 Bagi tempoh RMKe-10 hingga RMKe-12 masih terdapat baki geran tertunda berjumlah RM133,886,949.

7.2 Baki peruntukan RMKe-10, RMKe-11 dan Lain-Lain Dana berjumlah RM111,516,429 masih belum digunakan dan berada dengan Rakan Strategik dan juga SME Corp. Malaysia.

7.3. Terdapat perbezaan maklumat baki peruntukan yang ketara antara Laporan Mesyuarat MTPK dan Penyata Kewangan yang telah diaudit.

## 8. PENGESAHAN DATA BAKI AWAL ASET DAN LIABILITI

Perakaunan Akruan adalah satu kaedah perakaunan yang mengiktiraf dan merekodkan urus niaga pada masa urus niaga tersebut serta mengakaunkan semua aset dan liabiliti Kerajaan yang akan dilaporkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan. Pelaksanaan Perakaunan Akruan adalah sejajar dengan Dasar Transformasi Sektor Awam dalam Model Baru Ekonomi bertujuan meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Persekutuan.

Pengesahan Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti dilaksanakan berdasarkan data dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh Bahagian Akaun dan Pusat Tanggungjawab yang terlibat. Pengesahan data meliputi Aset Alih, Aset Tak Alih Bangunan (Pajakan Kewangan), Liabiliti Pajakan Kewangan dan Akaun Belum Terima (ABT) bagi data *cut off* 31 Disember 2023.

Pada umumnya, data baki awal aset dan liabiliti yang diserah oleh Bahagian Akaun KUSKOP bagi data *cut off* 31 Disember 2023 – *batch* 1 melibatkan ABT telah dilaporkan dengan tepat dan disahkan.

# WARGA
# UNIT AUDIT DALAM
## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI



DARI KIRI: MOHD ISKANDAR BIN AMRAN, LIYANA BT MOHAMMAD, AIDAWATI BT ABD. GHANI, SITI NORFADZILAH BT ISMAIL, NORHAZLIN BT MOHD HANAPI, NURIESYA NADIA BINTI MOHD RADZIF & SYARIFFUDDIN BIN SHARIF

# LAPORAN TAHUNAN 2024

## BAHAGIAN 1

# PENDAHULUAN

UNIT AUDIT DALAM KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

# 1. PENDAHULUAN

## 1.1 PENUBUHAN UNIT AUDIT DALAM

Unit Audit Dalam (UAD), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah ditubuhkan pada 2 Julai 2018 selaras dengan penubuhan KUSKOP. UAD bertanggungjawab secara terus kepada Ketua Setiausaha (KSU) KUSKOP dan diberi kebebasan melaksanakan pengauditan terhadap program/aktiviti kementerian. Penubuhan, peranan dan tanggungjawab UAD telah dinyatakan dengan jelas di dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PS 3.1. UAD merupakan sebahagian komponen kawalan dalaman organisasi yang menjalankan pengauditan secara profesional dan bebas serta melaporkan hasil pengauditan kepada KSU Kementerian bagi menambah nilai dan meningkatkan tadbir urus Kementerian.

## 1.2 VISI, MISI DAN OBJEKTIF

**VISI**

Menjadi pemangkin ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti kementerian/agensi.

**MISI**

Melaksanakan pengauditan secara profesional dan bebas serta mengemukakan Laporan Audit kepada Ketua Setiausaha KUSKOP bagi meningkatkan akauntabiliti pengurusan awam.

**OBJEKTIF**

- Membantu pihak pengurusan Kementerian mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus.
- Menjalankan pengauditan secara objektif dan bebas merangkumi pengauditan prestasi, pengurusan kewangan, pengauditan khas, pengauditan ICT dan pengauditan susulan dan membantu meningkatkan tahap kecemerlangan pengurusan kewangan di peringkat Kementerian/Jabatan.

## 1.3 BIDANG TUGAS

UAD KUSKOP melaksanakan fungsi pengauditan meliputi semua Bahagian/Seksyen di peringkat KUSKOP. Selain itu, UAD juga melaksanakan pengauditan ke atas agensi di bawah kawalan Kementerian yang dilantik sebagai agensi pelaksana dalam melaksanakan program/aktiviti KUSKOP. Dalam melaksanakan fungsi ini, bidang tugas UAD merangkumi perkara seperti berikut:

- Mengkaji kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman organisasi;
- Mengkaji tahap pematuhan kepada segala dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa;
- Mengkaji aset dan kepentingan organisasi supaya dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan;
- Memberi nasihat/pandangan mengenai kawalan dalaman terhadap semua sistem termasuk sistem ICT;
- Melaporkan kepada Ketua Setiausaha (KSU) hasil pengauditan dan memantau tindakan susulan diambil oleh pihak pengurusan terhadap perkara yang dibangkitkan;
- Menyediakan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Unit Audit Dalam untuk kelulusan KSU; dan
- Membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Audit.

## 1.4 KEDUDUKAN PERJAWATAN DAN STRUKTUR ORGANISASI

Berdasarkan Buku Senarai Perjawatan Tahun 2024 - Jilid 3, sebanyak lapan perjawatan telah diluluskan dan telah diisi. Semua perjawatan di UAD KUSKOP merupakan jawatan kader dari Jabatan Audit Negara kecuali bagi jawatan Pembantu Tadbir. Kedudukan perjawatan dan struktur organisasi Unit Audit Dalam pada 31 Disember 2024 adalah seperti berikut.

**JADUAL 1**
**KEDUDUKAN PERJAWATAN UNIT AUDIT DALAM PADA 31 DISEMBER 2024**

| BIL. | JAWATAN | GRED | PERJAWATAN | | NAMA PEGAWAI |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | LULUS | ISI | |
| 1. | Juruaudit | W52 | 1 | 1 | Mohd Iskandar bin Amran |
| 2. | Juruaudit | W44 | 2 | 2 | Norhazlin binti Mohd Hanapi<br>Syariffuddin bin Sharif |
| 3. | Juruaudit | W41/W44 | 1 | 1 | Syazwan bin Abdul Rashid |
| 4. | Penolong Juruaudit | W32/W36 (TBK 2) | 1 | 1 | Aidawati binti Abd,Ghani |
| 5. | Penolong Juruaudit | W32/W29 (TBK 1 dan TBK 2) | 2 | 2 | Liyana binti Mohammad<br>Siti Norfadzilah binti Ismail |
| 6. | Pembantu Tadbir | N19/N22/N26 (TBK 1 dan TBK 2) | 1 | 1 | Nuriesya Nadia binti Mohd Radzif |
| **JUMLAH** | | | **8** | **8** | |

**CARTA 1**
**STRUKTUR ORGANISASI UNIT AUDIT DALAM**




## 1.5 PERGERAKAN DAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI DI UNIT AUDIT DALAM

Sepanjang tahun 2024, Ketua Audit Dalam Gred W52 iaitu Encik Ahmad Rashidi bin Abu Hasim telah dinaikkan pangkat sebagai Juruaudit Gred W54 dan bertukar keluar serta ditempatkan ke Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat, Kementerian Kewangan berkuat kuasa pada 4 Jun 2024. Kekosongan tersebut telah diisi oleh Encik Mohd Iskandar bin Amran berkuat kuasa pada 19 Jun 2024.

UAD KUSKOP merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Encik Ahmad Rashidi bin Abu Hasim di atas kenaikan pangkat seterusnya merakamkan penghargaan serta terima kasih kepada beliau atas khidmat bakti selama di UAD KUSKOP. UAD KUSKOP juga turut mengalu-alukan kehadiran Encik Mohd Iskandar bin Amran dan mengharapkan komitmen serta kerjasama pegawai agar pengurusan UAD terus berjalan dengan lancar.

## 1.6 HUBUNGAN UNIT AUDIT DALAM DENGAN JABATAN AUDIT NEGARA

Pada dasarnya, peranan dan tanggungjawab Unit Audit Dalam (UAD) adalah berbeza daripada Jabatan Audit Negara yang berfungsi selaku Audit Luar. Kuasa dan tanggungjawab Jabatan Audit Negara ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 manakala kuasa dan tanggungjawab UAD dinyatakan secara pentadbiran melalui Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1. Walau bagaimanapun, Jabatan Audit Negara dan UAD mempunyai matlamat yang sama iaitu bagi mempertingkatkan keberkesanan proses tadbir urus, tahap pengurusan kewangan dan akauntabiliti dalam pentadbiran awam.

Kerjasama dan hubungan yang baik di antara Jabatan Audit Negara dan UAD adalah penting bagi mencapai matlamat tersebut. Sehubungan dengan itu, satu salinan Rancangan Audit Dalam Tahun 2024 dan Laporan Tahunan 2023 yang telah diluluskan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah dikemukakan oleh UAD kepada Jabatan Audit Negara. Selain itu, pegawai UAD juga dijemput bagi menghadiri kursus-kursus, perhimpunan bulanan dan ceramah eksekutif yang dianjurkan oleh Jabatan Audit Negara bagi meningkatkan kompetensi pegawai dari semasa ke semasa.

# LAPORAN TAHUNAN 2024

## BAHAGIAN 2

# RANCANGAN DAN PENCAPAIAN

UNIT AUDIT DALAM KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

# 2. RANCANGAN DAN PENCAPAIAN PROGRAM AUDIT

## 2.1 RANCANGAN DAN PENCAPAIAN PROGRAM AUDIT

Rancangan Audit Tahun 2024 telah dibentang dalam Jawatankuasa Audit Bilangan 3 Tahun 2023 dan diluluskan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KSU KUSKOP). Rancangan Audit ini disediakan mengikut format yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia dan dikaji semula dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian. Program Audit ini merangkumi antaranya Pengauditan Pengurusan Kewangan, Pengauditan Prestasi, Pengauditan Pematuhan, Pengauditan Perolehan, Pengauditan Khas dan Penampilan Audit. Rancangan dan pencapaian Audit bagi tahun 2024 adalah seperti berikut:

### 2.1.1. JADUAL PENGAUDITAN TAHUN 2024

| BIL. | PERKARA/BULAN | J | F | M | A | M | J | J | O | S | O | N | D |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Penyediaan Rancangan Audit Tahunan (2024) | | | | | | | | | | | | |
| 2. | Penyediaan Laporan Audit Tahunan (2023) | | | | | | | | | | | | |
| 3. | Penampilan Audit di Pusat Khidmat Kontraktor (Negeri) | | | | | | | | | | | | |
| 4. | Pengauditan Terhadap Aktiviti Penarafan Syarikat Bumiputera (STB) | | | | | | | | | | | | |
| 5. | Pengauditan Terhadap Program Bumiputera Business Coaching (IBBC) INSKEN | | | | | | | | | | | | |
| 6. | Pengauditan Terhadap Perolehan Sebut Harga dan pembelian terus di Pusat Khidmat Kontraktor | | | | | | | | | | | | |
| 7. | Pengesahan Baki Aset dan Liabiliti KUSKOP | | | | | | | | | | | | |
| 8. | Pengauditan Terhadap Baki Peruntukan Pembangunan SME Corp. Malaysia | | | | | | | | | | | | |
| 9. | Pengauditan Terhadap Program Pemerkasaan Rantaian Bekalan Koperasi (SCOPE), Suruhanjaya Koperasi Malaysia | | | | | | | | | | | | |
| 10. | Pengauditan Terhadap Program Pembangunan Usahawan Mikro (BIZME), SME Corp. Malaysia | | | | | | | | | | | | |
| 11. | Pengauditan Pengurusan Kewangan KUSKOP dan PKK | | | | | | | | | | | | |
| 12. | Pengauditan Khas: Pengurusan Emolumen INSKEN | | | | | | | | | | | | |
| 13. | Pengauditan Khas: Pengurusan Geran | | | | | | | | | | | | |
| 14. | Pentadbiran/Mesyuarat/Kursus | | | | | | | | | | | | |

Pengauditan Kewangan
Pengauditan Khas
Pengauditan Pematuhan
Pengauditan Prestasi
Pengauditan Baki Peruntukan /Pengesahan Baki Aset
Penampilan Audit
Pengauditan Perolehan
Pentadbiran/ Mesyuarat/Kursus
Rancangan/Laporan Tahunan Mesyuarat/Kursus

## 2.2. PENCAPAIAN KERJA

Aktiviti pengauditan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024 adalah seperti jadual berikut.

**JADUAL 2**
**PENCAPAIAN KERJA TAHUN 2024**

| BIL. | PROGRAM AUDIT | PTJ/AGENSI YANG DILAWATI | TARIKH PEMERHATIAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Penampilan Audit di Pusat Khidmat Kontraktor (Negeri) | PKK | 21.3.2024 (exit) |
| 2. | Pengauditan Terhadap Aktiviti Penarafan Syarikat Bumiputera (STB) | PKK | 8.4.2024 |
| 3. | Pengauditan Terhadap Program Bumiputera Business Coaching (IBBC) INSKEN | INSKEN | 19.7.2024 |
| 4. | Pengauditan Terhadap Perolehan Sebut Harga dan pembelian terus di Pusat Khidmat Kontraktor | PKK | 13.9.2024 |
| 5. | Pengesahan Baki Aset dan Liabiliti KUSKOP | KUSKOP | 23.5.2024 |
| 6. | Pengauditan Terhadap Baki Peruntukan Pembangunan SME Corp. Malaysia | SME Corp. | 23.9.2024 |
| 7. | Pengauditan Terhadap Program Pemerkasaan Rantaian Bekalan Koperasi (SCOPE), Suruhanjaya Koperasi Malaysia | SKM | 28.6.2024<br>17.12.2024 |
| 8. | Pengauditan Terhadap Program Pembangunan Usahawan Mikro (BIZME), SME Corp. Malaysia | SME Corp. | 20.12.2024 |
| 9. | Pengauditan Pengurusan Kewangan KUSKOP dan PKK | KUSKOP DAN PKK | KUSKOP – 18.12.2024<br>PKK – 11.12.2024 |
| 10. | Pengauditan Khas: Pengurusan Emolumen INSKEN | INSKEN | 11.12.2024 |
| 11. | Pengauditan Khas: Pengurusan Geran | BKPPK | 8.1.2025 |

Status pelaksanaan pengauditan seperti yang ditetapkan dalam Rancangan Audit Tahun 2023 adalah seperti jadual berikut.

**JADUAL 3**
**PENCAPAIAN KERJA PENGAUDITAN TAHUN 2024**

| BIL. | RANCANGAN AUDIT YANG DILULUSKAN | | PENCAPAIAN (BIL.) /(√ / X) | ULASAN |
|---|---|---|---|---|
| | JENIS PENGAUDITAN | BILANGAN (PTJ) | | |
| | **PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN** | | | |
| 1. | Pengauditan Pengurusan Kewangan KUSKOP | 1 | √ | Selesai |
| 2. | Pengauditan Pengurusan Kewangan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) | 1 | √ | Selesai |
| | **PENAMPILAN AUDIT** | | | |
| 1. | Penampilan Audit di Pusat Khidmat Kontraktor (Negeri) | 1 | √ | Selesai |
| | **PENGAUDITAN PEMATUHAN** | | | |
| 1. | Pengauditan Terhadap Aktiviti Penarafan Syarikat Bumiputera (STB) | 1 | √ | Selesai |
| 2. | Pengauditan Terhadap Program Pembangunan Usahawan Mikro (BIZME), SME Corp. Malaysia | 1 | √ | Selesai |
| | **PENGAUDITAN PRESTASI** | | | |

| BIL. | RANCANGAN AUDIT YANG DILULUSKAN | | PENCAPAIAN (BIL.) /(√ / X) | ULASAN |
|---|---|---|---|---|
| | JENIS PENGAUDITAN | BILANGAN (PTJ) | | |
| 1. | Pengauditan Terhadap Program Bumiputera Business Coaching (IBBC) INSKEN | 1 | √ | Selesai |
| 2. | Pengauditan Terhadap Program Pemerkasaan Rantaian Bekalan Koperasi (SCOPE), Suruhanjaya Koperasi Malaysia | 1 | √ | Selesai |
| **PENGAUDITAN PEROLEHAN** | | | | |
| 1. | Pengauditan Terhadap Perolehan Sebut Harga dan pembelian terus di Pusat Khidmat Kontraktor | 1 | √ | Selesai |
| **PENGAUDITAN KHAS** | | | | |
| 1. | Pengauditan Khas: Pengurusan Emolumen INSKEN | 1 | √ | Selesai |
| 2. | Pengauditan Khas: Pengurusan Geran | 1 | √ | Selesai |
| **PENGESAHAN BAKI** | | | | |
| 1. | Pengesahan Baki Aset dan Liabiliti KUSKOP | 1 | √ | Selesai |
| 2. | Pengauditan Terhadap Baki Peruntukan Pembangunan SME Corp. Malaysia | 1 | √ | Selesai |

# LAPORAN TAHUNAN 2024

## BAHAGIAN 3

# PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

UNIT AUDIT DALAM KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

# 3. PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

## 3.1 PENGAUDITAN TERHADAP PENGURUSAN ASET DAN STOR & PENGURUSAN KENDERAAN PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR, KUSKOP.

### 3.1.1 LATAR BELAKANG

Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) merupakan Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang bertanggungjawab dalam melaksanakan fungsi seperti berikut:

- Bertanggungjawab dalam penarafan syarikat Bumiputera bagi perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan Kerajaan mengikut arahan Pekeliling Perbendaharaan (PP) yang berkuat kuasa;
- Melaksanakan penguatkuasaan terhadap syarikat-syarikat Bumiputera yang terdiri daripada aduan, rayuan dan tatatertib;
- Melaksanakan Program Pembangunan Kontraktor & Usahawan Bahan Binaan Bumiputera;
- Menguruskan Skim Kumpulan Wang Amanah Kontraktor (SKWAK);
- Mempromosikan e-vendor bagi meningkatkan bilangan pendaftaran vendor binaan Bumiputera; dan
- Melaksanakan program promosi vendor binaan Bumiputera seperti pameran, taklimat produk dan program padanan.

Pengurusan PKK diketuai oleh Pengarah, Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M54 dan dibantu oleh 67 pegawai di Ibu Pejabat serta 185 pegawai di 14 Cawangan Negeri. Pengurusan aset dan stor serta kenderaan PKK dipertanggungjawabkan kepada Seksyen Pentadbiran, Perkhidmatan dan Aset yang diketuai oleh Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41. Carta organisasi pengurusan aset dan stor serta kenderaan Ibu Pejabat PKK adalah seperti di carta berikut.

**CARTA 2**
**CARTA ORGANISASI PENGURUSAN ASET DAN STOR SERTA KENDERAAN**
**IBU PEJABAT PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR**




Sumber: Carta PKK

Seramai lima pegawai telah dilantik untuk menguruskan aset dan stor serta kenderaan di PKK. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4**
**PEGAWAI YANG DILANTIK UNTUK MENGURUSKAN**
**ASET DAN STOR SERTA KENDERAAN**

| BIL. | NAMA PEGAWAI | JAWATAN/ GRED | TANGGUNGJAWAB |
|---|---|---|---|
| 1. | Siti Rahmah binti Ab Rahim | Pegawai Tadbir & Diplomati/M41 | Pengurusan Aset & Stor |
| 2. | Nurul Ain binti Ahmad Kamarul Zaman | Penolong Pegawai Tadbir/N29 | |
| 3. | Asmah binti Omar | Pembantu Tadbir (P/O)/N22 | |
| 4. | Abg Syamil Azwan bin Abang Patdeli | Personel MySTEP/N29 | |
| 5. | Mohd Haironezam bin Mohd Noor Azizaman | Penolong Pegawai Tadbir/N29 | Pengurusan Kenderaan |
| 6. | Salila binti Salim | Pembantu Tadbir (P/O)/N22 | |

### 3.1.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai tahap pengurusan aset dan stor serta kenderaan di PKK bagi menentukan sama ada:

3.1.2.1 wujudnya struktur dan sistem pengurusan aset dan stor serta kenderaan yang berkesan;

3.1.2.2 wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan aset dan stor serta kenderaan;

3.1.2.3 pengurusan aset dan stor serta kenderaan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan

3.1.2.4 rekod yang berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

### 3.1.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1.3.1 Skop pengauditan meliputi dua elemen utama iaitu Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan.

3.1.3.2 Semakan Audit dijalankan secara persampelan terhadap transaksi, rekod dan dokumen kewangan bagi bulan Januari hingga Oktober 2024. Temu bual dengan pegawai terlibat dan pemeriksaan fizikal juga telah dijalankan bagi mengukuhkan penemuan Audit.

### 3.1.4 PENEMUAN AUDIT

Hasil daripada pengauditan yang dijalankan di PKK pada 21 Oktober hingga 1 November 2024 menunjukkan bahawa Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan adalah **baik.** Butiran lanjut penemuan Audit terhadap kawalan yang diaudit adalah sebagaimana di perenggan **3.1.4.1** dan **3.1.4.2**.

#### 3.1.4.1 KAWALAN PENGURUSAN ASET DAN STOR

Pengurusan aset dan stor merupakan aspek penting dalam pengurusan kewangan. Langkah kawalan ini dapat mengelakkan daripada berlakunya salah guna, pembaziran, penyelewengan dan pemborosan. Pengauditan terhadap pengurusan aset Kerajaan adalah bertujuan untuk menentukan Kementerian/Jabatan/Bahagian mematuhi prosedur dan peraturan kewangan yang ditetapkan berhubung dengan tatacara pengurusan aset Kerajaan.

Semakan Audit telah dijalankan berkenaan pengurusan aset Kerajaan di Ibu Pejabat, Pusat Khidmat Kontraktor yang meliputi Kawalan Umum dan Pengurusan Aset dan Stor. Antara Pekeliling Perbendaharaan (PP) yang berkuat kuasa berkenaan pengurusan aset dan stor Kerajaan serta proses kehilangan dan hapus kira wang awam adalah PP AM 1.1 (Pengurusan Aset Kerajaan), AM 2 (Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan) dan AM 6 (Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan). Butiran lanjut penemuan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

**a. Pengurusan Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK)**

**i. Agenda Mesyuarat JKPAK**

PP AM 1.1 (Perenggan 8.3 dan Lampiran A), agenda mesyuarat hendaklah mengandungi perkara yang disenaraikan di bawah dan mengikut seperti format di Lampiran A.

i. Pengurusan Aset Alih;
ii. Pengurusan Aset Hidup;
iii. Pengurusan Aset Tak Ketara;
iv. Pengurusan Stor;
v. Perancangan Penyelenggaraan dan Pelupusan Aset dan Stok; dan
vi. Hal-hal lain yang berkaitan dengan pengurusan Aset dan Stor.

Bagaimanapun Unit Pengurusan Aset boleh menentukan format laporan tambahan yang bersesuaian bagi tujuan memenuhi keperluan agenda mesyuarat JKPAK.

Semakan Audit terhadap minit mesyuarat JKPAK tahun 2024 mendapati agenda Perancangan Penyelenggaraan dan Pelupusan Aset dan Stok tidak menjadi agenda tetap mesyuarat. **Pihak PKK hanya akan membincangkan isu-isu pelupusan dan penyelenggaraan aset sekiranya terdapat perkara berbangkit di kalangan ahli mesyuarat**.

**MAKLUM BALAS/STATUS TERKINI**

PKK mengambil maklum akan penemuan tersebut dan akan memasukkan perkara Perancangan Penyelenggaraan dan Pelupusan Aset dan Stok dalam Agenda tetap Mesyuarat JKPAK bermula di mesyuarat JKPAK Bil. 4/2025 yang dijangka diadakan pada bulan Januari 2025.

**ii. Tindakan Susulan Diambil Terhadap Keputusan Mesyuarat Yang Lepas**

PP AM 1.1 (Perenggan 8.4.4), Unit Pengurusan Aset merupakan urusetia kepada JKPAK dan salah satu tugas adalah mencatat keputusan mesyuarat dan mengambil tindakan atas keperluan minit mesyuarat.

Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat JKPAK Bil. 2 Tahun 2024 mendapati tiada tindakan susulan atau keputusan dicatat dalam minit mesyuarat mengenai isu yang dibangkitkan dalam Mesyuarat Bil. 1 Tahun 2024 iaitu berkenaan Tatacara Pengurusan Peti Besi - tindakan Ibu Pejabat berkenaan pelantikan dua orang pegawai PKK Perak bagi mengendalikan peti besi jabatan.

**MAKLUM BALAS/STATUS TERKINI**

Isu berkaitan Pengurusan Peti Besi tersebut telah dibangkitkan pada mesyuarat JKPAK Bil. 3/2024 dan telah menerima maklum balas secara lansung dari pihak Unit Pentadbiran PKK. Perkara berkaitan lantikan pegawai mengendalikan peti besi tersebut telah selesai dimana pengurusan peti besi akan diuruskan sepenuhnya oleh pihak Ibu Pejabat sepertimana dicatatkan dalam minit mesyuarat JKPAK Bil. 3/2024 dan telah disahkan.

### b. Pegawai Penerima dan Pelulus Pengeluaran Stok

PP AM 1.1 (Perenggan 4), Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan pengurusan aset dilaksanakan secara cekap, teratur dan berkesan mengikut peraturan yang telah ditetapkan dengan melantik Pegawai Penerima dan pegawai-pegawai khusus di Stor Unit untuk menjalankan tugas pengurusan stor berasaskan beban tugas stor dan pegangan stok jika perlu. Selain itu, berdasarkan perenggan 8 Garis Panduan Perolehan Perkhidmatan Personel MySTEP Tahun 2024, skop tugas yang akan dilaksanakan oleh personel MySTEP hendaklah tidak merangkumi tugas yang diberikan kuasa oleh undang-undang dan peraturan tertentu seperti tugas-tugas penguatkuasaan/kewangan/ perolehan atau yang terikat dengan pematuhan undang-undang/ peraturan.

Semakan Audit mendapati seorang personel MySTEP telah dilantik oleh Ketua Jabatan sebagai Penolong Pegawai Aset dan Pegawai Penerima Aset/Stor berkuatkuasa pada 2 Ogos 2024. Selain itu, beliau telah dilantik menjadi Pelulus Stor berkuatkuasa pada 9 Ogos 2024.

**MAKLUM BALAS/STATUS TERKINI**

PKK telah mengenal pasti perkara tersebut dan telah mengadakan perjumpaan bersama pihak BPSM pada 18 November 2024 dan telah membincangkan berkenaan penyusunan semula organisasi PKK. Justeru, satu memo pembatalan peranan pengurusan Aset dan Stor bertarikh 12 Disember 2024 telah dikeluarkan dan berkuatkuasa serta merta.

### c. Penolakan Aset Alih

PP AM 2.2 (Perenggan 3.3.6), Borang KEW.PA-2 yang telah ditandatangani oleh Pegawai Penerima hendaklah dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran, syarikat pembekal atau pihak berkaitan.

Semakan Audit terhadap Borang KEW.PA-2 mendapati Pegawai Penerima telah menyediakan Borang KEW.PA-2 (No. Rujukan : MEDAC/BPKU/KEW.PA-2/2024/7) bagi penghantaran peralatan penebuk lubang tugas berat yang kurang kuantiti. Bagaimanapun

Borang KEW.PA-2 tersebut tidak lengkap kerana tiada akuan terimaan oleh agen penghantaran, syarikat pembekal atau pihak berkaitan.

**MAKLUM BALAS/STATUS TERKINI**

Tindakan susulan telah diambil. Borang KEW.PA-2 tersebut telah dilengkapkan dan ditandatangani oleh pihak pembekal.

### d. Pendaftaran Aset Alih

#### i. Daftar Harta Modal KEW.PA-3 dan Daftar Aset Alih Bernilai Rendah KEW.PA-4

PP AM 2.3 (Perenggan 9.3 dan 9.4), Butiran maklumat di dalam KEW.PA-3 dan KEW.PA-4 hendaklah diisi dengan lengkap dan tepat. Ketua Jabatan/Bahagaian/Seksyen/Unit hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat yang terdapat dalam KEW.PA-3 sebelum menandatangani di ruang tersebut.

Semakan Audit mendapati KEW.PA-3 dan KEW.PA-4 tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Butiran lanjut seperti di jadual berikut.

**JADUAL 5**
**KEW.PA-3 DAN KEW.PA-4 TIDAK DIKEMAS KINI**

| BIL. | NO. SIRI PENDAFTARAN | KETERANGAN ASET | CATATAN |
|---|---|---|---|
| 1. | MEDAC/BPKU/H/24/15 | Mesin Perincih | • No. Casis /Siri Pembuat tidak dikemas kini.<br>• Tempoh jaminan adalah 2 tahun bukan 1 tahun. |
| 2. | MEDAC/BPKU/R/24/158 | Mesin Perakam Waktu | • No. Casis /Siri Pembuat tidak dikemas kini. |
| 3. | MEDAC/BPKU/R/24/159 | Mesin Perincih | • No. Casis /Siri Pembuat tidak dikemas kini. |
| 4. | MEDAC/BPKU/R/24/177 | Bar Code Printer | • Model, No. Casis /Siri Pembuat dan tempoh jaminan tidak dikemas kini. |
| 5. | MEDAC/BPKU/R/24/178 | Alat Siar Audio | • Model dan No. Casis /Siri Pembuat tidak dikemas kini. |
| 6. | MEDAC/BPKU/R/24/288 | Mesin Perincih | • No. Casis /Siri Pembuat dan tempoh jaminan tidak dikemas kini. |
| 7. | MEDAC/BPKU/R/24/289 | Mesin Perincih | • No. Casis /Siri Pembuat dan tempoh jaminan tidak dikemas kini. |
| 8. | MEDAC/BPKU/R/24/290 | Mesin Perincih | • No. Casis /Siri Pembuat dan tempoh jaminan tidak dikemas kini. |

Sumber: KEW.PA-3 dan KEW.PA-4

Semakan selanjutnya mendapati Daftar Harta Modal KEW.PA-3 tidak ditandatangani oleh Ketua Jabatan.

**MAKLUM BALAS**

Tindakan penambahbaikan telah diambil. Kesemua rekod daftar aset alih KEW.PA-3 dan KEW.PA-4 tersebut telah dikemaskini dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan.

## ii.Senarai Aset Alih KEW.PA-7

PP AM 2.3 (Perenggan 10.4) KEW.PA-7 hendaklah dikemas kini dari semasa ke semasa apabila terdapat perubahan kuantiti, lokasi atau pegawai penempatan.

- Semakan Audit terhadap KEW.PA-7 dan pemeriksaan fizikal aset di Bilik Fail Sulit mendapati 1 unit *infrared thermometer* (MEDAC/BPKU/R/20/1) dan 2 unit telefon bimbit jenama ViVO tidak disenaraikan pada KEW.PA-7.

  Semakan selanjutnya mendapati 2 unit telefon bimbit tersebut masih belum didaftarkan dalam Sistem Pemantauan Pengurusan Aset Kerajaan (SPPA). Bagaimanapun, berdasarkan memo no. rujukan MEDAC.PKK.300-1/3/2( ) bertarikh 28 Oktober 2024, pendaftaran aset-aset yang tiada rekod termasuk 2 unit telefon bimbit tersebut telah mendapat kelulusan Pengarah PKK untuk didaftarkan dalam SPPA.

**MAKLUM BALAS**

Tindakan susulan telah diambil. KEW.PA-7 di penempatan tersebut telah dikemaskini, dan aset telefon bimbit telah dibuat pendaftaran.

- Semakan Audit terhadap KEW.PA-7 dan pemeriksaan fizikal aset di Bilik Mesyuarat Jati mendapati KEW.PA-7 telah dikemas kini dan dipamerkan di lokasi. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap Aset Bernilai Rendah (ABR) bernombor pendaftaran MEDAC/BPKU/R/19/152 mendapati maklumat jenis aset yang didaftarkan dalam KEW.PA-4 adalah tidak tepat. Aset tersebut merupakan meja mesin pencetak bukan meja banquet. Aset tersebut adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 1**



Bilk Mesyuarat Jati, PKK
Perkara : ABR MEDAC/BPKU/R/19/152
Tarikh Pemeriksaan Fizikal : 28 Oktober 2024




Sistem Pemantauan Pengurusan Aset
Perkara : Maklumat Meja Mesin Pencetak Dalam SPPA

**MAKLUM BALAS/STATUS TERKINI**

Sistem tidak membenarkan pengguna untuk mengemaskini maklumat jenis aset yang telah didaftarkan. Aset tersebut telah didaftarkan pada tahun 2019 dan merupakan aset pindahan dari Kementerian Kerja Raya. Oleh yang demikian, pengemaskinian jenis aset tidak dapat dilaksanakan. Walaubagaimanapun, maklumat aset sebenar telah dikemaskini di bahagian catatan daftar aset alih KEW.PA-4.

**iii. Perakaunan Aset Tak Ketara**

PP PS 1.1 (Perenggan 1.1) Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 41, PS 1.1 bertujuan memberi panduan penggunaan dan penjenisan kod hasil dan perbelanjaan kepada semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan bagi memastikan hasil dan perbelanjaan yang diakaunkan adalah betul dan seragam serta menggambarkan kedudukan sebenar di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.

Semakan Audit terhadap Arahan Pembayaran bernombor 12000589 bertarikh 18 April 2024 mendapati perolehan Lesen Perisian Teamview Corporate secara langganan selama 12 bulan telah diakaunkan bawah kod A2339105 iaitu Aset Tak Ketara – Lesen dan Hak Tayangan Penyiaran. Lesen perisian yang mempunyai jangka hayat kurang 1 tahun dan bernilai lebih RM2,000 sepatutnya diiktiraf sebagai belanja dan diakaunkan di bawah B0339444 - Aset Tidak Dipermodalkan Yang Lain.

**MAKLUM BALAS**

Seksyen Kewangan telah mengambil maklum kesilapan belanja aset tak ketara yang telah dipermodalkan dalam sistem iGFMAS kerana perkara ini juga telah dibangkitkan dalam Pengauditan Penyata Kewangan Akruan Pra Peralihan oleh Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD) JANM pada Jun 2024. Perkara ini turut disusuli oleh Bahagian Akaun melalui beberapa siri mesyuarat bersama PTJ bagi memastikan isu-isu yang dibangkitkan diambil tindakan oleh PTJ. Untuk makluman, Seksyen Kewangan dalam tindakan untuk melaraskan aset tak ketara A2339105 yang telah tersilap dipermodalkan kepada belanja aset B0339105 pada Disember 2024.

**e. Tempoh Pemeriksaan Aset**

PP AM 2.4 (Perenggan 7.4) antara tugas Pegawai Pemeriksa Aset Alih adalah memeriksa Aset Alih dan rekod yang berkaitan dalam tempoh 1 bulan dari tarikh yang ditetapkan oleh Unit Pengurusan Aset.

Berdasarkan memo no. Rujukan MEDAC.PKK.300-2/4/1(7) bertarikh 11 Mac 2024, pemeriksaan aset oleh Pegawai Pemeriksa Aset yang dilantik di Ibu Pejabat, PKK

hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 1 bulan iaitu bermula pada 1 April 2024 sehingga 30 April 2024.

Semakan Audit terhadap pemeriksaan aset di Ibu Pejabat, PKK dan KEW.PA-11 mendapati pemeriksaan bagi 11 daripada 1,258 aset alih tidak dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut.

**JADUAL 6**
**TEMPOH PEMERIKSAAN BAGI 11 ASET TIDAK DILAKSANAKAN**

| BIL. | NO.SIRI PENDAFTARAN | TARIKH PEMERIKSAAN |
|---|---|---|
| 1. | MEDAC/BPKU/R/19/694 | 31.05.2024 |
| 2. | MED/BPKU/R/19/99 | |
| 3. | MED/BPKU/R/19/192 | |
| 4. | MEDAC/BPKU/R/19/1048 | |
| 5. | MEDAC/BPKU/H/19/291 | 28.06.2024 |
| 6. | MEDAC/BPKU/H/19/386 | |
| 7. | MEDAC/BPKU/H/19/389 | |
| 8. | MEDAC/BPKU/H/19/390 | |
| 9. | MED/BPKU/H/19/210 | |
| 10. | MEDAC/BPKU/R/19/700 | |
| 11. | MEDAC/BPKU/R/19/425 | |

Sumber: KEW.PA-11

**MAKLUM BALAS**

PKK Ibu Pejabat akan memastikan bahawa setiap PKK Cawangan Negeri selesai melaksanakan pemeriksaan aset pada masa yang telah ditetapkan.

### f. Pindahan Aset

PP AM 2.6 (Perenggan 1) Pindahan bermaksud proses untuk memindahkan hak milik Aset Alih antara Pusat Tanggungjawab (PTJ) agensi Kerajaan Persekutuan dengan PTJ agensi Kerajaan Persekutuan yang lain.

Semakan Audit terhadap Laporan Pindahan Aset Alih KEW.PA-18 mendapati terdapat kesalahan dalam laporan yang disediakan. Pihak PKK memaklumkan bahawa terimaan pindahan aset alih sebanyak 317 bernilai RM173,324.80 yang dilaporkan merupakan aset alih yang tidak mempunyai rekod. Oleh itu, pihak PKK mendaftarkan aset alih tersebut sebagai aset pindahan.

Pihak Audit berpendapat, aset alih tersebut bukanlah aset pindahan kerana ia tidak melibatkan pemindahan antara PTJ.

**MAKLUM BALAS**

Aset yang telah didaftarkan merupakan aset tinggalan atau aset tiada rekod di PKK Cawangan Negeri. Walau bagaimanapun, PKK Ibu Pejabat mengambil maklum bahawa pendaftaran aset tersebut tidak perlu direkodkan sebagai aset pindahan. Tindakan penambahbaikan akan dilaksanakan pada pelaporan di Mesyuarat JKPAK Bil. 4/2024.

### 3.1.4.2 KAWALAN PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN

Kawalan terhadap pengurusan kenderaan jabatan adalah untuk memastikan penerimaan, penyimpanan, penggunaan, penyenggaraan dan pelupusan dibuat dengan teratur dan kemas. Semakan Audit terhadap dua aspek utama pengurusan kenderaan Kerajaan iaitu Penggunaan Kenderaan dan Penyenggaraan Kenderaan Kerajaan. Butiran lanjut penemuan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

Pihak Audit telah menjalankan semakan terhadap lima buah kenderaan di PKK seperti di jadual berikut.

**JADUAL 7**
**SAMPEL KENDERAAN YANG DISEMAK**

| BIL. | JENIS/JENAMA KENDERAAN | NO. PENDAFTARAN | SUMBER PEROLEHAN | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | HAK MILIK KERAJAAN | SEWAAN | SPANCO |
| 1. | Toyota Fortuner | WQN 739 | / | | |
| 2. | Nissan X-Trail | KFM 1211 | | / | |
| 3. | Honda City | VML 4029 | | | / |
| 4. | Honda City | VML 4053 | | | / |
| 5. | Honda City | VML 4066 | | | / |

Sumber: Daftar Kenderaan

#### a. Penggunaan Kenderaan

##### i. Pegawai Kenderaan

PP WP 4.1, (Perenggan 15.1.1), Ketua Jabatan hendaklah melantik seorang pegawai untuk mengurus Kenderaan Kerajaan. Kementerian/Jabatan yang mempunyai lebih daripada 20 buah kenderaan hendaklah melantik Pegawai Kenderaan sepenuh masa dan seboleh-bolehnya yang mempunyai sijil dalam bidang kejuruteraan automotif/ mekanikal.

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 4 Tahun 2018, MyPortfolio: Panduan kerja Sektor Awam, (Perenggan 3) sebagai pendekatan baharu dalam pelaksanaan bidang tugas dan tanggungjawab secara yang lebih komprehensif dan teratur di agensi Kerajaan. Ketua Jabatan juga boleh meluas guna myPortfolio sebagai radas strategik dalam pengurusan sumber manusia.

Semakan Audit mendapati PKK telah melantik Penolong Pegawai Tadbir Gred N29 sebagai Pegawai Kenderaan melalui memo bernombor rujukan MEDAC.PKK.300-4/1/1 JLD.3 (45) bertarikh 12 Ogos 2024. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada tugasan sebagai Pegawai Kenderaan telah direkod pada myPortfolio kerana penempatan pegawai tiada dalam Seksyen Pentadbiran, Perkhidmatan dan Aset berdasarkan sistem HRMIS.

**MAKLUM BALAS**

Penyusunan semula jawatan sedang dalam tindakan PKK semasa audit ini dijalankan. Mesyuarat bersama BPSM KUSKOP telah dilaksanakan pada 18 November 2024 bagi meneliti cadangan awal PKK berkenaan penyusunan semula organisasi dan JD pegawai di PKK termasuk seorang pegawai kenderaan sepenuh masa. BPSM memaklumkan perubahan hanya dapat dilaksanakan selepas 31 Disember 2024 mengambil kira pelaksanaan SSPA dan KPI Penggunaan HRMIS.

**ii. Kawalan Penggunaan Kenderaan**

- **Buku Log Kenderaan**

PP WP 4.1, (Perenggan 13.1), setiap Kenderaan Kerajaan hendaklah dibekalkan dengan Buku Log bagi tujuan mengawal dan memantau penggunaan kenderaan. Buku Log hendaklah dikemas kini oleh pemandu bagi setiap perjalanan dan penyenggaraan kenderaan. Semakan Audit terhadap lima Buku Log bagi kenderaan yang diperiksa mendapati perkara berikut:

- Dua Buku Log tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Butiran lanjut seperti di jadual berikut.

**JADUAL 8**
**BUKU LOG KENDERAAN TIDAK LENGKAP DAN KEMAS KINI**

| NO PENDAFTARAN KENDERAAN | BUTIR-BUTIR PENGGUNAAN KENDERAAN (DIISI OLEH PEMANDU) | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | BULAN | i | ii | iii | iv | v | vi | vii | viii | ix | x | xi |
| WQN 739 | Januari | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| | Ogos | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | x | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| | September | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | x | ✓ | ✓ | ✓ | x | ✓ | ✓ |
| KFM 1211 | Januari | x | ✓ | x | ✓ | ✓ | x | ✓ | x | ✓ | x | x |
| | Februari | ✓ | ✓ | x | ✓ | ✓ | x | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| | Mei | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | x | ✓ | ✓ |
| | Ogos | x | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | x | ✓ | ✓ |

Nota :

i. Tarikh
ii. Masa
iii. Nama Pemandu
iv. Tujuan dan Destinasi Perjalanan
v. Nama dan Tandatangan Pelulus
vi. Nama dan Tandatangan Pengguna
vii. Bacaan Odometer (Km)
viii. Jarak Perjalanan/Trip Meter (Km)
ix. Pembelian Bahan Api
x. Kadar Penggunaan Bahan Api Bulanan
xi. Disahkan Oleh: Tandatangan/Nama/Jawatan

**MAKLUM BALAS**

Tindakan mengemaskini dua buku log tersebut telah dilakukan.

- Tiada nama dan tandatangan pelulus bagi tiga perjalanan pada bulan Ogos dan lapan perjalanan pada bulan September untuk Buku Log kenderaan bernombor pendaftaran WQN 739. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

**JADUAL 9**
**PERJALANAN YANG TIDAK MEMPUNYAI NAMA DAN TANDATANGAN PELULUS**

| BIL. | BULAN | TARIKH PERJALANAN |
|---|---|---|
| 1. | Ogos | 20.08.2024 |
| 2. | | 21.08.2024 |
| 3. | | 22.08.2024 |
| 4. | September | 02.09.2024 |
| 5. | | 10.09.2024 |
| 6. | | 11.09.2024 |
| 7. | | 18.09.2024 |
| 8. | | 19.09.2024 |
| 9. | | 24.09.2024 |
| 10. | | 25.09.2024 |
| 11. | | 26.09.2024 |

Sumber: Buku Log

**MAKLUM BALAS**

Tindakan mengemaskini nama dan tandatangan pelulus telah dilakukan.

- Pembelian bahan api berjumlah RM396.92 tidak direkodkan pada Buku Log kenderaan. Butirannya seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10**
**PEMBELIAN BAHAN API TIDAK DIREKODKAN PADA BUKU LOG**

| NOMBOR PENDAFTARAN KENDERAAN | TARIKH | AMAUN (RM) |
|---|---|---|
| KFM1211 | 2.05.2024 | 100.68 |
| | 5.08.2024 | 84.01 |
| WQN 739 | 2.09.2024 | 102.70 |
| | 18.09.2024 | 109.53 |
| **JUMLAH (RM)** | | **396.92** |

Sumber : Penyata Kad Inden dan Resit

**MAKLUM BALAS**

Tindakan mengemaskini pembelian bahan api telah dilakukan.

- Jarak perjalanan bagi 4 perjalanan pada bulan Januari bagi kenderaan bernombor pendaftaran KFM 1211 tidak direkodkan pada Buku Log. Butirannya seperti di jadual berikut:

**JADUAL 11**
**JARAK PERJALANAN TIDAK DIREKODKAN PADA BUKU LOG**

| BIL. | TARIKH PERJALANAN | BACAAN ODOMETER SEBELUM (KM) | BACAAN ODOMETER SELEPAS (KM) | TUJUAN / DESTINASI (DARI – KE) | JARAK PERJALANAN/ TRIP METER (KM) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | 15.01.2024 | 23976 | TM | Urusan Rasmi Pejabat ke KUSKOP Mesyuarat EKSA dan Balik Pejabat | TM |
| 2. | 16.01.2024 | 24000 | TM | Urusan Rasmi Pejabat ke Pusat Servis Nissan Puchong. Hantar Kenderaan Pejabat dan Balik ke Pejabat. | TM |
| 3. | 18.01.2024 | 24056 | 24067 | Urusan Rasmi Pejabat ke KUSKOP Hantar Surat Pejabat | 11 |
| 4. | 22.01.2024 | 24190 | TM | Urusan Rasmi Bawa Pegawai Mesyuarat Bengkel Pejabat ke KUSKOP. Ambil Pegawai KUSKOP ke Pejabat. | TM |

Sumber: Buku Log

**MAKLUM BALAS**

Berdasarkan semakan pada buku log jarak perjalanan yang dinyatakan telah direkodkan.

- Pegawai Kenderaan tidak membuat kiraan bagi Kadar Pengunaan Bahan Api untuk bulan Januari dan Februari bagi kenderaan bernombor pendaftaran KFM 1211.

**MAKLUM BALAS**

Berdasarkan semakan Kadar Penggunaan Bahan Api telah dibuat kiraan.

- Ketua Jabatan tidak melaksanakan Pemeriksaan Mengejut keatas lima Buku Log yang disemak pihak Audit.

**MAKLUM BALAS**

Ketua Jabatan mengambil maklum perkara ini dan pemeriksaan telah diadakan pada 3 Disember 2024.

- Salinan asal Buku Log bagi lima Buku Log yang disemak pihak Audit tidak disahkan dan disimpan di pejabat.

**MAKLUM BALAS**

PKK mengambil maklum berkaitan terdapat buku log yang tidak disimpan di pejabat. Walau bagaimanapun, penggunaan kenderaan tersebut adalah lebih kurang 12 jam sehari untuk seminggu. Sebagai penambahbaikan PKK akan melantik seorang pegawai Kenderaan di Seksyen tersebut bagi memantau perkara ini.

- **Saman Kenderaan**

PP WP 4.1, (Perenggan 14.3), sekiranya sesuatu kesalahan lalu lintas dilakukan oleh pemandu atas arahan pegawai pengguna, maka pegawai tersebut hendaklah bertanggungjawab untuk menyelesaikan notis kesalahan lalu lintas/saman tersebut dengan syarat arahan untuk melakukan kesalahan berkenaan hendaklah dicatat pada Buku Log dan disahkan oleh pegawai pengguna.

Semakan Audit mendapati **PKK tidak mempunyai sebarang daftar/rekod notis kesalahan lalu lintas/saman bagi kenderaan-kenderaannya**. Ini kerana tiada mekanisme pemantauan kesalahan lalu lintas yang berkesan dibuat oleh PKK walaupun perkara ini telah dibangkitkan oleh pihak Audit pada tahun 2023.

**MAKLUM BALAS**

PKK mengambil maklum perkara ini. Bagi penambahbaikan pemantauan semakan saman/ kesalahan lalu lintas, surat akan dikeluarkan kepada PDRM dan JPJ setiap 3 bulan.

- **Buku Rekod Kad Inden Kenderaan**

PP WP 4.1, Lampiran A (Perenggan 7.5), Pegawai Kenderaan mestilah menyediakan buku rekod pergerakan Kad Inden kenderaan seperti format di Lampiran A2, WP 4.1. Buku rekod ini hendaklah dikemas kini, dijaga dengan baik dan diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.

Semakan Audit terhadap lima buku rekod pergerakan Kad Inden bahan api bagi kenderaan yang diperiksa mendapati perkara seperti berikut:

- Empat buku rekod pergerakan Kad Inden bahan api tahun 2024 tidak diisi dengan lengkap. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut.

**JADUAL 12**
**BUKU REKOD PERGERAKAN KAD INDEN BAHAN API TIDAK LENGKAP**

| NOMBOR SIRI KAD INDEN/KENDERAAN | BUKU REKOD PERGERAKAN KAD INDEN BAHAN API LENGKAP [YA(✓) / TIDAK(x)] | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Bulan | i | ii | iii | iv | v | vi | vii |
| 70838153009855683 WQN 739 | Februari | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | x |
| | September | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| | Oktober | ✓ | ✓ | ✓ | x | ✓ | ✓ | ✓ |
| 70838153008334433 KFM 1211 | Februari | ✓ | ✓ | ✓ | x | ✓ | ✓ | ✓ |
| | Jun | ✓ | ✓ | ✓ | x | ✓ | ✓ | ✓ |
| | Julai | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | x | x |
| | Ogos | ✓ | ✓ | x | x | ✓ | ✓ | ✓ |
| 70838153009855667 VML 4053 | Ogos | ✓ | ✓ | ✓ | x | ✓ | ✓ | ✓ |
| | September | ✓ | ✓ | ✓ | x | ✓ | ✓ | ✓ |
| 70838153009859511 VML 4066 | September | ✓ | ✓ | ✓ | x | ✓ | ✓ | ✓ |

Nota :

i. Tarikh Kad Diambil
ii. Nama dan Tandatangan Pegawai Yang Menyerahkan Kad
iii. Nama dan Tandatangan Pemandu
iv. Tarikh dikembalikan
v. Nama dan Tandatangan Penerima Kad yang Dikembalikan
vi. Jumlah Diisi (Liter/RM)
vii. Nombor Resit

- Ruangan bagi Tarikh Kad Inden Dikembalikan tidak dicatatkan dalam Buku Rekod Pergerakan Kad Inden pada bulan Oktober (WQN 739), bulan Februari, Jun dan Ogos (KFM 1211), bulan Ogos dan September (VML 4053) dan bulan September (VML 4066).

**MAKLUM BALAS**

Tindakan pembetulan dan mengemaskini buku kad inden telah dilaksanakan.

- Pembelian bahan api pada 16 Julai 2024 berjumlah RM80.61 menggunakan Kad Inden bernombor 70838153008334433 bagi kenderaan bernombor pendaftaran KFM 1211 tidak direkodkan pada buku rekod pergerakan Kad Inden.

**MAKLUM BALAS**

Tindakan mengemaskini buku kad inden telah dilaksanakan.

- Nombor resit bagi enam pembelian minyak berjumlah RM530.73 tidak dicatatkan dalam Buku Rekod Pergerakan Kad Inden bulan Februari bagi kenderaan bernombor pendaftaran WQN 739.

**JADUAL 13**
**NOMBOR RESIT PEMBELIAN BAHAN API TIDAK DIREKODKAN PADA BUKU REKOD PERGERAKAN KAD INDEN**

| BIL. | TARIKH PEMBELIAN | NOMBOR RESIT | KUANTITI (Liter) | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | 07.02.2024 | 6c8b9c | 57.074 | 117.00 |
| 2. | 08.02.2023 | cbcba9 | 58.195 | 119.30 |
| 3. | 09.02.2024 | 6e2a0b | 36.587 | 75.00 |
| 4. | 14.02.2024 | TM | 38.440 | 78.80 |
| 5. | 15.02.2024 | 210010 | 37.935 | 77.77 |
| 6. | 16.02.2024 | C2c050 | 30.662 | 62.86 |
| **JUMLAH** | | | **258.893** | **530.73** |

Sumber: Penyata Kad Inden dan Resit.
Nota: TM – Tiada Maklumat

**MAKLUM BALAS**

Tindakan mengemaskini buku nombor resit telah dilaksanakan.

- Ketua Jabatan tidak menyemak lima Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tahun 2024 bagi kenderaan yang diperiksa.

**MAKLUM BALAS**

Semakan oleh Ketua Jabatan bagi Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tahun 2024 telah dibuat pada 3 Disember 2024.

- **Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR)**

PP WP 4.1 (Perenggan 12.2), Format Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) hendaklah dikemas kini dan disimpan selamat oleh Pegawai Kenderaan. Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Kenderaan untuk memastikan semua butiran penggunaan kad dimasukkan ke dalam buku rekod sebelum kad diberikan kepada pemandu.

Semakan Audit terhadap lima Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan KSBTTR mendapati lima buku rekod pergerakan dan penggunaan KSBTTR tidak lengkap. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut.

**Jadual 14**
**BUKU REKOD PERGERAKAN DAN PENGGUNAAN KSBTTR TIDAK LENGKAP**

| NO SIRI KAD KSBTTR | BUKU REKOD PERGERAKAN DAN PENGGUNAAN KSBTTR DIISI DENGAN LENGKAP [YA(✓)/TIDAK(X)] | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | BULAN | i | ii | iii | iv | v | vi | vii | viii | x | xi |
| 3186773423 WQN 739 | Ogos | x | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | x | ✓ |
| | September | x | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | x | ✓ | ✓ | x | ✓ |

| NO SIRI KAD KSBTTR | BUKU REKOD PERGERAKAN DAN PENGGUNAAN KSBTTR DIISI DENGAN LENGKAP [YA(✓)/TIDAK(X)] | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | BULAN | i | ii | iii | iv | v | vi | vii | viii | x | xi |
| 1654764431<br>KFM 1211 | Ogos | x | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | x | x | ✓ | x | ✓ |
| | September | x | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | x | ✓ | ✓ | x | ✓ |
| 4143533679<br>VML 4029 | Ogos | x | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | x | x |
| | September | x | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | x | ✓ | x | ✓ |
| 4148249903<br>VML 4066 | September | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | x | ✓ |
| 4143537775<br>VML 4053 | September | x | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | x | ✓ | x | ✓ |

Nota :

i. No Siri Kad
ii. Tarikh Kad Diambil
iii. No Daftar Kenderaan
iv. Nama dan Tadatangan Pemandu
v. Nama dan Tandatangan Pegawai Yang Menyerah Kad
vi. Perjalanan (dari - ke)
vii. Bayaran Tol (RM)
viii. Baki apabila ditambah nilai secara automatik (RM)
x. Tarikh dikembalikan
xi. Nama dan Tandatangan Penerima Kad

- Nombor Siri Kad KSBTTR tidak dicatatkan pada rekod KSBTTR bagi bulan Ogos dan September untuk kenderaan bernombor pendaftaran WQN 739, KFM 1211, VML 4029 dan VML 4053.

**MAKLUM BALAS**

Tindakan pembetulan dan mengemaskini rekod KSBTTR telah dilaksanakan.

- Rekod perjalanan (dari-ke) tidak direkod pada rekod KSBTTR dalam bulan Ogos dan September bagi kenderaan bernombor pendaftaran WQN 739 dan bulan September bagi kenderaan bernombor pendaftaran KFM 1211.

**MAKLUM BALAS**

Tindakan pembetulan dan mengemaskini rekod KSBTTR telah dilaksanakan.

- **Transaksi Penggunaan KSBTTR**

PP WP 4.1 (Perenggan 12.3), setiap pemandu Kenderaan Jabatan mestilah merekodkan butiran penggunaan kad berkenaan di dalam Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan KSBTTR sebaik sahaja selesai menjalankan tugas.

Semakan Audit mendapati **20 transaksi penggunaan KSBTTR tidak direkodkan di dalam Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan KSBTTR bagi 3 KSBTTR untuk kenderaan bernombor pendaftaran KFM 1211, VML 4053 dan VML 4029**. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut.

**JADUAL 15**
**TRANSAKSI PENGGUNAAN KSBTTR YANG TIDAK DIREKOD**

| BIL. | TARIKH | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| 1654764431/ KFM 1211 | | |
| 1. | 06.08.2024 | 2.30 |
| 4143537775/ VML 4053 | | |
| 2. | 24.09.2024 | 4.51 |
| 3. | 24.09.2024 | 4.51 |
| 4143533679/ VML 4029 | | |
| 4. | 02.08.2024 | 3.50 |
| 5. | 02.08.2024 | 3.50 |
| 6. | 06.08.2024 | 3.50 |
| 7. | 06.08.2024 | 2.30 |
| 8. | 06.08.2024 | 3.50 |
| 9. | 09.08.2024 | 3.50 |
| 10. | 09.08.2024 | 3.00 |
| 11. | 09.08.2024 | 3.50 |
| 12. | 19.08.2024 | 3.20 |
| 13. | 19.08.2024 | 1.56 |
| 14. | 19.08.2024 | 3.20 |
| 15. | 29.08.2024 | 5.17 |
| 16. | 29.08.2024 | 3.53 |
| 17. | 30.08.2024 | 5.17 |
| 18. | 08.09.2024 | 5.17 |
| 19. | 08.09.2024 | 3.53 |
| 20. | 08.09.2024 | 3.53 |
| **JUMLAH (RM)** | | **71.68** |

Sumber: Penyata *Touch 'N Go*

**MAKLUM BALAS**

Tindakan mengemaskini rekod transaksi KSBTTR telah dilaksanakan.

## 3.1.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan didapati secara keseluruhannya pengurusan kewangan di PKK bagi Pengurusan Aset Dan Stor serta Kenderaan adalah **baik.** PKK perlu memastikan tahap prestasi pengurusan kewangan ini dipertingkatkan melalui usaha penambahbaikan yang berterusan. Tindakan *preventive* juga perlu diambil bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang.

Ketua Jabatan perlu memastikan Pengurusan Aset Dan Stor serta Kenderaan dibuat mengikut peraturan kewangan yang berkaitan serta kuasa yang diberikan kepada pegawai. Selain itu, Ketua Jabatan perlu mengadakan penyeliaan dan membuat semakan yang lebih teliti terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pegawai pelaksana yang terlibat dengan urusan aset dan

stor serta kenderaan untuk memastikan peraturan kewangan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi.

Sebagai penambahbaikan Ketua Jabatan disyorkan untuk mengambil tindakan berikut:

3.1.5.1. Perancangan Penyelenggaraan dan Pelupusan Aset dan Stok dijadikan agenda tetap mesyuarat dan tindakan susulan diambil terhadap semua keputusan mesyuarat JKPAK.

3.1.5.2. Menyemak semula pelantikan personel MySTEP sebagai Penolong Pegawai Aset, Pegawai Penerima Aset/Stor dan Pelulus Stor.

3.1.5.3. Memastikan Aset Alih diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan terutamanya dari segi penyediaan dan pengemaskinian rekod/daftar dan pelaporan.

3.1.5.4. Memastikan pemeriksaan aset dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

3.1.5.5. Menyenggara, mengemaskini dan memeriksa Buku Log, Buku Rekod Pergerakan Kad Inden serta Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan KSBTTR secara berkala mengikut peraturan yang ditetapkan.

3.1.5.6. Memastikan pemantauan yang berkesan dilaksanakan dari semasa ke semasa terhadap notis kesalahan lalu lintas/saman bagi kenderaan yang dimiliki.

3.1.5.7. Pegawai yang terlibat dengan Pengurusan Aset Dan Stor serta Kenderaan hendaklah diberi latihan dan kursus sewajarnya supaya memahami arahan, peraturan kewangan dan pekeliling yang ditetapkan serta mahir dalam menjalankan tugas harian dengan lebih cekap dan berkesan.

## 3.2 PENGAUDITAN PENGURUSAN ASET DAN STOR SERTA PENGURUSAN KENDERAAN DI KUSKOP

### 3.2.1 LATAR BELAKANG

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), melalui Unit Pengurusan Aset Alih dan Stor serta Unit Pentadbiran telah dipertanggungjawabkan untuk mengurus aset dan stor serta kenderaan KUSKOP.

Pengurusan BKP diketuai oleh Setiausaha Bahagian, Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M52 dan dibantu oleh 40 pegawai. Unit Pengurusan Aset Alih dan Stor serta Unit Pentadbiran diketuai oleh Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M44. Seramai sembilan pegawai telah dilantik untuk menguruskan aset dan stor serta kenderaan di KUSKOP Carta organisasi pengurusan aset dan stor serta kenderaan KUSKOP adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 3**
**CARTA ORGANISASI PENGURUSAN ASET DAN STOR SERTA KENDERAAN KUSKOP**




Sumber: Carta BKP

### 3.2.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai tahap pengurusan aset dan stor serta kenderaan di KUSKOP bagi menentukan sama ada:

a. wujudnya struktur dan sistem pengurusan aset dan stor serta kenderaan yang berkesan;
b. wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan aset dan stor serta kenderaan;
c. pengurusan aset dan stor serta kenderaan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
d. rekod yang berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

### 3.2.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi dua elemen utama iaitu Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan.

Semakan Audit dijalankan secara persampelan terhadap transaksi, rekod dan dokumen kewangan bagi bulan Januari hingga November 2024. Temu bual dengan pegawai terlibat dan pemeriksaan fizikal juga telah dijalankan bagi mengukuhkan penemuan Audit.

### 3.2.4 PENEMUAN AUDIT

Hasil daripada pengauditan yang dijalankan di BKP pada 11 November hingga 12 Disember 2024 menunjukkan bahawa Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan adalah **baik.** Butiran lanjut penemuan Audit terhadap kawalan yang diaudit adalah sebagaimana di perenggan **3.2.4.1** dan **3.2.4.2**.

#### 3.2.4.1 KAWALAN PENGURUSAN ASET DAN STOR

Pengurusan aset dan stor merupakan aspek penting dalam pengurusan kewangan. Langkah kawalan ini dapat mengelakkan daripada berlakunya salah guna, pembaziran, penyelewengan dan pemborosan. Pengauditan terhadap pengurusan aset Kerajaan adalah bertujuan untuk menentukan Kementerian/Jabatan/Bahagian mematuhi prosedur dan peraturan kewangan yang ditetapkan berhubung dengan tatacara pengurusan aset Kerajaan.

Semakan Audit telah dijalankan berkenaan pengurusan aset Kerajaan di Unit Pengurusan Aset Alih & Stor, KUSKOP yang meliputi Kawalan Umum dan Pengurusan Aset dan Stor. Antara PP yang berkuat kuasa berkenaan pengurusan aset dan stor Kerajaan serta proses kehilangan dan hapus kira wang awam adalah PP AM 1.1 (Pengurusan Aset Kerajaan), AM 2 (Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan) dan AM 6 (Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan). Butiran lanjut penemuan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

**a. Pengurusan Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK)**

**i. Agenda Mesyuarat JKPAK**

PP AM 1.1 (Perenggan 8.3 dan Lampiran A), Agenda mesyuarat hendaklah mengandungi perkara disenaraikan di bawah dan seperti format di Lampiran A.

- Pengurusan Aset Alih;
- Pengurusan Aset Hidup;
- Pengurusan Aset Tak Ketara;
- Pengurusan Stor;
- Perancangan Penyelenggaraan dan Pelupusan Aset dan Stok; dan
- Hal-hal lain yang berkaitan dengan pengurusan Aset dan Stor.

Bagaimanapun Unit Pengurusan Aset boleh menentukan format laporan tambahan yang bersesuaian bagi tujuan memenuhi keperluan agenda mesyuarat JKPAK.

Semakan Audit terhadap minit mesyuarat JKPAK tahun 2024 mendapati agenda Perancangan Penyelenggaraan dan Pelupusan Aset dan Stok tidak menjadi agenda tetap mesyuarat. Mesyuarat hanya akan membincangkan isu-isu pelupusan dan penyelenggaraan aset sekiranya terdapat perkara berbangkit di kalangan ahli mesyuarat.

**b. Pengurusan Aset Alih**

**i. Pelantikan Pegawai Aset**

PP AM 1.1 (Perenggan 7.1.1), Pegawai Aset di Kementerian/Jabatan/PTJ hendaklah dilantik oleh Pengawai Pengawal/Ketua Pengarah/Pengerusi Jawatankuasa JKPAK peringkat Kementerian atau Ibu Pejabat Jabatan.

Semakan Audit mendapati Puan Siti Wardah binti Zaidun,Penolong Setiausaha Unit Pengurusan Aset dan Stor, BKP telah dilantik sebagai Pegawai Aset melalui memo No. Rujukan MEDAC.300-1/1/1(57) bertarikh 8 Mac 2024. Mulai 2 Mei 2024, Puan Nur Amalina binti Samsuri telah ditempatkan di Seksyen Pentadbiran & Pengurusan Aset, BKP bagi menggantikan Puan Siti Wardah binti Zaidun yang bertukar ke luar Kementerian. Bagaimanapun, tiada pelantikan secara khusus dibuat kepada Puan Nur Amalina binti Samsuri sebagai Pegawai Aset KUSKOP.

**MAKLUM BALAS**

UPA telah mengangkat memo pelantikan semula Pegawai Aset Kementerian (ke atas jawatan) bagi menggantikan pegawai yang bertukar keluar beserta surat lantikan.

### ii. Penerimaan Aset Alih

PP AM 2.2 (Perenggan 3.3.4), Pengesahan penerimaan Aset Alih dilakukan oleh Pegawai Penerima selepas pemeriksaan berjaya dilaksanakan dengan menggunakan Borang Penerimaan Aset Alih KEW.PA-1.

Semakan Audit terhadap penerimaan Aset Alih mendapati perkara seperti berikut:

- Penerimaan Aset Alih set perkakasan pinggan mangkuk bernilai RM39,800.00 tidak menggunakan Borang Penerimaan Aset Alih KEW.PA-1 tetapi menggunakan Borang Terimaan Barang-Barang (BTB) KEW.PS-1 (No. Rujukan BTB : med-SU-KUSKOP-BTB-BS-2024-9).
- Borang Penerimaan Aset Alih KEW.PA-1 bagi penerimaan aset kabel rangkaian di Pusat Khidmat Kontraktor bernilai RM210,105.00 tidak disediakan oleh Pegawai Penerima.

**MAKLUM BALAS**

- Set Pinggan mangkuk tersebut didaftarkan dalam Sistem Pengurusan Stok (SPS) tertakluk dengan Tatacara Pengurusan Stor di bawah 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) kerana stok tersebut merupakan stok guna habis. Hasil semakan UPA di *knowledgabase,* juga mendapati bahawa set pinggan mangkuk merupakan stok.
- Dari sudut perakaunan, Bahagian Akaun melalui satu emel maklum balas kepada Unit Bajet MOF bertarikh 13 Mac 2024 telah mengesyorkan perolehan ini menggunakan kod akaun **B0335902** iaitu di bawah Aset Bernilai Rendah (ABR). Ini selaras dengan Platform *MyCODE* Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) yang menyatakan **set pinggan mangkuk eksklusif bernilai RM2,0000.00 dan ke atas** hendaklah direkodkan sebagai aset dibawah kod akaun A1435101 (Harta Modal) manakala B0335902 (ABR) bagi perolehan bernilai di bawah RM2,000.00 per unit.
- BPTM klasifikasikan kabel rangkaian di PKK sebagai stok, sehubungan itu, tiada proses penerimaan aset alih dibuat.

### iii. Pendaftaran Aset Alih

PP AM 2.3 (Perenggan 2, 9.3 dan 9.4) setiap aset hendaklah didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Butiran maklumat di dalam Daftar Harta Modal KEW.PA-3 dan Daftar Aset Alih Bernilai Rendah KEW.PA-4 hendaklah diisi dengan lengkap dan tepat. Ketua Jabatan/Bahagian/Seksyen/Unit hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat yang terdapat dalam KEW.PA-3 sebelum menandatangani di ruang tersebut.

- Semakan Audit terhadap pembelian Aset Alih tahun 2024 di bawah kod akaun Hartanah, Loji dan Peralatan mendapati dua Aset Alih masih belum didaftarkan dalam

Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA). Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 16**
**ASET MASIH BELUM DIDAFTARKAN DALAM SPPA**

| BIL. | JENIS ASET | MAKLUMAT ARAHAN PEMBAYARAN | | | TARIKH TERIMA BARANG (NPB) |
|---|---|---|---|---|---|
| | | NO. | TARIKH | JUMLAH (RM) | |
| 1. | Set Pinggan Mangkuk | 12002132 | 24.07.2024 | 39,800.00 | 03.07.2024 |
| 2. | Kabel Rangkaian PKK | 12003455 | 30.10.2024 | 210,105.00 | 28.10.2024 |

Sumber : Arahan Pembayaran
Nota: NPB – Nota Penerimaan Barang

**MAKLUM BALAS**
Set Pinggan mangkuk tersebut didaftarkan dalam Sistem Pengurusan Stok (SPS) tertakluk dengan Tatacara Pengurusan Stor di bawah 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) kerana stok tersebut merupakan stok guna habis. Hasil semakan UPA di *knowledgebase,* juga mendapati bahawa set pinggan mangkuk merupakan stok.

Selain itu, semakan Audit terhadap Arahan Pembayaran bernombor 12003455 bertarikh 30 Oktober 2024 mendapati Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, KUSKOP telah mengesahkan pemasangan kabel rangkaian (brand/Model: Draka) sebanyak 440 unit di Ibu Pejabat PKK dan 13 Cawangan Negeri PKK. Bagaimanapun, berdasarkan laporan *User Acceptance Test* (UAT) pihak Audit mendapati pemasangan kabel rangkaian tersebut hanya melibatkan Ibu Pejabat PKK dan 12 Cawangan Negeri sahaja.

Pihak Audit berpendapat perakuan kesempurnaan bekalan/ perkhidmatan/kerja hendaklah diperaku/disahkan mengikut yang sebenarnya telah dibekalkan bagi memastikan pengurusan bayaran adalah teratur.

**MAKLUM BALAS**
Minit Mesyuarat Teknikal Bil. 1/2024 berkaitan menerangkan keputusan lokasi tersebut (perkara 2.9), perubahan daripada 13 lokasi kepada 12 lokasi, iaitu maklum balas kepada Audit yang telah dikemukakan menerusi email pada 28 November 2024.

- Semakan Audit terhadap KEW.PA-3 dan KEW.PA-4 tahun 2024 mendapati KEW.PA-3 dan KEW.PA-4 tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini bagi 23 aset.

**MAKLUM BALAS**
UPA akan mengemaskini maklumat KEW.PA-3 dan KEW.PA-4 tahun 2024 seperti yang disenaraikan sebelum 10 Januari 2025.

- Semakan selanjutnya mendapati enam Daftar Harta Modal KEW.PA-3 tidak ditandatangan oleh Ketua Jabatan.

**MAKLUM BALAS**
Semua KEW.PA-3 tersebut telah selesai ditandatangani.

- Semakan Audit terhadap Aset Alih bernombor pendaftaran MEDAC/BKP/R/24/25 dan MEDAC/BKP/R/24/26 mendapati maklumat kategori dan keterangan aset yang didaftarkan dalam KEW.PA-4 adalah tidak tepat. Aset tersebut merupakan Peralatan Am Troli Kerusi Banquet bukan Peralatan Pejabat Troli Banguet.

**MAKLUM BALAS**
Kedua-dua aset tersebut telah selesai dikemaskini dan KEW.PA-4.

- Penempatan bagi tiga Aset Alih masih belum dikemas kini dalam KEW.PA-4.

**MAKLUM BALAS**
Semua aset alih tersebut telah selesai dikemaskini dan KEW.PA-4.

**iv. Pemeriksaan Fizikal Aset Alih**

Pihak Audit telah melaksanakan pemeriksaan fizikal pada 9 dan 10 Disember 2024 terhadap 50 sampel Aset Alih yang didaftarkan pada tahun 2024. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat membuat semakan terhadap 38 Aset Alih bernilai RM40,084 yang berstatus Sedang Digunakan kerana aset-aset tersebut tidak wujud.

**MAKLUM BALAS**
Hasil semakan yang telah dilaksanakan oleh UPA, aset-aset berikut merupakan aset yang baru dijumpai. Justeru, setelah menghadiri Bengkel *Working Group* pelaksanaan pengurusan aset alih kerajaan melibatkan semua kementerian dan jabatan persekutuan tahun 2024 pada 4 Disember 2024 yang lepas, UPA telah mengenal pasti semula aset yang perlu didaftarkan dan dibuat permunian data bagi memastikan data aset-aset tersebut sama secara fizikal dan di dalam sistem SPPA.

**v. Senarai Aset Alih**

PP AM 2.3 (Perenggan 10), Senarai Aset Alih yang ditempatkan di lokasi hendaklah disediakan oleh Pegawai Aset/ Pembantu Pegawai Aset menggunakan KEW.PA-7 dalam dua salinan. Satu salinan senarai tersebut hendaklah disimpan oleh Pegawai Aset/Pembantu Pegawai Aset manakala satu salinan dipamerkan di lokasi. KEW.PA-7 hendaklah dikemas kini dari semasa ke semasa apabila terdapat perubahan kuantiti, lokasi atau pegawai penempatan.

Semakan Audit terhadap KEW.PA-7 di 3 lokasi mendapati perkara-perkara seperti berikut:

- Senarai Aset Alih KEW.PA-7 tidak dipamerkan di lokasi Bilik Mesyuarat Utama dan Pantri Aras 5.

- Senarai Aset Alih KEW.PA-7 tidak dikemas kini bagi lokasi Bilik Mesyuarat Utama, Bilik Pegawai Unit Audit Dalam (A/05/A04) dan Pantri, Aras 5.

**MAKLUM BALAS**

UPA sudah selesai mengemaskini KEWPA 7 untuk tiga lokasi dan dipamerkan di lokasi tersebut.

**vi. Pemeriksaan Aset**

PP AM 2.4 (Perenggan 7.4) antara tugas Pegawai Pemeriksa Aset Alih adalah memeriksa Aset Alih dan rekod yang berkaitan dalam tempoh 1 bulan dari tarikh yang ditetapkan oleh Unit Pengurusan Aset. Berdasarkan emel bertarikh 25 Jun 2024, pemeriksaan aset oleh Pegawai Pemeriksa Aset yang dilantik hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 1 bulan iaitu bermula pada 1 Julai 2024 sehingga 31 Julai 2024.

Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat JKPAK Bil. 3/2024 bertarikh 14 November 2024 mendapati setakat suku ketiga tahun 2024, pemeriksaan Aset Alih di KUSKOP masih belum selesai dilaksanakan. Semakan selanjutnya terhadap Laporan Pemeriksaan Aset Alih Tahun 2024 di dalam SPPA setakat 30 November 2024 mendapati sebanyak 2,266 Aset Alih masih belum diperiksa iaitu hiasan/langsir/hamparan (28 unit) , perabot (1,829 unit), peralatan dan kelengkapan bengkel/kejuruteraan (8 unit), peralatan dan kelengkapan dapur (17 unit), peralatan dan kelengkapan ict (116 unit), peralatan dan kelengkapan keselamatan (7 unit), peralatan dan kelengkapan pejabat (253 unit), peralatan dan kelengkapan sukan/rekreasi (1 unit) dan peralatan dan kelengkapan telekomunikasi (7 unit).

**MAKLUM BALAS**

Pemeriksaan Aset telah selesai dilakukan dan pencapaian adalah sebanyak 100%.

**vii. Penyelenggaraan Aset**

PP AM 2.5 (Perenggan 4.2 dan 4.3), Aset Alih yang memerlukan penyelenggaraan perlu dikenal pasti dan disenaraikan dalam Senarai Aset Alih Yang Memerlukan Penyelenggaraan Berjadual KEW.PA-14. Setelah Aset Alih yang memerlukan penyelenggaraan disenaraikan, satu program penyelenggaraan hendaklah dirancang dan disediakan.

Semakan Audit mendapati sebanyak empat Aset Alih yang memerlukan penyelenggaraan berjadual iaitu *storage server* (3 unit) dan *Firewall* (1 unit) tidak disenaraikan di dalam Senarai Aset Alih Yang Memerlukan Penyelenggaraan Berjadual KEW.PA-14.

**MAKLUM BALAS**

Perkara tersebut telah selesai dikemaskini di dalam KEW.PA-14.

**viii. Aset Pindahan**

PP AM 2.6 (Perenggan 1) Pindahan bermaksud proses untuk memindahkan hak milik Aset Alih antara Pusat Tanggungjawab (PTJ) agensi Kerajaan Persekutuan dengan PTJ agensi Kerajaan Persekutuan yang lain.

Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat JKPAK Bil. 3 Tahun 2024 mendapati tiada pindahan Aset Alih dilaporkan bagi KUSKOP. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati tujuh Aset Harta Modal bernilai RM23,200 dan 40 Aset Bernilai Rendah berjumlah RM19,170 didaftarkan sebagai aset pindahan di dalam SPPA pada tahun 2024.

Pihak UPA KUSKOP memaklumkan bahawa aset pindahan tersebut merupakan aset-aset lama yang tidak mempunyai rekod. Oleh itu, pihak UPA mendaftarkan Aset Alih tersebut sebagai aset pindahan.

Pihak Audit berpendapat, Aset Alih tersebut bukanlah aset pindahan kerana ia tidak melibatkan pemindahan antara PTJ.

**MAKLUM BALAS**

Hasil daripada menghadiri Bengkel *Working Group* pelaksanaan pengurusan aset alih kerajaan melibatkan semua kementerian dan jabatan persekutuan tahun 2024 pada 4 Disember 2024 yang lepas, UPA akan mendaftarkan aset aset yang baru dijumpai sebagai aset perolehan yang baru. UPA telah selesai melaksanakan pemurnian data di dalam sistem.

**c. Pengurusan Stor**

**i. Penerimaan Barang-Barang Stor**

PP AM 6.2 (Perenggan 3.1 dan 3.4.4), semua barang-barang hendaklah diterima melalui stor dan pengesahan penerimaan hanya boleh dilakukan oleh Pegawai Penerima selepas pemeriksaan berjaya dilaksanakan dengan menggunakan Borang Terimaan Barang-Barang (BTB) KEW.PS-1.

Semakan Audit terhadap Nota Penerimaan Bekalan (No. Rujukan: FN240000001298131 bertarikh 11 November 2024) dan Borang Terimaan Barang-Barang (BTB) KEW.PS-1 (No. Rujukan: BTB: med-SU-KUSKOP-BTB-B-2024-15) bagi bekalan *toner* pencetak jenama Canon dan HP Laserjet mendapati bahawa pengesahan penerimaan telah dilakukan oleh pegawai yang bukan Pegawai Penerima Stok yang dilantik.

**MAKLUM BALAS**

UPA tidak menerima pemakluman awal berkenaan pembelian toner oleh BPTM dan hanya dimaklumkan apabila pihak BPTM menghantar dan menyimpan stok di stor utama KUSKOP. Oleh itu, pembekal menghantar secara terus kepada BPTM dan menyebabkan penerimaan dibuat oleh bukan pegawai penerima stok yang dilantik. UPA telah mengangkat surat pelantikan pegawai penerima stok bagi BPTM.

**ii. Merekod Stok**

PP AM 6.3 (Perenggan 4), semua stok yang diterima oleh stor hendaklah direkodkan oleh Pegawai Stor dengan menggunakan Kad Daftar Stok KEW.PS-3.

Semakan Audit terhadap empat Kad Daftar Stok KEW.PS-3 mendapati semua stok yang diterima pada tahun 2024 tidak direkodkan oleh pegawai yang dilantik sebagai Pegawai Stor.

**MAKLUM BALAS**

Pada ketika stok diterima, pegawai stor yang dilantik mengambil Cuti Tanpa Gaji (CTG). Oleh itu, pendaftaran stok dibuat oleh pegawai UPA sedia ada. UPA telah mengangkat surat pelantikan pegawai penerima stok bagi bahagian lain.

**iii. Stok Bertarikh Luput**

PP AM 6.4 (Perenggan 13.5) Senarai Stok Bertarikh Luput KEW.PS-6 hendaklah disediakan oleh Pegawai Stor dengan merekodkan kuantiti stok bertarikh luput dalam bulan yang sama.

Semakan Audit mendapati Senarai Stok Bertarikh Luput KEW.PS-6 tidak disediakan bagi 11 stok yang mempunyai tarikh luput iaitu toner laser jet (220 unit), air mineral (2,316 unit) dan biskut campuran (2,316 unit) berjumlah RM246,541.20.

**MAKLUM BALAS**

BPTM dan UPA telah mengemaskini KEW.PS-6 bagi kesemua item tersebut.

### iv. Paras Stok

PP AM 6.1 (Perenggan 9.3.3), Paras stok adalah jumlah stok yang perlu disimpan pada satu-satu masa oleh semua kategori stor dan ditentukan seperti berikut:

(i) Paras Stok Maksimum – Kuantiti stok tertinggi yang disimpan pada satu-satu masa (tiga bulan penggunaan).
(ii) Paras Menokok Stok – Kuantiti stok yang menunjukkan telah sampai masa untuk memesan stok baru kerana baki stok yang ada hanya cukup untuk menampung pengeluaran dalam tempoh pesanan dan serahan (dua bulan penggunaa).
(iii) Paras Stok Minimum – Kuantiti stok terendah yang disimpan pada satu-satu masa (satu bulan penggunaan).

Paras Stok ditentukan seperti berikut:

$$\frac{\text{Jumlah Kuantiti Pengeluaran Setahun Bagi Tahun Sebelumnya}}{\text{12 Bulan}}$$

Semakan Audit terhadap tiga sampel Daftar Stok KEW.PS-3 mendapati pengiraan penentuan paras stok tahun 2024 adalah tidak tepat. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

**JADUAL 17**
**PENENTUAN PARAS STOK TIDAK TEPAT**

| PERIHAL STOK | KELUARAN STOK TAHUN SEBELUMNYA (2023) | PARAS STOK TAHUN 2024 DALAM KEW.PS-3 (KUANTITI) | | PENGIRAAN AUDIT PARAS STOK TAHUN 2024 (KUANTITI) | |
|---|---|---|---|---|---|
| Kertas Warna Putih Saiz A4 (80 GSM) | 2,560 | Maksimum | 558 | Paras Stok : | $\frac{2,560}{12}$ = 214 |
| | | | | Maksimum : | 214 x 3 = **642** |
| | | Menokok | 372 | Menokok : | 214 x 2 = **428** |
| | | Minimum | 186 | Minimum : | **214** |
| Gel Pen Saiz 0.7 (Warna Hitam) | 137 | Maksimum | 78 | Paras Stok : | $\frac{137}{12}$ = 12 |
| | | | | Maksimum : | 12 x 3 = **36** |
| | | Menokok | 52 | Menokok : | 12 x 2 = **24** |
| | | Minimum | 26 | Minimum : | **12** |
| Extension Wire (3 Meter) 4 Gang Socket | 40 | Maksimum | 15 | Paras Stok : | $\frac{40}{12}$ = 4 |
| | | | | Maksimum : | 4 x 3 = **12** |
| | | Menokok | 10 | Menokok : | 4 x 2 = **8** |
| | | Minimum | 5 | Minimum : | **4** |

Sumber: KEW.PS-3

Semakan selanjutnya mendapati penyimpanan stok bagi dua barangan stok telah melebihi paras maksimum yang ditetapkan. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

**JADUAL 18**
**PENYIMPANAN STOK MELEBIHI PARAS MAKSIMUM**

| NO. KAD (KEW.PS-3) | PERIHAL BARANGAN STOR | PARAS MAKSIMUM (A) | KUANTITI SEMASA (B) | PERBEZAAN (C) = (A)– (B) |
|---|---|---|---|---|
| 32 | Gel Pen Saiz 0.7 (Hitam) | 36 | 53 | -17 |
| 185 | *Extension Wire* (3meter) | 12 | 16 | -4 |

Sumber: KEW.PS-3

## MAKLUM BALAS

i. UPA membuat pembelian stok mengikut permohonan dan keperluan di Kementerian dan paras stok telah ditetapkan di dalam sistem SPS dan tidak boleh diubah di peringkat Kementerian.

ii. UPA akan mendapatkan maklum balas MOF semasa Kursus Pengurusan Aset 2025.

### v. Paras Perkhidmatan

Berdasarkan PP AM 6.1 (Perenggan 10.3), stor yang berjaya memenuhi semua pesanan adalah stor yang mencapai paras perkhidmatan yang baik. Semakan Audit terhadap Borang Permohonan Stok (Individu Kepada Stor) mendapati Stor Utama, KUSKOP tidak berjaya memenuhi semua pesanan. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

**JADUAL 19**
**PESANAN STOK TIDAK BERJAYA DIPENUHI**

| BIL. | NO. / TARIKH PERMOHONAN | PERIHAL BARANG | DIMOHON (Kuantiti) | DIBEKAL (Kuantiti) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | SU-KUSKOP/KEW.PS8/24/332 09.10.2024 | Kertas Warna Putih Saiz A4 (80 GSM) | 20 | 0 |
| 2. | SU-KUSKOP/KEW.PS8/24/330 08.10.2024 | | 3 | 1 |
| 3. | SU-KUSKOP/KEW.PS8/24/102 04.04.2024 | | 5 | 0 |
| 4. | SU-KUSKOP/KEW.PS8/24/97 01.04.2024 | | 20 | 0 |
| 5. | SU-KUSKOP/KEW.PS8/24/54 23.02.2024 | | 2 | 1 |
| 6. | SU-KUSKOP/KEW.PS8/24/9 05.01.2024 | | 10 | 0 |
| 7. | SU-KUSKOP/KEW.PS8/24/339 15.10.2024 | Buku Borang Jadual | 2 | 0 |
| 8. | SU-KUSKOP/KEW.PS8/24/339 15.10.2024 | Buku Daftar Suratan Rahsia Rasmi Am 492B | 2 | 0 |
| 9. | SU-KUSKOP/KEW.PS8/24/272 28.08.2024 | Noteral Common Seal (Sticker) | 3 | 1 |
| 10. | SU-KUSKOP/KEW.PS8/24/263 21.08.2024 | Management File Saiz A4 | 80 | 40 |
| 11. | SU-KUSKOP/KEW.PS8/24/208 14.07.2024 | Extension Wire 3 Meter 4 Gang Socket | 5 | 4 |
| 12. | SU-KUSKOP/KEW.PS8/24/172 24.06.2024 | Masking Tape Saiz 3 Inci | 5 | 3 |
| 13. | SU-KUSKOP/KEW.PS8/24/44 13.02.2024 | 2D Ring File Saiz 50MM | 10 | 5 |
| 14. | SU-KUSKOP/KEW.PS8/24/84 18.03.2024 | Dakwat Stamp Pad Warna Hitam (50ml) | 5 | 2 |
| 15. | SU-KUSKOP/KEW.PS8/24/84 18.03.2024 | Pen Mata Bulat Dakwat Biru Saiz 0.7mm | 20 | 10 |

| BIL. | NO. / TARIKH PERMOHONAN | PERIHAL BARANG | DIMOHON (Kuantiti) | DIBEKAL (Kuantiti) |
|---|---|---|---|---|
| 16. | SU-KUSKOP/KEW.PS8/24/54 23.02.2024 | Pen Dakwat Basah Saiz 1.0mm (Warna Hitam) | 10 | 5 |
| 17. | SU-KUSKOP/KEW.PS8/24/25 10.01.2024 | Tali Pengikat Cotton (Putih) | 10 | 0 |
| 18. | SU-KUSKOP/KEW.PS8/24/13 08.01.2024 | Binding Tape Saiz 3 Inci Hitam | 8 | 4 |

Sumber: KEW.PS-8

**MAKLUM BALAS**

Beberapa permohonan stok terpaksa dihadkan atas faktor pengawalan dalaman dan bagi mengelakkan pembaziran. Hal ini kerana, pegawai yang memohon stok melebihi keperluan semasa.

| Pendapat Audit | **Pengurusan aset dan stor di KUSKOP adalah baik. Aset Alih dan Stok tidak diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan terutamanya dari segi penyediaan dan pengemaskinian rekod/daftar dan pelaporan. Pelantikan Pegawai Aset tidak dibuat kepada pegawai yang berkenaan dan sebanyak 38 aset alih tidak dapat dikesan kewujudannya.** |
|---|---|

### 3.2.4.2 KAWALAN PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN

Kawalan terhadap pengurusan kenderaan jabatan adalah untuk memastikan penerimaan, penyimpanan, penggunaan, penyenggaraan dan pelupusan dibuat dengan teratur dan kemas. Semakan Audit terhadap dua aspek utama pengurusan Kenderaan Kerajaan iaitu Penggunaan Kenderaan dan Penyenggaraan Kenderaan Kerajaan. Butiran lanjut penemuan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

Semakan Audit mendapati KUSKOP menguruskan sebanyak 32 buah kenderaan jabatan yang terdiri daripada 20 buah kenderaan guna sama dan 12 Kenderaan Rasmi Jawatan (KRJ). KUSKOP mempunyai 11 orang pemandu dan 65 orang pemandu ganti.

Pihak Audit telah menjalankan semakan terhadap lapan buah kenderaan KUSKOP seperti di jadual berikut:

**JADUAL 20**
**SENARAI KENDERAAN KUSKOP YANG DISEMAK**

| BIL. | NOMBOR PENDAFTARAN | JENIS/JENAMA KENDERAAN | KEGUNAAN | HAKMILIK |
|---|---|---|---|---|
| 1. | WVM 1247 | NISSAN SERENA | Guna sama | KUSKOP |
| 2. | WVM 1330 | NISSAN URVAN | Guna sama | KUSKOP |
| 3. | FC 1452 | TOYOTA INNOVA | Guna sama | KUSKOP |
| 4. | VJT 3510 | PERSONA 1.6L CVT | Guna sama | SPANCO |
| 5. | VJT 1847 | PERSONA 1.6L CVT | Guna sama | SPANCO |
| 6. | VKB8515 | PROTON X70 | KRJ | SPANCO |
| 7. | VFG9362 | PROTON X70 | KRJ | SPANCO |
| 8. | VMF9344 | PROTON X70 | KRJ | SPANCO |

Sumber: Fail Kenderaan
KRJ: Kenderaan Rasmi Jawatan

**a. Penggunaan Kenderaan**

**i. Pelantikan Pegawai Kenderaan**

PP WP 4.1, (Perenggan 15.1.1), Ketua Jabatan hendaklah melantik seorang pegawai untuk mengurus Kenderaan Kerajaan. Kementerian/Jabatan yang mempunyai lebih daripada 20 buah kenderaan hendaklah melantik Pegawai Kenderaan sepenuh masa dan seboleh-bolehnya yang mempunyai sijil dalam bidang kejuruteraan automotif/ mekanikal.

Semakan Audit mendapati KUSKOP telah melantik seorang Pegawai Kenderaan serta sembilan orang Penolong Pegawai Kenderaan untuk menguruskan kenderaannya.

**ii. Kawalan Penggunaan Kenderaan**

- **Kelulusan Penggunaan Kenderaan**

- Berdasarkan PP WP 4.1 Lampiran C2, penggunaan kenderaan jabatan perlu diluluskan oleh Pegawai Kenderaan yang dilantik. Nama dan tandatangan Pegawai Kenderaan sebagai pelulus perlu diturunkan di Buku Log bagi setiap perjalanan yang dibuat.

- Analisa Audit mendapati bagi tahun 2024 (bulan Januari hingga tarikh pengauditan dijalankan) sebanyak 1,229 permohonan penggunaan Kenderaan Kerajaan telah dibuat oleh pengguna melalui sistem iOFFICE. Sebanyak 848 (68.7%) permohonan telah diluluskan manakala sebanyak 381 (31%) tidak diluluskan atau dibatalkan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada kelulusan bagi tujuh permohonan penggunaan kenderaan telah dibuat oleh Pegawai Kenderaan yang telah dilantik kerana tiada nama pelulus yang direkod pada sistem iOFFICE.

  **MAKLUM BALAS**
  Kelulusan diberi oleh Pegawai Kenderaan Dan Penolong Pegawai Kenderaan BKP yang telah diberi peranan sebagai pelulus.

- Semakan Audit selanjutnya mendapati tandatangan kelulusan bagi 21 rekod perjalanan pada Buku Log telah ditandatangani oleh pegawai yang tidak diberi kuasa.

  **MAKLUM BALAS**
  Teguran telah dibuat kepada pemandu Pejabat Menteri bahawa pengesahan perjalanan di dalam Buku Log hanya boleh disahkan oleh Penolong Pegawai Kenderaan yang dilantik.

- **Buku Log Kenderaan**

PP WP 4.1, (Perenggan 13.1), setiap Kenderaan Kerajaan hendaklah dibekalkan dengan Buku Log bagi tujuan mengawal dan memantau penggunaan kenderaan. Buku Log hendaklah dikemas kini oleh pemandu bagi setiap perjalanan dan penyenggaraan kenderaan.

Semakan Audit terhadap lima Buku Log bagi kenderaan yang diperiksa mendapati perkara berikut:

- Empat Buku Log tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

**JADUAL 21**
**BUKU LOG KENDERAAN TIDAK LENGKAP DAN KEMAS KINI**

| NO PENDAFTARAN KENDERAAN | BUTIR-BUTIR PENGGUNAAN KENDERAAN (DIISI OLEH PEMANDU) | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | BULAN | i | ii | iii | iv | v | vi | vii | viii | ix | x | xi |
| VJT 3510 | Mei | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | x |
| | September | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | x | x | ✓ | x | ✓ | ✓ | ✓ |
| | Oktober | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | x | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| FC 1452 | Januari | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | x | ✓ | ✓ | x | ✓ | ✓ | ✓ |
| | Februari | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | x | ✓ | ✓ | ✓ | x | ✓ | x |
| | April | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | x | ✓ | ✓ | x | ✓ | ✓ |
| VJT 1847 | Februari | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | x | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| | Mac | ✓ | x | ✓ | ✓ | ✓ | x | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| | Julai | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | x | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| WVM 1330 | Januari | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| | Julai | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | x | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| | September | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | x | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |

Nota :

i. Tarikh
ii. Masa
iii. Nama Pemandu
iv. Tujuan dan Destinasi Perjalanan
v. Nama dan Tandatangan Pelulus
vi. Nama dan Tandatangan Pengguna
vii. Bacaan Odometer (Km)
viii. Jarak Perjalanan/Trip Meter (Km)
ix. Pembelian Bahan Api
x. Kadar Penggunaan Bahan Api Bulanan
xi. Disahkan Oleh: Tandatangan/Nama/Jawatan

- Nama pengguna tidak direkodkan bagi bulan September dan Oktober (VJT 3510), bulan April (FC 1452), bulan Februari, Mac dan Julai (VJT 1847) dan bulan Julai dan September (WVM 1330).

- Ruangan jarak perjalanan tersalah rekod bagi VJT 3510 dan FC 1452. Butiran lanjut seperti di jadual berikut.

**JADUAL 22**
**PERMOHONAN DAN KELULUSAN PENGGUNAAN KENDERAAN KUSKOP**

| TARIKH | NOMBOR PENDAFTARAN KENDERAAN | BACAAN ODOMETER SEBELUM (KM) | BACAAN ODOMETER SELEPAS (KM) | JARAK PERJALANAN (KM) | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | BUKU LOG | KIRAAN AUDIT |
| 11.08.2024 | VJT 3510 | 20431 | 20575 | 124 | 144 |
| 02.01.2024 | FC 1452 | 84528 | 84698 | 85 | 170 |

Sumber: Buku Log

- Nama dan tandatangan pelulus tidak direkodkan bagi bulan Januari dan Februari bagi FC 1452 serta bulan September bagi VJT 3510.

- Tiada tandatangan pengesahan Kadar Penggunaan Bahan Api Bulanan oleh Pegawai Kenderaan untuk pengunaan bahan api bulan Mei bagi kenderaan bernombor pendaftaran VJT 3510 dan bulan Februari bagi kenderaan bernombor pendaftaran FC 1452.

- Pembelian bahan api telah tersalah rekod bagi kenderaan bernombor pendaftaran FC 1452 pada bulan Februari dan April. Butirannya adalah seperti di jadual berikut.

**JADUAL 23**
**PEMBELIAN BAHAN API TERSALAH REKOD DI BUKU LOG**

| BIL. | NOMBOR RESIT | JUMLAH (RM) | TARIKH BUKU LOG | TARIKH RESIT |
|---|---|---|---|---|
| 1. | 135351 | 94.50 | 19.02.2024 | 20.02.2024 |
| 2. | dbbf86 | 44.35 | 21.02.2024 | 22.02.2024 |
| 3. | bde2d7 | 98.84 | 26.02.2024 | 27.02.2024 |
| 4. | 664500 | 65.00 | 01.04.2024 | 02.04.2024 |
| 5. | b537e7 | 91.91 | 04.04.2024 | 03.04.2024 |

Sumber: Buku Log dan Resit PETRONAS.

**MAKLUM BALAS**

Semua tindakan pembetulan telah diambil kepada Buku Log.

- Ketua Jabatan tidak melaksanakan Pemeriksaan Mengejut keatas lima Buku Log yang disemak pihak Audit.

**MAKLUM BALAS**

Pemeriksaan mengejut telah dilaksanakan oleh Ketua Jabatan.

- **Perjalanan Tidak Direkod**

Semakan Audit mendapati lima perjalanan tidak direkod berikutan bacaan odometer tidak sama dengan bacaan odometer bagi tarikh berikutnya. Butiran lanjut seperti berikut.

**JADUAL 24**
**JARAK PERJALANAN YANG TIDAK DIREKODKAN DALAM BUKU LOG**

| BIL. | TARIKH | NOMBOR PENDAFTARAN KERETA | NO. SIRI BUKU LOG | BACAAN ODOMETER SEBELUM (KM) | BACAAN ODOMETER SELEPAS (KM) | JARAK PERJALANAN YANG TIDAK DIREKODKAN (KM) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | 23.08.2024 | FC 1452 | L 895944 | 94979 | [redacted] | 141 |
| | 26.08.2024 | | L 895945 | [redacted] | 95049 | |
| 2. | 03.05.2024 | WVM 1330 | N 232859 | 65503 | [redacted] | 5 |
| | 11.06.2024 | | N 232860 | [redacted] | 65508 | |
| 3. | 30.04.2024 | VJT 1847 | L 895772 | 34557 | [redacted] | -20 |
| | 02.05.2024 | | L 895773 | [redacted] | 34537 | |
| 4. | 22.04.2024 | WVM 1247 | P 680461 | 200574 | [redacted] | 10 |
| | 23.04.2024 | | P 680462 | [redacted] | 200584 | |
| 5. | 05.07.2024 | WVM 1247 | P 680468 | 201117 | [redacted] | 22 |
| | 08.08.2024 | | P 680469 | [redacted] | 201139 | |

Sumber: Buku Log

**MAKLUM BALAS**

Kesilapan jarak perjalanan berlaku akibat kesilapan pemandu terlepas pandang rekod odometer perjalanan yang terdahulu.

- **Kawalan Penggunaan Kad Inden Minyak**

Lampiran A PP WP 4.1 berkaitan Perolehan, Penggunaan Dan Kawalan Kad Inden menetapkan seperti berikut:

- Perenggan 5 - setiap transaksi pembelian bahan api hendaklah dicatat dalam Buku Log kenderaan manakala resit bagi setiap transaksi hendaklah disimpan untuk tujuan semakan dan pengesahan.
- Perenggan 7.2 - kad kenderaan hendaklah disimpan oleh Pegawai Kenderaan dan akan diserahkan kepada pemandu sekiranya ada keperluan mengisi bahan api dan ia perlu dikembalikan kepada Pegawai Kenderaan apabila urusan tersebut selesai.
- Perenggan 7.5 - Pegawai Kenderaan mestilah menyediakan buku rekod pergerakan kad inden kenderaan. Buku rekod ini hendaklah dikemas kini, dijaga dengan baik dan diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.
- Perenggan 8 - Penyata Pembelian (Penyata Kad) hendaklah disemak kepada resit pembelian bahan api dan disahkan oleh pemandu/pemegang kad sebelum bayaran dilakukan.

Semakan Audit terhadap lima Buku Rekod Pergerakan Kad Inden Bahan Api bagi kenderaan yang disemak mendapati perkara berikut:

- Pemeriksaan mengejut buku rekod pergerakan kad inden tidak dilaksanakan oleh Ketua Jabatan tetapi dibuat oleh Pegawai Kenderaan.

**MAKLUM BALAS**
Pemeriksaan mengejut hanya dilakukan oleh Pegawai Kenderaan. Unit ini mengambil maklum akan teguran ini dan pemeriksaan mengejut oleh Ketua Jabatan akan dilaksanakan mulai tahun 2025.

- Tiada pengesahan dibuat bagi pembelian bahan api oleh pemandu sebelum bayaran dilakukan. Ini kerana resit yang disimpan tidak disahkan oleh pemandu.

**MAKLUM BALAS**
Tindakan pembetulan telah diambil di buku log tersebut.

- **Kawalan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR)**

PP W.P 4.1, perenggan 12.2, Format Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) hendaklah dikemas kini dan disimpan selamat oleh Pegawai Kenderaan. Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Kenderaan untuk memastikan semua butiran penggunaan kad dimasukkan ke dalam buku rekod sebelum kad diberikan kepada pemandu.

Semakan Audit terhadap lima Buku Rekod Pergerakan dan penggunaan KSBTTR mendapati lima buku rekod pergerakan dan penggunaan KSBTTR tidak lengkap. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 25**
**BUKU REKOD PERGERAKAN DAN PENGGUNAAN KSBTTR TIDAK LENGKAP**

| NO. SIRI KAD KSBTTR | BUKU REKOD PERGERAKAN DAN PENGGUNAAN KSBTTR DIISI DENGAN LENGKAP [YA(✓)/TIDAK(X)] | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | BULAN | i | ii | iii | iv | v | vi | vii | viii | x | xi |
| 16451866959 WVM 1247 | Januari | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | X | X | X | ✓ | ✓ | X |
| | Februari | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | X | X | ✓ | ✓ | ✓ | X |
| | Ogos | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | X | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| 4143611407 FC 1452 | Februari | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | X | ✓ | ✓ | ✓ | X |
| | Ogos | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | X | ✓ | ✓ | ✓ | X |
| | September | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | X | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| 1636205647 VJT 3510 | Mac | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | X | X | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| | Julai | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | X | ✓ | ✓ | ✓ | x |
| | September | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | X | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| 1636206927 VJT 1847 | Februari | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | X | x | ✓ | ✓ | ✓ |
| | Mac | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | X | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| | Mei | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | X | ✓ | ✓ | ✓ | X |

| NO. SIRI KAD KSBTTR | BUKU REKOD PERGERAKAN DAN PENGGUNAAN KSBTTR DIISI DENGAN LENGKAP [YA(✓)/TIDAK(X)] | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | BULAN | i | ii | iii | iv | v | vi | vii | viii | x | xi |
| 1645187151 WVM 1330 | Januari | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | X | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| | Ogos | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | X | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| | September | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | X | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |

Nota :

| | | | |
|---|---|---|---|
| i. | No. Kad | vi. | Perjalanan (dari - ke) |
| ii. | Tarikh Kad Diambil | vii. | Bayaran Tol (RM) |
| iii. | No. Daftar Kenderaan | viii. | Baki apabila ditambah nilai secara automatik (RM) |
| iv. | Nama dan Tandatangan Pemandu | x. | Tarikh dikembalikan |
| v. | Nama dan Tandatangan Pegawai Yang Menyerah Kad | xi. | Nama dan Tandatangan Penerima Kad |

- Tiada nama dan tandatangan pegawai yang menyerahkan kad untuk bulan Januari, Februari dan Ogos bagi kenderaan bernombor pendaftaran WVM 1247, bulan Mac bagi kenderaan bernombor pendaftaran VJT 3510 dan bulan Mac bagi kenderaan bernombor pendaftaran VJT 1847.

  **MAKLUM BALAS**
  Tindakan pembetulan telah diambil kepada buku pergerakan KSBTTR.

- Bayaran tol tidak direkodkan pada 8 Januari 2024 bagi kenderaan bernombor pendaftaran WVM 1247.

  **MAKLUM BALAS**
  Semakan BKP ke atas rekod TNG tersebut didapati terdapat kesilapan rekod penggunaan kad TNG. BKP telah menyusuli perkara ini bersama pihak TNG melalui e-mel bertarikh 10 Januari 2025.

- Tiada catatan bagi perjalanan (dari – ke) mengikut setiap tol yang dilalui oleh pemandu bagi semua rekod yang disemak. Rekod dicatatkan secara *lumpsum* bagi satu perjalanan berdasarkan setiap tarikh walaupun melalui lebih dari satu tol bagi setiap perjalanan. Butiran perjalanan perlu diisi secara terperinci bagi mengelakkan penyalahgunaan.

  **MAKLUM BALAS**
  BKP telah menyemak silang secara terperinci dengan penyata bulanan TNG yang dikeluarkan pada akhir bulan ke atas setiap catatan yang dituliskan walaupun secara *lumpsum*. Semakan silang tersebut telah dijalankan pada setiap akhir bulan oleh pihak BKP.

- Kesilapan mencatat bayaran tol pada bulan 18 Februari 2024 bagi VJT 1847.

  **MAKLUM BALAS**
  Tindakan pembetulan telah diambil kepada buku log.

- Nama dan tandatangan penerima kad tidak dicatatkan dalam rekod pergerakan KSBTTR pada bulan Januari dan Februari bagi WVM 1247, bulan Februari dan Ogos bagi FC 1452, bulan Julai bagi VJT 3510 dan bulan Mei bagi VJT 1847.

  **MAKLUM BALAS**
  Kereta Jabatan dipinjam oleh Pemandu YBTM disebabkan kereta yang dibekalkan mengalami kerosakan seperti bulan-bulan yang dinyatakan oleh pihak audit. Pergerakan Kenderaan tersebut mengikut jadual YBM. Catatan hanya dapat dibuat sehingga kad dapat dipulangkan kepada Unit Kenderaan

- Format buku rekod pergerakan KSBTTR yang digunakan tidak mengikut format dalam PP W.P 4.1 Lampiran B1. Format yang digunakan tidak mempunyai ruangan Tarikh Dikembalikan.

  **MAKLUM BALAS**
  Tindakan kemaskini telah dilaksanakan kepada Buku Rekod KSBTTR seperti Lampiran M dan telah digunakan mulai 2 Januari 2025.

- Tiada pengesahan semakan oleh Pegawai Kenderaan pada rekod pergerakan dan penggunaan KSBTTR dan Penyata Touch ’n Go bagi kesemua rekod KSBTTR yang disemak.

  **MAKLUM BALAS**
  Tindakan pembetulan telah dilaksanakan kepada Buku Rekod KSBTTR.

- **Notis Kesalahan Lalu Lintas/Saman**

PP - WP 4.1, Perenggan 14, pemandu adalah bertanggungjawab menyelesaikan notis kesalahan lalu lintas/saman yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa (Polis Diraja Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Pengangkutan Jalan dan pihak-pihak lain) jika kesalahan dilakukan oleh pemandu. Sekiranya sesuatu kesalahan lalu lintas dilakukan oleh pemandu atas arahan pegawai pengguna, maka pegawai tersebut hendaklah bertanggungjawab untuk menyelesaikan notis kesalahan lalu lintas/saman tersebut dengan syarat arahan untuk melakukan kesalahan berkenaan hendaklah dicatat dalam Buku Log dan disahkan oleh pegawai pengguna. Sekiranya pemandu/pegawai pengguna tidak menyelesaikan saman tertunggak setelah diberi peringatan bertulis dalam tempoh sebulan oleh Ketua Jabatan, tindakan berikut hendaklah dilaksanakan:

- Ketua Jabatan hendaklah membuat proses tukar nama saman daripada kementerian/jabatan kepada pemandu/ pegawai pengguna; atau

- Ketua Jabatan boleh mendahulukan bayaran saman menggunakan peruntukan kementerian/jabatan dan mengambil tindakan memotong gaji pemandu/pegawai pengguna berkenaan secara sekali gus atau ansuran mengikut jumlah saman.

Semakan Audit mendapati sehingga bulan November 2024 terdapat 41 saman tertunggak berjumlah RM4,210 bagi 18 Kenderaan Rasmi Jawatan (KRJ) KUSKOP yang dikeluarkan antara tahun 2011 hingga 2024 masih belum dijelaskan.

**MAKLUM BALAS**

Bahagian ini telah mengemas kini rekod notis kesalahan lalu lintas / saman sehingga Disember 2024. BKP sedang menunggu arahan selanjutnya daripada Pengurusan tertinggi KUSKOP.

Selain itu, pihak Audit dimaklumkan senarai saman bagi kenderaan gunasama telah disediakan. Bagaimanapun, senarai tersebut tidak dapat dikemukakan kerana terdapat masalah teknikal pada komputer pegawai yang menyediakan senarai tersebut.

**MAKLUM BALAS**

Rekod saman bagi kenderaan jabatan sedang dalam pengemaskinian dan surat arahan bayaran saman akan dikeluarkan segera.

**iii. Pengurusan Kenderaan Rasmi Jawatan**

- **Penyata Bulanan Pembekal**

WP 4.1 Lampiran A perenggan 5.2, pegawai yang memandu sendiri Kereta Rasmi Jawatan tidak perlu mengisi transaksi Kad Inden di dalam Buku Log tetapi hendaklah mengesahkan penyata bulanan yang dikeluarkan oleh pembekal.

Semakan Audit terhadap penyata bulanan yang dikeluarkan oleh PETRONAS mendapati tiada bukti pengesahan dibuat oleh pegawai yang menggunakan KRJ bagi penggunaan kad inden minyak.

**MAKLUM BALAS**

Bahagian ini mengambil maklum perkara ini dan memastikan pengesahan ke atas penyata bulanan minyak dilaksanakan mulai Januari 2025.

### iv. Kemalangan Kenderaan

PP W.P 4.2, perenggan 3.1.1, apabila sesebuah Kenderaan Kerajaan terlibat dengan sesuatu kemalangan, pemandu hendaklah:

(a) Melaporkan kemalangan itu ke balai polis yang berhampiran dalam tempoh 24 jam dari kemalangan itu berlaku;
(b) Memberi laporan secara lisan kepada Ketua Jabatan; dan
(c) Mengisi **Borang Laporan Kemalangan Am 362A** (**Lampiran A**). Borang ini hendaklah diisi dengan seberapa segera yang boleh dan diserahkan kepada Ketua Jabatan dalam tempoh 48 jam kemalangan itu berlaku.

Selain itu, berdasarkan perenggan 3.12 PP W.P 4.2, Ketua Jabatan bertanggungjawab melaporkan dengan segera kepada Perbendaharaan Malaysia tiap-tiap kes kemalangan jalan raya yang melibatkan Kenderaan Kerajaan Malaysia.

Semakan Audit mendapati satu kemalangan telah berlaku pada 25 Oktober 2023 bagi kenderaan bernombor pendaftaran FC 1452 jenis Toyota Innova. Laporan polis telah dibuat dan makluman kes telah dihantar kepada Penasihat Undang-undang KUSKOP. Bagaimanapun, kes kemalangan tersebut tidak dilaporkan kepada Perbendaharaan Malaysia oleh Ketua Jabatan.

**MAKLUM BALAS**

Semakan Bahagian ini bersama Seksyen pengurusan Kenderaan MOF memaklumkan bahawa perkara ini perlu dilaporkan kepaa MOF untuk tujuan rekod. Oleh itu, Bahagian ini telah menyediakan surat tersebut dan akan dikemukakan kepada MOF pada 13 Januari 2025.

| Pendapat Audit | **Pengurusan Kenderaan Kerajaan di KUSKOP adalah baik. Buku Log, Buku Rekod Pergerakan Kad Inden serta Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan KSBTTR tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Selain itu, sebanyak 41 saman tertunggak berjumlah RM4,210.00 melibatkan 18 Kenderaan Rasmi Jawatan masih belum dibayar.** |
|---|---|

### 3.2.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan didapati secara keseluruhannya pengurusan kewangan di KUSKOP bagi Pengurusan Aset dan Stor serta Kenderaan adalah **baik**. KUSKOP perlu memastikan tahap prestasi pengurusan kewangan ini dipertingkatkan melalui usaha penambahbaikan yang berterusan. Tindakan *preventive* juga perlu diambil bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang.

Ketua Jabatan perlu memastikan Pengurusan Aset dan Stor serta Kenderaan dibuat mengikut peraturan kewangan yang berkaitan serta kuasa yang diberikan kepada pegawai. Selain itu, Ketua Jabatan perlu mengadakan penyeliaan dan membuat semakan yang lebih teliti terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pegawai pelaksana yang terlibat dengan urusan aset dan stor serta kenderaan untuk memastikan peraturan kewangan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi.

Sebagai penambahbaikan Ketua Jabatan disyorkan untuk mengambil tindakan berikut:

3.2.5.1. Perancangan Penyelenggaraan dan Pelupusan Aset dan Stok dijadikan agenda tetap mesyuarat dan tindakan susulan diambil terhadap semua keputusan mesyuarat JKPAK.

3.2.5.2. Mengeluarkan surat pelantikan Pegawai Aset kepada pegawai yang berkenaan dengan segera.

3.2.5.3. Memastikan Aset Alih dan Stok diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan terutamanya dari segi penyediaan dan pengemaskinian rekod/daftar dan pelaporan.

3.2.5.4. Mengenalpasti lokasi 38 Aset Alih yang tidak wujud semasa pemeriksaan Audit.

3.2.5.5. Memastikan pemeriksaan aset dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

3.2.5.6. Menyenggara, mengemaskini dan memeriksa Buku Log, Buku Rekod Pergerakan Kad Inden serta Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan KSBTTR secara berkala mengikut peraturan yang ditetapkan.

3.2.5.7. Menyelesaikan semua saman tertunggak terhadap Kereta Rasmi Jawatan KUSKOP mengikut tatacara yang telah ditetapkan.

3.2.5.8. Pegawai yang terlibat dengan Pengurusan Aset Dan Stor serta Kenderaan hendaklah diberi latihan dan kursus sewajarnya supaya memahami arahan, peraturan kewangan dan pekeliling yang ditetapkan serta mahir dalam menjalankan tugas harian dengan lebih cekap dan berkesan.

# LAPORAN TAHUNAN 2024

## BAHAGIAN 4

# PENGAUDITAN PENGURUSAN PEROLEHAN

UNIT AUDIT DALAM KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

# PENGURUSAN PEROLEHAN SEBUT HARGA DAN PEMBELIAN TERUS DI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR

## Rumusan Audit

Perolehan latihan di PKK **tidak diurus dengan teratur** dan **tidak mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.**

## Latar Belakang

Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) 2023 dan 2024 sebanyak 213 latihan dengan anggaran perbelanjaan berjumlah RM2.24 juta telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal untuk dilaksanakan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).

## Perancangan Perolehan Tahunan

**2023 - ANGGARAN PERBELANJAAN RM1.13 JUTA (82 KURSUS)**

**2024 - ANGGARAN PERBELANJAAN RM1.11 JUTA (131 KURSUS)**

## Skop

6 Latihan
Tahun 2023 dan 2024
(sehingga Julai 2024)

### PRESTASI PEROLEHAN

**BAIK**
Sebanyak 200 (93.9%) latihan telah dilaksanakan berbanding kelulusan.

### PENGURUSAN PEROLEHAN

**BAIK**
Prestasi Kewangan

**MEMUASKAN**
Pemantauan

**KURANG MEMUASKAN**
Pentadbiran Kontrak

**TIDAK MEMUASKAN**
Pergurusan Perolehan

### PELAKSANAAN LATIHAN

**2023**
Rancang 82
Laksana 105

**2024 (Julai)**
Rancang 131
Laksana 95

## PENEMUAN AUDIT

- Pindaan Perancangan Perolehan Tahunan tidak dikemukakan kepada Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Pegawai Yang Diturunkan Kuasa untuk kelulusan.
- Kadar Piawai yang digunakan untuk membuat pembayaran kepada bukan penjawat awam adalah tidak teratur.
- 19 perolehan tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus.
- Pembayaran tenaga pengajar/penceramah terlebih bayar sebanyak RM31,800.
- Terma dan syarat perkhidmatan tidak disediakan/ dilampirkan bersama 26 Pesanan Kerajaan.

## SYOR AUDIT

Pusat Khidmat Kontraktor perlu mengambil tindakan berikut:

- Pindaan PPT hendaklah diluluskan sebelum perolehan dilaksanakan.
- Penetapan Kadar Piawai PKK dibawa ke Lembaga Perolehan Agensi untuk kelulusan.
- Mendapatkan kelulusan PBM sebelum melaksanakan perolehan.
- Bayaran dibuat berdasarkan perkhidmatan/bekalan yang dibekalkan.
- Menyatakan dengan jelas terma dan syarat bagi perkhidmatan yang diperolehi bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara.

# 4. PENGAUDITAN PENGURUSAN PEROLEHAN

**PENGURUSAN PEROLEHAN SEBUT HARGA DAN PEMBELIAN TERUS PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR**

## 4.1 LATAR BELAKANG

Peraturan dan Tatacara Perolehan dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia berkaitan Perolehan Kerajaan (PP/PK) adalah selaras dengan Seksyen 4, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Perolehan Kerajaan hendaklah dilaksanakan berdasarkan amalan tatakelola baik dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Berdasarkan Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) 2023 dan 2024, sebanyak 213 latihan dengan anggaran perbelanjaan berjumlah RM2.24 juta telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal untuk dilaksanakan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK). Butirannya adalah seperti di jadual berikut.

**JADUAL 26**
**PERANCANGAN PEROLEHAN TAHUNAN 2023 DAN 2024 YANG DILULUSKAN**

| BIL. | TAJUK LATIHAN | BILANGAN KURSUS | ANGGARAN PERBELANJAAN (RM) |
|---|---|---|---|
| **TAHUN 2023** | | | |
| 1. | Kursus Pengukuhan Pasukan PKK Ibu Pejabat dan Cawangan Negeri | 1 | 45,000 |
| 2. | Kursus Pemantapan Pengendalian Centralised Information Management System (CIMS) | 1 | 27,000 |
| 3. | Kursus Pemantapan Pelaksanaan SKWAK | 1 | 27,000 |
| 4. | Kursus Pemantapan Pelaksanaan Siasatan & Inspektorat Sijil Taraf Bumiputera & Tindakan Tatatertib STB | 1 | 27,000 |
| 5. | Seminar Pembangunan Kapasiti Kontraktor (1 Kursus) Siri 1 | 1 | 108,050 |
| 6. | Seminar Pembangunan Kapasiti Kontraktor (1 Kursus) Siri 2 | 1 | 108,050 |
| 7. | Kursus Tambah Bidang Anjuran PKK Cawangan Negeri (14 Kursus) – Pelbagai Tajuk | 14 | 443,800 |
| 8. | Kursus Asas Teknikal /Pengurusan Anjuran PKK Cawangan Negeri (28 Kursus) – Pelbagai Tajuk | 28 | 98,000 |
| 9. | Webinar Kursus Asas Teknikal /Pengurusan Anjuran PKK Cawangan Negeri (28 Kursus) – Pelbagai Tajuk | 28 | 89,600 |
| 10. | Kursus Tambah Bidang Anjuran Bersama PKMM | 1 | 31,700 |
| 11. | Kursus Tambah Bidang Anjuran Bersama PKBM | 1 | 31,700 |
| 12. | Kursus Tambah Bidang Anjuran Bersama PERKOBF | 1 | 31,700 |
| 13. | Kursus Teknikal 1 – Kursus Kualiti Kerja Dalam Penurapan Jalan | 1 | 12,000 |
| 14. | Program Latihan Tapak dan Khidmat Komuniti (PLTKK) – Siri 1 | 1 | 22,700 |
| 15. | Program Latihan Tapak dan Khidmat Komuniti (PLTKK) – Siri 2 | 1 | 22,700 |
| | **JUMLAH TAHUN 2023** | **82** | **1,126,000** |
| **TAHUN 2024** | | | |
| 1. | Bengkel Pembangunan Sistem SKWAK | 1 | 25,000 |
| 2. | Program Pengukuhan Pasukan Ibu Pejabat dan 14 PKK Cawangan Negeri | 1 | 48,000 |
| 3. | Program Padanan Perniagaan Vendor Bahan Binaan Bumiputera Bersama YBM KUSKOP | 1 | 65,200 |
| 4. | Kursus Tambah Bidang Anjuran PKK Cawangan Negeri (5 Kursus) – Pelbagai Tajuk | 5 | 205,000 |
| 5. | Kursus Asas Teknikal Anjuran PKK Cawangan Negeri (34 Kursus) – Pelbagai Tajuk | 34 | 394,400 |

| BIL. | TAJUK LATIHAN | BILANGAN KURSUS | ANGGARAN PERBELANJAAN (RM) |
|---|---|---|---|
| 6. | Kursus Asas Pengurusan Anjuran PKK Cawangan Negeri (78 Kursus) – Pelbagai Tajuk | 78 | 187,200 |
| 7. | Kursus Asas Teknikal Anjuran Bersama PKMM (4 Kursus) – Pelbagai Tajuk | 4 | 46,400 |
| 8. | Kursus Tambah Bidang Anjuran Bersama PKBM | 1 | 41,000 |
| 9. | Kursus Tambah Bidang Anjuran Bersama PERKOBF | 1 | 41,000 |
| 10. | *Business Matching* Anjuran PKK Cawangan Negeri (3 Kursus) – Pelbagai Tajuk | 3 | 19,800 |
| 11. | Kursus/Bengkel Penambahbaikan Hala Tuju /Pelan Strategik Vendor Binaan | 1 | 35,000 |
| 12. | Taklimat SOP Permohonan SKWAK/Kutipan Balik SKWAK | 1 | 2,800 |
| | **JUMLAH TAHUN 2024** | **131** | **1,110,800** |
| | **JUMLAH** | **213** | **2,236,800** |

Sumber: PPT PPK Tahun 2023 & 2024

## 4.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menentukan sama ada perolehan sebut harga dan pembelian terus berkaitan latihan di PKK telah diurus dengan teratur dan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.

## 4.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ialah dari tahun 2023 hingga bulan Julai 2024 meliputi prestasi perolehan, prestasi kewangan, pengurusan perolehan, pentadbiran kontrak serta pemantauan. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak fail, rekod, laporan, minit mesyuarat dan dokumen berkaitan.

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Julai hingga Ogos 2024. Sebanyak enam latihan dengan anggaran nilai perolehan berjumlah RM1.43 juta yang dilaksanakan pada tahun 2023 dan 2024 (sehingga Julai 2024) telah dipilih untuk semakan Audit. Butirannya adalah seperti di jadual berikut.

**JADUAL 27**
**SENARAI LATIHAN YANG TERPILIH UNTUK SEMAKAN AUDIT**

| BIL. | TAJUK LATIHAN | ANGGARAN NILAI PEROLEHAN (RM) |
|---|---|---|
| | **TAHUN 2023** | |
| 1. | Kursus Tambah Bidang Anjuran PKK Cawangan Negeri (14 Kursus) – Pelbagai Tajuk | 443,800 |
| 2. | Webinar Kursus Asas Teknikal /Pengurusan Anjuran PKK Cawangan Negeri (28 Siri) – Pelbagai Tajuk | 89,600 |
| 3. | Seminar Pembangunan Kapasiti Kontraktor Siri 1 | 108,050 |
| | **TAHUN 2024** | |
| 4. | Kursus Tambah Bidang Anjuran PKK Cawangan Negeri (5 Kursus) – Pelbagai Tajuk | 205,000 |
| 5. | Kursus Asas Teknikal Anjuran PKK Cawangan Negeri (34 Kursus) – Pelbagai Tajuk | 394,400 |
| 6. | Kursus Asas Pengurusan Anjuran PKK Cawangan Negeri (78 Kursus) – Pelbagai Tajuk | 187,200 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN (RM)** | **1,428,050** |

## 4.4 PENEMUAN AUDIT

Ringkasan penemuan Audit yang perlu diberi perhatian sewajarnya dan ditambah baik adalah seperti berikut:

a. Perbelanjaan bagi tahun 2023 telah melebihi peruntukan sebanyak RM60,000 (7.5%) daripada jumlah diperuntukan sebanyak RM800,000 manakala masih terdapat 36 kursus belum dilaksanakan;

b. Pindaan terhadap Perancangan Perolehan Tahunan tidak dikemukakan kepada Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Pegawai Yang Diturunkan Kuasa untuk pengesahan dan kelulusan;

c. Perolehan latihan dibuat secara pembelian terus dan penilaian kadar bayaran kepada golongan sasar dan perolehan perkhidmatan bukan pegawai awam tidak dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Kadar;

d. 15 perolehan kursus/program rasmi berjumlah RM0.47 juta yang melibatkan golongan sasar dan perkhidmatan kepakaran daripada kalangan bukan pegawai awam yang melebihi had nilai perbelanjaan RM20,000 tidak dikemukakan kepada Jawatankuasa Sebutharga selaku PBM untuk kelulusan;

e. Kadar Piawai PKK yang digunakan untuk membuat pembayaran kepada bukan penjawat awam adalah tidak teratur;

f. Empat perolehan latihan berjumlah RM58,200 tidak dikemukakan kepada PBM untuk kelulusan;

g. Sejumlah RM3,000 yuran pendaftaran peserta (RM300/peserta) telah dibayar untuk 10 peserta yang tidak menghadiri kursus;

h. Bayaran penuh untuk makan/minum dan nota kursus telah dibuat walaupun terdapat peserta yang tidak menghadiri kursus yang dilaksanakan;

i. Pembayaran tenaga pengajar/penceramah terlebih bayar sebanyak RM31,800;

j. Bayaran kepada tenaga pengajar tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap;

k. Terma dan syarat perkhidmatan tidak disediakan/dilampirkan bersama 26 Pesanan Kerajaan; dan

l. Enam Laporan Pemantauan Program/Kursus Anjuran PKK telah lewat disediakan antara 2 hari hingga 13 hari.

Butiran lanjut mengenai perkara yang ditemui semasa pengauditan dijalankan adalah seperti di perenggan berikut:

### 4.4.1 Prestasi Perolehan Latihan

#### 4.4.1.1 Kelulusan dan Pelaksanaan

a. Prestasi perolehan latihan dinilai berdasarkan bilangan latihan yang dilaksanakan berbanding bilangan latihan yang diluluskan. Berdasarkan PPT tahun 2023 dan 2024, PKK telah merancang untuk melaksanakan sebanyak 213 latihan dengan anggaran perbelanjaan berjumlah RM2.24 juta yang terdiri daripada 206 latihan untuk kontraktor dan tujuh latihan untuk warga kerja PKK.

b. Semakan Audit mendapati sehingga Julai 2024, PPK telah berjaya melaksanakan sebanyak 95 (72.52%) latihan berbanding 131 yang dirancang bagi tahun 2024.

c. Bagi tahun 2023 pula, sebanyak 105 (128.05%) latihan telah dilaksanakan melebihi yang dirancang sebanyak 82. Bagaimanapun, tujuh latihan yang dirancang tidak dilaksanakan dan dua latihan yang tidak tersenarai di PPT telah dilaksanakan oleh PKK. Selain itu, sebanyak 84 latihan Webinar Kursus Asas Teknikal/Pengurusan Anjuran PKK Cawangan Negeri telah dilaksanakan berbanding kelulusan sebanyak 28 latihan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut.

**JADUAL 28**
**PELAKSANAAN LATIHAN DI PKK PADA TAHUN 2023 DAN 2024**

| BIL. | TAJUK LATIHAN | KELULUSAN (Bil.) | PELAKSANAAN (Bil.) | ANGGARAN PERBELANJAAN (RM) |
|---|---|---|---|---|
| **TAHUN 2023** | | | | |
| **LATIHAN UNTUK WARGA KERJA PKK** | | | | |
| 1. | Kursus Pengukuhan Pasukan PKK Ibu Pejabat dan Cawangan Negeri | 1 | 0 | 45,000 |
| 2. | Kursus Pemantapan Pengendalian *Centralised Information Management System (CIMS)* | 1 | 1 | 27,000 |
| 3. | Kursus Pemantapan Pelaksanaan SKWAK | 1 | 0 | 27,000 |
| 4. | Kursus Pemantapan Pelaksanaan Siasatan & Inspektorat Sijil Taraf Bumiputera & Tindakan Tatatertib | 1 | 1 | 27,000 |
| **LATIHAN UNTUK KONTRAKTOR** | | | | |
| 5. | Seminar Pembangunan Kapasiti Kontraktor (1 Kursus) Siri 1 | 1 | 1 | 108,050 |
| 6. | Seminar Pembangunan Kapasiti Kontraktor (1 Kursus) Siri 2 | 1 | 0 | 108,050 |
| 7. | Kursus Tambah Bidang Anjuran PKK Cawangan Negeri (14 Kursus) – Pelbagai Tajuk | 14 | 13 | 443,800 |
| 8. | Kursus Asas Teknikal /Pengurusan Anjuran PKK Cawangan Negeri (28 Kursus) – Pelbagai Tajuk | 28 | 0 | 98,000 |

| BIL. | TAJUK LATIHAN | KELULUSAN (Bil.) | PELAKSANAAN (Bil.) | ANGGARAN PERBELANJAAN (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 9. | Webinar Kursus Asas Teknikal /Pengurusan Anjuran PKK Cawangan Negeri (28 Kursus) – Pelbagai Tajuk | 28 | 84 | 89,600 |
| 10. | Kursus Tambah Bidang Anjuran Bersama PKMM | 1 | 1 (Digantikan dengan Kursus Asas Teknikal) | 31,700 |
| 11. | Kursus Tambah Bidang Anjuran Bersama PKBM | 1 | 0 | 31,700 |
| 12. | Kursus Tambah Bidang Anjuran Bersama PERKOBF | 1 | 1 | 31,700 |
| 13. | Kursus Teknikal 1 – Kursus Kualiti Kerja Dalam Penurapan Jalan | 1 | 1 | 12,000 |
| 14. | Program Latihan Tapak dan Khidmat Komuniti (PLTKK) – Siri 1 | 1 | 0 | 22,700 |
| 15. | Program Latihan Tapak dan Khidmat Komuniti (PLTKK) – Siri 2 | 1 | 0 | 22,700 |
| 16. | Kursus Asas Pemahaman Lukisan Simbol dan Skala Untuk Kerja Bangunan dan Kejuruteraan | Tambahan | 1 | Tiada |
| 17. | Proses Pembangunan Hartanah dan Pengurusan Kewangan Untuk Kontraktor Bumiputera | Tambahan | 1 | Tiada |
| | **JUMLAH TAHUN 2023 (RM)** | **82** | **105** | **1,126,000** |
| **TAHUN 2024** | | | | |
| **LATIHAN UNTUK WARGA KERJA PKK** | | | | |
| 18. | Bengkel Pembangunan Sistem SKWAK | 1 | Belum Laksana | 25,000 |
| 19. | Program Pengukuhan Pasukan Ibu Pejabat dan 14 PKK Cawangan Negeri | 1 | Belum Laksana | 48,000 |
| 20. | Taklimat SOP Permohonan SKWAK/Kutipan Balik | 1 | Belum Laksana | 2,800 |
| **LATIHAN UNTUK KONTRAKTOR** | | | | |
| 21. | Program Padanan Perniagaan Vendor Bahan Binaan Bumiputera Bersama YBM KUSKOP | 1 | Belum Laksana | 65,200 |
| 22. | Kursus Tambah Bidang Anjuran PKK Cawangan Negeri (5 Kursus) – Pelbagai Tajuk | 5 | 4 | 205,000 |
| 23. | Kursus Asas Teknikal Anjuran PKK Cawangan Negeri (34 Kursus) – Pelbagai Tajuk | 34 | 21 | 394,400 |
| 24. | Kursus Asas Pengurusan Anjuran PKK Cawangan Negeri (78 Kursus) – Pelbagai Tajuk | 78 | 65 | 187,200 |
| 25. | Kursus Asas Teknikal Anjuran Bersama PKMM (4 Kursus) – Pelbagai Tajuk | 4 | Belum Laksana | 46,400 |
| 26. | Kursus Tambah Bidang Anjuran Bersama PKBM | 1 | 1 | 41,000 |
| 27. | Kursus Tambah Bidang Anjuran Bersama PERKOBF | 1 | 1 | 41,000 |
| 28. | *Business Matching* Anjuran PKK Cawangan Negeri (3 Kursus) – Pelbagai Tajuk | 3 | 3 | 19,800 |
| 29. | Kursus/Bengkel Penambahbaikan Hala Tuju /Pelan Strategik Vendor Binaan | 1 | Belum Laksana | 35,000 |
| | **JUMLAH TAHUN 2024** | **131** | **95** | **1,110,800** |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **213** | **200** | **2,236,800** |

Sumber: PPT Tahun 2023 & 2024, Perincian Pelaksanaan Program/Kursus Tahun 2023 dan Dashboard 26/7/2024

## MAKLUM BALAS/STATUS TERKINI

PKK berpandangan pindaan terhadap PPT hanya perlu dibuat sekiranya perancangan aktiviti/program adalah melebihi peruntukan tahunan yang disalurkan pada tahun semasa oleh pihak Kementerian.Oleh yang demikian, tiada sebarang pindaan PPT yang dibuat bagi tempoh penganjuran bermula Januari 2023 hingga Julai 2024.

Walaubagaimanapun, PKK akan membuat pindaan terhadap PPT dan diangkat kepada Pegawai Pengawal atau mana-mana Pegawai yang diturunkan kuasa bagi kursus-kursus yang memerlukan pindaan pada masa akan datang.

| | |
|---|---|
| **Pendapat Audit** | **Prestasi pelaksanaan latihan di PKK adalah baik. Sebanyak 200 (93.9%) latihan telah dilaksanakan berbanding kelulusan.** |

### 4.4.2 Pengurusan Perolehan Latihan

Pengurusan perolehan latihan dinilai berdasarkan empat aspek iaitu prestasi kewangan, pengurusan perolehan, pentadbiran kontrak serta pemantauan.

#### 4.4.2.1 Prestasi Kewangan

a. Pada tahun 2023 dan 2024 (sehingga 31 Julai), PKK telah diperuntukan sejumlah RM1.80 juta di bawah Vot Program/Aktiviti Pembangunan Kapasiti Kontraktor (B26 - 040301) untuk mengendalikan latihan kepada kontraktor. Bagaimanapun, tiada peruntukan khusus yang diluluskan untuk latihan kepada warga PKK. Pelaksanaan latihan kepada warga PKK bergantung kepada penjimatan/lebihan peruntukan Program/Aktiviti Pusat Khidmat Kontraktor (B26 - 020401).

b. Analisa Audit mendapati bagi tahun 2023 hingga bulan Julai 2024, PKK telah berbelanja sejumlah RM1.26 juta (70%) untuk melaksanakan 200 latihan. Perbelanjaan bagi tahun 2023 telah melebihi peruntukan sebanyak RM60,000 (7.5%) daripada jumlah diperuntukan sebanyak RM800,000. Sebanyak RM400,000 (40%) peruntukan Program/Aktiviti Pembangunan Kapasiti Kontraktor tahun 2024 telah dibelanjakan dan masih terdapat 36 kursus belum dilaksanakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut.

**JADUAL 29**
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2023 DAN 2024**

| TAHUN | PERUNTUKAN DITERIMA (RM Juta) | | | PERUNTUKAN DIBELANJAKAN (RM Juta) | | | PRESTASI PERBELANJAAN (%) (f/c X 100) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | A (a) | B (b) | JUMLAH (RM) [c=(a+b)] | A (d) | B (e) | JUMLAH (RM) [f=(d+e)] | |
| 2023 | 0.00 | 0.80 | 0.80 | 0.06 | 0.80 | 0.86 | 107.5 |
| 2024 | 0.00 | 1.0* | 1.0 | 0.00 | 0.40 | 0.40 | 40 |
| **JUMLAH (RM)** | **0.00** | **1.80** | **1.80** | **0.06** | **1.20** | **1.26** | **70** |

Sumber: Laporan Kedudukan Vot B (Bekalan) ( Ringkasan ) B26 – 040301
Nota: A - Program/Aktiviti Pusat Khidmat Kontraktor
B - Program/Aktiviti Pembangunan Kapasiti Kontraktor
*- sehingga 29 Julai 2024

**JADUAL 30**
**SENARAI LATIHAN YANG TELAH DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2023 DAN 2024**

| BIL. | TAJUK LATIHAN | BILANGAN LATIHAN DILAKSANAKAN | PERBELANJAAN (RM) |
|---|---|---|---|
| **TAHUN 2023** | | | |
| **LATIHAN UNTUK WARGA KERJA PKK** | | | |
| 1. | Kursus Pemantapan Pengendalian Centralised Information Management System (CIMS) | 1 | 30,560 |
| 2. | Kursus Pemantapan Pelaksanaan Siasatan & Inspektorat Sijil Taraf Bumiputera & Tindakan Tatatertib | 1 | 28,520 |
| **LATIHAN UNTUK KONTRAKTOR** | | | |
| 3. | Seminar Pembangunan Kapasiti Kontraktor (1 Kursus) Siri 1 | 1 | 71,600 |
| 4. | Kursus Tambah Bidang Anjuran PKK Cawangan Negeri (14 Kursus) – Pelbagai Tajuk | 13 | 399,630 |
| 5. | Webinar Kursus Asas Teknikal /Pengurusan Anjuran PKK Cawangan Negeri (28 Kursus) – Pelbagai Tajuk | 84 | 201,600 |
| 6. | Kursus Tambah Bidang Anjuran Bersama PKMM | 1 | 32,500 |
| 7. | Kursus Tambah Bidang Anjuran Bersama PERKOBF | 1 | 31,680 |
| 8. | Kursus Teknikal 1 – Kursus Kualiti Kerja Dalam Penurapan Jalan | 1 | 11,910 |
| **KURSUS TAMBAHAN** | | | |
| 9. | Kursus Asas Pemahaman Lukisan Simbol dan Skala Untuk Kerja Bangunan dan Kejuruteraan | 1 | 37,500 |
| 10. | Proses Pembangunan Hartanah dan Pengurusan Kewangan Untuk Kontraktor Bumiputera | 1 | 12,700 |
| **JUMLAH TAHUN 2023** | | **105** | **858,200** |
| **TAHUN 2024** | | | |
| **LATIHAN UNTUK KONTRAKTOR** | | | |
| 11. | Kursus Tambah Bidang Anjuran PKK Cawangan Negeri (5 Kursus) – Pelbagai Tajuk | 4 | 70,066 |
| 12. | Kursus Asas Teknikal Anjuran PKK Cawangan Negeri (34 Kursus) – Pelbagai Tajuk | 21 | 148,468 |
| 13. | Kursus Asas Pengurusan Anjuran PKK Cawangan Negeri (78 Kursus) – Pelbagai Tajuk | 65 | 110,400 |
| 14. | Kursus Tambah Bidang Anjuran Bersama PKBM | 1 | 20,700 |
| 15. | Kursus Tambah Bidang Anjuran Bersama PERKOBF | 1 | 40,996 |
| 16. | *Business Matching* Anjuran PKK Cawangan Negeri (3 Kursus) – Pelbagai Tajuk | 3 | 9,000 |
| **JUMLAH TAHUN 2024** | | **95** | **399,630** |
| **JUMLAH KESELURUHAN (RM)** | | **200** | **1,257,830** |

## MAKLUM BALAS/STATUS TERKINI

PKK telah menerima peruntukan berjumlah RM 1.8 juta bagi pelaksanaan kursus/program bagi tahun 2023 dan 2024 di bawah VOT Program/Aktiviti Pembangunan Kapasiti Kontraktor (B26-040301). Peruntukan yang diterima ini hanya terpakai bagi penganjuran kursus melibatkan kontraktor sahaja.

Hasil semakan yang dibuat berhubung penemuan audit tersebut, penganjuran Kursus Pemantapan Sistem CIMS dan Siasatan Inspektorat berjumlah RM 59,080 adalah menggunakan peruntukan sepenuhnya di bawah belanja mengurus Jabatan dan ianya adalah tidak melebihi peruntukan semasa Jabatan.

Sehingga Julai 2024, Seksyen Pembangunan Kompetensi telah menganjurkan sebanyak 95 kursus dengan kos perbelanjaan selepas tanggungan adalah sebanyak RM 587,816

(58.7%) dan baki peruntukan sebanyak 41.3% akan dibelanjakan untuk baki perancangan kursus selebihnya sehingga Oktober 2024

| Pendapat Audit | **Prestasi kewangan adalah baik. Sehingga bulan Julai 2024 sejumlah RM0.40 juta (40%) peruntukan telah dibelanjakan.** |
|---|---|

#### 4.4.2.2 Pengurusan Perolehan

**a. Perancangan Perolehan Tahunan**

i. Berdasarkan perenggan 3 PK 2.1, agensi adalah bertanggungjawab untuk menyediakan Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) masing-masing selaras dengan prinsip tatakelola baik. Sebarang pindaan kepada PPT hendaklah mendapat pengesahan dan kelulusan daripada Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/ Pegawai Yang Diturunkan Kuasa.

ii. Semakan Audit mendapati PPT PKK bagi tahun 2023 dan 2024 telah diluluskan oleh Ketua Setiausaha KUSKOP masing-masing pada 27 Januari 2023 dan 15 Januari 2024. Sebanyak 29 perolehan latihan yang melibatkan 213 kursus telah diluluskan untuk dilaksanakan pada tahun 2023 dan 2024.

iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati PKK telah melaksanakan satu kursus melebihi bilangan yang diluluskan dan menukar tajuk satu kursus yang diluluskan. Selain itu, PKK telah melaksanakan dua kursus yang tidak tersenarai dalam PPT. Semua pindaan ini tidak dikemukakan kepada Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Pegawai Yang Diturunkan Kuasa untuk pengesahan dan kelulusan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut.

**JADUAL 31**
**PINDAAN PPT YANG TIDAK DIKEMUKAKAN UNTUK PENGESAHAN DAN KELULUSAN**

| BIL. | TAJUK PEROLEHAN | PERBELANJAAN | | PELAKSANAAN | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | ANGGARAN (RM) | SEBENAR (RM) | LAKSANA/LULUS (Bil.) | |
| **TAHUN 2023** | | | | | |
| 1. | Webinar Kursus Asas Teknikal /Pengurusan Anjuran PKK Cawangan Negeri (28 Kursus) – Pelbagai Tajuk | 89,600 | 201,600 | 84/28 | Laksana Melebihi Kelulusan |
| 2. | Kursus Tambah Bidang Anjuran Bersama PKMM | 31,700 | 32,500 | 1/1 | Tukar Tajuk (Kursus Asas Teknikal) |
| 3. | Kursus Asas Pemahaman Lukisan Simbol dan Skala Untuk Kerja Bangunan dan Kejuruteraan | Tidak Dirancang | 37,500 | 1/0 | Tambahan |
| 4. | Proses Pembangunan Hartanah dan Pengurusan Kewangan Untuk Kontraktor Bumiputera | Tidak Dirancang | 12,700 | 1/0 | Tambahan |

Sumber: PPT Tahun 2023 & 2024, Perincian Pelaksanaan Program/Kursus Tahun 2023 dan Dashboard 26/7/2024

**MAKLUM BALAS/STATUS TERKINI**

PKK akan membuat pindaan terhadap PPT dan diangkat kepada Pegawai Pengawal atau Pegawai yang diturunkan kuasa bagi kursus yang memerlukan pindaan pada masa akan datang.

**b. Penetapan Kadar Dan Perolehan Perkhidmatan Kepakaran Daripada Kalangan Bukan Pegawai Awam Dalam Program Rasmi Kerajaan**

i. Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan (PP) PK 2.16, agensi hendaklah merujuk kepada PP berkaitan Pengurusan Wang Awam (WP10.9) bagi menetapkan kadar dan perolehan perkhidmatan kepakaran daripada kalangan bukan pegawai awam dalam program rasmi kerajaan termasuk pengendalian kursus dan latihan.

ii. Semakan Audit mendapati perolehan kursus tambah bidang anjuran PKK cawangan negeri tahun 2023 dan 2024 (setakat 30 Julai 2024) tidak mengikut tatacara PP WP 10.9. Pihak PKK melaksanakan perolehan secara pembelian terus dan penilaian kadar bayaran kepada golongan sasar dan perolehan perkhidmatan bukan pegawai awam tidak dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Kadar sebaliknya PKK menggunakan Kadar Piawai Bagi Program Pembangunan Kapasiti Kontraktor Dan Usahawan Binaan Bumiputera Anjuran PKK yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kelulusan Kadar Bayaran KUSKOP pada 29 Jun 2022 sebagai asas had nilai kadar perbelanjaan yang dilaksanakan.

iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada kelulusan diperoleh daripada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan mengenai pengecualian daripada mengguna pakai PP WP 10.9 bagi menetapkan kadar dan perolehan perkhidmatan kepakaran daripada kalangan bukan pegawai awam dalam program rasmi kerajaan termasuk pengendalian kursus dan latihan.

iv. Berdasarkan perenggan 4, PP WP 10.9, agensi dibenarkan untuk menetapkan kadar kepada golongan sasar dan melaksanakan perolehan secara rundingan terus bagi perkhidmatan kepakaran individu atau kumpulan, daripada kalangan bukan pegawai awam dalam program rasmi Kerajaan mengikut had nilai dan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) seperti berikut.

**JADUAL 32**
**PIHAK BERKUASA MELULUS MENGIKUT HAD NILAI PERBELANJAAN**

| BIL. | HAD NILAI PERBELANJAAN | PIHAK BERKUASA MELULUS |
|---|---|---|
| 1. | Sehingga RM20 ribu | Pegawai Pengawal/Pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal secara bertulis |
| 2. | Melebihi RM20 ribu sehingga RM500 ribu | Jawatankuasa Sebut Harga |
| 3. | Melebihi RM500 ribu | Lembaga Perolehan Agensi (tanpa had nilai) |

v. Semakan Audit mendapati 15 perolehan kursus/program rasmi berjumlah RM0.47 juta yang melibatkan golongan sasar dan perkhidmatan kepakaran daripada kalangan bukan pegawai awam yang melebihi had nilai perbelanjaan RM20,000 tidak dikemukakan kepada Jawatankuasa Sebutharga selaku PBM untuk kelulusan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut.

**JADUAL 33**
**PERBELANJAAN MELEBIHI RM20,000 TIDAK DIKEMUKAKAN KEPADA JAWATANKUASA SEBUT HARGA UNTUK KELULUSAN**

| BIL. | NO ARAHAN PEMBAYARAN/ TARIKH | PERIHAL BAYARAN | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|
| 1. | 12001049<br>28.06.2024 | Perkhidmatan Bagi Kursus Tambah Bidang Kursus Kerja Penyelenggaraan Bangunan B24 Pada 10.06.2024 – 14.06.2024 DI Labuan -PKK Sabah | 39,040 |
| 2. | 12000915<br>10.06.2024 | Perkhidmatan Bagi Kursus Tambah Bidang Kursus Kerja Penyelenggaraan Bangunan & Persekitaran Kompleks B24 Pada 13.05.2024 – 17.05.2024 PKK WP | 31,026 |
| 3. | 12001371<br>07.09.2023 | Perkhidmatan Bagi Kursus Tambah Bidang Kerja Cerucuk (Teknikal 2) B05/CE10 Mulai 07.08.2023 – 11.08.2023 – PKK Sarawak | 31,650 |
| 4. | 12001052<br>27.07.2023 | Perkhidmatan Bagi Kursus Tambah Bidang Kursus Hiasan Dalaman B07 Pada 19 – 23.06.2023 -PKK Selangor | 29,500 |
| 5. | 12001021<br>18.07.2023 | Perkhidmatan Bagi Kursus Tambah Bidang Kursus Kerja Tanah CE36 Pada 19 – 23.06.2023 – PKK WP | 28,900 |
| 6. | 12000878<br>04.07.2023 | Perkhidmatan Bagi Kursus Tambah Bidang Sistem Bekalan Air CE20 Pada 28.05.2023 – 01.06.2023 – PKK Kedah | 31,690 |
| 7. | 12000855<br>26.06.2023 | Perkhidmatan Bagi Kursus Tambah Bidang Sistem Hawa Dingin M01 Pada 12 – 16.06.2023 - PKK Perlis | 31,650 |
| 8. | 12000820<br>20.06.2023 | Perkhidmatan Bagi Kursus Tambah Bidang CE02 Pembinaan Jambatan Pada 28.05.2023 – 01.06.2023 - PKK Terengganu | 31,680 |
| 9. | 12000788<br>14.06.2023 | Perkhidmatan Tenaga Pengajar, Nota, Yuran Kursus, Makan Minum Dan Dewan Bagi Kursus Sistem Pencegahan & Perlindungan Kebakaran M02 Mulai 21 – 25.05.2023 – PKK Kelantan | 31,100 |
| 10. | 12000794<br>14.06.2023 | Perkhidmatan Bagi Kursus Tambah Bidang Kursus Kerja Penyelenggaraan Bangunan & Kompleks B24 Pada 14 – 18.05.2023 – PKK Johor | 29,860 |
| 11. | 12000803<br>14.06.2023 | Pakej Perkhidmatan Tenaga Pengajar, Nota, Makan & Minum, Dewan Dan Yuran Kursus Teknikal Penambahan Bidang B15 Bertajuk 'Kerja Bumbung' Pada 8 – 12.05.2023 | 31,620 |
| 12. | 12000766<br>12.06.2023 | Perkhidmatan Bagi Kursus Tambah Bidang Kawalan Banjir CE06 Pada 22 – 26.05.2023 – PKK Negeri Sembilan | 28,400 |
| 13. | 12000693<br>08.06.2023 | Perkhidmatan Bagi Kursus Kerja Bangunan (Pengubahsuaian) B28 Pada 15 – 19.05.2023 – PKK Melaka | 30,200 |
| 14. | 12000687<br>07.06.2023 | Pakej Perkhidmatan Tenaga Pengajar, Nota, Makan & Minum, Dewan Dan Yuran Kursus Bagi Kursus *Pavement & Harstand* CE01 pada 08 – 12.05.2023 – PKK Perak | 31,680 |
| 15. | 12000688<br>07.06.2023 | Perkhidmatan Bagi Kursus Sistem Perlindungan Cerun (Teknikal 2) CE08 Pada 15 – 19.05.2023 – PKK Pahang | 31,700 |
| | | **JUMLAH KESELURUHAN** | **469,696** |

Sumber: Arahan Pembayaran

vi. Selain itu, berdasarkan perenggan 7, PP WP10.9 agensi hendaklah menubuhkan satu Jawatankuasa Penilaian bagi menilai kadar bayaran kepada golongan sasar dan perolehan perkhidmatan bukan pegawai awam.

vii. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Penilaian Kelulusan Kadar Bayaran Bagi Program Pembangunan Kapasiti Kontraktor dan Usahawan Binaan Bumiputera Anjuran PKK KUSKOP telah meluluskan Kadar Piawai Bagi Program Pembangunan Kapasiti Kontraktor dan Usahawan Bumiputera Anjuran PKK (Kadar Piawai PKK) pada 29 Jun 2022 untuk pembayaran kepada tenaga pengajar/pengendali latihan, nota kursus, sewaan peralatan mengajar, makan minum, penginapan, sewaan lokasi termasuk peralatan siar raya bagi program/kursus anjuran PKK.

viii. Pihak Audit telah mendapatkan pandangan pihak Perbendaharaan Malaysia berkenaan penetapan Kadar Piawai PKK tersebut dan pihak Perbendaharaan Malaysia telah memaklumkan bahawa Kadar Piawai PKK yang digunakan untuk membuat pembayaran kepada bukan penjawat awam adalah tidak teratur memandangkan kadar-kadar yang ditetapkan adalah bukan oleh Lembaga Perolehan Agensi sebaliknya Ketua Jabatan sahaja. Kelulusan Ketua Jabatan bagi meluluskan kadar hanya dibenarkan sekiranya bagi satu program rasmi atau bagi jumlah perbelanjaan yang tidak melebihi RM20,000 sahaja sedangkan kadar-kadar yang ditetapkan oleh SUB Kewangan KUSKOP tersebut adalah kadar yang menyeluruh dan tidak mempunyai nilai perbelanjaan keseluruhan. Sehubungan itu, pihak KUSKOP perlu melaksanakan semula penetapan kadar menyeluruh ini untuk dibawa ke Lembaga Perolehan Agensi bagi kelulusan selanjutnya.

**MAKLUM BALAS/STATUS TERKINI**

Bagi penganjuran kursus akan datang, PKK akan mengemukakan kertas kelulusan kadar piawai kepada Lembaga Perolehan Kementerian pada Januari 2025 untuk mendapatkan kelulusan selaras dengan arahan di bawah Pekeliling W.P 10.9.

### c. Kelulusan Pihak Berkuasa Melulus

i. Berdasarkan perenggan 4.2 Garis Panduan Bagi Pelaksanaan Perkhidmatan Kemudahan Latihan Secara Pakej (PPKLSP) (GP 2.0) KUSKOP, PTJ/Bahagian/Seksyen bertanggungjawab memastikan kelulusan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) diperolehi sebelum sebarang Perkhidmatan Kemudahan Latihan Secara Pakej (PKLSP) dilaksanakan. PBM PKLSP bagi KUSKOP adalah seperti di jadual berikut.

**JADUAL 34**
**PIHAK BERKUASA MELULUS KUSKOP BAGI PEROLEHAN PERKHIDMATAN KEMUDAHAN LATIHAN SECARA PAKEJ**

| HAD NILAI | KAJIAN PASARAN | RUNDINGAN HARGA | JPPL | PBM |
|---|---|---|---|---|
| Sehingga RM30,000 | X | √ | X | a) SUB (Bkew)<br>b) Pengarah PKK – bagi perolehan di peringkat PKK |
| Melebihi RM30,000 hingga RM50,000 | √ | X | √ | |
| Melebihi RM50,000 hingga RM500,000 | √ | X | √ | Jawatankuasa Sebut Harga |

**JADUAL 34**
**PIHAK BERKUASA MELULUS KUSKOP BAGI PEROLEHAN PERKHIDMATAN KEMUDAHAN LATIHAN SECARA PAKEJ**

| HAD NILAI | KAJIAN PASARAN | RUNDINGAN HARGA | JPPL | PBM |
|---|---|---|---|---|
| Melebihi RM500,000 | √ | X | √ | Lembaga Perolehan |

Sumber: GP 2.0

ii. Selain itu, berdasarkan perenggan 4.2 PP WP 10.9 - Penetapan Kadar Dan Perolehan Perkhidmatan Kepakaran Daripada Kalangan Bukan Pegawai Awam Dalam Program Rasmi Kerajaan, agensi dibenarkan untuk menetapkan kadar kepada golongan sasar dan melaksanakan perolehan secara rundingan terus bagi perkhidmatan kepakaran individu atau kumpulan, daripada kalangan bukan pegawai awam dalam program rasmi Kerajaan mengikut had nilai dan Pihak Berkuasa Melulus seperti di jadual berikut.

**JADUAL 35**
**PIHAK BERKUASA MELULUS BAGI PEROLEHAN PERKHIDMATAN KEPAKARAN INDIVIDU ATAU KUMPULAN, DARIPADA KALANGAN BUKAN PEGAWAI AWAM**

| HAD NILAI* | PBM |
|---|---|
| Sehingga RM20,000 | Pegawai Pengawal/Pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal secara bertulis |
| Melebihi RM20,000 hingga RM500,000 | Jawatankuasa Sebut Harga |
| Melebihi RM500,000 hingga RM500,000 | Lembaga Perolehan Agensi (tanpa had nilai) |

Nota: *Jumlah keseluruhan perbelanjaan melibatkan kadar perkhidmatan, pembelian hadiah berbentuk barangan, pemberian wang tunai, bayaran/ tuntutan perjalanan /pengangkutan, bayaran makan minum, penginapan dan lain-lain yang terlibat bagi bayaran kepada bukan pegawai awam tersebut dalam program rasmi Kerajaan.

iii. Semakan Audit mendapati, sebanyak empat perolehan latihan berjumlah RM58,200 tidak dikemukakan kepada PBM untuk kelulusan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut.

**JADUAL 36**
**PEROLEHAN LATIHAN YANG TIDAK MENDAPAT KELULUSAN PIHAK BERKUASA MELULUS**

| BIL. | NO. ARAHAN PEMBAYARAN/ TARIKH | PERIHAL BAYARAN | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|
| 1. | 12001053<br>27.07.2023 | Perkhidmatan Penyediaan Pentas Termasuk Peralatan & Kelengkapan Bagi SPKK Kursus Pemasaran Digital Di Sabah Pada 20.07.2023 – PKK HQ | 14,000 |
| 2. | 12001271<br>22.08.2023 | Perkhidmatan Sewaan Dewan Hotel Raia Di Sabah Bagi SPKK "Kursus Pemasaran Digital' Pada 20.07.2023 – PKK HQ | 39,400 |
| 3. | 12001022<br>25.06.2024 | Perkhidmatan Tenaga Pengajar Bagi Kursus Asas Etika Kerja Cemerlang Kontraktor Berjaya Pada 06.06.2024 (*Online*) – PKK Melaka | 2,400 |
| 4. | 12000964<br>12.06.2024 | Perkhidmatan Tenaga Pengajar Bagi Kursus Asas Kesedaran Kesihatan & Keselamatan Di Tapak Bina *(Safe Awareness)* Pada 28.05.2024 (*Online*) - PKK Melaka | 2,400 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | | **58,200** |

Sumber: Arahan Pembayaran

## MAKLUM BALAS/STATUS TERKINI

PKK akan menyemak Arahan Pembayaran yang terlibat.

### d. Yuran Pendaftaran Peserta Sijil Kecekapan Pengurusan

i. Berdasarkan Surat Pelaksanaan Kursus Pengurusan Kontraktor (SKP) 2022 – Penambahbaikan Polisi Pelaksanaan Pembayaran Hasil Ke CIDB No. Rujukan LPIPM:SKLV/BPK/13/1/1(5) bertarikh 20 April 2022, CIDB membenarkan pembayaran hasil dilaksanakan sebelum permohonan cetakan Sijil Kecekapan Pengurusan (SKP) oleh Pusat Latihan Bertauliah Kontraktor (PLBK) iaitu selepas kursus dilaksanakan agar dapat memberi masa kepada PLBK untuk menerima pembayaran dari PKK dan seterusnya menguruskan pembayaran hasil ke CIDB.

ii. Semakan Audit mendapati sejumlah RM3,000 yuran pendaftaran peserta SKP (RM300/peserta) telah dibayar untuk 10 peserta yang tidak menghadiri Kursus Tambah Bidang Anjuran PKK Cawangan Negeri. Butirannya adalah seperti di jadual berikut.

**JADUAL 37**
**YURAN PENDAFTARAN PESERTA TELAH DIBAYAR UNTUK PESERTA YANG TIDAK HADIR**

| BIL. | ARAHAN PEMBAYARAN (NOMBOR/TARIKH) | KUANTITI DISAH TERIMA (UNIT) (a) | HARGA SEUNIT (RM) (b) | JUMLAH BAYARAN (RM) (axb) | HADIR (Bil.) | TIDAK HADIR (Bil.) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | 12000915/ 10.06.2024 | 40 | 300 | 12,000 | 31 | 9 |
| 2. | 12001049/ 28.06.2024 | 38 | 300 | 11,400 | 37 | 1 |

Sumber: Arahan Pembayaran

**MAKLUM BALAS/STATUS TERKINI**

Penganjuran Kursus Sijil Kecekapan Pengurusan (SKP) dilaksanakan adalah dengan merujuk kepada Garis Panduan Pelaksanaan Kursus Pengurusan Kontraktor oleh CIDB dimana bayaran yuran bagi peserta untuk menghadiri kursus tersebut perlu dibuat sebelum kursus berlangsung.

Berhubung permohonan tuntutan semula bayaran yuran bagi peserta yang tidak menghadiri kursus tersebut, PKK telah menghantar surat permohonan tuntutan semula bayaran yuran Sijil Kecekapan Pengurusan (SKP) kepada CIDB no rujukan MEDAC.PKK.600-5/2/2 JLD14(1) bertarikh 9 Oktober 2024.

Maklumbalas yang diterima daripada CIDB bertarikh 21 Oktober 2024 nombor rujukan LPIPM:SPA/BPLT/UKKT/01/1/6(16) menyatakan, rayuan tuntutan semula bayaran tidak dapat dipertimbangkan selaras dengan polisi CIDB iaitu ***"sekiranya peserta berdaftar gagal menghadiri dalam mana-mana tempoh sesi latihan, tiada pengembalian yuran dan tiada peserta gantian dibenarkan"***.

## e. Bayaran Makan/Minum dan Nota Kursus

i. Kuantiti yang dipesan untuk makan/minum dan nota kursus adalah berdasarkan senarai bilangan peserta yang dijana melalui sistem e-kursus.

ii. Semakan Audit mendapati PKK terpaksa membuat bayaran penuh untuk makan/minum dan nota kursus walaupun terdapat peserta yang tidak menghadiri kursus yang dilaksanakan. Seramai 57 peserta tidak hadir dengan lebihan bayaran sebanyak RM7,791.10. Butirannya adalah seperti di jadual berikut.

**JADUAL 38**
**BAYARAN PENUH MAKAN/MINUM DAN NOTA KURSUS BAGI PESERTA YANG TIDAK HADIR**

| BIL. | ARAHAN PEMBAYARAN (NOMBOR/TARIKH) | PERIHAL ITEM | KUANTITI DISAH TERIMA (UNIT) (a) | HARGA SEUNIT (RM) (b) | JUMLAH BAYARAN (RM) (c=[aXb]) | KEHADIRAN PESERTA (UNIT) (d) | BIL. PESERTA TIDAK HADIR (e) | LEBIHAN BAYARAN (RM) (f=[eXb]) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | 12000759/15.05.2024 | Nota Kursus | 40 | 40.00 | 1,600.00 | 31 | 9 | 360.00 |
| | | Makan/Minum | 80* | 40.00 | 3,200.00 | | | 720.00 |
| 2. | 12001131/10.07.2024 | Nota Kursus | 120 | 40.00 | 4,800.00 | 106 | 14 | 560.00 |
| | | Makan/Minum | 240 | 40.00 | 9,600.00 | | | 1,120.00 |
| 3. | 12001133/10.07.2024 | Nota Kursus | 40 | 40.00 | 1,600.00 | 35 | 5 | 200.00 |
| | | Makan/Minum | 80 | 39.50 | 3,160.00 | | | 395.00 |
| 4. | 12000789/21.05.2024 | Nota Kursus | 40 | 39.75 | 1,590.00 | 38 | 2 | 79.50 |
| | | Makan/Minum | 80 | 40.00 | 3,200.00 | | | 160.00 |
| 5. | 12000791/21.05.2024 | Nota Kursus | 38 | 40.00 | 1,520.00 | 34 | 4 | 160.00 |
| | | Makan/Minum | 76 | 40.00 | 3,040.00 | | | 320.00 |
| 6. | 12000861/06.06.2024 | Nota Kursus | 40 | 39.50 | 1,580.00 | 34 | 6 | 237.00 |
| | | Makan/Minum | 80 | 40.00 | 3,200.00 | | | 480.00 |
| 7. | 12001048/28.06.2024 | Nota Kursus | 40 | 20.00 | 800.00 | 33 | 7 | 140.00 |
| | | Makan/Minum | 80 | 40.00 | 3,200.00 | | | 560.00 |
| 8. | 12000915/10.06.2024 | Nota Kursus | 40 | 27.50 | 1,100.00 | 31 | 9 | 247.50 |
| | | Makan/Minum | 40 | 39.38 | 7,876.00 (5 hari) | | | 1,772.10 |
| 9. | 12001049/28.06.2024 | Nota Kursus | 38 | 80.00 | 3,040.00 | 37 | 1 | 80.00 |
| | | Makan/Minum | 38 | 40.00 | 7,600.00 (5 hari) | | | 200.00 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | | | | **61,706.00** | **379** | **57** | **7,791.10** |

Sumber : Arahan Pembayaran
Nota: 1 -* 2 Kali Makan/Minum
2 - Lebihan Bayaran Makan/Minum = 2 X Bil. Peserta Tidak Hadir X Harga Seunit

### MAKLUM BALAS/STATUS TERKINI

PKK membuat bayaran berdasarkan bilangan peserta yang berdaftar melalui sistem e-kursus PKK.

- Peserta yang tidak menghadiri kursus diminta mengemukakan surat tunjuk sebab.
- Bagi peserta yang gagal mengemukakan alasan yang munasabah akan disenarai hitam selama tempoh 1 tahun untuk menyertai kursus anjuran PKK.
- PKK akan mengemukakan tuntutan lebihan bayaran yuran kursus daripada CIDB.

**f. Kadar Bayaran Tenaga Pengajar**

i. Berdasarkan Kadar Piawai Bagi Program Pembangunan Kapasiti Kontraktor Dan Usahawan Binaan Bumiputra Anjuran Pusat Khidmat Kontraktor, kadar bayaran (per jam) bagi tenaga pengajar/penceramah adalah berdasarkan kelayakan akademik seperti berikut:

- Diploma – RM100
- Ijazah Sarjana Muda – RM200
- Ijazah Sarjana – RM300
- PhD – RM400

ii. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- Pembayaran tenaga pengajar bagi Seminar Pembangunan Kapasiti Kontraktor – Kursus Pemasaran Digital di Sabah melalui Arahan Pembayaran bernombor 12001243 bertarikh 21 Ogos 2023 telah terlebih bayar sebanyak RM1,950. Berdasarkan Laporan Penganjuran Seminar Pembangunan Kapasiti Kontraktor – Pemasaran Digital, taklimat telah disampaikan oleh 2 orang penceramah berkelayakan lulusan Ijazah Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda selama 5 jam iaitu bermula 8 pagi hingga 1 petang. Bagaimanapun, pembayaran telah dibuat menggunakan kadar tenaga pengajar lulusan PhD (RM400/jam) selama 8 jam. Butiran lanjut seperti di jadual berikut.

**JADUAL 39**
**PEMBAYARAN TENAGA PENGAJAR TERLEBIH BAYAR**

| ARAHAN PEMBAYARAN (NOMBOR/TARIKH) | JUMLAH BAYARAN (a) | PENGIRAAN AUDIT (b) | PERBEZAAN (a) – (b) |
|---|---|---|---|
| 12001243/ 21.08.2023 | 8 jam X RM400 = RM3,200 | 2.5 jam X RM200 = RM 500<br>2.5 jam X RM300 = RM 750<br>RM1,250 | RM1,950 |

Sumber: Arahan Pembayaran

**MAKLUM BALAS/STATUS TERKINI**

Kutipan balik bayaran lebihan telah dikemukakan pada 16 Ogos 2024. Syarikat Zanasya Alam Resources telah mengemukakan bayaran berjumlah RM1,700 pada 16 Ogos 2024 dan RM 250 pada 30 September 2024.

- Semakan Audit selanjutnya mendapati beberapa penceramah yang dilantik merupakan penjawat awam. Butirannya adalah seperti di jadual berikut.

**JADUAL 40**
**SENARAI NAMA PENCERAMAH DAN SIJIL KELAYAKAN**

| BIL. | ARAHAN PEMBAYARAN (NOMBOR/ TARIKH) | JUMLAH (RM) | PERIHAL | SIRI / TARIKH | PENCERAMAH | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | NAMA | SIJIL (√/X/TM) | STATUS PENJAWAT AWAM (√/X/TM) |
| 1. | 12000761 / 12.06.2023 (RAN Management Consultancy) | 33,600 | Perkhidmatan Tenaga Pengajar Kursus Asas Penyediaan Dokumen Sebut Harga Dan Proses Penilaian Sebut Harga 14 Siri (*Online*) - PKK HQ | Siri 1 / 06.03.2023 | Sr Nur Raidah Binti Razali | √ | √ MOTAC |
| | | | | Siri 2 / 08.03.2023 | Sr Norazilan Mazahar | √ | √ UPSI |
| | | | | Siri 3 / 13.03.2023 | Sr Nur Raidah Binti Razali | √ | √ MOTAC |
| | | | | Siri 4 / 15.03.2023 | Sr Rahasnan Bin Abdul Rashid | √ | √ UiTM |
| | | | | Siri 5 / 27.03.2023 | Sr Nur Raidah Binti Razali | √ | √ MOTAC |
| | | | | Siri 6 / 29.03.2023 | Sr Addey Sham Baharin | √ | X |
| | | | | | Sr Abdul Izz Bin Mohamad Kamil | X | √ UiTM |
| | | | | Siri 7 / 03.04.2023 | Sr Norazilan Mazahar | √ | √ UPSI |
| | | | | Siri 8 / 05.04.2023 | Sr Nur Raidah Binti Razali | √ | √ MOTAC |
| | | | | Siri 9 / 10.04.2023 | Sr Rahasnan Bin Abdul Rashid | √ | √ UiTM |
| | | | | Siri 10 / 12.04.2023 | Sr Nur Raidah Binti Razali | √ | √ MOTAC |
| | | | | | Sr Nurhayatul Khursniah Bt Hasim | X | X |
| | | | | Siri 11 / 08.05.2023 | Sr Rahasnan Bin Abdul Rashid | √ | √ UiTM |
| | | | | | Dr Mahanim Hanid | X | √ Universiti Malaya |
| | | | | Siri 12 / 10.05.2023 | Sr Norazilan Mazahar | √ | √ UPSI |
| | | | | | Mohd Nasruddin Ayub | X | √ UiTM |
| | | | | Siri 13 / 15.05.2023 | Sr Rahasnan Bin Abdul Rashid | √ | √ UiTM |
| | | | | | Dr Mahanim Hanid | X | √ Universiti Malaya |
| | | | | Siri 14 / 17.05.2023 | Sr Addey Sham Baharin | √ | X |
| | | | | | Sr Wan Mohd Nurdeen Wan Muhammad | X | √ UiTM |
| 2. | 12000762 / 12.06.2023 (Azie Ventures) | 33,600 | Perkhidmatan Tenaga Pengajar Kursus Perubahan Harga (VOP) Dalam Kontrak Kerja 14 Siri (Online) – PKK HQ | Siri 1 / 07.03.2023 | TM | TM | TM |
| | | | | Siri 2 / 09.03.2023 | TM | TM | TM |
| | | | | Siri 3 / 14.03.2023 | Sr Hazalan Bin Haron | X | X |
| | | | | Siri 4 / 16.03.2023 | TM | TM | TM |
| | | | | Siri 5 / 28.03.2023 | Sr Rosman Bin Mohad Basir | √ | √ Jabatan Bekalan Air Pahang |
| | | | | Siri 6 / 30.03.2023 | Sr Rosman Bin Mohad Basir | √ | √ Jabatan Bekalan Air Pahang |
| | | | | Siri 7 / 04.04.2023 | TM | TM | TM |
| | | | | Siri 8 / 06.04.2023 | TM | TM | TM |

| BIL. | ARAHAN PEMBAYARAN (NOMBOR/ TARIKH) | JUMLAH (RM) | PERIHAL | SIRI / TARIKH | PENCERAMAH | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | NAMA | SIJIL (√/X/TM) | STATUS PENJAWAT AWAM (√/X/TM) |
| | | | | Siri 9 / 11.04.2023 | TM | TM | TM |
| | | | | Siri 10 / 13.04.2023 | TM | TM | TM |
| | | | | Siri 11 / 09.05.2023 | TM | TM | TM |
| | | | | Siri 12 / 11.05.2023 | Sr Hazalan Bin Haron | X | X |
| | | | | Siri 13 / 16.05.2023 | TM | TM | TM |
| | | | | Siri 14 / 18.05.2023 | TM | TM | TM |
| 3. | 12000763 / 15.05.2024 (AAZ Smart Ventures) | 33,600 | Perkhidmatan Tenaga Pengajar Bagi Kursus Asas Penyediaan Sebut Harga & Proses Penilaian Sebut Harga 14 Siri (*Online*) - PKK HQ | Siri 1 / 21.02.2024 | Pn. Nur Raidah Binti Razali | X | √ MOTAC |
| | | | | Siri 2 / 22.02.2024 | TM | TM | TM |
| | | | | Siri 3 / 26.02.2024 | Dr Mahanim Hanid | X | √ Universiti Malaya |
| | | | | Siri 4 / 27.02.2024 | Dr Mahanim Hanid | X | √ Universiti Malaya |
| | | | | Siri 5 / 28.02.2024 | TM | TM | TM |
| | | | | Siri 6 / 29.02.2024 | Pn. Nur Raidah Binti Razali | X | √ MOTAC |
| | | | | Siri 7 / 04.03.2024 | TM | TM | TM |
| | | | | Siri 8 / 29.04.2024 | Abdul 'Izz Bin Mohamad Kamil | √ | √ UiTM |
| | | | | Siri 9 / 06.03.2024 | Hj Zulkhairy Affandy Mohd Zaki | X | √ UiTM |
| | | | | Siri 10 / 07.03.2024 | Abdul 'Izz Bin Mohamad Kamil | √ | √ UiTM |
| | | | | Siri 11 / 22.04.2024 | Ts Ezlina Binti Ahnuar | X | √ UiTM |
| | | | | Siri 12 / 23.04.2024 | TM | TM | TM |
| | | | | Siri 13 / 24.04.2024 | Pn. Nur Raidah Binti Razali | X | √ MOTAC |
| | | | | Siri 14 / 25.04.2024 | TM | TM | TM |
| 4. | 12001185 / 09.08.2023 (Flora Scents Enteprise) | 33,600 | Perkhidmatan Tenaga Pengajar Kursus Pengurusan Masalah, Penyelesaian Masalah & Kaedah Penjimatan Kos Kerja 14 Siri (*Online*- PKK HQ) 8/5/2023-11/7/2023 | Siri 1 / 08.05.2023 | TM | TM | TM |
| | | | | Siri 2 / 10.05.2023 | Sr Hazalan Bin Haron | X | X |
| | | | | Siri 3 / 11.05.2023 | TM | TM | TM |
| | | | | Siri 4 / 06.06.2023 | TM | TM | TM |
| | | | | Siri 5 / 07.06.2023 | Pn Nur Raidah Binti Razali | √ | √ MOTAC |
| | | | | Siri 6 / 12.06.2023 | TM | TM | TM |
| | | | | Siri 7 / 13.06.2023 | TM | TM | TM |
| | | | | Siri 8 / 26.06.2023 | Pn Nur Raidah Binti Razali | √ | √ MOTAC |
| | | | | Siri 9 / 03.07.2023 | Sr Hazalan Bin Haron | X | X |
| | | | | Siri 10 / 04.07.2023 | TM | TM | TM |
| | | | | Siri 11 / 05.07.2023 | TM | TM | TM |

| BIL. | ARAHAN PEMBAYARAN (NOMBOR/ TARIKH) | JUMLAH (RM) | PERIHAL | SIRI / TARIKH | PENCERAMAH | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | NAMA | SIJIL (√/X/TM) | STATUS PENJAWAT AWAM (√/X/TM) |
| | | | | Siri 12 / 05.07.2023 | Pn Nur Raidah Binti Razali | √ | √ MOTAC |
| | | | | Siri 13 / 10.07.2023 | TM | TM | TM |
| | | | | Siri 14 / 11.07.2023 | TM | TM | TM |

Sumber: Laporan Pelaksanaan Kursus dan Arahan Pembayaran
*Nota: √ = Ada
X = Tiada
TM = Tiada Maklumat

**MAKLUM BALAS /STATUS TERKINI**

Hasil semakan PKK mendapati senarai penceramah seperti yang dinyatakan mempunyai sijil akademik bagi Ijazah Sarjana Muda atau lebih tinggi dan bayaran yang dikemukakan kepada Syarikat Pembekal Perkhidmatan adalah selaras dengan ketetapan kadar piawaian seperti yang telah diluluskan.

Penganjuran kursus-kursus di bawah PKK dibuat dengan melantik syarikat pembekal yang mempunyai kod bidang 221110-Perkhidmatan/Guna Tenaga/Khidmat Latihan/Tenaga Pengajar dan Moderator

Melalui pelantikan tersebut segala proses yang terlibat seperti penyediaan tempat, makan minum, nota kursus dan pelantikan penceramah adalah sepenuhnya di bawah bidang kuasa syarikat pembekal yang dilantik.

Sehubungan dengan itu, bayaran yang dikemukakan kepada syarikat pembekal adalah berdasarkan kelayakan akademik penceramah selaras dengan garis panduan kadar piawai yang telah diluluskan.

- Berdasarkan nota penerimaan bekalan/perkhidmatan, sebut harga, dan invois, syarikat akan menyediakan perkhidmatan tenaga pengajar bagi kursus secara *online*. Tenaga pengajar akan dibayar berdasarkan tempoh ceramah (jam) dan kadar bayaran piawai bagi tenaga pengajar adalah RM300 per jam bagi setiap kursus *online* yang telah dilaksanakan. Semakan Audit mendapati PKK telah membuat bayaran tenaga pengajar untuk tempoh 8 jam termasuk sesi pendaftaran, rehat dan taklimat/penerangan kursus bagi sembilan kursus *online* berjumlah RM240,000. Keadaan ini telah menyebabkan lebihan bayaran berjumlah RM29,850. Butiran lanjut seperti berikut.

**JADUAL 41**
**BAYARAN TENAGA PENGAJAR TERMASUK SESI PENDAFTARAN, REHAT DAN TAKLIMAT/ PENERANGAN KURSUS**

| BIL. | ARAHAN PEMBAYARAN (NOMBOR /TARIKH) | PERIHAL | SIRI (a) | TEMPOH CERAMAH DIBAYAR (Jam) (b) | JUMLAH (RM) (c=[aXbX RM300]) | TEMPOH CERAMAH SEBENAR (Jam) (d) | JUMLAH (RM) (e=[aXdXR M300]) | PERBEZAAN (RM) (f=[c-e]) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | 12000762/ 12.06.2023 | Perkhidmatan Tenaga Pengajar Kursus Perubahan Harga Vop Dalam Kontrak Kerja 14 Siri (*Online* – PKK HQ) Pada 7/3 – 18/5/2023 | 14 | 8 (Termasuk Sesi pendaftaran 30 minit dan tambahan rehat 30 minit) | 33,600 | 7 | 29,400 | 4,200 |
| 2. | 12000761/ 12.06.2023 | Perkhidmatan Tenaga Pengajar Kursus Asas Penyediaan Dokumen Sebut Harga Dan Proses Penilaian Sebut Harga 14 Siri (*Online*) - PKK HQ | 14 | 8 (Termasuk Sesi pendaftaran 30 minit dan tambahan rehat 30 minit) | 33,600. | 7 | 29,400 | 4,200 |
| 3. | 12001185/ 09.08.2023 | Perkhidmatan Tenaga Pengajar Kursus Pengurusan Masalah, Penyelesaian Masalah & Kaedah Penjimatan Kos Kerja 14 Siri (*Online*- PKK HQ) 8/5/2023-11/7/2023 | 14 | 8 (Termasuk Sesi pendaftaran dan taklimat kursus 30 minit dan tambahan rehat 30 minit) | 33,600 | 7 | 29,400 | 4,200 |
| 4. | 12001184/ 09.08.2023 | Perkhidmatan Tenaga Pengajar Kursus Asas Digital Marketing & *E-Commerce* Bagi Industri Binaan 14 Siri 15/5/2023-17/7/2023 - PKK HQ | 14 | 8 (Termasuk Sesi pendaftaran 30 minit dan tambahan rehat 30 minit) | 33,600 | 7 | 29,400 | 4,200 |
| 5. | 12001209/ 11.08.2023 | Perkhidmatan Tenaga Pengajar Kursus Asas Penyediaan Dokumen Tender & Proses Nilai Tender 14 Siri (*Online*- PKK HQ) 8/5/2023-11/7/2023 | 14 | 8 (Termasuk Sesi pendaftaran 30 minit dan tambahan rehat 30 minit) | 33,600 | 7 | 29,400 | 4,200 |
| 6. | 12001217/ 11.08.2023 | Perkhidmatan Tenaga Pengajar Kursus Pengurusan Risiko Dalam Projek Pembinaan 14 Siri (*Online*) 17/5/2023-17/7/2023 - PKK HQ | 14 | 8 (Termasuk Sesi pendaftaran 30 minit dan tambahan rehat 30 minit) | 33,600 | 7 | 29,400 | 4,200 |
| 7. | 12000650/ 03.08.2024 | Perkhidmatan Tenaga Pengajar Bagi Kursus Pengurusan '*Construction Industry Payment & Adjudication*' | 1 | 8 (Termasuk Sesi Penerangan Kursus - 30 minit) | 2,400 | 7.5 | 2,250 | 150 |

| BIL. | ARAHAN PEMBAYARAN (NOMBOR /TARIKH) | PERIHAL | SIRI (a) | TEMPOH CERAMAH DIBAYAR (Jam) (b) | JUMLAH (RM) (c=[aXbX RM300]) | TEMPOH CERAMAH SEBENAR (Jam) (d) | JUMLAH (RM) (e=[aXdXR M300]) | PERBEZAAN (RM) (f=[c-e]) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | (Cipaa) Act CIPAA 2012 (Online) Pada 24.04.2024 - PKK Johor | | | | | | |
| 8. | 12000964/ 12.06.2024 | Perkhidmatan Tenaga Pengajar Bagi Kursus Asas Kesedaran Kesihatan & Keselamatan Di Tapak Bina (Safe Awareness) Pada 28.05.2024 (*Online*) - PKK Melaka | 1 | 8 (Termasuk Sesi Pendaftaran dan Pengenalan kursus – 1 jam) | 2,400 | 7 | 2,100 | 300 |
| 9. | 12000763/ 15.05.2024 | Perkhidmatan Tenaga Pengajar Bagi Kursus Asas Penyediaan Sebut Harga & Proses Penilaian Sebut Harga 14 Siri (*Online*) - PKK HQ | 14 | 8 (Termasuk sesi pendafaran/ *Ice Breaking*/ Pengenalan Modul / ucapan aluan urusetia – 1 jam) | 33,600 | 7 | 29,400 | 4,200 |
| **JUMLAH KESELURUHAN (RM)** | | | | **72** | **240,000** | **63.5** | **210,150** | **29,850** |

Sumber: Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan, Sebut Harga, Invois, Arahan Pembayaran dan Laporan Pelaksanaan Kursus

**MAKLUM BALAS /STATUS TERKINI**

PKK telah mengeluarkan surat permohonan tuntutan balik bayaran tenaga pengajar kepada tujuh syarikat yang telah melaksanakan sembilan kursus dalam talian bertarikh 30 September 2024, nombor rujukan :MEDAC.PKK.600-5/2/2 Jld13.

Melalui surat yang dikeluarkan ini PKK telah berjaya membuat kutipan semula tuntutan bayaran balik berjumlah **RM29,850.**

**Pendapat Audit**

**Pengurusan perolehan adalah tidak memuaskan. Pindaan terhadap PPT tidak dikemukakan kepada Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Pegawai Yang Diturunkan Kuasa untuk kelulusan. Kadar Piawai PKK yang digunakan untuk membuat pembayaran kepada bukan penjawat awam adalah tidak teratur memandangkan kadar-kadar yang ditetapkan adalah bukan oleh Lembaga Perolehan Agensi sebaliknya Ketua Jabatan sahaja. Sebanyak 19 perolehan tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus manakala sejumlah RM3,000 telah dibayar untuk peserta yang**

**tidak menghadiri kursus. Selain itu, sejumlah RM31,800 telah terlebih bayar kepada tenaga pengajar manakala kadar bayaran kepada tenaga pengajar tidak dapat disahkan kerana dokumen sokongan tidak lengkap.**

### 4.4.2.3 Pentadbiran Kontrak

#### a. Dokumen Perjanjian

#### i. Pelaksanaan Perkhidmatan Kemudahan Latihan Secara Pakej

Berdasarkan perenggan 11 Garis Panduan Bagi Pelaksanaan Perkhidmatan Kemudahan Latihan Secara Pakej (GP 2.0), PTJ/Bahagian/Seksyen dikecualikan daripada mengadakan dokumen perjanjian bagi perolehan secara *one-off*. PTJ/Bahagian/Seksyen hendaklah menyatakan dengan jelas terma dan syarat bagi perkhidmatan tersebut bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara dan dilampirkan bersama Pesanan Kerajaan. PTJ/Bahagian/Seksyen hendaklah memastikan semua obligasi syarikat telah disempurnakan sebelum bayaran dilakukan. PTJ/Bahagian/Seksyen perlu mewujudkan satu dokumen perjanjian bagi pelaksanaan perolehan secara bersiri/bermasa.

Semakan Audit terhadap perolehan secara *one-off* mendapati terma dan syarat perkhidmatan tidak disediakan/dilampirkan bersama Pesanan Kerajaan bagi 15 perolehan perkhidmatan kemudahan latihan secara pakej. Butiran lanjut seperti di jadual berikut.

**JADUAL 42**
**TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN TIDAK DISEDIAKAN/DILAMPIRKAN BERSAMA PESANAN KERAJAAN BAGI PEROLEHAN PERKHIDMATAN KEMUDAHAN LATIHAN SECARA PAKEJ**

| BIL. | NO. ARAHAN PEMBAYARAN/ TARIKH | JUMLAH (RM) | NO. PESANAN KERAJAAN / TARIKH | PERIHAL BAYARAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | 12001049<br>28.06.2024 | 39,040 | PO240000000379913<br>04.06.2024 | Perkhidmatan Bagi Kursus Tambah Bidang Kursus Kerja Penyelenggaraan Bangunan B24 Pada 10.06.2024 – 14.06.2024 DI Labuan -PKK Sabah |
| 2. | 12000915<br>10.06.2024 | 31,026 | PO240000000313624<br>09.05.2024 | Perkhidmatan Bagi Kursus Tambah Bidang Kursus Kerja Penyelenggaraan Bangunan & Persekitaran Kompleks B24 Pada 13.05.2024 – 17.05.2024 PKK WP |
| 3. | 12001371<br>07.09.2023 | 31,650 | PO230000000446022<br>27.07.2023 | Perkhidmatan Bagi Kursus Tambah Bidang Kerja Cerucuk (Teknikal 2) B05/CE10 Mulai 07.08.2023 – 11.08.2023 – PKK Sarawak |
| 4. | 12001052<br>27.07.2023 | 29,500 | PO230000000310228<br>08.06.2023 | Perkhidmatan Bagi Kursus Tambah Bidang Kursus Hiasan Dalaman B07 Pada 19 – 23.06.2023 -PKK Selangor |
| 5. | 12001021<br>18.07.2023 | 28,900 | PO230000000310202<br>08.06.2023 | Perkhidmatan Bagi Kursus Tambah Bidang Kursus Kerja Tanah CE36 Pada 19 – 23.06.2023 – PKK WP |
| 6. | 12000878<br>04.07.2023 | 31,690 | PO230000000256572<br>16.05.2023 | Perkhidmatan Bagi Kursus Tambah Bidang Sistem Bekalan Air CE20 Pada 28.05.2023 – 01.06.2023 – PKK Kedah |
| 7. | 12000855<br>26.06.2023 | 31,650 | PO230000000304778<br>06.06.2023 | Perkhidmatan Bagi Kursus Tambah Bidang Sistem Hawa Dingin M01 Pada 12 – 16.06.2023 - PKK Perlis |

**JADUAL 42**
**TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN TIDAK DISEDIAKAN/DILAMPIRKAN BERSAMA PESANAN KERAJAAN BAGI PEROLEHAN PERKHIDMATAN KEMUDAHAN LATIHAN SECARA PAKEJ**

| BIL. | NO. ARAHAN PEMBAYARAN/ TARIKH | JUMLAH (RM) | NO. PESANAN KERAJAAN / TARIKH | PERIHAL BAYARAN |
|---|---|---|---|---|
| 8. | 12000820<br>20.06.2023 | 31,680 | PO230000000252692<br>15.05.2023 | Perkhidmatan Bagi Kursus Tambah Bidang CE02 Pembinaan Jambatan Pada 28.05.2023 – 01.06.2023 - PKK Terengganu |
| 9. | 12000794<br>14.06.2023 | 29,860 | PO230000000234925<br>05.05.2023 | Perkhidmatan Bagi Kursus Tambah Bidang Kursus Kerja Penyelenggaraan Bangunan & Kompleks B24 Pada 14 – 18.05.2023 – PKK Johor |
| 10. | 12000803<br>14.06.2023 | 31,620 | PO230000000212809<br>17.04.2023 | Pakej Perkhidmatan Tenaga Pengajar, Nota, Makan & Minum, Dewan Dan Yuran Kursus Teknikal Penambahan Bidang B15 Bertajuk 'Kerja Bumbung' Pada 8 – 12.05.2023 |
| 11. | 12000788<br>14.06.2023 | 31,100 | PO230000000218521<br>18.04.2023 | Perkhidmatan Tenaga Pengajar, Nota, Yuran Kursus, Makan Minum Dan Dewan Bagi Kursus Sistem Pencegahan & Perlindungan Kebakaran M02 Mulai 21 – 25.05.2023 – PKK Kelantan |
| 12. | 12000766<br>12.06.2023 | 28,400 | PO230000000245368<br>11.05.2023 | Perkhidmatan Bagi Kursus Tambah Bidang Kawalan Banjir CE06 Pada 22 – 26.05.2023 – PKK Negeri Sembilan |
| 13. | 12000693<br>08.06.2023 | 30,200 | PO230000000232020<br>03.05.2023 | Perkhidmatan Bagi Kursus Kerja Bangunan (Pengubahsuaian) B28 Pada 15 – 19.05.2023 – PKK Melaka |
| 14. | 12000688<br>07.06.2023 | 31,700 | PO230000000232126<br>03.05.2023 | Perkhidmatan Bagi Kursus Sistem Perlindungan Cerun (Teknikal 2) CE08 Pada 15 – 19.05.2023 – PKK Pahang |
| 15. | 12000687<br>07.06.2023 | 31,680 | PO230000000216809<br>17.04.2023 | Pakej Perkhidmatan Tenaga Pengajar, Nota, Makan & Minum, Dewan Dan Yuran Kursus Bagi Kursus *Pavement & Harstand* CE01 pada 08 – 12.05.2023 – PKK Perak |

Sumber: Arahan Pembayaran & Pesanan Kerajaan

**MAKLUM BALAS/STATUS TERKINI**

PKK akan menambahbaik dengan memasukkan terma dan syarat bersama Pesanan Kerajaan bagi perolehan pada masa akan datang.

### 4.4.2.4 Pemantauan

a. Berdasarkan proses kerja SPK, pemantauan program akan dilaksanakan terhadap latihan yang dilaksanakan di peringkat negeri. Antara perkara yang dinilai semasa pemantauan tersebut adalah berkaitan pematuhan pelaksanaan kursus, pematuhan pesanan Kerajaan, penceramah dan nota kursus, kemudahan fasiliti dan keperluan kursus serta pengurusan kursus. Selain itu, Laporan Pemantauan Program/Kursus Anjuran PKK perlu dikemukakan dalam masa tiga hari selepas pemantauan dijalankan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

i. Pada tahun 2023 dan 2024 (sehingga bulan Julai) sebanyak lapan pemantauan telah dilaksanakan oleh SPK terhadap latihan yang dilaksanakan di lapan negeri. Butirannya adalah seperti di jadual berikut.

**JADUAL 43**
**PEMANTAUAN PROGRAM/KURSUS BAGI TAHUN 2023 DAN 2024**

| BIL. | TAJUK KURSUS | LOKASI | TARIKH KURSUS | TARIKH PEMANTAUAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kursus Kerja Bumbung B15 | Pulau Pinang | 08 - 12.05.2023 | 09.05.2023 |
| 2. | Krusus Pembinaan *Pavement* & Pembinaan *Hardstand* CE01 | Perak | 08 - 12.05.2023 | 10.05.2023 |
| 3. | Kursus Penyelenggaraan Bangunan & Persekitaran Kompleks B24 | Johor | 14 - 18.05.2023 | 16-17.05.2023 |
| 4. | Kursus Sistem Perlindungan Cerun (Teknikal 2) CE08 | Pahang | 15 - 19.05.2023 | 18-19.05.2023 |
| 5. | Kursus Sistem Pencegahan & Perlindungan Kebakaran M02 | Kelantan | 21 - 25.05.2023 | 21-23.05.2023 |
| 6. | Kursus Proses Pembangunan Hartanah & Pengurusan Kewangan Untuk Kontraktor Bumiputra | Selangor | 30 – 31.10.2023 | 30-31.10.2023 |
| 7. | Kursus Pembinaan Lanskap & Taman Permainan KK-T-013 | Perak | 24 – 28.06.2024 | 27 – 28.06.2024 |
| 8. | Kursus Asas *Bill Of Quantities* | Negeri Sembilan | 16 – 17.07.2024 | 17.07.2024 |

Sumber: Laporan Pemantauan Program/Kursus Anjuran PKK

ii. Sebanyak enam Laporan Pemantauan Program/Kursus Anjuran PKK telah lewat disediakan antara 2 hari hingga 13 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut.

**JADUAL 44**
**KELEWATAN PENYEDIAAN LAPORAN PEMANTAUAN PROGRAM/KURSUS**

| BIL. | TAJUK KURSUS | TARIKH PEMANTAUAN | TARIKH LAPORAN SEPATUTNYA DIKEMUKAKAN | TARIKH LAPORAN DISEDIAKAN | TEMPOH KELEWATAN (Hari) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Kursus Kerja Bumbung B15 | 09.05.2023 | 12.05.2023 (Isnin) | 26.05.2023 | 13 |
| 2. | Kursus Pembinaan Pavement & Pembinaan *Hardstand* CE01 | 10.05.2023 | 13.05.2023 (Sabtu) | 26.05.2023 | 12 |
| 3. | Kursus Penyelenggaraan Bangunan & Persekitaran Kompleks B24 | 16 -17.05.2023 | 20.05.2023 (Sabtu) | 29.05.2023 | 8 |
| 4. | Kursus Sistem Perlindungan Cerun (Teknikal 2) CE08 | 18 -19.05.2023 | 22.05.2023 (Isnin) | 29.05.2023 | 6 |
| 5. | Kursus Sistem Pencegahan & Perlindungan Kebakaran M02 | 21-23.05.2023 | 26.05.2023 (Jumaat) | 29.05.2023 | 2 |
| 6. | Kursus Pembinaan Landskap & Taman Permainan KK-T-013 | 27 – 28.06.2024 | 01.07.2024 (Isnin) | 05.07.2024 | 3 |

Sumber: Laporan Pemantauan Program/Kursus Anjuran PKK

## MAKLUM BALAS/STATUS TERKINI

Tempoh penyediaan laporan tersebut akan dikaji semula.

**Pendapat Audit**

**Tahap pemantauan terhadap perolehan latihan adalah memuaskan. Sebanyak lapan pemantauan telah dijalankan terhadap latihan yang dilaksanakan di peringkat negeri. Bagaimanapun, sebanyak enam laporan pemantauan telah lewat disediakan.**

## 4.5 RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, dapat dirumuskan bahawa perolehan latihan di PKK tidak diurus dengan teratur dan tidak mematuhi peraturan yang berkuat kuasa. Pindaan terhadap Perancangan Perolehan Tahunan tidak dikemukakan kepada Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Pegawai Yang Diturunkan Kuasa untuk kelulusan. Kadar Piawai PKK yang digunakan untuk membuat pembayaran kepada bukan penjawat awam adalah tidak teratur memandangkan kadar-kadar yang ditetapkan adalah bukan oleh Lembaga Perolehan Agensi sebaliknya Ketua Jabatan sahaja. Sebanyak 19 perolehan tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus manakala sejumlah RM3,000 telah dibayar untuk peserta yang tidak menghadiri kursus. Selain itu, sejumlah RM31,800 telah terlebih bayar kepada tenaga pengajar manakala kadar bayaran kepada tenaga pengajar tidak dapat disahkan kerana dokumen sokongan tidak lengkap.

Pentadbiran kontrak di PKK adalah kurang memuaskan. Terma dan syarat perkhidmatan tidak disediakan/dilampirkan bersama 26 Pesanan Kerajaan manakala tahap pemantauan terhadap pengurusan perolehan latihan di PKK adalah memuaskan kerana sebanyak enam laporan pemantauan telah lewat disediakan.

## 4.6 SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan, adalah disyorkan agar PKK mengambil tindakan berikut:

4.6.1 Pindaan terhadap PPT dikemukakan kepada Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/ Pegawai Yang Diturunkan Kuasa untuk pengesahan dan kelulusan sebelum perolehan dilaksanakan;

4.6.2 Penetapan Kadar Piawai PKK diangkat kepada Lembaga Perolehan Agensi bagi kelulusan selanjutnya;

4.6.3 Mendapatkan kelulusan PBM sebelum melaksanakan perolehan;

4.6.4 Bayaran yuran kursus diperakukan hanya untuk peserta yang menghadiri kursus;

4.6.5 Tindakan tegas diambil terhadap peserta yang tidak menghadiri kursus kerana PKK telah membayar sepenuhnya kos kursus;

4.6.6 Memastikan bayaran dibuat adalah teratur dan dokumen sokongan yang lengkap disertakan bersama Arahan Pembayaran;

4.6.7 Kursus yang melibatkan tenaga pengajar dari kalangan pegawai awam diuruskan oleh PKK tanpa melalui pembekal perkhidmatan bagi penjimatan kos;

4.6.8 Terma dan syarat bagi perkhidmatan yang diperolehi dinyatakan dengan jelas bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara dan dilampirkan bersama Pesanan Kerajaan atau Surat Setuju Terima; dan

4.6.9 Mengkaji semula tempoh penyediaan Laporan Pemantauan Program/Kursus Anjuran PKK.

# LAPORAN TAHUNAN 2024

## BAHAGIAN 5

# PENGAUDITAN PEMATUHAN

UNIT AUDIT DALAM KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

# 5. PENGAUDITAN PEMATUHAN

## 5.1 PENGAUDITAN TERHADAP AKTIVITI PENGIKTIRAFAN SIJIL TARAF BUMIPUTERA

### 5.1.1 LATAR BELAKANG

5.1.1.1 Dasar Keutamaan kepada Syarikat Bumiputera telah dikuatkuasakan mulai tahun 1995 bertujuan untuk memastikan agihan peluang kepada Bumiputera dalam perolehan seperti berikut:

(i) Meningkatkan kapasiti syarikat Bumiputera dalam pasaran terbuka;
(ii) Menyediakan persekitaran ekonomi yang kondusif bagi membolehkan peningkatan penyertaan Bumiputera secara beransur - ansur ke arah menjadi lebih berdaya saing dan berdaya maju; dan
(iii) Meningkatkan bilangan serta kompetensi peserta Bumiputera dalam industri rantaian bekalan khususnya bahan binaan.

Syarikat Bumiputera hendaklah memenuhi kriteria seperti berikut:

(i) Sekurang-kurangnya 51% saham syarikat dimiliki oleh Bumiputera dan pemilikan saham individu Bumiputera hendaklah melebihi saham individu bukan Bumiputera;
(ii) Sekurang-kurangnya 51% daripada bilangan Ahli Lembaga Pengarah syarikat dipegang oleh Bumiputera;
(iii) Jawatan Ketua Eksekutif, Pengarah Urusan atau Pengurus Besar dan jawatan-jawatan penting lain (*keyposts*) hendaklah dipegang oleh Bumiputera dengan peratusan bilangan sekurang-kurangnya 51%;
(iv) Sekurang-kurangnya 51% daripada bilangan pekerja hendaklah terdiri daripada Bumiputera;
(v) Pengurusan kewangan hendaklah dikuasai 100% oleh Bumiputera; dan
(vi) Carta organisasi dan fungsi pengurusan syarikat hendaklah menunjukkan penguasaan sekurang-kurangnya 51% oleh Bumiputera.

5.1.1.2 Agensi Bermandat Bumiputera seperti Badan Berkanun dan Syarikat Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang ditubuhkan untuk menambahkan penyertaan Bumiputera dalam bidang perdagangan diberikan taraf Bumiputera secara automatik. Bagaimanapun, bagi anak syarikat Agensi Bermandat Bumiputera permohonan bagi taraf Bumiputera hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan atau PKK secara berasingan.

5.1.1.3 Pemberian taraf syarikat Bumiputera bagi penyertaan dalam perolehan Kerajaan adalah dilaksanakan oleh pihak berkuasa seperti berikut:

(i) Bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan, pemberian Sijil Taraf Bumiputera (STB) adalah daripada Kementerian Kewangan melalui lawatan premis oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP); dan

(ii) Bagi perolehan kerja, pemberian STB dan lawatan premis adalah daripada PKK, KUSKOP. Penarafan kontraktor kerja Gred G1 Bumiputera adalah berdasarkan dokumen yang dikemukakan sahaja dan tiada lawatan premis diperlukan.

5.1.1.4 Permohonan STB yang diuruskan oleh PKK terbahagi kepada tiga (3) jenis seperti berikut:

(i) Permohonan baharu – permohonan kali pertama bagi syarikat yang ingin mendapatkan STB.
(ii) Perubahan maklumat – permohonan untuk membuat pindaan terhadap maklumat syarikat secara atas talian seperti pertukaran alamat berdaftar, pemilik, pemegang ekuiti, ahli lembaga pengarah, penandatangan cek dan penama Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK).
(iii) Pembaharuan – permohonan syarikat yang telah berdaftar dengan PKK yang masih dalam tempoh sah laku atau telah tamat tempoh.

5.1.1.5 Aktiviti pengiktirafan STB di PKK dipertanggungjawabkan kepada Seksyen Penarafan Taraf Bumiputera yang diketuai oleh Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M48 serta Seksyen Penguatkuasaan dan Inspektorat yang diketuai oleh Juruukur Bahan Gred J48 untuk melaksanakan Lawatan Pemeriksaan Premis.

5.1.1.6 Pengiktirafan STB bagi Gred G1 hingga Gred G3 dilaksanakan oleh PKK Cawangan Negeri (PCN) manakala pengiktirafan STB bagi Gred G4 hingga Gred G7 dilaksanakan oleh PKK Ibu Pejabat (PKK). Bagaimanapun, PCN Sarawak dan Sabah melaksanakan pengiktirafan STB bagi Gred G1 hingga G7 bagi negeri masing-masing.

5.1.1.7 Sehingga 31 Disember 2023 sebanyak 75,385 (57.3%) daripada syarikat yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah diluluskan STB.

5.1.1.8 Pada tahun 2022 dan 2023 sebanyak 113,457 permohonan STB (permohonan baharu, perubahan maklumat dan pembaharuan) telah diterima melalui *Centralized Information Management System* (CIMS) manakala sebanyak 73,520 (64.8%) STB telah diluluskan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut.

**JADUAL 45**
**PERMOHONAN DAN KELULUSAN SIJIL TARAF BUMIPUTERA**

| BIL. | CAWANGAN/ NEGERI | PERMOHONAN | | | KELULUSAN | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2022 (a) | 2023 (b) | JUMLAH (c) | 2022 (d) | 2023 (e) | JUMLAH (f) | (%) [(f/c) x 100] |
| 1. | Ibu Pejabat | 6,082 | 7,039 | 13,121 | 4,136 | 4,456 | 8,592 | 65.5 |
| 2. | Perlis | 1,205 | 1,109 | 2,314 | 823 | 776 | 1,599 | 69.1 |
| 3. | Kedah | 4,982 | 5,090 | 10,072 | 3623 | 3,380 | 7,003 | 69.5 |
| 4. | Pulau Pinang | 2,340 | 2,038 | 4,378 | 1,753 | 1,602 | 3,355 | 76.6 |
| 5. | Perak | 4,656 | 5,304 | 9,960 | 3,283 | 2,732 | 6,015 | 60.4 |
| 6. | Selangor | 6,101 | 6,549 | 12,650 | 4,605 | 4,330 | 8,935 | 70.6 |
| 7. | Wilayah Persekutuan | 2,098 | 2,642 | 4,740 | 1,530 | 1,610 | 3,140 | 66.2 |
| 8. | Negeri Sembilan | 3,242 | 3,243 | 6,485 | 2,362 | 2,104 | 4,466 | 68.9 |
| 9. | Melaka | 2,182 | 1,869 | 4,051 | 1,301 | 1,030 | 2,331 | 57.5 |
| 10. | Johor | 5,401 | 4,354 | 9,755 | 2,513 | 2,960 | 5,473 | 56.1 |
| 11. | Pahang | 4,486 | 5,145 | 9,631 | 3,590 | 3,599 | 7,189 | 74.6 |
| 12. | Terengganu | 4,688 | 4,656 | 9,344 | 3,337 | 2,507 | 5,844 | 62.5 |
| 13. | Kelantan | 3,394 | 4,081 | 7,475 | 2,761 | 2,886 | 5,647 | 75.5 |
| 14. | Sabah | 2,336 | 2,540 | 4,876 | 1,221 | 1,286 | 2,507 | 51.4 |
| 15. | Sarawak | 2,240 | 2,365 | 4,605 | 785 | 639 | 1,424 | 30.9 |
| **JUMLAH** | | **55,433** | **58,024** | **113,457** | **37,623** | **35,897** | **73,520** | **64.8** |

Sumber: Data Aktiviti Proses STB Tahun 2022 dan 2023 (15.01.2024)

### 5.1.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada aktiviti pengiktirafan STB telah diurus dengan teratur dan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.

### 5.1.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan melibatkan aktiviti pengeluaran STB (permohonan baharu) dari tahun 2022 hingga 2023 bagi syarikat Gred G2 hingga G7. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan aktiviti pengiktirafan STB di Ibu Pejabat PKK serta PCN Selangor, Kedah dan Sabah. Temu bual dan perbincangan bersama pegawai yang terlibat juga dilaksanakan. Selain itu, lawatan fizikal ke 22 premis syarikat yang terpilih turut dilaksanakan bagi mengesahkan kewujudannya.

### 5.1.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan bermula pada 22 Januari hingga 15 Mac 2024. Sebanyak 170 sampel syarikat Gred G2 hingga G7 yang telah diluluskan STB pada tahun 2022 dan 2023 telah dipilih untuk semakan manakala sebanyak 22 (12.9%) syarikat telah dilawati untuk mengesahkan kewujudannya. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti dalam perenggan berikut:

#### 5.1.4.1 Prestasi Penarafan Sijil Taraf Bumiputera

#### a. Sasaran dan Pencapaian

Bagi tempoh tahun 2022 dan 2023, PKK telah menetapkan sasaran untuk meluluskan sebanyak 65,300 permohonan STB (permohonan baharu, perubahan maklumat dan pembaharuan).

Sehingga 31 Disember 2023 PKK telah meluluskan sebanyak 73,520 (112.6%) STB. Sasaran dan pencapaian kelulusan STB bagi tahun 2022 dan 2023 adalah seperti di jadual berikut.

**JADUAL 46**
**SASARAN DAN PENCAPAIAN KELULUSAN STB BAGI TAHUN 2022 HINGGA 2023**

| TAHUN | SASARAN (a) | PENCAPAIAN (b) | PERATUS [(a/b)X100] |
|---|---|---|---|
| 2022 | 30,300 | 37,623 | 124.2 |
| 2023 | 35,000 | 35,897 | 102.6 |
| **JUMLAH** | **65,300** | **73,520** | **112.6** |

Sumber: Data & Statistik PKK Januari 2023 dan Disember 2023

Selain itu, bagi tempoh yang sama PKK telah menerima sebanyak 31,699 permohonan baharu STB manakala sebanyak 19,532 (61.6%) STB baharu telah diluluskan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut.

**JADUAL 47**
**PERMOHONAN DAN KELULUSAN SIJIL TARAF BUMIPUTERA BAHARU**

| BIL. | CAWANGAN/ NEGERI | PERMOHONAN | | | KELULUSAN | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2022 (a) | 2023 (b) | JUMLAH (c) | 2022 (d) | 2023 (e) | JUMLAH (f) | (%) [(f/c) x 100] |
| 1. | Ibu Pejabat | 636 | 826 | 1,462 | 253 | 243 | 496 | 33.9 |
| 2. | Perlis | 430 | 260 | 690 | 288 | 181 | 469 | 67.9 |
| 3. | Kedah | 2,417 | 1,778 | 4,195 | 1,759 | 1,156 | 2,915 | 69.5 |
| 4. | Pulau Pinang | 699 | 423 | 1,122 | 552 | 321 | 873 | 77.8 |
| 5. | Perak | 1,676 | 1,485 | 3,161 | 1,016 | 702 | 1,718 | 54.3 |
| 6. | Selangor | 1,790 | 1,792 | 3,582 | 1,346 | 1,047 | 2,393 | 66.8 |
| 7. | Wilayah Persekutuan | 618 | 729 | 1,347 | 434 | 408 | 842 | 62.5 |
| 8. | Negeri Sembilan | 1,185 | 1,011 | 2,196 | 872 | 604 | 1,476 | 67.2 |
| 9. | Melaka | 625 | 426 | 1,051 | 369 | 234 | 603 | 57.4 |
| 10. | Johor | 1,369 | 897 | 2,266 | 917 | 644 | 1,561 | 68.9 |
| 11. | Pahang | 1,675 | 1,381 | 3,056 | 1,276 | 1,000 | 2,276 | 74.5 |
| 12. | Terengganu | 1,322 | 1,207 | 2,529 | 716 | 608 | 1,324 | 52.4 |
| 13. | Kelantan | 1,293 | 1,232 | 2,525 | 943 | 789 | 1,732 | 68.6 |
| 14. | Sabah | 542 | 655 | 1,197 | 279 | 295 | 574 | 47.9 |
| 15. | Sarawak | 671 | 649 | 1,320 | 167 | 113 | 280 | 21.2 |
| **JUMLAH** | | **16,948** | **14,751** | **31,699** | **11,187** | **8,345** | **19,532** | **61.6** |

Sumber: Ringkasan Permohonan & Kelulusan STB Mengikut Proses Bagi Tahun 2022 dan 2023

## b. Tempoh Masa Kelulusan

i. Berdasarkan Perenggan 6.0 Surat Arahan Pusat Khidmat Kontraktor (SAPKK) Bil. 1 Tahun 2023 dan SAPKK Bil. 1 Tahun 2021, kelulusan permohonan baharu STB hendaklah dibuat dalam tempoh 21 hari bekerja daripada tarikh SPKK diluluskan dan dokumen lengkap diterima. Semakan terhadap 170 permohonan yang telah diluluskan pada tahun 2022 dan 2023 mendapati tarikh dokumen lengkap diterima tidak direkodkan pada dokumen permohonan menyebabkan pihak Audit tidak dapat menjalankan analisis terhadap pematuhan tempoh kelulusan STB dalam tempoh 21 hari bekerja daripada tarikh dokumen lengkap diterima.

**MAKLUM BALAS PADA 24 APRIL 2024**

PKK telah menambah baik Surat Arahan PKK Bilangan 1 Tahun 2023 dengan mewujudkan ruangan tarikh proses dalam Borang Pengesyoran. Tarikh proses merujuk kepada tarikh permohonan diproses setelah dokumen lengkap diterima.

ii. Walau bagaimanapun, pihak Audit telah menjalankan analisis terhadap pematuhan tempoh kelulusan STB dalam tempoh 21 hari bekerja daripada *tarikh permohonan diterima melalui CIMS* bagi 170 permohonan yang telah diluluskan pada tahun 2022 dan 2023. Hasil analisis mendapati sebanyak 149 (87.6%) permohonan STB telah diluluskan dalam tempoh 21 hari daripada tarikh permohonan diterima, manakala sebanyak 21 (12.4%) telah diluluskan melebihi tempoh 21 hari daripada tarikh permohonan diterima antara satu hari hingga 29 hari.

**MAKLUM BALAS PADA 24 APRIL 2024**

PKK mengambil maklum akan penemuan ini. Tarikh permohonan diterima bukanlah indikator yang tepat untuk mengira tempoh yang diambil untuk meluluskan sesuatu permohonan kerana ada kemungkinan permohonan tersebut tidak disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap. Oleh yang demikian, PKK telah menambaik baik Surat Arahan PKK Bilangan 1 Tahun 2023 dengan mewujudkan ruangan Tarikh Proses.

| | |
|---|---|
| **Pendapat Audit** | **Pencapaian STB adalah baik dari segi bilangan kelulusan permohonan STB berbanding sasarannya. Bagaimanapun, sebanyak 21 STB telah diluluskan melebihi tempoh 21 hari daripada tarikh permohonan dikemukakan.** |

### 5.1.4.2 Pengurusan Permohonan

#### a. Dokumen Permohonan

i. Berdasarkan SAPKK Bil. 1 Tahun 2023 dan SAPKK Bil. 1 Tahun 2021, permohonan pengiktirafan taraf Bumiputera untuk melayakkan syarikat memperolehi STB adalah seperti berikut:

- Permohonan dikemukakan secara atas talian melalui *Centralized Information Management System* (CIMS);
- Permohonan baharu bagi mendapatkan STB perlulah dilakukan selepas syarikat berjaya memperolehi atau memperbaharui Perakuan Pendaftaran Syarikat (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB); dan
- Syarikat hendaklah memuat naik dokumen mandatori dan sokongan yang telah ditetapkan.

ii. Semakan Audit terhadap 170 permohonan pengiktirafan penarafan Bumiputera yang telah diluluskan pada tahun 2022 dan 2023 mendapati perkara seperti berikut:

- semua permohonan telah dikemukakan secara atas talian melalui CIMS selepas syarikat berjaya memperolehi atau memperbaharui PPK dan SPKK daripada CIDB.
- sebanyak 98 (57.6%) permohonan pengiktirafan taraf Bumiputera telah diluluskan walaupun dokumen mandatori dan sokongan tidak lengkap. Butirannya adalah seperti di **Lampiran IV dan V.** Ringkasan penemuan berkaitan dokumen yang tidak lengkap adalah seperti berikut:

  - Kad Pengenalan/Surat Beranak/Sijil Kelahiran Ahli Lembaga Pengarah/Pemegang Ekuiti/Penandatangan Cek/Penama Dalam Sijil tidak dikemukakan;
  - Dokumen KWSP tidak dikemukakan/tidak lengkap;
  - Carta organisasi tidak dikemukakan;
  - Borang Pengakuan Pekerjaan (Akuan Berkanun) tidak dikemukakan/tidak ditandatangani di hadapan Pesuruhjaya Sumpah/Majistret/Hakim Mahkamah Seksyen;
  - Peta lakar tidak dikemukakan; dan
  - Dokumen pemilikan premis syarikat beroperasi/geran/perjanjian sewa tidak dikemukakan.

**MAKLUM BALAS PADA 24 APRIL 2024**

PKK mengambil maklum akan penemuan ini. Permohonan pengiktirafan taraf Bumiputera diproses melalui sistem *Centralized Information Management System (CIMS)*. Ada kemungkinan dokumen sokongan yang disimpan di dalam sistem telah pun digantikan apabila permohonan baru dikemukakan oleh kontraktor. Bagi mengurangkan isu ini. PKK akan meminda Surat Arahan PKK dengan memastikan segala dokumen yang digunakan semasa permohonan disimpan untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun daripada permohonan bagi tujuan semakan audit.

- Selain itu, pihak Audit dimaklumkan oleh PCN Selangor bahawa carta organisasi tidak dikemukakan bersama dokumen permohonan kerana PCN Selangor terkhilaf dengan arahan perenggan 3.2.9 Garis Panduan Lawatan Pemeriksaan Premis yang menetapkan carta organisasi bagi syarikat Gred G2 dan Gred G3 tidak perlu disemak.

**MAKLUM BALAS PADA 24 APRIL 2024**

PKK Selangor telah mendapatkan semula carta organisasi daripada kontraktor yang terlibat.

**b. Lawatan Pemeriksaan Premis**

i. Berdasarkan perenggan 4.10 (a), SAPKK Bil. 1 Tahun 2021, lawatan pemeriksaan premis akan dikenakan kepada permohonan baru kecuali G1 Bumiputera yang berdaftar mulai 1 September 2019. Selain itu, berdasarkan perenggan 4.14 Kelulusan Bersyarat diberikan sebelum siasatan premis dilaksanakan di atas keadaan-keadaan berikut:

- Arahan daripada Pengarah/Ibu Pejabat PKK;
- Lokasi syarikat yang jauh daripada pejabat-pejabat PKK dan timbul kesulitan untuk memproses STB dalam tempoh yang ditetapkan dengan persetujuan pihak pemohon dan pejabat pelulus. PKK hendaklah melaksanakan lawatan premis dalam tempoh kelulusan bersyarat itu diberikan; dan
- Pengarah Negeri atau individu yang diberi kuasa, bolehlah mengguna pakai sewajarnya bagi pemakaian kelulusan ini.

ii. Semakan Audit mendapati PCN Sabah tidak melaksanakan lawatan pemeriksaan premis dalam tempoh kelulusan bersyarat yang diberikan bagi 3 syarikat kerana faktor keselamatan berikutan kes Covid-19 yang masih tinggi di negeri Sabah.

Berdasarkan memo bertarikh 3 November 2021 yang dikemukakan kepada pihak Audit pada 4 April 2024, pelanjutan kelulusan bersyarat boleh dipertimbangkan selama satu tahun sekiranya lawatan pemeriksaan premis tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh satu tahun daripada kelulusan bersyarat diberikan. Pihak PKK juga memaklumkan akan menambahbaik peruntukan mengenai kelulusan bersyarat ini dengan memperincikan syarat-syarat kelulusan bersyarat dalam pindaan SAPKK yang sedang disediakan.

**MAKLUM BALAS PADA 24 APRIL 2024**

PKK mengambil maklum akan penemuan ini. PCN Sabah telah melaksanakan lawatan pemeriksaan premis pada 12 Disember 2023 setelah kontraktor yang terlibat memohon tempoh pelanjutan.

iii. Berdasarkan SAPKK Bil. 1 Tahun 2021, Lampiran B – Carta Alir proses Kerja Permohonan Baru, lawatan premis dilaksanakan oleh Seksyen/Unit Penguatkuasaan dan Inspektorat (SPI) selepas permohonan dibuat oleh syarikat dan semakan dokumen serta pengesyoran oleh Pegawai Pengesyor Seksyen/Unit Penarafan Taraf Bumiputera (SPTB). Semakan Audit mendapati lawatan pemeriksaan premis (3 Mac 2024) bagi permohonan sebuah syarikat telah dilaksanakan sebelum permohonan (8 Mac 2024) dikemukakan oleh syarikat melalui sistem *Centralized Information Management System* (CIMS) CIDB. Permohonan telah diluluskan pada 14 Mac 2024.

**MAKLUM BALAS PADA 24 APRIL 2024**

PKK mengambil maklum akan penemuan ini. Pembinaan Wangsa Maju sebenarnya telah mengemukakan permohonan sebanyak tiga kali berturut. Lawatan pemeriksaan telah dilaksanakan setelah permohonan kali kedua ditolak. Permohonan kali ketiga diluluskan berdasarkan lawatan pemeriksaan yang dilaksanakan.

iv. Berdasarkan Perenggan 4.0, Garis Panduan Siasatan Premis bertarikh 24 Jun 2021, laporan siasatan serta gambar perlu dilampirkan bagi setiap permohonan baharu syarikat sebagai bukti dan rujukan lanjut. Semakan Audit terhadap 85 borang laporan siasatan tahun 2022 mendapati 22 borang laporan siasatan tidak dilampirkan gambar lawatan premis sebagai bukti dan rujukan.

v. Pihak Audit dimaklumkan perkara ini berlaku kerana gambar lawatan premis disimpan oleh SPI dan tidak dikemukakan kepada SPTB bersama dokumen laporan siasatan bagi tujuan rujukan pegawai pengesyor dan rekod.

**MAKLUM BALAS PADA 24 APRIL 2024**

Gambar lawatan premis sebenarnya ada dalam simpanan Seksyen Penguatkuasaan dan Inspektorat. Amalan sebelum ini, hanya laporan pemeriksaan sahaja dihantar ke Seksyen Penarafan Taraf Bumiputera. Mulai tahun 2023, keseluruhan laporan pemeriksaan telah dihantar ke Seksyen Penarafan Taraf Bumiputera untuk rekod yang lebih menyeluruh.

vi. Berdasarkan Borang Siasatan Taraf Bumiputera Ibu Pejabat/Negeri PKK/SPI_002, salinan bukti pemilikan/perjanjian sewa premis perlu dikemukakan. Semakan Audit terhadap fail dan sistem CIMS mengenai pemilikan premis syarikat mendapati dokumen salinan bukti pemilikan/perjanjian sewa premis bagi 12 syarikat tidak disimpan untuk semakan.

vii. Pihak Audit dimaklumkan bahawa tiada perjanjian sewaan di antara anak syarikat dengan Syarikat Induk. Berdasarkan Cabutan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali Ke-2 Tahun 2017, Syarikat Induk memutuskan supaya anak syarikatnya untuk membayar yuran pengurusan sewaan dan utiliti sebanyak RM3,000 sebulan sebagai bukti pemilikan/perjanjian sewa premis tersebut.

**MAKLUM BALAS PADA 24 APRIL 2024**

Dokumen Salinan bukti pemilikan/perjanjian sewa premis sebenarnya ada dalam simpanan Seksyen Penguatkuasaan dan Inspektorat. Amalan sebelum ini, hanya laporan pemeriksaan sahaja dihantar ke Seksyen Penarafan Taraf Bumiputera. Mulai tahun 2023, keseluruhan laporan pemeriksaan telah dihantar ke Seksyen Penarafan Taraf Bumiputera.

viii. Berdasarkan perenggan 4.9 (b), SAPKK Bil. 1 Tahun 2021, pegawai pengesyor perlu memastikan alamat syarikat yang diikrarkan perlu selari dengan alamat yang didaftarkan sama ada di dalam pendaftaran SSM, alamat surat-menyurat di dalam pangkalan data CIMS, alamat beroperasi yang diiktiraf oleh syarikat pada mana-mana lesen operasi yang diperolehi oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau alamat yang diikrarkan sendiri oleh pemohon bagi memudahkan urusan lawatan premis diadakan. Selain itu, premis yang dilawati perlulah premis kekal dan wajib mempamerkan papan tanda kekal di luar premis untuk pertimbangan kelulusan STB selaras dengan kriteria lawatan premis dalam Garis Panduan Lawatan Premis.

ix. Semakan Audit terhadap Laporan Borang Siasatan Taraf Bumiputera Negeri bagi sebuah syarikat mendapati PCN Selangor telah melawat premis syarikat tersebut pada 7 Mac 2022 di alamat yang didaftarkan dalam sistem CIMS iaitu di 35, Jalan Kesuma 3/7, Bandar Tasik Kesuma, 43700 Beranang, Selangor. Bagaimanapun, gambar lawatan premis yang dilampirkan dalam Laporan Borang Siasatan Taraf Bumiputera Negeri merupakan gambar papan tanda hadapan premis *site office* yang beralamat di Plot A (Store) Jalan 9/155, Bukit OUG Industrial Park, 58200 Kuala Lumpur dan bukan gambar premis pejabat urusan syarikat.

x. Pihak Audit dimaklumkan bahawa gambar lawatan premis pada 7 Mac 2022 yang dilampirkan dalam Laporan Borang Siasatan Taraf Bumiputera Negeri merupakan gambar yang dimuatnaik oleh kontraktor di dalam sistem CIMS.

xi. Pada 8 Februari 2024, pihak Audit bersama PKK dan PCN Selangor telah mengadakan lawatan premis bagi syarikat Bintang Networks (M) Sdn. Bhd. di alamat 35, Jalan Kesuma 3/7, Bandar Tasik Kesuma, 43700 Beranang, Selangor. Semasa lawatan, pihak Audit mendapati premis di alamat tersebut tidak dapat ditemui. Bangunan di sekitar alamat tersebut dalam keadaan usang dan tidak berpenghuni. Keadaan bangunan di sekitar alamat tersebut adalah seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 2**
**KEADAAN BANGUNAN DI ALAMAT YANG DIDAFTARKAN OLEH SEBUAH SYARIKAT**





PKK Selangor memaklumkan bahawa mereka tersilap membawa pasukan Audit ke lokasi yang salah dan telah membuat lawatan semula ke syarikat tersebut pada 27 Mac 2024. Gambar premis syarikat terkini adalah seperti berikut:

**GAMBAR 3**
**GAMBAR LAWATAN SYARIKAT TERKINI**






**MAKLUM BALAS PADA 24 APRIL 2024**

PKK Selangor memaklumkan gambar premis syarikat tidak diambil ketika lawatan premis dilaksanakan. Teguran secara lisan telah diberikan kepada PKK Selangor berkenaan perkara ini. PKK Selangor telah mengambil tindakan pembetulan dengan mendapatkan gambar premis berkenaan.

xii. Berdasarkan perenggan 4.8(a) dan 4.8(b) SAPKK Bil. 1 Tahun 2023, premis dan alamat operasi bagi syarikat yang berdaftar dengan *Registrar of Business* (ROB) dan *Registrar of Companies* (ROC) adalah tertakluk seperti berikut:

- hendaklah mempunyai pejabat operasi perniagaan yang sah sama ada milik sendiri/sewa;
- syarikat juga boleh beroperasi daripada pejabat perniagaan, rumah kediaman atau mana-mana premis sebagai pejabat perniagaan dengan cara mengisytiharkan alamat pengoperasian tersebut;
- Syarikat dibenarkan beroperasi daripada rumah pusaka/keluarga/saudara mara dengan kebenaran bertulis dan mengemukakan bukti pemilikan/kebenaran serta bil utiliti;
- Syarikat tidak dibenarkan beroperasi menggunakan premis pejabat setiausaha syarikat, pejabat syarikat percukaian, pasar, gerai, kantin, premis tidak kekal, kuarters Kerajaan dan semua premis Kerajaan; dan
- Syarikat tidak dibenarkan menggunakan alamat pejabat maya, *mailing box office services* atau lain – lain premis di mana kesahihan dan keupayaan syarikat sukar ditentukan.

xiii. Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada lawatan premis telah dilaksanakan di premis atau alamat beroperasi yang dibenarkan kerana alamat premis yang dilawati tidak dicatat pada Laporan Borang Siasatan Taraf Bumiputera. Pihak Audit dimaklumkan bahawa alamat premis yang dilawati terdapat pada cop syarikat di ruang pengakuan syarikat dalam Borang Siasatan Taraf Bumiputera tersebut. Bagaimanapun, semakan lanjut Audit mendapati 42 cop syarikat pada ruangan pengakuan tidak mempunyai alamat syarikat masing-masing.

**MAKLUM BALAS PADA 24 APRIL 2024**

PKK telah menambah baik Borang Siasatan Taraf Bumiputera dengan memasukkan ruangan alamat.

| Pendapat Audit | **Pengurusan dokumen permohonan pengiktirafan taraf Bumiputera adalah memuaskan. Sebanyak 98 (57.6%) permohonan telah diluluskan walaupun dokumen mandatori dan sokongan tidak lengkap. Sebanyak 1 lawatan premis dilaksanakan sebelum permohonan dikemukakan. Selain itu, 22 borang laporan siasatan tidak dilampirkan gambar lawatan premis dan dokumen salinan bukti pemilikan/perjanjian sewa premis bagi 12 syarikat tidak disimpan untuk semakan.** |
|---|---|

**5.1.4.3 Syarat Pengiktirafan STB**

a. Berdasarkan perenggan 3.2 SAPKK Bil. 1 Tahun 2023 dan dan SAPKK Bil. 1 Tahun 2021, syarat-syarat pengiktirafan STB bagi syarikat Gred G2 hingga G7 adalah seperti berikut:

i. syarikat telah berdaftar dengan CIDB dalam Gred yang diluluskan;
ii. syarikat bebas daripada tindakan tatatertib atau mahkamah semasa mengemukakan permohonan;
iii. sekurang-kurangnya 51% ekuiti/modal berbayar syarikat yang dimiliki oleh Bumiputera dan pemilikan ekuiti/modal berbayar individu Bumiputera hendaklah melebihi ekuiti/modal berbayar individu bukan Bumiputera;
iv. sekurang-kurangnya 51% daripada bilangan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) syarikat dipegang oleh Bumiputera;
v. sekurang-kurangnya 51% daripada pekerja syarikat iaitu kakitangan yang dicarum KWSP hendaklah terdiri daripada Bumiputera;
vi. gaji/caruman KWSP kakitangan secara kumulatif hendaklah dikuasai oleh Bumiputera;
vii. sekiranya ekuiti/modal berbayar syarikat dikuasai oleh syarikat lain, syarikat yang memegang ekuiti/modal berbayar syarikat tersebut hendaklah mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan di bawah perkara iii,iv,v dan vi;
viii. pengurusan kewangan hendaklah dikuasai 100% oleh Bumiputera;

ix. penandatangan cek dan penama sijil mestilah oleh individu yang mempunyai kaitan dengan syarikat sama ada pengarah, pemegang saham atau kakitangan yang dicarum KWSP;

x. jawatan-jawatan penting (*keypost*) hendaklah sekurang-kurangnya 51% terdiri daripada Bumiputera;

xi. carta organisasi dan fungsi pengurusan syarikat hendaklah menunjukkan penguasaan sekurang-kurangnya 51% oleh Bumiputera;

xii. syarikat adalah dibenarkan turun/naik gred kecuali turun ke gred G1 Bumiputera;

xiii. usaha sama di antara Bumiputera dan asing adalah dibenarkan yang mana syarikat hendaklah ditubuhkan di Malaysia dan pemilikan ekuiti warganegara Malaysia Bumiputera tidak kurang 51% manakala asing tidak melebihi 49%;

xiv. ALP, pengurusan dan pekerja hendaklah mengikut peratusan di dalam pemilikan ekuiti yang melibatkan syarikat usaha sama di antara Bumiputera dan asing.

b. Semakan Audit terhadap 170 permohonan pengiktirafan penarafan Bumiputera yang telah diluluskan pada tahun 2022 dan 2023 mendapati perkara seperti berikut:

i. semua syarikat yang disemak telah berdaftar dengan CIDB dalam Gred yang diluluskan dan bebas daripada tindakan tatatertib atau mahkamah semasa mengemukakan permohonan.

ii. semua syarikat yang diluluskan STB memenuhi syarat sekurang-kurangnya 51% ekuiti/modal berbayar dan bilangan Ahli Lembaga Pengarah dimiliki oleh Bumiputera.

iii. Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada 24 syarikat yang telah mengemukakan permohonan STB pada tahun 2022 telah mematuhi syarat sekurang-kurangnya 51% daripada pekerja syarikat, iaitu kakitangan yang dicarum KWSP terdiri daripada Bumiputera kerana Penyata/Borang A KWSP tidak dikemukakan untuk semakan.

**MAKLUM BALAS PADA 24 APRIL 2024**

PKK mengambil maklum akan penemuan ini. Berdasarkan SA PKK Bilangan 1 Tahun 2021 iaitu dokumen rujukan untuk urusan permohonan STB tahun 2022 menyatakan sekiranya Penama Dalam Sijil atau Penandatangan Cek atau kedua-duanya bukan terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah atau Pemegang Ekuiti, penama hendaklah dicarum di

bawah syarikat. Memandangkan Penama Dalam Sijil atau Penandatangan Cek atau kedua-duanya terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah atau Pemegang Ekuiti, maka tiada keperluan untuk mendapatkan penyata/Borang A KWSP. PKK telah menambah baik peruntukan berkenaan caruman KWSP ini dalam SA PKK

Bilangan 1 Tahun 2023 dengan memastikan syarikat mengemukakan surat pemakluman sekiranya tiada pekerja.

iv. Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada penama sijil bagi sebuah syarikat merupakan kakitangan yang dicarum KWSP oleh syarikat tersebut kerana penyata/Borang A KWSP bagi tahun 2022 tidak dikemukakan bersama permohonan. Semakan selanjutnya terhadap Borang A KWSP syarikat tersebut mendapati kakitangan tersebut tidak tersenarai sebagai pekerja yang dicarum KWSP oleh syarikat tersebut walaupun beliau merupakan salah seorang penama sijil yang ditauliahkan pada Sijil Taraf Bumiputera.

v. Pihak Audit dimaklumkan bahawa penyata/Borang A KWSP bagi tahun 2022 tidak dikemukakan kerana tidak terdapat di CIMS selepas aktiviti muat naik dokumen permohonan pembaharuan tahun 2023 oleh syarikat tersebut.

**MAKLUM BALAS PADA 24 APRIL 2024**

PKK mengambil maklum akan penemuan ini. Penyata/Borang A KWSP bagi tahun 2022 untuk syarikat telah digantikan oleh syarikat setelah mengemukakan permohonan pembaharuan STB pada tahun 2023. Bagi isu pekerja tidak dicarum, PKK berpandangan ianya di bawah bidang kuasa Kumpulan Simpanan Wang Pekerja.

| Pendapat Audit | **Pengiktirafan STB adalah memuaskan. Syarikat-syarikat yang diberikan pengiktirafan telah mematuhi syarat yang ditetapkan. Bagaimanapun, kakitangan yang dicarum KWSP terdiri daripada Bumiputera tidak dapat ditentukan kerana dokumen sokongan tidak dikemukakan.** |
|---|---|

**5.1.4.4 Pemberian Kuasa**

a. Berdasarkan Perenggan 5.0 SAPKK Bil. 1 Tahun 2023 dan SAPKK Bil. 1 Tahun 2021, pemberian kuasa kepada Pegawai Pengesyor dan Pegawai Pelulus STB akan diberikan oleh Pengarah PKK melalui Borang Permohonan Pengguna CIMS seperti berikut:

i. Jumlah Pegawai Pelulus hendaklah sekurang-kurangnya dua orang dari kalangan Ketua Seksyen PKK/Pengarah Cawangan Negeri/ pegawai yang diberi kuasa bagi melaksanakan tanggungjawab sebagai Ketua Seksyen PKK/Pengarah Cawangan Negeri dan pegawai awam Gred 29 dan ke atas.

ii. Pegawai Pengesyor adalah dari kalangan Penolong Jurutera/Penolong Juruukur Bahan atau Penolong Pegawai Tadbir/Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan pegawai awam Gred 19 hingga 40.

b. Pegawai Pengesyor berperanan untuk memastikan semua dokumen permohonan STB yang dikemukakan oleh syarikat adalah lengkap (termasuk laporan lawatan pemeriksaan premis) sebelum dikemukakan kepada Pegawai Pelulus untuk kelulusan.

c. Semakan Audit mendapati seramai 41 pegawai telah diberi kuasa untuk memproses permohonan STB di PKK, PCN Selangor, PCN Kedah dan PCN Sabah. Semakan selanjutnya terhadap 19 (46.3%) pegawai yang telah diberi kuasa sebagai Pegawai Pengesyor dan Pegawai Pelulus di PKK, PCN Selangor, PCN Kedah dan PCN Sabah mendapati pemberian kuasa kepada 18 (43.9%) pegawai telah dilaksanakan dengan sewajarnya oleh Pengarah PKK. Bagaimanapun, terdapat seorang Pembantu Operasi (PO) Gred N11 telah diberi kuasa sebagai Pegawai Pengesyor.

d. Pihak Audit dimaklumkan bahawa pemberian kuasa kepada Pembantu Operasi Gred N11 dibuat bagi membolehkan beliau menyemak status permohonan STB apabila diminta oleh syarikat yang memohon.

**MAKLUM BALAS PADA 24 APRIL 2024**

Pada waktu ini, PKK dimaklumkan hanya terdapat dua peranan dalam CIMS iaitu sama ada Pengesyor atau Pelulus. Terdapat keperluan untuk pegawai diberikan akses kepada sistem kerana pegawai bertanggungjawab menjawab panggilan telefon di Sekyen Penarafan Taraf Bumiputera sekiranya terdapat mana-mana pegawai bercuti. PKK telah mengambil tindakan penambahbaikkan dengan memohon kepada CIDB agar pegawai diberikan peranan *viewer* sahaja.

| | |
|---|---|
| **Pendapat Audit** | **Pemberian kuasa kepada Pegawai Pengesyor dan Pegawai Pelulus STB adalah baik. Bagaimanapun, terdapat seorang pegawai Gred N11 telah diberi kuasa sebagai Pegawai Pengesyor STB oleh Pengarah PKK.** |

### 5.1.4.5 Lawatan Fizikal Audit

a. Pihak Audit telah melaksanakan lawatan fizikal terhadap 22 syarikat di negeri Selangor, Kedah dan Sabah pada bulan Februari dan Mac 2024.

b. Berdasarkan Perenggan 3.0, Garis Panduan Lawatan Pemeriksaan Premis bertarikh 14 Jun 2023 dan Garis Panduan Siasatan Premis bertarikh 24 Jun 2021, antara butiran kriteria lawatan premis adalah seperti berikut:

   i. Premis syarikat haruslah menampakkan ciri-ciri kontraktor Bumiputera yang aktif dan beroperasi setaraf dan bersesuaian dengan gred yang didaftarkan.

ii. Premis perlulah kekal dan bukan premis diubahalih (*portable*).
iii. Premis wajib memaparkan atau mempamerkan papan tanda kekal diluar premis.
iv. Perkongsian premis perlu dibuat pengasingan melibatkan ruang pejabat dan ruang penyimpanan dokumen dengan syarikat lain di premis yang sama.
v. Perkongsian kakitangan di dalam premis yang sama tidak dibenarkan.
vi. Perkongsian premis dengan syarikat Bukan Bumiputera adalah tidak dibenarkan.

c. Lawatan fizikal Audit yang dijalankan bersama PKK dan PCN terlibat mendapati perkara seperti berikut:

i. Sebanyak 3 syarikat tidak beroperasi di alamat yang didaftarkan dalam sistem CIMS.

**MAKLUM BALAS PADA 24 APRIL 2024**

PKK mengambil maklum akan penemuan ini. Situasi ini boleh berlaku memandangkan syarikat boleh berpindah ke mana-mana premis tanpa halangan. Walau bagaimanapun, PKK akan mengambil tindakan tatatertib ke atas syarikat kerana tidak mengemaskini maklumat alamat di dalam sistem CIMS. Selain itu, PKK telah melaksanakan lawatan pemutihan mulai tahun 2023 bagi memastikan syarikat yang diberikan STB mematuhi syarat-syarat yang dtetapkan.

ii. Sebanyak 3 syarikat tidak memaparkan atau mempamerkan papan tanda kekal diluar premis.

**MAKLUM BALAS PADA 24 APRIL 2024**

PKK mengambil maklum akan penemuan ini. PKK akan mengambil tindakan tatatertib ke atas syarikat kerana jelas melanggar syarat-syarat yang ditetapkan oleh PKK. Selain itu, PKK telah melaksanakan lawatan pemutihan mulai tahun 2023 bagi memastikan syarikat yang diberikan STB mematuhi syarat-syarat yang dtetapkan.

iii. Sebuah syarikat Gred tidak mempunyai kemudahan bilik pengarah di premis yang didaftarkan.

**MAKLUM BALAS PADA 24 APRIL 2024**

PKK mengambil maklum akan penemuan ini. PCN Sabah memaklumkan kemudahan bilik pengarah ada disediakan di premis yang berasingan tetapi di aras yang sama. PCN Sabah telah menasihatkan syarikat untuk mengemaskini alamat premis.

iv. Sebanyak 15 syarikat beroperasi di alamat yang didaftarkan dalam sistem CIMS dan mempamerkan papan tanda kekal diluar premis serta mempunyai kemudahan pejabat mengikut kesesuaian gred yang didaftarkan.

### 5.1.4.6 Pemantauan

a. Semakan Audit terhadap SAPKK Bil. 1 Tahun 2023 dan SAPKK Bil. 1 Tahun 2021 mendapati, tiada mekanisme atau kaedah pemantauan yang ditetapkan bagi aktiviti penarafan STB. Bagaimanapun, sepanjang tahun 2022 dan 2023 PKK telah melaksanakan sebanyak 29 Mesyuarat Pemantauan Negeri (MPN) yang dipengerusikan oleh Pengarah PKK serta dihadiri oleh wakil pegawai PKK dan PCN terlibat untuk memantau program/aktiviti yang dilaksanakan oleh PCN. Antara perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat tersebut adalah berkaitan dasar yang melibatkan KUSKOP dan PKK, pencapaian *Key Performance Indicator* PCN (termasuk aktiviti penarafan STB) dan tadbir urus PCN. Jadual pelaksanaan MPN adalah seperti berikut.

**JADUAL 48**
**PELAKSANAAN MESYUARAT PEMANTAUAN NEGERI TAHUN 2022 DAN 2023**

| BIL. | LOKASI | TARIKH | |
|---|---|---|---|
| | | 2022 | 2023 |
| 1. | PKK Cawangan Negeri Sarawak | 27.09.2022 | 09.02.2023 |
| 2. | PKK Cawangan Negeri Sabah | 26.08.2022 | 08.05.2023 |
| 3. | PKK Cawangan Wilayah Persekutuan | 08.04.2022 & 14.10.2022 | 25.05.2023 |
| 4. | PKK Cawangan Negeri Kelantan | 20.06.2022 | 01.06.2023 |
| 5. | PKK Cawangan Negeri Sembilan | 21.07.2022 | 22.06.2023 |
| 6. | PKK Cawangan Negeri Selangor | 31.05.2022 | 13.07.2023 |
| 7. | PKK Cawangan Negeri Kedah | 26.09.2022 | 24.07.2023 |
| 8. | PKK Cawangan Negeri Melaka | 12.03.2022 | 07.08.2023 |
| 9. | PKK Cawangan Negeri Perlis | 27.09.2022 | 14.08.2023 |
| 10. | PKK Cawangan Negeri Perak | 22.08.2022 | 17.08.2023 |
| 11. | PKK Cawangan Negeri Terengganu | 02.06.2022 | 23.08.2023 |
| 12. | PKK Cawangan Negeri Pahang | 03.06.2022 | 24.08.2023 |
| 13. | PKK Cawangan Negeri Johor | 13.03.2022 | 07.11.2023 |
| 14. | PKK Cawangan Negeri Pulau Pinang | 01.04.2022 | 18.12.2023 |

Sumber: Laporan Aktiviti Tahunan PKK Tahun 2023 dan Minit Mesyuarat MPN

b. Selain itu, pada tahun 2022 dan 2023 PKK telah menyediakan Laporan Keseluruhan Pemprosesan STB yang mengandungi maklumat mengenai bilangan permohonan/kelulusan STB mengikut negeri serta tempoh kelulusan bagi setiap permohonan tersebut. Melalui laporan tersebut PKK dapat memantau prestasi kelulusan permohonan STB oleh setiap PCN.

| Pendapat Audit | Pemantauan aktiviti penarafan STB adalah baik. PKK telah melaksanakan pemantaun terhadap aktiviti penarafan STB melalui MPN dan Laporan Keseluruhan Pemprosesan STB. |
|---|---|

### 5.1.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, aktiviti pengiktirafan STB telah diurus dengan baik. Bagaimanapun terdapat kelemahan yang perlu ditambah baik. Sehubungan itu, pihak Audit mencadangkan pihak PKK mengambil tindakan seperti berikut:

5.1.5.1 Merekodkan tarikh dokumen lengkap diterima pada Borang Semakan Pengesyoran bagi memudahkan pemantauan terhadap pematuhan tempoh kelulusan STB serta merekodkan alamat premis yang dilawati pada Laporan Borang Pemeriksaan Premis.

5.1.5.2 Pegawai Pengesyor dan Pegawai Pelulus memastikan semua dokumen mandatori dan sokongan dimuat naik/dikemukakan sebelum STB diluluskan.

5.1.5.3 Pemberian kuasa hanya kepada pegawai yang layak mengikut had yang telah ditentukan. Sekiranya terdapat keperluan untuk memberi kuasa kepada pegawai bagi tujuan selain daripada melulus/mengesyor, PKK hendaklah memohon akses daripada pihak CIDB mengikut keperluan pegawai tersebut sahaja.

5.1.5.4 Melaksanakan aktiviti pemutihan terhadap syarikat yang diluluskan STB secara berkala.

# PENGAUDITAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN USAHAWAN MIKRO

# BIZME

Objektif program adalah untuk meningkatkan produktiviti dan memacu pertumbuhan Enterpris Mikro di Malaysia

## Micro Connector
## GrowBiz
## IB-VCDI

## RUMUSAN 1

Secara keseluruhannya, pengurusan Program BIZME adalah baik



## 2 SKOP DAN METODOLOGI

- Aspek pelaksanaan dan pemantauan program bagi peruntukan di bawah Rancangan Malaysia ke-12.
- Tadbir urus dan pelaksanaan program melibatkan pelantikan rakan penyedia dan pemilihan peserta serta pemantauan program

## 3 TADBIR URUS PROGRAM

- Baki peruntukan tidak dibelanjakan

## 4 PELAKSANAAN PROGRAM

- Tiada senarai semak atau SOP yang digunakan bagi membuat pemilihan peserta yang disediakan
- Sasaran peserta hanya tertumpu kepada perusahaan mikro dan tidak melibatkan sasaran individu
- Pelantikan Rakan Pelaksana yang sama
- Kelulusan sasaran peserta tidak dicapai
- Garis Panduan Program tidak menyatakan terma, syarat dan syarat asas kelulusan pelanjutan
- Senarai nama yang hadir fizikal dengan borang perakuan penerimaan pakej program peserta adalah berbeza
- Tidak mengemukakan laporan pencapaian keseluruhan peserta



## 5 SYOR AUDIT

- SOP atau senarai semak khusus bagi program BIZME perlu disediakan supaya pelaksanaan program lebih tersusun.
- Terma dan syarat dalam surat tawaran dan surat setuju terima peserta perlu ditambah baik.
- Menyediakan mekanisma pemantauan bagi Rakan Pelaksana perkhidmatan dengan peserta



## 5.2 PENGAUDITAN PROGRAM PEMBANGUNAN PERNIAGAAN USAHAWAN MIKRO (BIZME) – SME CORP. MALAYSIA

### 5.2.1 LATAR BELAKANG

5.2.1.1 Program Pembangunan Perniagaan Mikro (BIZME) dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia (SME Corp.) bertujuan untuk memberikan bantuan di peringkat awal kepada usahawan mikro dalam menubuh dan menjalankan perniagaan dengan lebih cekap serta melatih komuniti inklusif (belia, Wanita, B40 dan lain-lain) mendapatkan kemahiran baru dan menjana pendapatan melalui keusahawanan. Program BIZME terdiri daripada tiga jenis iaitu BIZME Micro Connector, BIZME GrowBiz dan BIZME IB-VCDI.

5.2.1.2 Skop program meliputi antaranya pendigitalan, aplikasi ICT, penyediaan makanan/minuman, kecantikan/kesihatan, pertanian pintar, eco-tourism, jahitan kreatif dan terapi sukan. Tempoh projek adalah antara 6 hingga 12 bulan dan dilaksanakan oleh Rakan Pelaksana atau Syarikat Prinsipal.

**JADUAL 49**
**KATEGORI DI BAWAH PROGRAM BIZME**

| JENIS | SKOP | FOKUS |
|---|---|---|
| MIRCRO CONNECTOR | Membantu perusahaan mikro untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti perniagaan menerusi pakej kemahiran kompetitif dan sokongan teknikal dalam bidang tumpuan terpilih | Peningkatan kecekapan operasi dan daya saing perniagaan temasuk adaptasi solusi pendigitalan yang bersesuaian dengan perniagaan bersaiz micro |
| GROW BIZ | Meningkatkan pengetahuan dan membimbing usahawan dalam meningkatkan skala perniagaan (scale-up) daripada perniagaan bersaiz mikro kepada kecil menggunakan pendekatan hand-holding merangkumi elemen latihan, coaching dan pemantauan | Meningkatkkan potensi dan pengetahuan usahawan mikro untuk menerajui perniagaan ke tahap seterusnya menerusi pendekatan berstruktur merangkumi eleman *personalised coaching*, latihan bermodul dan pemantauan selama 12 bulan |
| IB-VCDI | Membantu perusahaan mikro dan komuniti inklusif berpotensi termasuk B40, wanita, belia, surirumah, penganggur, pesara, penduduk luar bandar dan sebagainya untuk menjana pendapatan secara diintegrasikan dalam rantaian nilai / bekalan Syarikat Prinsipal IB (SP-IB) | Bekerjasama dengan syarikat yang mempunyai aspirasi dalam pembangunan lestari untuk menerapkan elemen perniagaan inklusif yang menyokong transformasi komuniti ke arah keusahawanan |

5.2.1.3 Bagi tempoh tahun 2022 hingga Oktober 2024, sebanyak 31 Rakan Pelaksana telah dilantik bagi pelaksanaan program Micro Connector dan 8 syarikat prinsipal bagi program IB-VCDI. Daripada peruntukan berjumlah RM16.6 juta, sejumlah RM13.982 juta telah dibelanjakan dan memberi manfaat kepada 6,293 peserta.

5.2.1.4 Objektif program BIZME adalah untuk meningkatkan produktiviti dan memacu pertumbuhan Enterpris Mikro di Malaysia dalam menyediakan sokongan pembiayaan latihan kemahiran dan pembangunan kapasiti bagi memulakan perniagaan kepada kumpulan sasar iaitu pengusaha syarikat mikro dan golongan inklusif seperti wanita, B40, individu kehilangan pekerjaan dan lain-lain.

Bahagian yang bertanggungjawab dalam menguruskan program BIZME adalah Bahagian Pembangunan Inklusif. Carta organisasi SME Corp. adalah seperti dalam **Carta 1.**

**CARTA 4**
**CARTA ORGANISASI SME CORP. MALAYSIA**




Sumber: Carta Organisasi SME Corp. Malaysia Dikemaskini Setakat January 2024

### 5.2.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk memastikan program BIZME dilaksanakan dengan mematuhi peraturan, garis panduan dan prosedur yang telah ditetapkan.

### 5.2.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan melibatkan aspek **pelaksanaan dan pemantauan** program bagi peruntukan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 khususnya bagi tahun 2022 sehingga tarikh pengauditan semasa. Perkara yang disemak meliputi **tadbir urus dan pelaksanaan** program melibatkan pelantikan rakan penyedia dan pemilihan peserta serta pemantauan program bagi program Micro Connector dan IB-VCDI.

Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen dan fail serta temubual bual pegawai dan peserta program yang terlibat di negeri terpilih.

### 5.2.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Oktober hingga November 2024. Antara penemuan Audit yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

a. Tiada senarai semak atau SOP yang digunakan bagi pemilihan peserta;
b. Sasaran peserta hanya tertumpu kepada perusahaan mikro dan tidak melibatkan sasaran individu B40;

c. Pelantikan Rakan Pelaksana yang sama walaupun gagal mencapai sasaran peserta;
d. 3 (42.58%) daripada 7 program tidak mencapai Sasaran Peserta ditetapkan;
e. Perbezaan senarai nama peserta hadir fizikal program dengan borang perakuan penerimaan pakej program;
f. Penilaian impak ke atas setiap peserta dalam tempoh enam bulan selepas tamat program tidak dikemukakan.

Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit seperti perenggan berikut:

#### 5.2.4.1 Tadbir Urus Program - Prestasi Kewangan

**a. Peruntukan**

Peruntukan pembangunan bagi perbelanjaan program BIZME disalurkan oleh pihak Kementerian setiap tahun. Agihan jumlah perbelanjaan bagi peruntukan pembangunan yang diterima untuk semua program yang dirancang dibentang dan diluluskan dalam mesyuarat bersama Lembaga Pengarah SME Corp. Maklumat peruntukan dan perbelanjaan program BIZME bagi tempoh tiga tahun adalah seperti di jadual berikut.

**JADUAL 50**
**PRESTASI PERBELANJAAN PROGRAM BIZME YANG DILAKSANAKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2022 HINGGA OKTOBER 2024**

| BIL. | TAHUN | PERUNTUKAN (RM) | PERBELANJAAN (RM) | PRESTASI (%) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | 2022 | 5,000,000 | 4,863,869 | 97.3 |
| 2. | 2023 | 5,000,000 | 4,150,510 | 83 |
| 3. | 2024 | 6,600,000 | 4,333,350 | 65.6 |

Sumber: Rekod kewangan BIZME

**b. Perbelanjaan**

Sejumlah RM13,982,103 (79.89%) daripada peruntukan sebanyak RM17.5 juta telah dibelanjakan bagi pelaksanaan program BIZME bagi tempoh tahun 2022 hingga November 2024. Pecahan prestasi perbelanjaan mengikut jenis program adalah seperti di jadual berikut.

**JADUAL 51**
**PRESTASI PERBELANJAAN PROGRAM BIZME BAGI TAHUN 2022 HINGGA OKTOBER 2024**

| TAHUN/ PROGRAM | RAKAN PENYEDIA | SASARAN PESERTA | JUMLAH SEBENAR | PERUNTUKAN (RM) | KELULUSAN (RM) | PERBELANJAAN (RM) | BAKI (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **2022** | | | | | | | |
| MICRO CONNECTOR | 15 | 3,770 | 3,649 | 5,000,000 | 4,973,490 | 4,863,869 | 109,621 |
| GROW BIZ | 1 | 50 | 50 | 450,000** | 450,000 | 450,000 | - |
| IB-VCDI | 4 | 100 | 55 | 450,000** | 448,749 | 184,374 | 264,375 |
| **JUMLAH** | | | | **5,900,000** | **5,872,239** | **5,498,243** | **373,996** |
| **2023** | | | | | | | |
| MICRO CONNECTOR | 7 | 1,060 | 886 | 3,500,000 | 3,235,792 | 2,761,944 | 473,848 |
| GROW BIZ | 1 | 110 | 110 | 1,000,000 | 950,950 | 950,950 | - |
| IB-VCDI | 3 | 152 | 152 | 500,000 | 725,220 | 437,616 | 287,604 |
| **JUMLAH** | | | | **5,000,000** | **4,911,962** | **4,150,510** | **761,452** |

| TAHUN/ PROGRAM | RAKAN PENYEDIA | SASARAN PESERTA | JUMLAH SEBENAR | PERUNTUKAN (RM) | KELULUSAN (RM) | PERBELANJAAN (RM) | BAKI (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **2024** | | | | | | | |
| MICRO CONNECTOR | 9 | 1,195 | 1,191 | 3,550,000** | 3,441,304 | 3,021,350 | 419,954 |
| MICRO CONNECTOR | 2 | 200 | TM* | - | 646,000 | TM* | - |
| GROW BIZ | 2 | 160 | 160 | 2,050,000** | 2,198,500 | 1,164,500 | 1,034,000 |
| IB-VCDI | 3 | 165 | 40 | 1,000,000 | 767,735 | 147,500 | 620,235 |
| **JUMLAH** | | | | **6,600,000** | **7,053,539** | **4,333,350** | |
| **JUMLAH BESAR** | | | | **17,500,000** | **17,837,740** | **13,982,103** | |

Sumber : Maklumat kewangan program BIZME
*Program masih berlangsung  **Baki peruntukan tahun 2021  TM – Tiada Maklumat

c. Sejumlah RM900,000 merupakan baki peruntukan bagi program tahun 2021 yang tidak dibelanjakan telah digunakan bagi pelaksanaan program tahun 2022. Manakala baki peruntukan tahun 2022 berjumlah RM136,130 yang tidak dibelanjakan telah digunakan untuk menampung perbelanjaan lain.

### 5.2.4.2 Pelaksanaan Program

Program BIZME dirancang berdasarkan jumlah peruntukan yang diterima dan jumlah penetapan sasaran peserta dibuat oleh pihak SME. Rakan Penyedia akan mendapatkan peserta mengikut jumlah yang telah ditetapkan. Sasaran bilangan peserta bagi program BizME ditetapkan mengikut tahun/program. Sejumlah 31 program micro connector dan 4 program IB-VCDI telah dilaksanakan bagi tempoh tahun 2022 hingga 2024. Kesemua program melibatkan 35 Rakan Pelaksana. Butiran lanjut adalah seperti berikut.

**JADUAL 52**
**BIL. PROGRAM DAN JUMLAH PESERTA BAGI TEMPOH TAHUN 2022 HINGGA 2024**

| BIL. | RAKAN PENYEDIA | PROJEK MICRO CONNECTOR | BIL. PESERTA (Orang) | TEMPOH PROJEK |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Fass Payment Solutions Sdn Bhd | Cashless Payment Through Digital Application | 200 | 01.03.2022 – 31.05.2022 |
| 2. | Armels Academy Sdn Bhd | Kursus Amali Kemahiran Urutan Sukan | 450 | 01.03.2022 – 31.05.2022 |
| 3. | Persatuan Arkitek Perisian Dan Teknologi Maklumat Malaysia | Women Netpreneur Programme | 399 | 01.04.2022 – 31.07.2022 |
| 4. | New Advanced Technology Centre Sdn Bhd | e-Commerce Platform To Start And Grow Businesses Online | 40 | 01.03.2022 – 31.05.2022 |
| 5. | Os Startup Sdn Bhd | e-Marketplace & Cashless Payment | 500 | 01.03.2022 – 31.05.2022 |
| 6. | Iana Corporation Sdn Bhd | Kursus Penghasilan Kek Lapis, Bakeri Dan Pastri | 80 | 01.03.2022 – 31.05.2022 |
| 7. | Akademi Kecantikan Artistik Diyana | Kesihatan & Gaya Hidup (Solekan & Kecantikan) | 400 | 01.03.2022 – 31.05.2022 |
| 8. | Tri-D Event And Management Sdn Bhd | Kesihatan & Gaya Hidup (Solekan & Kecantikan) | 199 | 01.03.2022 – 31.05.2022 |
| 9. | Heyho Sdn Bhd | e-Marketplace | 630 | 01.03.2022 – 31.05.2022 |
| 10. | Saora Industries Sdn Bhd | Latihan Agropreneur Dan Pertanian Pintar | 50 | 01.03.2022 – 31.05.2022 |
| 11. | Smart Ingenuity Empire Sdn Bhd | Kursus Keusahawanan Baik Pulih Telefon Bimbit | 50 | 01.03.2022 – 31.05.2022 |
| 12. | Sentuh Sinergi Sdn Bhd | Perkhidmatan Latihan Dan Membekalkan Peralatan Urutan Antenatal Dan Posnatal Care | 250 | 01.03.2022 – 30.06.2022 |
| 13. | Anne Idris Holdings Sdn Bhd | Program Pemantapan Keusahawanan Bakeri – Kursus Membuat Kek | 100 | 01.03.2022 – 31.05.2022 |
| 14. | Mbp Solutions Sdn Bhd | Pakej Terminal Pembayaran (e-merchant) | 251 | 01.03.2022 – 31.05.2022 |
| 15. | Mahola Services | e-Marketplace | 50 | 01.03.2022 – 31.05.2022 |
| 16. | Gold-Cheers Holding (M) Sdn Bhd | Program Klik Klik Senang Akaun | 280 | 15.04.2023 – 14.09.2023 |

| BIL. | RAKAN PENYEDIA | PROJEK MICRO CONNECTOR | BIL. PESERTA (Orang) | TEMPOH PROJEK |
|---|---|---|---|---|
| 17. | Rnr Fitra Management Sdn Bhd | Sabah Entrepreneurs Digital Transformation (Edit) | 66 | 15.04.2023 – 14.09.2023 |
| 18. | Gear Works Technologies Sdn Bhd | Biz Digitalisasi Cermatapp | - | 15.04.2023 – 14.09.2023 |
| 19. | Mix Media Agency (M) Sdn Bhd | Adprenticeship Programme | 200 | 15.04.2023 – 14.09.2023 |
| 20. | Brand 360 Degree Sdn Bhd | Women Netpreneur Programme: Grow Your Small Business With Digital Transformation | 135 | 15.04.2023 – 14.09.2023 |
| 21. | NSI Solution Sdn Bhd | Ezysme Hub 2.0 | 96 | 15.04.2023 – 14.09.2023 |
| 22. | KRU Masterclass Sdn Bhd | Social Commerce | 100 | 15.04.2023 – 14.09.2023 |
| 23. | NSI Solution Sdn Bhd | Ezysme Hub 3.0: One Stop Solution Fo MSME Digital Transformation | 100 | 01.03.2024 – 31.10.2024 |
| 24. | Awfatech Global Sdn Bhd | Digitalization Of Early Child Care Centre | 70 | 01.03.2024 – 31.10.2024 |
| | | Digitalization Of Automotive Workshop | 50 | 01.03.2024 – 31.10.2024 |
| 25. | Gold-Cheers Holding (M) Sdn Bhd | Program Tembus Pasaran Digital | 200 | 01.03.2024 – 31.10.2024 |
| | | Program Klik Klik Senang Akaun | 100 | 01.03.2024 – 31.10.2024 |
| 26. | Applied Energy Solution Sdn Bhd | Celik Akaun: Aplikasi Teknologi Perakaunan Untuk PMKS (Zoho Book) | 150 | 01.03.2024 – 31.10.2024 |
| 27. | Mix Media Agency (M) Sdn Bhd | Tiktok Adthlete Programme | 100 | 01.03.2024 – 31.10.2024 |
| 28. | Inbosz Technologies Sdn Bhd | Program Rocket Biz Solusi Pemasaran Digital | 50 | 01.03.2024 – 31.10.2024 |
| 29. | Super D&J Sdn Bhd | Tiktok – Takeoff For Business Workshop | 200 | 01.03.2024 – 31.10.2024 |
| 30. | Tanamera Wellness Sdn Bhd | A Comprehensive Training And Income Generation Initiative | 25 | 01.03.2024 – 31.10.2024 |
| 31. | Bracelian Beauty Academy Sdn Bhd | Master Of Postnatal Care And Nail Artistry | 50 | 01.03.2024 – 31.10.2024 |
| **BIL.** | **RAKAN PENYEDIA** | **PROJEK IB-VCDI** | **BIL. PESERTA (Orang)** | **TEMPOH PROJEK** |
| 1. | Kaf Rabbitaries Sdn. Bhd. | Projek IB Ternakan Arnab Daging Komuniti Daerah Muallim | 40 | 15.09.2023 – 14.03.2024 |
| 2. | Gk Aqua Sd. Bhd. | Projek IB Akuakultur Udang Galah | 12 | 15.09.2023 – 14.09.2024 |
| 3. | Everlasting Mus Sdn. Bhd. | Project IB Kebun Herba Komuniti Luar Bandar-Sabah | 100 | 01.07.2023 – 30.09.2024 |
| 4. | Chanteek Borneo Sdn. Bhd. | Projek IB Rekaan Motif Etnik Sabah | 40 | 15.04.2024 – 4.042025 |

Sumber: SME Corp. Malaysia

### a. Pelantikan Rakan Pelaksana Yang Sama

i. Sebanyak 31 Rakan Pelaksana telah dilantik pada tahun 2022 hingga 2024 bagi Program Micro Connector. Daripada jumlah tersebut, 3 Rakan Pelaksana sama dilantik pada tahun 2023 dan 2024 seperti jadual berikut.

**JADUAL 53**
**RAKAN PELAKSANA DILANTIK TAHUN 2023 & 2024**

| BIL | RAKAN PELAKSANA | 2023 | | 2024 | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | JUMLAH GERAN (RM) | BIL. PESERTA (ORANG) | JUMLAH GERAN (RM) | BIL. PESERTA (ORANG) |
| 1. | Gold-Cheers Holding (M) Sdn Bhd | **672,000** | **280** | **495,000** | **200** |
| 2. | NSI Solution Sdn Bhd | **600,000** | **150** | **400,000** | **100** |
| 3. | Mix Media Agency (M) Sdn Bhd | **560,000** | **200** | **320,000** | **100** |

*Sumber: Minit Mesyuarat JPPUM

**Maklum balas SME Corp. diterima pada 3 dan 10 Januari 2025**

Pelantikan Rakan Pelaksana diputuskan di Mesyuarat JPPUM di mana pihak syarikat akan membuat pembentangan cadangan projek. Bagi syarikat yang pernah dilantik sebelum ini, beberapa perkara akan diambilkira sebagai asas pertimbangan bagi pelantikan seterusnya seperti:

- bidang yang ditawarkan adalah relevan dan diperlukan oleh Perusahaan Mikro;
- prestasi pelaksanaan dan maklumbalas peserta bagi program termasuk aspek bagaimana program tersebut telah membantu mereka meningkatkan kecekapan perniagaan; dan
- penambahbaikan ke atas pakej program yang ditawarkan berbanding tahun sebelumnya.

Berdasarkan asas pertimbangan di atas, Mesyuarat JPPUM bersetuju untuk melantik ketiga-tiga Rakan Pelaksana bagi tahun 2024.

ii. NSI Solution Sdn Bhd telah dilantik sebagai Rakan Pelaksana pada tahun 2023 dengan kelulusan geran berjumlah RM600,000 dengan sasaran 150 orang peserta. Bagaimanapun, hanya 96 (64%) peserta sahaja mengikuti program tersebut. NSI Solution Sdn Bhd telah **dilantik semula** pada tahun 2024 dengan kelulusan geran berjumlah RM400,000 dengan sasaran peserta 100 orang. Bagaimanapun, prestasi pencapaian 2024 tidak dapat nilai kerana program masih berjalan.

**Maklum balas SME Corp. diterima pada 3 dan 10 Januari 2025**

Syarikat NSI Solutions Sdn Bhd (NSI Solutions) telah dilantik sebagai Rakan Pelaksana bagi tahun 2023 dan 2024. Pelantikan syarikat tersebut sebagai Rakan Pelaksana diputuskan di Mesyuarat JPPUM di mana pihak syarikat telah membuat pembentangan cadangan projek. Bagi syarikat yang pernah dilantik sebelum ini, prestasi pelaksanaan dan maklumbalas peserta terdahulu juga akan diambilkira. Mesyuarat JPPUM telah membuat pelantikan NSI Solutions berdasarkan beberapa asas pertimbangan antaranya:

- maklumbalas peserta program Micro Connector 2023 di mana 75% peserta berpuashati dengan program yang dilaksanakan dalam membantu perniagaan dan 93% peserta memberi maklumbalas bahawa Rakan Pelaksana mempunyai kepakaran untuk membimbing mereka dari aspek dalam pengurusan sistem jualan dalam talian. Maklumbalas ini diberikan oleh peserta selepas tamat program;
- ketika sesi pembentangan cadangan projek pihak NSI Solutions telah mengemukakan strategi pelaksanaan yang lebih menyeluruh (*comprehensive)* dengan mengambil kira pengalaman pada tahun 2023;

- NSI Solutions telah menambahbaik tawaran pakej program antaranya dengan memasukkan fungsi *dashboard* ke dalam sistem CRM; dan

- JPPUM berpandangan sistem pengurusan jualan dalam talian adalah penting bagi Perusahaan Mikro untuk meningkatkan jualan mengikut trend semasa.

Bagi pelaksanaan tahun 2024, NSI Solutions telah diberikan kelulusan untuk 100 orang peserta dan mereka telah berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan.

iii. Semakan audit juga mendapati 76 (79%) daripada 96 peserta pada tahun 2023 tidak aktif menggunakan sistem yang dilatih oleh Rakan Pelaksana iaitu sistem EasySME Hub 2.0.

**Maklum balas SME Corp. diterima pada 3 dan 10 Januari 2025**
SME Corp. Malaysia telah melaksanakan pemantauan selepas enam bulan setelah tamat program. Antara dapatan ketika sesi pemantauan ini adalah peserta telah mula mengunakan sistem setelah tamat sesi latihan namun kemudiannya sebilangan daripada mereka memaklumkan penangguhan pengunaan sistem tersebut berikutan pengumuman Kerajaan untuk melaksanakan sistem e-Invois kepada perniagaan. Pihak NSI Solutions telah menambah fungsi e-invois ke dalam sistem sedia ada bagi membantu peserta program mematuhi arahan penguatkuasaan e-invois tersebut. (rujuk Lampiran 2 – Penambahan fungsi e-invois ke dalam sistem EasySME Hub 3.0)

### 5.2.4.3 Kelulusan Sasaran Peserta Tidak Dicapai

a. Berdasarkan Laporan *MyProject* BIZME dan minit mesyuarat JPPUM Bil. 2 tahun 2023, sasaran peserta bagi tahun 2023 bagi pelaksanaan program adalah berjumlah 1060 orang. Sasaran sebenar yang berjaya dicapai oleh Program Micro Connector adalah 877 (82.74%) orang peserta seperti jadual berikut.

**JADUAL 54**
**JUMLAH PESERTA PROGRAM MICRO CONNECTOR 2023**

| BIL. | RAKAN PELAKSANA | PROGRAM | JUMLAH KELULUSAN PESERTA | JUMLAH SEBENAR PESERTA |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Gold-Cheers Holding (M) Sdn Bhd | Program Klik Klik Senang Akaun | 280 | 280 |
| 2. | Rnr Fitra Management Sdn Bhd | Sabah Entrepreneurs Digital Transformation (EDIT) | 70 | 66 |
| 3. | Gear Works Technologies Sdn Bhd | Biz Digitalisasi Cermatapp | 60 | - |
| 4. | Mix Media Agency (M) Sdn Bhd | Adprenticeship Programme | 200 | 200 |
| 5. | Brand 360 Degree Sdn Bhd | Grow Your Small Business With Digital Transformation | 200 | 135 |
| 6. | Nsi Solution Sdn Bhd | Ezysme Hub 2.0 | 150 | 96 |
| 7. | Kru Masterclass Sdn Bhd | Social Commerce | 100 | 100 |
| **JUMLAH** | | | **1060** | **877** |

*Sumber: Minit Mesyuarat JPPUM

b. Semakan audit mendapati walaupun secara keseluruhan program BIZME telah melebihi sasaran yang ditetapkan, terdapat **3 program** iaitu *Sabah Entrepreneurs Digital Transformation (EDIT), Women Netpreneur Programme:Grow Your Small Business With Digital Transformation* dan *Ezysme Hub 2.0* **tidak mencapai sasaran** kelulusan yang ditetapkan dengan peratus pencapaian 94.29%, 67.5% dan 64% masing-masingnya.

**Maklum balas SME Corp. diterima pada 3 dan 10 Januari 2025**

Secara keseluruhan program BizME telah melangkaui sasaran asal dana program bagi tahun 2023 iaitu daripada 500 perusahaan mikro kepada 877 perusahaan mikro dengan peratusan pencapaian 175%.

Berikut adalah maklumbalas yang terima dari Rakan Pelaksana yang menyatakan antara sebab utama kegagalan dalam mencapai sasaran:

- terdapat peserta yang hadir ke sesi latihan namun gagal mengemukakan dokumen sokongan yang menyebabkan penyertaan mereka terbatal dan tidak direkodkan sebagai peserta program;
- terdapat peserta yang telah membuat pendaftaran awal namun gagal menghadirkan diri ketika sesi latihan secara fizikal; dan

sebilangan peserta yang menyertai program didapati tidak layak setelah semakan di buat ke atas dokumen sokongan kerana mendapati perniagaan berstatus syarikat kecil dan tidak layak menyertai Program BizME Micro Connector.

#### 5.2.4.4 Pelanjutan Tempoh Program

a. Sebarang pindaan ke atas projek yang telah diluluskan perlu mendapat kelulusan dan rayuan bagi syarat asas kelulusan tidak akan dipertimbangkan. **Garis Panduan Program Micro Connector tidak menyatakan terma, syarat dan syarat asas kelulusan pelanjutan** program tersebut.

**Maklum balas SME Corp. diterima pada 3 dan 10 Januari 2025**

Berdasarkan terma rujukan Jawatankuasa Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro (JPPUM), salah satu objektif dan peranan JPPUM adalah membincangkan serta memutuskan permohonan rayuan berkaitan di bawah Program-Program Pembangunan Perniagaan Usahawan. Oleh yang demikian setiap rayuan pelanjutan tempoh projek perlu dibentangkan dan diputuskan di Mesyuarat JPPUM. SME Corp. Malaysia menerima cadangan penambahbaikan dari pihak UAD KUSKOP dan akan mewujudkan terma asas kelulusan pelanjutan tenpoh projek di dalam Garis Panduan Program BizME Micro Connector.

b. Gear Works Technologies Sdn Bhd telah diluluskan untuk melaksanakan program Biz Digitalisasi CermatApp bernilai RM33,552 berkuatkuasa selama lima bulan mulai dari 15 April 2023 sehingga 14 September 2023. Semakan audit mendapati pada 8 September 2023, Gear Works Technologies Sdn Bhd telah diberi tempoh pelanjutan pelaksanaan projek sehingga 1 Oktober 2023. Bagaimanapun, **sehingga November 2024 tiada tuntutan dibuat oleh Gear Works Technologies Sdn Bhd bagi mengesahkan status program yang telah dilaksanakan**.

**Maklum balas SME Corp. diterima pada 3 dan 10 Januari 2025**

Gear Works telah diluluskan pelaksanaan projek bagi peserta yang berada di Sarawak. Mesyuarat JPPUM bersetuju memberikan lanjutan tempoh projek berdasarkan justifikasi yang dikemukakan oleh pihak Gear Works di mana mereka memerlukan tempoh masa lanjutan untuk mendapatkan dokumen sokongan daripada peserta yang berada di pelbagai daerah di Sarawak.

Pihak Gear Works telah mengemukakan tuntutan berserta dokumen sokongan dan pembayaran geran kepada pihak Gear Works telah dibuat pada 25 November 2024 berdasarkan prosedur kewangan dan garis panduan program. Oleh yang demikian, projek ini telah dikira selesai.

#### 5.2.4.5 Kehadiran Peserta Program

a. Mesyuarat JPPUM bersetuju meluluskan pelantikan Mix Media Agency (M) Sdn Bhd bagi program *AdPrenticeship* dengan geran berjumlah RM560,000 dan tempoh pelaksanaan projek 5 bulan mulai 15 April hingga 14 September 2023.

b. Berdasarkan semakan laporan pelaksanaan bagi program tersebut, Rakan Pelaksana telah mengadakan sesi fizikal dan atas talian untuk peserta. Sebanyak enam sesi fizikal telah dilaksanakan oleh Rakan Pelaksana seperti jadual berikut.

**JADUAL 55**
**LOKASI PELAKSANAAN PROGRAM**

| BIL. | TARIKH | LOKASI |
|---|---|---|
| 1. | 22 Jun 2023 | Hotel Dash Box, Cyberjaya |
| 2. | 22 Julai 2023 | Dewan Ypu, Terengganu |
| 3. | 5 Ogos 2023 | Hotel Grand Baron, Taiping |
| 4. | 19 Ogos 2023 | Hotel Anika, Kluang |
| 5. | 2 September 2023 | Hotel Dash Box, Cyberjaya |
| 6. | 23 September 2023 | Shaftbury Asteria, Cyberjaya |

**Sumber: Laporan Pelaksanaan Program Rakan Pelaksana*

- Semakan audit terhadap 3 daripada 12 *sampel* peserta berdasarkan **senarai nama yang hadir fizikal** dengan **borang perakuan penerimaan pakej program peserta adalah berbeza**. Pihak audit berpendapat pembentangan terhadap analisis data peserta adalah tidak tepat sekiranya kehadiran peserta sebenar berbeza dengan borang perakuan penerimaan pakej program. Maklumat peserta adalah seperti jadual berikut.

**JADUAL 56**
**SENARAI KEHADIRAN PESERTA PROGRAM**

| BIL. | NAMA PESERTA HADIR FIZIKAL | NAMA PESERTA DALAM BORANG PERAKUAN PENERIMAAN PAKEJ | NAMA SYARIKAT/ PERNIAGAAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Amirul Rafiq Bin Jumaat | Siti Marjan Binti Ali Osman | Artelier Arte Enterprise |
| 2. | Zarimah Saimon | Muhammad Zaki Bin Suhaidi | Sambal Houz Enterprise |
| 3. | Nor Azuanita Binti Saadan | Mimi Azira Binti Mat Isa | Dhea Lisa Fashion Housed |

*Sumber: Laporan Pelaksanaan Program Rakan Pelaksana

**Maklum balas SME Corp. diterima pada 3 dan 10 Januari 2025**

Borang Pendaftaran dan Borang Perakuan Penerimaan Pakej perlu ditandatangani oleh pemilik perniagaan memandangkan manfaat program ini akan diperolehi oleh perniagaan/syarikat yang menyertai program ini.

Program BizME Micro Connector tidak menghadkan hanya pemilik perniagaan yang boleh hadir ke sesi fizikal memandangkan skop latihan adalah pelbagai dan adakalanya lebih sesuai dihadiri oleh pekerja yang bertanggungjawab dalam sesuatu skop tugasan seperti pemasaran, perakaunan dan lain-lain.

Bagi ketiga-tiga peserta ini adalah disahkan mereka adalah pekerja syarikat yang mewakili perniagaan berdaftar sebagai peserta Micro Connector. Sebelum pelaksanaan sesi fizikal, pihak Rakan Pelaksana telah menerima pendaftaran awal dari syarikat dan mengesahkan peserta adalah wakil dari syarikat tersebut. Selain itu, emel/nombor telefon ketiga-tiga peserta yang hadir secara fizikal tertera di dalam borang Pendaftaran Program.

#### 5.2.4.6 Penilaian Impak Program

a. Rakan Pelaksana harus melaksanakan penilaian impak ke atas setiap peserta dalam tempoh enam bulan selepas tamat program. Ini bertujuan bagi membantu SME Corp. menilai keberkesanan serta menambahbaik pelaksanaan program merangkumi maklumat seperti jualan, produktiviti dan penambahan pekerja mengikut template yang disediakan oleh Urus Setia Program.

b. Semakan lanjut terhadap minit mesyuarat JPPUM Bil. 4 tahun 2024, mendapati 1 daripada 7 **Rakan Pelaksana tidak memberikan maklum balas impak**

**peserta** bagi program *Biz Digitalisasi CermatApp* yang telah diluluskan pada 27 Mac 2023.

**Maklum balas SME Corp. diterima pada 3 dan 10 Januari 2025**
Perkara ini telah dibentangkan pada mesyuarat JPPUM Bil. 4 tahun 2024, di mana pemantauan impak peserta program *Biz Digitalisasi CermatApp* di bawah Rakan Pelaksana Gear Works tidak dapat dilaksanakan kerana pada ketika itu Program *Biz Digitalisasi CermatApp* masih belum dimuktamadkan dan dalam proses tuntutan. Pada 25 November 2024, SME Corp. Malaysia telah selesai membuat pembayaran tuntutan kepada Gear Works dengan itu, Pelaporan Maklum balas Impak Peserta bagi program ini akan dilaksanakan pada tahun 2025.

c. Semakan juga mendapati sebanyak dua Rakan Penyedia iaitu Brand 360 Degree Sdn Bhd dan NSI Solution Sdn Bhd mengemukakan maklum balas **laporan pencapaian yang rendah** iaitu 10 peratus daripada jumlah peserta yang dilatih berbanding pencapaian 100% sepatutnya.

**Maklum balas SME Corp. diterima pada 3 dan 10 Januari 2025**
Susulan daripada itu, pihak Rakan Pelaksana berkenaan telah melipatgandakan usaha dan mengambil inisiatif untuk meningkatkan kadar maklumbalas tersebut. Pada 19 September 2024, kedua-dua Rakan Pelaksana tersebut telah mengemukakan pelaporan pencapaian impak peserta dengan kadar maklumbalas yang diterima daripada peserta meningkat melebihi 88% iaitu suatu kadar yang dikira tinggi dan *reliable* bagi sesuatu kajian.

### 5.2.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan Program BIZME adalah **baik**. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang perlu ditambah baik. SME Corp. disyorkan agar mengambil tindakan seperti berikut:

5.2.5.1 SOP atau senarai semak khusus bagi program BIZME perlu disediakan supaya pelaksanaan program lebih tersusun;

5.2.5.2 Terma dan syarat dalam surat tawaran dan surat setuju terima peserta perlu ditambah baik; dan

5.2.5.3 Menyediakan mekanisma pemantauan bagi Rakan Pelaksana perkhidmatan dengan peserta program.

# LAPORAN TAHUNAN 2024

## BAHAGIAN 6

# PENGAUDITAN PRESTASI

UNIT AUDIT DALAM KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

# PENGAUDITAN PROGRAM INSKEN BUMIPUTERA BUSINESS COACHING (IBBC)

## RUMUSAN AUDIT

**Secara Keseluruhannya Pengurusan Program Insken Bumiputera Business Coaching (IBBC) Adalah Memuaskan**

Objektif Program IBBC adalah meningkatkan pendapatan perniagaan, meningkatkan tahap perniagaan mikro ke kecil dan meningkatkan peluang perniagaan.

**SKOP**
**2022 Hingga Mei 2024**

**SUMBER KEWANGAN**
(Peruntukan Pembangunan)
2022 – RM2,377,000
2023 – RM2,400,000
2024 - RM2,554,800

### PENCAPAIAN OUTPUT

**Penyertaan peserta berjumlah 1,485 berbanding sasaran 1,560 orang** ✓

### PENCAPAIAN KEBERHASILAN

✓ **645 daripada 1,119** (57.6%) → **Peningkatan Hasil Jualan**

✗ **314 daripada 1,119** (28.06%) → **Penambahan Bilangan Pekerja**

## TADBIR URUS PROGRAM

### Prestasi Kewangan

- Baki peruntukan 2019 **RM603,047** tidak di mohon repurpose
- Lebihan bayaran **RM19,340** bagi peserta tidak hadir
- Kutipan yuran **RM771,022** berjaya dikutip oleh INSKEN

### Pelaksanaan Program

- Tiada senarai Semak atau SOP bagi pemilihan peserta
- LOA *Industry Coach* ditandatangan selepas tarikh bengkel (lewat)
- *Coach* yang tidak capai KPI dilantik semula (ada coach lain tidak pernah dilantik dalam industri yang sama)
- Lantikan KPE sebagai penceramah *Program Bos-Bos* tidak dibincang dalam mesyuarat BOT
- 14 bayaran berjumlah **RM105,000** penceramah diluluskan oleh KPE sendiri

### Pematuhan Terma Rujukan

- Data IPRO dikemaskini selama tempoh program 4 bulan sahaja
- Pengesahan data IPRO peserta tidak dibuat
- Bayaran coaching One-On-One dibuat bukan untuk sesi individu
- Laporan presatsi peserta tidak disediakan

## SYOR AUDIT

- ✓ SOP atau senarai Semak khusus IBBC perlu disediakan
- ✓ Terma dan syarat dalam surat pelantikan coach dan surat setuju terima perlu ditambah baik
- ✓ Sediakan mekanisma pemantauan coach bagi sesi coaching
- ✓ Status pelantikan KPE sebagai penceramah perlu dikemuka kepada BOT
- ✓ Prosedur pengesahan Inbois perlu diperbetulkan

# PENGURUSAN PROGRAM PEMERKASAAN RANTAIAN BEKALAN KOPERASI - SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

**RUMUSAN AUDIT:**

**Objektif pengurusan SCOPE belum dicapai sepenuhnya** kerana hanya 9 (45%) Pusat Pengedaran Sedia Ada telah dinaik taraf. Bagaimanapun 30 (150%) Pusat Pengedaran Baharu telah berjaya dibangunkan/dinaik taraf.

**OBJEKTIF SCOPE**

Memperkasa rantaian bekalan koperasi dalam sektor pemborongan dan peruncitan dengan menyediakan ekosistem dan lanskap perniagaan yang kondusif melalui pengukuhan Pusat Pengedaran (DC) atau Sub-DC (SDC) sedia ada atau mewujudkan DC/SDC baharu di setiap negeri

**PERUNTUKAN SCOPE**

**JUMLAH PERUNTUKAN**
**RM 10 Juta**

**PERUNTUKAN YANG DITERIMA**
**RM7 Juta**

**SKOP**

2021 hingga 2024
Tempoh Pelaksanaan

## KEBERHASILAN PROGRAM SCOPE

**Tidak dapat diukur** kerana pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) masih belum menetapkan mekanisma dan indikator untuk menilai keberhasilan

## PENGURUSAN PROGRAM

**KURANG MEMUASKAN**
Pengurusan Kewangan dan Pemantauan

**TIDAK MEMUASKAN**
Pengurusan Permohonan, Penyaluran Bantuan dan Skop Program

## PENCAPAIAN OUTPUT

**DC/SDC Sedia Ada**
Sasaran 20
**Pencapaian 9**

**DC/SDC Baharu**
Sasaran 20
**Pencapaian 30**

**39 Koperasi**

## PENEMUAN AUDIT:

- Dua (2) koperasi yang tidak mematuhi syarat penyertaan telah diluluskan bantuan berjumlah **RM396,000**.
- Penyaluran dana berjumlah **RM150,000** dibuat kepada satu koperasi tanpa dokumen sokongan lengkap.
- Penyaluran dana bagi kelulusan berjumlah **RM130,000** telah dibuat secara *lump sum*.
- Penyaluran dana berjumlah **RM20,000** telah dibuat kepada satu koperasi selepas 109 hari tamat perjanjian.
- Perbelanjaan yang diperakukan oleh SKM Wilayah terlebih **RM26,750** dengan perbelanjaan sebenar koperasi.
- Bayaran balik wang bantuan berjumlah **RM120,000** masih belum diterima daripada satu koperasi sejak September 2023.

## SYOR AUDIT:

Suruhanjaya Koperasi Malaysia perlu mengambil tindakan berikut:

- Pengesahan perlu dibuat oleh Koperasi terhadap kerja/bekalan yang diluluskan sebelum tuntutan diperakukan;
- Peralatan dan kelengkapan yang dibeli ditempatkan di Pusat Pengedaran yang diluluskan;
- Kenderaan Koperasi yang tidak digunakan secara optimum ditempatkan semula kepada Koperasi yang memerlukan ;
- Menjalankan siasatan/pemeriksaan ke atas penggunaan dana bagi perbelanjaan selain yang diluluskan; dan
- Mengakaunkan terimaan peruntukan Program SCOPE daripada KUSKOP dengan segera.

# 6. PENGAUDITAN PRESTASI

## 6.1 PROGRAM INSKEN BUMIPUTERA BUSINESS COACHING (IBBC) – INSTITUT KEUSAHAWANAN NEGARA (INSKEN)

### 6.1.1 LATAR BELAKANG

Program Insken Bumiputera *Business Coaching* (IBBC) adalah merupakan satu program bimbingan komprehensif "*one-on-one*" selama 4 bulan mengikut industri yang dibimbing oleh Pakar Industri (Industry Coach*)* yang berpengalaman. Program ini direka khas untuk melonjakkan hasil jualan usahawan.

Program IBBC mengumpulkan para usahawan (informal, mikro, kecil dan sederhana) dalam industri yang sama untuk sesi *coaching one-on-one* bersama Pakar Industri yang juga merupakan usahawan berpengalaman dalam industri selama 4 bulan.

Pemilihan peserta dibuat berasaskan tiga kriteria iaitu usahawan yang sudah beroperasi minimum 2 tahun dan masih menjalankan perniagaan dalam industri yang sama secara sepenuh masa, berdaftar dengan SSM/institusi berwajib dan mempunyai rekod jualan sepanjang tempoh perniagaan. Ringkasan Program IBBC adalah seperti di gambarajah berikut.

**GAMBARAJAH 1**
**RINGKASAN PROSES PROGRAM IBBC**



Objektif program IBBC adalah meningkatkan pendapatan perniagaan, meningkatan tahap perniagaan dari mikro ke kecil dan meningkatkan peluang pekerjaan.

Unit yang bertanggungjawab dalam menguruskan program IBBC adalah Unit Bimbingan INSKEN. Carta organisasi INSKEN adalah seperti dalam **Carta 5.**

**CARTA 5**
**CARTA ORGANISASI INSKEN**




Sumber: Carta Organisasi INSKEN Dikemaskini Setakat 30 April 2024

### 6.1.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk memastikan program IBBC dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan.

### 6.1.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan melibatkan pengurusan program IBBC yang meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pelaksanaan program bagi tempoh tahun dari tahun 2022 hingga 2024. Bagi prestasi program, dua perkara yang dinilai ialah pencapaian *output* dan pencapaian keberhasilan (outcome). Pencapaian *output* yang dinilai adalah bilangan peserta yang berjaya dilatih. Pencapaian keberhasilan adalah pencapaian peserta yang dapat meningkatkan hasil jualan. Bagi pelaksanaan program, penilaian dibuat terhadap tadbir urus program. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan program IBBC di INSKEN. Selain itu, soal selidik telah diedarkan melalui emel kepada 1,000 orang peserta IBBC bagi kohort tahun 2022 hinggga 2023 dan sejumlah 89 maklum balas telah diterima. Lawatan fizikal ke program IBBC di Pulau Pinang pada 12 hingga 14 Jun 2024 telah

dibuat bagi menilai pelaksanaan skop program. Perbincangan bersama pegawai dan temu bual dengan peserta dan coach terlibat juga dilaksanakan.

### 6.1.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Mei hingga Jun 2024. Mesyuarat penutup telah diadakan pada 15 Julai 2024. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit seperti perenggan berikut:

#### 6.1.4.1 Prestasi Program

**a. Pencapaian *Output***

INSKEN telah menetapkan sasaran bilangan peserta yang dilatih pada KPI yang telah disediakan. Prestasi pencapaian *output* diukur berdasarkan bilangan penyertaan peserta berbanding sasaran yang ditetapkan dalam Petunjuk Prestasi Utama (KPI).

**JADUAL 57**
**PRESTASI PENCAPAIAN BILANGAN PENYERTAAN PESERTA BAGI TEMPOH TAHUN 2022 HINGGA MEI 2024**

| BIL. | TAHUN | BILANGAN PESERTA | | PRESTASI (%) |
|---|---|---|---|---|
| | | SASARAN | PENYERTAAN | |
| 1. | 2022 | 600 | 578 | 95.7 |
| 2. | 2023 | 600 | 549 | 91.5 |
| 3. | 2024 (sehingga bulan Mei) | 360 | 358 | 99.4 |
| | **JUMLAH** | **1,560** | **1,485** | |

Sumber: Petunjuk Prestasi Utama INSKEN

Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2022 hingga bulan Mei 2024, **sebanyak 1,485 peserta telah menyertai program berbanding 1,560 sasaran yang ditetapkan**. Bagaimanapun bilangan akhir peserta bagi tahun 2022 adalah sejumlah 574 dan sejumlah 548 bagi tahun 2023. Pihak Audit dimaklumkan, bilangan akhir peserta adalah merujuk kepada peserta yang berjaya menamatkan program. Perbezaan berlaku disebabkan peserta menarik diri awal.

**b. Pencapaian Keberhasilan (*Outcome*)**

Objektif program IBBC adalah untuk meningkatkan skala perniagaan mereka khususnya peningkatan jualan dan mengukuhkan strategi bisnes untuk kekal relevan dalam pasaran melalui program bimbingan dan latihan oleh mentor industry dan trainer. INSKEN telah menggunakan aplikasi IPRO iaitu aplikasi yang dibangunkan untuk membolehkan peserta mengemas kini data perniagaan. Antara maklumat yang dikunci masuk ke aplikasi ini adalah maklumat pendapatan perniagaan dan bilangan pekerja. Jangkaan *outcome* (KPI) yang ditetapkan bagi program ini adalah seperti di Jadual.

**JADUAL 58**
**JANGKAAN *OUTCOME* (KPI) BAGI PROGRAM IBBC**

| BIL. | DOKUMEN | TAHUN 2022 | TAHUN 2023 | TAHUN 2024 |
|---|---|---|---|---|
| | | **KPI *COACH*** | | |
| 1. | **MEMO KELULUSAN PELAKSANAAN PROGRAM** | • 50% Peserta mencapai peningkatan minimum 20% jumlah pendapatan<br>• 50% peserta mampu menawarkan peluang pekerjaan<br>• 50% peserta menambahbaik atau mentrasformasi infrastruktur/operasi perniagaan<br>• 90% peserta mencapai KPI dan beri komitment penuh | | • 60% Peserta mencapai peningkatan minimum 25% jumlah pendapatan<br>• 95% peserta mencapai KPI dan beri komitment penuh<br>• Menghadiri bengkel dan semua 4 sesi bimbingan<br>• Hantar laporan mengikut jadual |
| | | **KPI PESERTA** | | |
| | | • peningkatan minimum 20% jumlah pendapatan<br>• mampu menawarkan peluang pekerjaan<br>• menambahbaik atau mentrasformasi infrastruktur /operasi perniagaan | | • peningkatan minimum 25% jumlah pendapatan<br>• mampu menawarkan peluang pekerjaan<br>• meningkatkan status perniagaan daripada mikro kepada kecil |
| 2. | **SISTEM ePMS** | ePMS BELUM DIGUNAKAN | | • 60% Peserta mencapai peningkatan minimum 25% jumlah pendapatan<br>• 5% perserta meningkatkan status perniagaan daripada mikro kepada kecil<br>• 50% peserta menambah bilangan pekerja |

Sumber: Memo kelulusan pelaksanaan program dan Sistem ePMS

Butiran mengenai prestasi peserta bagi tempoh 2 tahun iaitu 2022 dan 2023 adalah seperti di Jadual.

**JADUAL 59**
**PRESTASI PERNIAGAAN PESERTA IBBC**
**BAGI TEMPOH TAHUN 2022 HINGGA 2023**

| BIL. | *OUTCOME* | BILANGAN PESERTA 2022 | | 2023 | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | | | | | |
| 1. | Peningkatan >20% | 333 | 58.4% | 312 | 56.9% | 645 |
| 2. | Peningkatan <20% | 131 | 22.9% | 113 | 20.6% | 244 |
| 3. | Tiada Peningkatan | 107 | 18.7% | 123 | 22.4% | 230 |
| **JUMLAH** | | **571** | | **548** | | **1,119** |
| **PENINGKATAN BILANGAN PEKERJA** | | **154** | | **160** | | **314** |
| **STATUS MIKRO KEPADA KECIL** | | **-** | | **28** | | **28** |

Sumber: Data akhir (graduasi)
Pencapaian KPI bagi tahun 2024 tidak dapat diukur kerana tiada kohort yang telah lengkap pelaksanaannya.

Berdasarkan maklumat data akhir peserta, sejumlah 1,119 telah berjaya menamatkan program. Berdasarkan data tersebut, 2 daripada 3 KPI bagi program IBBC telah berjaya dicapai seperti berikut:

- Sejumlah 645 peserta IBBC telah menunjukkan peningkatan hasil jualan melebihi 20% sepanjang tempoh program 4 bulan bagi tempoh tahun 2022 dan 2023.
- 244 peserta menunjukkan peningkatan hasil jualan kurang daripada 20% manakala sejumlah 230 peserta tidak menunjukkan peningkatan hasil jualan bagi tempoh tahun yang sama.
- 314 orang peserta iaitu 28.06% yang berjaya menambah bilangan pekerja bagi tempoh program.
- 28 peserta telah berjaya meningkatkan status perniagaan dari mikro kepada kecil bagi tahun 2023. Bagaimanapun tiada maklumat berkaitan bagi tahun 2022. Pihak Audit dimaklumkan penetapan KPI ini bermula dari tahun 2023.

Bagaimanapun **peningkatan bilangan pekerja tidak mencapai KPI yang telah ditetapkan** oleh INSKEN iaitu hanya 314 dari 1,119 peserta yang mencapai peningkatan bilangan pekerja.

### 6.1.4.2 Tadbir Urus Program

#### a. Prestasi Kewangan

##### i. Peruntukan

Peruntukan pembangunan bagi perbelanjaan program IBBC disalurkan oleh pihak Kementerian setiap tahun. Agihan jumlah perbelanjaan bagi peruntukan pembangunan yang diterima untuk semua program yang dirancang dibentang dan diluluskan dalam mesyuarat bersama Lembaga Pemegang Amanah INSKEN. Maklumat peruntukan dan perbelanjaan program IBBC bagi tempoh enam tahun adalah seperti di Jadual.

**JADUAL 60**
**PRESTASI PERBELANJAAN PROGRAM IBBC YANG DILAKSANAKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA MEI 2024**

| BIL. | TAHUN | AMAUN (RM) | | PRESTASI (%) |
|---|---|---|---|---|
| | | PERUNTUKAN | PERBELANJAAN | |
| 1. | 2019 | 3,000,000 | 2,396,953 | 79.9 |
| 2. | 2020 | 1,896,000 | 1,918,664 | 101.2 |
| 3. | 2021 | 1,450,000 | 1,491,328 | 102.8 |
| 4. | 2022 | 2,377,000 | 2,338,567 | 98.4 |
| 5. | 2023 | 2,400,000 | 2,410,821 | 100.5 |
| 6. | 2024 (sehingga bulan Mei) | *1,260,000 | **560,514 | 44.5 |

Sumber: Rekod kewangan INSKEN
*peruntukan tahun 2024 adalah mengikut perkiraan Audit iaitu bilangan kohort yang dilaksanakan sehingga Mei
**amaun perbelanjaan yang dibuat sehingga Mei

**Baki peruntukan tahun 2019 berjumlah RM603,047 yang tidak dibelanjakan telah digunakan untuk menampung perbelanjaan program lain**. Semakan lanjut Audit mendapati tiada permohonan untuk menggunakan semula (*repurpose*) bagi tujuan lain.

**MAKLUM BALAS/STATUS TERKINI**

INSKEN memaklumkan keseluruhan dana lebihan 2019 dan 2022 telah selesai dibelanjakan bagi program - program lain (*repurposed*) mengikut skop yang sama.

**ii. Perbelanjaan**

Sejumlah RM7,054,358 telah dibelanjakan bagi pelaksanaan program IBBC bagi tempoh tahun 2022 hingga Mei 2024. Pecahan prestasi perbelanjaan adalah seperti di Jadual.

**JADUAL 61**
**PRESTASI PERBELANJAAN PROGRAM IBBC**
**BAGI TEMPOH TAHUN 2022 HINGGA MEI 2024**

| PERIHAL BAYARAN | TAHUN | | |
|---|---|---|---|
| | 2022 (RM) | 2023 (RM) | 2024 (Mei) (RM) |
| Penginapan | 435,430.78 | 478,013.72 | 157,139.68 |
| Lain-lain | 694,605.06 | 322,113.67 | 12,787.00 |
| Fotografi | 35,950.00 | [redacted] | [redacted] |
| Kurier | 10,756.84 | 2,574.82 | 282.10 |
| Pemain Industri (Coach) | 1,096,435.00 | 1,497,150.00 | 369,320.00 |
| Tuntutan Perjalanan | 65,390.02 | 110,968.93 | 15,909.02 |
| Makanan & Minuman | [redacted] | [redacted] | 5,076.00 |
| **JUMLAH** | **2,338,567.70** | **2,410,821.14** | **560,513.80** |
| **TIC** 1 & 2 | 765,111.18 | 734,754.71 | 244,590.00 |
| **JUMLAH** | **3,103,678.88** | **3,145,575.85** | **805,103.80** |
| **JUMLAH BESAR** | | | **7,054,358.53** |

Semakan telah dibuat terhadap 68 sampel baucar bayaran. Berdasarkan semakan senarai kehadiran yang ditandatangani oleh peserta ke *industry coach workshop* tahun 2022 dan 2023 bagi lapan sampel baucar bayaran IBBC mendapati **bayaran bagi pakej seminar yang telah diadakan melebihi bilangan sebenar peserta yang hadir**. Ini mengakibatkan berlakunya lebihan bayaran berjumlah RM19,340 terhadap *residential seminar package* termasuk *twin rooms* (2 single beds), *training room arrangements* dan *meals arrangement*.

**MAKLUM BALAS/STATUS TERKINI**

INSKEN sedang melihat kepada penambahbaikan bagi memperolehi *Credit Note* daripada hotel tempat pelaksanaan program.

### iii. Caj Bayaran Yuran

Bagi melaksanakan Program IBBC, peserta program telah dikenakan yuran antara RM400 hingga RM600 bagi setiap seorang peserta dikalangan orang awam bagi tempoh tahun 2022 hingga 2024. Manakala bayaran yang dikenakan kepada peserta daripada agensi adalah RM1,000 bagi setiap peserta. Berdasarkan rekod penyertaan **bagi tahun 2022 hingga Mei 2024, INSKEN telah berjaya mengutip yuran sebanyak RM771,022**. Bayaran tersebut telah diakaunkan sebagai hasil INSKEN.

**JADUAL 62**
**YURAN PENYERTAAN PESERTA**
**BAGI TEMPOH TAHUN 2022 HINGGA MEI 2024**

| BIL. | TAHUN | BILANGAN PESERTA | YURAN (RM) |
|---|---|---|---|
| 1. | 2022 | 578 | 220,085.20 |
| 2. | 2023 | 549 | 445,933.96 |
| 3. | 2024<br>(sehingga bulan Mei) | 358 | 105,003.30 |
| | **JUMLAH** | **1,485** | **771,022.46** |

Sumber: Rekod Kewangan INSKEN

Berdasarkan rekod kewangan INSKEN, yuran sejumlah RM19,056 bagi tahun 2022 dan RM5,660 bagi tahun 2023 telah diterima daripada coach.

### b. Pelaksanaan Program

Program IBBC dirancang mengikut industri yang dipilih berdasarkan permintaan semasa dan dilaksanakan melalui bilangan kohort yang dtetapkan sepanjang tahun. Sasaran bilangan peserta bagi setiap kohort ditetapkan seramai 30 orang. Butiran mengenai bilangan kohort dan kategori pesara adalah seperti di Jadual.

**JADUAL 63**
**BILANGAN KOHORT MENGIKUT KATEGORI PESERTA**

| PESERTA | | TAHUN 2022 | TAHUN 2023 | TAHUN 2024 |
|---|---|---|---|---|
| ORANG AWAM | | 9 | 7 | 14 |
| AGENSI | AMANAH IKHTIAR MALAYSIA | 8 | 13 | 5 |
| | PERBADANAN USAHAWAN NASIOANAL BERHAD | 1 | - | - |
| | GIATMARA | 2 | - | - |
| | MOTAC | 1 | - | - |
| **JUMLAH** | | **21** | **20** | **19** |
| **JUMLAH BESAR** | | **60** | | |

Sumber: Takwim program IBBC, INSKEN

Sejumlah 41 bilangan kohort telah dilaksanakan bagi tempoh tahun 2022 hingga 2023 dan 19 kohort telah dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2024. Kesemua 60 kohort melibatkan 17 industri. Butiran jumlah peserta mengikut kohort bagi tempoh tempoh tahun 2022 hingga Mei 2024 adalah seperti berikut.

**JADUAL 64**
**BILANGAN KOHORT DAN JUMLAH PESERTA PROGRAM IBBC YANG DILAKSANAKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2022 HINGGA MEI 2024**

| BILANGAN KOHORT MENGIKUT TAHUN | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| BIL | INDUSTRI | 2022 | | 2023 | | 2024 | |
| | | BIL. | PESERTA | BIL. | PESERTA | BIL. | PESERTA |
| 1. | IBBC AIRCOND & RELATED SERVICES | 1 | 28 | 1 | 27 | - | - |
| 2. | IBBC BAKERY | 1 | 27 | 3 | 73 | 2 | 59 |
| 3. | IBBC CAFE RESTAURANT | 3 | 88 | 5 | 149 | 1 | 30 |
| 4. | IBBC CAR WORKSHOP | 1 | 24 | - | | 1 | 29 |
| 5. | IBBC CATERING | - | - | 1 | 25 | - | |
| 6. | IBBC EARLY CHILDHOOD CARE & EDUCATION | 1 | 30 | | | 1 | 30 |
| 7. | IBBC ECOTOURISM | 1 | 25 | - | - | - | - |
| 8. | IBBC F&B PROCESSING | 3 | 82 | - | - | - | - |
| 9. | IBBC GROCERY STORE | 1 | 28 | 2 | 53 | - | - |
| 10. | IBBC HOMESTAY | 1 | 28 | 1 | 30 | | |
| 11. | IBBC JUALAN PASARAYA | 1 | 28 | 1 | 28 | 2 | 60 |
| 12. | IBBC KIOSK VENDOR | 1 | 25 | 1 | 25 | 1 | 30 |
| 13. | IBBC PET CARE | 1 | 29 | - | - | - | - |
| 14. | IBBC POSTNATAL | 2 | 56 | 1 | 30 | 1 | 30 |
| 15. | IBBC PRINTING | 1 | 30 | 1 | 30 | 1 | 30 |
| 16. | IBBC SPA | 1 | 25 | 1 | 25 | 1 | 30 |
| 17. | IBBC TAILORING & FASHION | 1 | 25 | 2 | 54 | 1 | 30 |
| **JUMLAH** | | **21** | **578** | **20** | **549** | **12** | **358** |
| **JUMLAH BESAR KOHORT** | | **53** | | | | | |
| **JUMLAH BESAR PESERTA** | | **1,485** | | | | | |

Sumber: Data INSKEN

Jumlah peserta yang mendaftar bagi IBBC tahun 2022 dan 2023 berjumlah 1,127 orang berbeza dengan maklumat jumlah peserta daripada data graduasi iaitu 1,119 orang. Ini disebabkan terdapat peserta telah menarik diri di sepanjang program.

### i. Pemilihan Peserta

Berdasarkan maklumat ePMS, kriteria peserta yang ditetapkan untuk program IBBC adalah mempunyai perniagaan yang beroperasi melebihi 2 tahun, mendaftar dengan SSM dan mempunyai rekod transaksi jualan. Kaedah pemilihan peserta program akan dibuat melalui sesi temuduga yang dibuat secara atas talian google meet oleh pihak INSKEN. Orang awam yang berminat menyertai program IBBC akan mendaftar pada pautan borang yang disediakan oleh pihak INSKEN manakala nama peserta agensi akan diserahkan kepada INSKEN untuk dibuat pemilihan.

Semakan Audit mendapati **tiada senarai semak atau SOP yang digunakan bagi membuat pemilihan peserta**. Pihak Audit dimaklumkan pemilihan dibuat berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh INSKEN.

**MAKLUM BALAS/STATUS TERKINI**

INSKEN memaklumkan Kriteria telah ditambahbaik terhadap kriteria pemilihan peserta di mana bagi peserta yang tidak mempunyai dokumentasi SSM/PBT disasarkan akan memperolehi dokumen tersebut menjelang tamat program.

Berdasarkan maklum balas kepada soal selidik mendapati perkara berikut:

- **Tempoh perniagaan**

Sejumlah 7 daripada 89 orang peserta yang beroperasi kurang dari 2 tahun.

- **Dokumen Pendaftaran**

Sejumlah 16 peserta tidak mengemukakan sijil pendaftaran perniagaan SSM dan 29 peserta tidak mengemukakan rekod jualan perniagaan.

Semakan lanjut Audit mendapati **pihak INSKEN tidak mewajibkan penghantaran dokumen sokongan bagi tujuan pendaftaran program**. Pihak Audit tidak dapat memastikan samada pemilihan peserta IBBC adalah mengikut kriteria yang ditetapkan oleh INSKEN.

**MAKLUM BALAS/STATUS TERKINI**

Pihak INSKEN tidak mewajibkan pengemukaan sebarang bentuk dokumen sokongan untuk pendaftaran bagi mengurangkan kesulitan kemasukan program.

**ii. Pelantikan *Industry Coach***

Lampiran SOP program yang berkuat kuasa pada 1 Mac 2023 menyatakan pemilihan coach dibuat dikalangan senarai panel coach sedia ada yang telah dilantik bagi tempoh tiga tahun atau melalui lantikan baru yang dibuat melalui penilaian RFP yang dibuat oleh panel pemilihan. Proses pemilihan ini adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Pemegang Amanah/Ketua Pengarah Eksekutif dan pengarah. Pihak Audit dimaklumkan bagi panel *coach* sedia ada juga dinilai secara tahunan melalui penyediaan RFP oleh *coach* berkenaan.

Berdasarkan Perenggan 4 surat pemakluman pelantikan (LOA) sebagai panel coach IBBC menyatakan pelantikan khusus akan dikeluarkan kepada *coach* tertakluk kepada penyertaan peserta (minimum 27 orang) di bawah industry yang dinyatakan beserta perjanjian pelaksanaan program yang akan dikeluarkan selewat lewatnya lima hari bekerja sebelum program dijalankan.

- **Kelewatan Tandatangan Surat Penerimaan Pelantikan**

Semakan lanjut Audit mendapati **terdapat kelewatan tandatangan penerimaan pelantikan bagi 32 kohort yang dijalankan antara 1 hingga 44 hari**.

- **Penerimaan Lantikan Selepas Bengkel Dilaksanakan**

Sebanyak **7 penerimaan pelantikan ditandatangan selepas tarikh bengkel antara 1 hingga 44 hari** manakala sebanyak **15 surat penerimaan pelantikan di tandatangan pada hari yang sama** bengkel diadakan.

**MAKLUM BALAS/STATUS TERKINI**

INSKEN memaklumkan teguran diberikan kepada *Coach* terlibat semasa sesi *Exit Programme Review* atau sesi penilaian prestasi. Penambahbaikan proses sedang dilakukan dengan mengeluarkan surat amaran kepada *Coach* berkaitan.

### iii. Pencapaian KPI *Industry Coach*

Perenggan 5 surat pemakluman pelantikan (LOA) sebagai *Industry Coach* kohort IBBC menyatakan di akhir program coach perlu memastikan sekurang-kurangnya 50% peserta program mencapai peningkatan minimum 20% jumlah pendapatan, mampu menawarkan peluang pekerjaan dan menambahbaik atau mentransformasi infrastruktur/operasi perniagaan dengan lebih baik dan berkesan. Analisis Audit mengenai prestasi peningkatan jualan peserta program IBBC bagi tempoh 2022 hingga Mei 2024 adalah seperti di Jadual.

**JADUAL 65**
**PRESTASI PENINGKATAN JUALAN PESERTA PROGRAM IBBC**
**BAGI TEMPOH TAHUN 2022 DAN 2023**

| PENCAPAIAN PERATUSAN NILAI PURATA JUALAN PESERTA MENGIKUT KOHORT | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **BIL.** | **INDUSTRI** | **2022** | **2023** | **2024** |
| 1. | IBBC CAFE RESTAURANT COHORT 1 (KL) & IBBC CAFE RESTAURANT COHORT 3 AIM PAHANG (Tarikh kuatkuasa LOA: 29 April 2024) | **46.67%** | **46.67%** | **TB** |
| 2. | IBBC CAR WORKSHOP COHORT 1 & IBBC CAR WORKSHOP 2024 (Tarikh kuatkuasa LOA: 29 April 2024) | **48.00%** | **TB** | **BM** |
| 3. | IBBC JUALAN PASARAYA COHORT 1 (PUNB) (Tarikh kuatkuasa LOA: 29 April 2024) | **41.38%** | **TB** | **TB** |
| 4. | IBBC EARLY CHILDHOOD CARE & EDUCATION COHORT 1 & IBBC EARLY CHILDHOOD CARE & EDUCATION 2024 (Tarikh kuatkuasa LOA: 29 April 2024) | **40.00%** | **TB** | **BM** |
| 5. | IBBC CAFE RESTAURANT COHORT 2 (Tarikh kuatkuasa LOA: 20 Januari 2023) | **TB** | **40.00%** | **TB** |
| 6. | IBBC TAILORING & FASHION COHORT 1 AIM KEDAH (Tarikh kuatkuasa LOA: 6 Mei 2024) | **TB** | **46.15%** | **TB** |
| 7. | IBBC CAFE RESTAURANT COHORT 3 (GIATMARA) - KEDAH 2022 & IBBC CATERING AIM PULAU PINANG/PERLIS 2023 (Tarikh kuatkuasa LOA:12 September 2022 & 29 April 2024) | **55.56%** | **44.00%** | **TB** |
| 8. | IBBC CAFE RESTAURANT COHORT 5 AIM KELANTAN (Tarikh kuatkuasa LOA: 31 Mei 2023) | **TB** | **46.67%** | **TB** |
| | | | | |

Nota: ***TB** – Tidak Berkaitan
***BM** – Belum Mula

- ***Coach* Yang Tidak Mencapai KPI Dilantik Semula**

  Semakan Audit mendapati terdapat **sejumlah 8 orang *coach* bagi 10 kohort tidak berjaya mencapai KPI sasaran jualan melebihi 50%.**

  Daripada jumlah tersebut, sejumlah **4 orang *coach* yang tidak mencapai KPI yang ditetapkan masih dilantik** pada tahun berikutnya.

  **MAKLUM BALAS/STATUS TERKINI**

  Pelantikan semua *Coach* adalah tertakluk kepada sesi penilaian prestasi setiap tahun.

- ***Coach* Yang Berkelayakan Tidak Dilantik Mengendalikan Kohort**

  Semakan lanjut Audit terhadap senarai industri mendapati terdapat **8 orang *coach* yang tidak dilantik untuk 5 industri dalam tempoh 3 tahun**.

Pemilihan *Industry coach* sebagai panel adalah melalui penilaian *Request For Proposal* yang dikemukakan bagi lantikan *coach* baru serta penilaian terhadap program yang pernah dikendalikan bagi pelantikan *coach* sedia ada. Bagaimanapun pihak Audit tidak dapat memastikan kaedah sebenar pemilihan *coach* bagi setiap kohort IBBC disebabkan tiada SOP khusus atau senarai semak untuk pemilihan *coach* dikemukakan kepada pihak Audit.

**MAKLUM BALAS PADA 29 JULAI 2024**

Terdapat beberapa orang *Coach* yang turut tersenarai bagi melaksanakan program program bimbingan INSKEN yang lain seperti Program Bimbingan Keuntungan Menu dan *Start-Up Coaching.*

**iv. Latihan Pengukuhan (*Training In Coaching*)**

Latihan Pengukuhan atau *Training in Coaching* (TIC) merupakan komponen dalam IBBC di mana sesi kursus selama dua hari akan diadakan sebanyak 2 kali bagi setiap kohort dengan penyertaan peserta IBBC. Penceramah akan dilantik di kalangan *trainer* lantikan INSKEN yang berkuatkuasa selama 3 tahun. Sehingga tarikh pengauditan sejumlah 229 orang *trainer* telah dilantik oleh INSKEN dan dimasukkan dalam senarai panel *trainer*.

Sejumlah 82 sesi latihan pengukuhan bagi tahun 2022 dan 2023 manakala sejumlah 24 sesi telah dirancang untuk dilaksanakan sehingga Mei tahun 2024 (13 sesi telah laksana dan 11 sesi belum dilaksana) .

**JADUAL 66**
**BILANGAN SESI *TRAINING IN COACHING***

| BIL. | TAHUN | BILANGAN | |
|---|---|---|---|
| | | KOHORT | TIC |
| 1. | 2022 | 21 | 42 |
| 2. | 2023 | 20 | 40 |
| 3. | 2024 (Mei) | 12 | 24 |
| JUMLAH | | 53 | 106 |

Sumber: Rekod kewangan INSKEN

- **Kelulusan Pelaksanaan Program**

  *Standard Operating Procedur* (SOP) bagi program versi 2.1 telah disediakan dan di luluskan oleh Lembaga Pemegang Amanah pada 1 Mac 2023. SOP ini menggariskan proses program latihan dan bimbingan dilaksanakan bermula dari perancangan, pelaksanaan dan penilaian selepas program selesai.

  Semakan Audit mendapati peruntukan perbelanjaan bagi Program Bos-Bos telah diluluskan oleh Lembaga Pemegang Amanah dalam mesyuarat Bilangan 4 tahun 2022 bertarikh 7 Disember 2022. Pihak Audit tidak dapat memastikan samada **pelantikan KPE sebagai penceramah juga ada dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah untuk kelulusan**.

  Semakan Audit mendapati program ini tidak dinyatakan dengan jelas dalam kertas kerja semasa pembentangan kepada ahli Lembaga.

- **Pelantikan Penceramah**

  Berdasarkan Perkara 4.0 SOP program INSKEN menyatakan, pelantikan penceramah (*trainer*) adalah menjadi tanggungjawab Lembaga Pemegang Amanah atau Ketua Pengarah Eksekutif (KPE) dan Pengarah serta pengurus. Pemilihan *trainer* dibuat berdasarkan senarai panel yang telah diluluskan dan prestasi mereka di nilai secara tahunan oleh jawatankuasa RFP.

  Berdasarkan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang diterbitkan pada April 2017 ada menyatakan di perenggan 1.3, tanggungjawab Pengerusi termasuk mengetuai Lembaga Pengarah dalam pengawasan kolektif terhadap pihak pengurusan, manakala KPE memberi tumpuan kepada urusan perniagaan dan pengurusan harian Syarikat.

  Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2023 Siri 1 No. 1 Tahun 2024 berkenaan Tatakelola Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) Dan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG) perenggan 9 menyatakan konflik kepentingan melibatkan konflik

antara tanggungjawab awam dan kepentingan peribadi seorang Ahli Lembaga Pengarah/Pengerusi dan Pengurusan Tertinggi SBK dan CLBG di mana Ahli Lembaga Pengarah/Pengerusi dan Pengurusan Tertinggi tersebut mempunyai kepentingan peribadi yang berkemungkinan mengganggu objektiviti mereka Ketika menjalankan tugas dan tanggungjawab atau Ketika membuat pertimbangan bagi pihak SBK dan CLBG.

Semakan Audit mendapati INSKEN telah melantik Pengarah Eksekutif (KPE) INSKEN sebagai penceramah bagi 10 sesi TIC pada tahun 2023 dan 7 sesi pada tahun 2024 dengan kadar bayaran sejumlah RM7,500 bagi setiap sesi. **Pelantikan KPE telah dibuat hanya melalui kelulusan seorang ahli Lembaga Pemegang Amanah tanpa resolusi penuh**.

- **Pembayaran Kepada Penceramah**

  Semakan Audit terhadap baucar bayaran bagi bayaran kepada penceramah Latihan Pengukuhan (TIC) mendapati sebanyak 10 bayaran telah dibuat dalam tahun 2023 dan 4 bayaran tahun 2024 telah dibuat KPE dengan jumlah bayaran sejumlah RM105,000 (RM7,500 x 14). Semakan lanjut mendapati **kelulusan inbois bayaran tersebut diperakukan sendiri oleh KPE**. Bayaran tersebut sepatutnya diperakukan oleh pegawai lain yang tidak berkepentingan. Perakuan bayaran tidak boleh dibuat oleh pegawai yang sama menerima bayaran.

**MAKLUM BALAS PADA 29 JULAI 2024**

INSKEN sedang dalam proses menambahbaik pelantikan *Trainer* dalaman (sama ada KPE atau kakitangan) melalui penambahbaikan polisi dan sedang mendapatkan kelulusan daripada Lembaga Pemegang Amanah INSKEN.

Bayaran balik sebanyak RM150,000 telah dibayar oleh KPE pada xxxx melibatkan bayaran bagi 20 program yang tidak mendapat kelulusan daripada Lembaga Pemegang Amanah INSKEN.

**c. Pematuhan Kepada Terma Rujukan**

**i. Data IPRO Dikemaskini Selama Tempoh Program**

Berdasarkan surat setuju terima yang ditandatangan oleh peserta, peserta perlu melaporkan di dalam system INSKEN IPRO jualan bulanan dan jumlah pekerja setiap bulan sebelum program (sekurang-kurangnya 4 bulan sebelum program) sehingga 2 tahun selepas menjalani program ini.

Manakala berdsarkan surat lantikan *coach* menyatakan *coach* perlu memastikan semua peserta melaporkan data hasil jualan dan bilangan pekerja pada setiap bulan

melalui aplikasi INSKEN IPRO. Tempoh data adalah termasuk keseluruhan tahun program bermula sehingga dua tahun berikutnya.

Semakan audit mendapati **maklumat yang dikemas kini dalam INSKEN IPRO adalah hanya untuk 4 bulan iaitu sepanjang tempoh program sahaja**. Hasil temu bual bersama 8 orang peserta juga memberikan maklum balas yang sama iaitu maklumat dikemas kini selama tempoh program sahaja. Pihak Audit dimaklumkan oleh peserta, tiada keperluan untuk lebih dari itu dan tidak pernah maklum berkaitan pengemaskinian perlu dibuat selama tempoh 2 tahun.

**MAKLUM BALAS PADA 29 JULAI 2024**

INSKEN mewajibkan peserta melaporkan hasil jualan bulanan dalam sistem IPRO sepanjang tempoh program berjalan. Walaubagaimanapun, penggunaan aplikasi IPRO setelah tamat program adalah diluar kawalan INSKEN. INSKEN juga sedang menambahbaik terma dan syarat peserta program.

### ii. Pengesahan Data IPRO Peserta Tidak Dibuat

Objektif program IBBC adalah untuk meningkatkan skala perniagaan peserta khususnya peningkatan jualan dan mengukuhkan strategi bisnes untuk kekal relevan dalam pasaran.

Semakan audit mendapati **tiada dokumen sebagai pengesahan kepada maklumat IPRO yang perlu dihantar oleh peserta sebagai bukti**. Pihak Audit dimaklumkan, pengesahan tersebut akan dibuat oleh *coach* semasa sesi bimbingan one-on-one bersama peserta. Bagaimanapun coach tidak diberikan sebarang senarai semak atau templat bagi tujuan pengesahan maklumat data yang dikemas kini dalam IPRO. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan ketepatan data IPRO yang dikemas kini oleh peserta.

**MAKLUM BALAS PADA 29 JULAI 2024**

Pihak INSKEN tidak mewajibkan peserta untuk melampirkan dokumen sokongan bagi rekod jualan bulanan atas dasar untuk mempercepatkan dan memudahkan peserta merekodkan data mereka di dalam IPRO. Terma bagi *Coach* telah ditambahbaik bagi menyemak data IPRO peserta.

### iii.Bayaran *Coaching One-On-One*

Berdasarkan Perenggan 1 Terma pembayaran kepada coach dalam LOA menyatakan bayaran kepada coach akan dibuat bagi setiap sesi coaching bersama peserta secara individu.

Semakan Audit mendapati terdapat **sesi coaching telah dibuat secara berkumpulan dan bukan secara individu seperti kehendak LOA**. Temu bual bersama dua orang peserta kohort tahun 2023 iaitu bagi *industry catering* juga mendapati sesi *coaching* dibuat secara berkumpulan.

INSKEN perlu membuat pemantauan atau pengesahan berkaitan pelaksanaan coaching *one-on-one* kerana tiada sebarang SOP atau senarai semak berkaitan.

**MAKLUM BALAS PADA 29 JULAI 2024**

Pihak INSKEN mempunyai budi bicara untuk membenarkan sesi coaching dijalankan secara berkumpulan kecil jika terdapat permohonan dari Coach atau peserta atas sebabsebab munasabah pada masa-masa tertentu. Pihak INSKEN juga memastikan peserta yang terlibat bersetuju dengan mod sesi coaching berkumpulan yang diadakan. Jika terdapat peserta yang tidak bersetuju untuk sesi *coaching* secara berkumpulan, *coach* masih perlu mengadakan sesi *coaching* 1-on-1 bersama peserta tersebut.

**iv. Laporan Prestasi Peserta Tidak Disediakan**

Berdasarkan Perenggan 9, LOA mengenai kaedah pembayaran, pembayaran akan dibuat selepas selesai sesi *industry workshop* dan selepas Laporan Prestasi diterima oleh INSKEN bagi setiap sesi *coaching 'one-on-one'*.

Semakan audit terhadap 15 sampel **baucar bayaran berjumlah RM327,956 bagi sesi *coaching 'one-on-one'* tahun 2022 dan 2023 mendapati Laporan Prestasi tidak dilampirkan bersama baucar bayaran sebagaimana kehendak LOA**. Bagaimanapun semakan terhadap baucar bayaran tahun 2024 mendapati Laporan Prestasi tersebut ada dikepilkan sebagai dokumen sokongan.

**MAKLUM BALAS PADA 29 JULAI 2024**

Prestasi peserta dalam program IBBC dinilai melalui pelaporan hasil jualan peserta pada setiap bulan. Untuk proses pembayaran kepada *Coach*, pihak INSKEN terlebih dahulu memastikan data jualan setiap peserta telah diterima pada setiap bulan sebelum memproses pembayaran kepada *Coach*. Selain itu, pihak INSKEN juga menjalankan *Mid Programme Review* dan *Exit Programme Review* bersama *Coach* bagi setiap program untuk mendapatkan maklumbalas terhadap sebarang isu dan permasalahan sepanjang sesi coaching yang telah dijalankan. Pada tahun 2024, proses ini telah ditambahbaik dengan menyediakan templat Laporan Prestasi bagi setiap sesi *coaching* yang dijalankan.

### 6.1.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan Program IBBC adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat kelemahan yang perlu ditambah baik. Sehubungan itu, pihak Audit mencadangkan pihak INSKEN mengambil tindakan seperti berikut:

6.1.5.1 SOP atau senarai semak khusus bagi program IBBC perlu disediakan supaya pelaksanaan program lebih tersusun.

6.1.5.2 Terma dan syarat dalam surat pelantikan coach dan surat setuju terima peserta perlu ditambah baik.

6.1.5.3 Menyediakan mekanisma pemantauan bagi sesi coaching oleh coach dengan peserta.

6.1.5.4 Status pelantikan KPE sebagai Penceramah Program INSKEN perlu dikemukakan kepada Lembaga Pemegang Amanah untuk pengesahan dan kelulusan.

6.1.5.5 Prosedur Pengesahan Invois Bayaran perlu diperbetulkan agar bayaran tidak diperakukan oleh pegawai yang sama menerima bayaran.

## 6.2 PENGURUSAN PROGRAM PEMERKASAAN RANTAIAN BEKALAN KOPERASI DI SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

### 6.2.1 LATAR BELAKANG

Rantaian bekalan merupakan satu sistem untuk memastikan produk dan perkhidmatan sampai ke tangan pelanggan melalui saluran pengedaran termasuklah proses pengumpulan bahan mentah, pembekal, pengeluar atau pengilang, syarikat pengangkutan, gudang borong, bilik simpanan atau stok dan pengurusan sumber manusia.

Sistem ini juga melibatkan tugas dan fungsi dalam pemindahan produk seperti kawalan kualiti, pemasaran, perolehan serta sumber. Pengurusan rantaian bekalan pula adalah pengurusan produk atau perkhidmatan daripada permulaan hingga kepada pengguna akhir.

Berdasarkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dalam teras Strategik 1, Ekosistem Perniagaan dan Industri, antara cadangan dan strategi bagi menyelesaikan permasalahan yang telah dikenalpasti bagi penstrukturan semula ekosistem perniagaan dan industri ialah dengan mengenal pasti dan memeta syarikat peneraju dalam rantaian bekalan perniagaan dan industri yang mempunyai nilai tambah yang tinggi bagi membolehkan PKS menceburi industri hiliran berkaitan.

Selari dengan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021 – 2025 dalam Bidang Tujahan 4, langkah strategik untuk pembentukan persekitaran perniagaan yang mampan dan lestari ialah menyediakan ekosistem yang kondusif bagi pembangunan perniagaan koperasi yang mana aktiviti utamanya mewujudkan pusat sehenti secara fizikal dan virtual.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah diluluskan peruntukan di bawah Program Pembangunan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) 2021-2025 berjumlah RM10 juta bagi membiayai Program Pemerkasaan Rantaian Bekalan Koperasi (SCOPE).

Sehingga bulan Mei 2024 SKM telah menerima peruntukan berjumlah RM7.0 juta (70%) untuk melaksanakan program SCOPE. Sejumlah RM6.87 juta (98.1%) bantuan telah diluluskan kepada 39 koperasi. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 67**
**PERUNTUKAN SCOPE YANG DITERIMA DAN DILULUSKAN KEPADA KOPERASI BAGI TEMPOH TAHUN 2021 HINGGA BULAN MEI 2024**

| TAHUN | PERUNTUKAN DITERIMA (RM Juta) | BANTUAN DILULUSKAN (RM Juta) | BILANGAN KOPERASI TERLIBAT |
|---|---|---|---|
| 2021 | 2.0 | 2.0 | 12 |
| 2022 | 1.0 | 1.0 | 7 |
| 2023 | 3.0 | 3.0 | 15 |
| 2024 | 1.0 | 0.87 | 5 |
| **JUMLAH** | **7.0** | **6.87** | **39** |

Sumber: Maklumat Koperasi Yang Diluluskan Bantuan Program SCOPE Bagi Tahun 2021 hingga 2024, General Ledger SCOPE (sehingga 30 April 2024), Surat Pemakluman Peruntukan Program SCOPE & Arahan Pembayaran KUSKOP

**JADUAL 68**
**KELULUSAN BANTUAN KEPADA KOPERASI MENGIKUT NEGERI BAGI TEMPOH TAHUN 2021 HINGGA BULAN MEI 2024**

| NEGERI | 2021 | | 2022 | | 2023 | | *Sehingga Mei 2024 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | BIL. | RM | BIL. | RM | BIL. | RM | BIL. | RM |
| Johor | 2 | 370,000 | 1 | 200,000 | - | - | - | - |
| Kedah | - | - | - | - | 1 | 129,160 | 1 | 111,000 |
| Kelantan | 3 | 620,000 | 2 | 200,000 | 2 | 405,000 | - | - |
| Melaka | - | - | - | - | 2 | 382,840 | - | - |
| Negeri Sembilan | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Pahang | - | - | 1 | 150,000 | 1 | 90,000 | - | - |
| Perak | - | - | 1 | 100,000 | - | - | - | - |
| Perlis | 1 | 100,000 | - | - | 1 | 260,000 | - | - |
| Pulau Pinang | 1 | 100,000 | - | - | - | - | 1 | 270,000 |
| Sabah | 2 | 335,000 | - | - | - | - | 2 | 315,000 |
| Sarawak | 2 | 375,000 | - | - | - | - | - | - |
| Selangor | 1 | 100,000 | - | - | 4 | 727,000 | - | - |
| Terengganu | - | - | 2 | 350,000 | 3 | 760,000 | 1 | 175,000 |
| Wilayah Persekutuan | - | - | - | - | 1 | 246,000 | - | - |
| **JUMLAH** | **12** | **2,000,000** | **7** | **1,000,000** | **15** | **3,000,000** | **5** | **871,000** |

Sumber: Prestasi Program SCOPE (Mengikut Negeri Tahun 2021 – 2024)

### 6.2.2 OBJEKTIF DAN KONSEP PELAKSANAAN PROGRAM

a. Program SCOPE dilaksanakan bagi memperkasa rantaian bekalan koperasi dalam sektor pemborongan dan peruncitan dengan menyediakan ekosistem dan lanskap perniagaan yang kondusif melalui pengukuhan Pusat Pengedaran (DC) atau Sub-DC (SDC) sedia ada atau mewujudkan DC/SDC baharu disetiap negeri dengan objektif seperti berikut:

i. mewujudkan perniagaan yang bersistematik;
ii. meningkatkan *purchasing* dan *bargaining power* koperasi;
iii. mengurangkan pemeringkatan (*tier*) orang tengah dan mengekang aktiviti manipulasi;
iv. membantu mengurangkan kenaikan kos sara hidup; dan
v. membantu menstabilkan harga barang.

b. Program SCOPE dilaksanakan di semua negeri dan kawasan Parlimen yang merangkumi kawasan bandar, pinggir bandar dan luar bandar mengikut keperluan dan penilaian ke atas permohonan.

c. Koperasi yang terpilih layak menerima insentif kewangan berupa bantuan seperti di jadual berikut.

**JADUAL 69**
**INSENTIF KEWANGAN**

| KATEGORI | JUMLAH BANTUAN MAKSIMUM (RM) |
|---|---|
| Membangun DC/SDC Baharu | 300,000 |
| Menaiktaraf DC/SDC Sedia Ada | 100,000 |

Nota: Jumlah bantuan yang diluluskan adalah berdasarkan anggaran sebut harga yang dikemukakan semasa permohonan

### 6.2.3 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada program SCOPE telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan.

### 6.2.4 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan melibatkan program SCOPE dari tahun 2021 hingga 2024. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan program SCOPE di SKM. Temu bual dan perbincangan bersama pegawai yang terlibat juga dilaksanakan. Selain itu, lawatan fizikal ke 14 koperasi yang terpilih di negeri Selangor (3), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1), Kelantan (7) dan Johor (3) turut dilaksanakan bagi menilai pelaksanaan skop program. 14 koperasi telah diluluskan bantuan antara Julai 2021 hingga September 2023 dengan bantuan geran berjumlah RM1,796,200.

### 6.2.5 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Mei hingga Jun 2024. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti dalam perenggan berikut:

#### 6.2.5.1 Prestasi Pengurusan Program SCOPE

**a. Pencapaian Output**

i. **Sasaran dan Pencapaian**

- Penilaian output dibuat berdasarkan pencapaian bilangan DC/SDC yang dibangunkan/dinaik taraf berbanding sasaran yang telah ditetapkan bagi tempoh tahun 2021 hingga 2024.

- Berdasarkan Brif Projek Program SCOPE, bagi tempoh tahun 2021 hingga 2024, SKM telah merancang untuk menaik taraf 20 DC/SDC sedia ada serta membangun dan menaik taraf 20 DC/SDC baharu.

- Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2021 hingga 2024 (April 2024), SKM telah menaik taraf 9 (45%) DC/SDC sedia ada berbanding 20 DC/SDC yang disasarkan, iaitu kurang daripada sasaran. Selain itu, sebanyak 30 (150%) DC/SDC baharu telah dibangunkan dan dinaiktaraf berbanding 20 DC/SDC yang disasarkan, iaitu melebihi sasaran. Sasaran dan pencapaian program SCOPE bagi tempoh 2021 hingga 2024 adalah seperti di jadual berikut.

**JADUAL 70**
**SASARAN DAN PENCAPAIAN TAHUN 2021 HINGGA 2024**

| | DIRANCANG | | | | | PENCAPAIAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **DC/SDC SEDIA ADA** | **2021** | **2022** | **2023** | **2024** | **JUMLAH** | **2021** | **2022** | **2023** | **2024** | **JUMLAH** |
| | 5 | 5 | 5 | 5 | 20 | 3 | 3 | 2 | 1 | 9 |
| | **DIRANCANG** | | | | | **PENCAPAIAN** | | | | |
| **DC/SDC BAHARU** | **2021** | **2022** | **2023** | **2024** | **JUMLAH** | **2021** | **2022** | **2023** | **2024** | **JUMLAH** |
| | 5 | 5 | 5 | 5 | 20 | 9 | 4 | 13 | 4 | 30 |

*Sumber: Maklumat Koperasi Yang Diluluskan Bantuan Program SCOPE Bagi Tahun 2021 hingga 2024*

| Pendapat Audit | **Pencapaian output adalah kurang memuaskan dari segi bilangan DC/SDC yang dinaiktaraf/dibangunkan. Hanya 9 (45%) DC/SDC sedia ada yang dinaik taraf berbanding sasaran manakala 30 (150%) DC/SDC baharu telah dibangunkan dan dinaiktaraf berbanding sasaran.** |
|---|---|

**MAKLUM BALAS**

Penetapan sasaran yang disediakan pada tahun 2020 semasa permohonan dalam MyProjek adalah berdasarkan bilangan 28 DC/SDC sedia ada yang melibatkan 23 koperasi (seperti di Lampiran 1). Status semasa DC/SDC ini adalah seperti berikut:

i. Telah menerima bantuan di bawah Program SCOPE - 10 Koperasi
ii. Dalam proses permohonan bantuan di bawah Program SCOPE - 1 koperasi (KPF)
iii. Belum mohon - 2 koperasi
iv. Tidak layak - 1 koperasi (bukan bumiputera)
v. Tidak aktif DC - 9 koperasi

Cadangan permohonan perubahan maklumat program (sasaran penerima manfaat) akan dikemukakan kepada pihak Kementerian Ekonomi melalui Unit Bajet, KUSKOP.

**b. Pencapaian Keberhasilan**

i. Pengukuhan *supply chain* merupakan keberhasilan program SCOPE yang telah ditetapkan dalam Brif Projek. Bagaimanapun, sehingga kini pihak SKM masih belum menetapkan mekanisme dan indikator untuk menilai keberhasilan tersebut.

| Pendapat Audit | Pencapaian keberhasilan bagi program SCOPE tidak dapat dinilai kerana pihak SKM masih belum menetapkan mekanisme dan indikator penilaian. |
|---|---|

**MAKLUM BALAS**

Mekanisme dan indikator penilaian keberhasilan pengukuhan *supply chain* adalah seperti berikut:

i. Peningkatan pendapatan koperasi; dan
ii. Nilai pembekalan produk coop sejak 1992 sebagai barangan pengganti dan barangan keperluan harian kepada Coop mart dan kedai runcit selain koperasi.

**6.5.2.2 Pengurusan Program SCOPE**

Pengurusan program SCOPE dinilai berdasarkan lima (5) aspek iaitu prestasi kewangan, pengurusan permohonan, penyaluran bantuan, skop program serta pemantauan.

**a. Prestasi Kewangan**

i. Berdasarkan Surat Pemakluman Peruntukan Pembangunan dan Senarai Projek RP1 Tahun 2021 RMKe-12 Agensi di Bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) nombor rujukan MEDAC.BKEW.400-2/2/3(34) bertarikh 23 November 2020, SKM telah diperuntukkan sejumlah RM10.0 juta untuk melaksanakan Program SCOPE dalam tempoh RMKe-12 (2021 – 2025). Bagi tempoh tahun 2021 hingga 2024 (sehingga 30 April), SKM telah menerima sejumlah RM7.0 juta peruntukan untuk melaksanakan program SCOPE. Sejumlah RM6.87 juta

(98.1%) bantuan telah diluluskan kepada 39 koperasi manakala sejumlah RM5.0 juta (72.8%) telah dibayar kepada 34 koperasi. Butirannya adalah seperti di jadual berikut..

**JADUAL 71**
**PERUNTUKAN, KELULUSAN DAN PEMBAYARAN DANA BANTUAN PROGRAM SCOPE BAGI TEMPOH TAHUN 2021 HINGGA BULAN MEI 2024**

| TAHUN | BILANGAN KOPERASI YANG DILULUSKAN BANTUAN | PERUNTUKAN DITERIMA (RM Juta) (a) | BANTUAN DILULUSKAN (RM Juta) (b) | PERATUS KELULUSAN (%) (b/aX100) | BANTUAN DIBAYAR (RM Juta) (c) | PERATUS BAYARAN (%) (c/bX100) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 2021 | 12 | 2.0 | 2.0 | 100 | 2.0 | 100 |
| 2022 | 7 | 1.0 | 1.0 | 100 | 1.0 | 100 |
| 2023 | 15 | 3.0 | 3.0 | 100 | 2.0 | 66.7 |
| 2024 | 5 | 1.0 | 0.87 | 87 | 0 | 0 |
| **JUMLAH** | **39** | **7.0** | **6.87** | **98.1** | **5.0** | **72.8** |

Sumber: 1. General Ledger Program SCOPE (P1-H1-000-000-L22140) Sehingga 30 April 2024
2. Maklumat Koperasi Yang Diluluskan Bantuan Program SCOPE Bagi Tahun 2021 hingga 2024
3. Baucar Bayaran SKM

ii. Selain itu, sejumlah RM1.72 juta bantuan masih belum dibayar kepada 11 koperasi yang telah diluluskan bantuan pada tahun 2023 dan 2024 (sehingga Mei 2024).

**MAKLUM BALAS**

Sehingga 12 Julai 2024, baki bantuan Program SCOPE yang belum dibayar kepada koperasi yang telah diluluskan adalah sebanyak RM1,203,710.10:
(i) Tahun 2023: RM529,710.10
(ii) Tahun 2024:RM674,000.00
Penyaluran bantuan kepada koperasi dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan kemajuan projek. Kaedah ini adalah untuk memastikan koperasi menggunakan dana bantuan berdasarkan skop kelulusan.

iii. Berdasarkan Surat Penyaluran Peruntukan Pembangunan RP4 Tahun 2024 RMKe-12 Bagi Suku Kedua Tahun 2024 kepada SKM bernombor rujukan MEDAC.400-2/2/3 Jld.2 ( ) bertarikh 18 April 2024, peruntukan bagi Program SCOPE berjumlah RM500,000 telah disalurkan kepada SKM pada 17 April 2024 melalui arahan pembayaran bernombor 12001001 bertarikh 15 April 2024. Semakan Audit mendapati penyaluran tersebut masih belum direkodkan ke *General Ledger* Program SCOPE (P1-H1-000-000-L22140) bagi tempoh 1 April hingga 30 April 2024 menyebabkan jumlah peruntukan program SCOPE yang diterima oleh SKM terkurang nyata sejumlah RM500,000.

**MAKLUM BALAS**

Berdasarkan maklumat yang dikemukakan melalui e-mel kepada Pegawai Penyelaras BPN pada 10 Mei 2024, data GL yang dikemukakan adalah sehingga 30 April 2024

dan tindakan penyelarasan terimaan dan penutupan akaun bagi bulan April belum selesai sepenuhnya.

SKM mengambil maklum penemuan audit yang dikemukakan dan akan mengambil tindakan sewajarnya pada masa hadapan.

| | |
|---|---|
| **Pendapat Audit** | **Pengurusan kewangan adalah kurang memuaskan. Hanya RM5.0 juta (72.8%) bantuan telah dibayar kepada koperasi yang diluluskan bantuan menyebabkan 11 koperasi masih belum menerima bantuan berjumlah RM1.72 juta. Selain itu, peruntukan berjumlah RM500,000 yang diterima daripada KUSKOP masih belum diakaunkan oleh SKM.** |

**b. Pengurusan Permohonan**

**i. Syarat Penyertaan/Kriteria Kelayakan**

- Berdasarkan perenggan 8.10 Garis Panduan Program Pemerkasaan Rantaian Bekalan Koperasi (SCOPE) Tahun 2021 – 2025 (Garis Panduan SCOPE), antara syarat yang melayakkan sesebuah koperasi menyertai program SCOPE adalah mempunyai premis perniagaan sedia ada atau baharu sama ada milikan sendiri atau sewaan sekurang-kurangnya minimum dalam jangka masa 5 tahun.

- Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- Koperasi MMB telah diluluskan bantuan berjumlah RM150,000 walaupun tidak mengemukakan dokumen pemilikan atau sewaan premis perniagaan bagi menyokong permohonan.

**MAKLUM BALAS**

Koperasi telah mengemukakan dokumen perjanjian semasa permohonan dan telah dibentangkan dalam mesyuarat - Perjanjian mulai 1 Oktober 2021 - 30 September 2023 (Operasi perniagaan DC Koperasi telah dihentikan sejak Januari 2023).

- Koperasi F telah diluluskan bantuan berjumlah RM246,000 walaupun tempoh sewaan premis adalah 3 tahun bermula dari 1 Disember 2022 hingga 30 November 2025 iaitu tidak mematuhi syarat yang telah ditetapkan sekurang-kurangnya minimum dalam jangka masa 5 tahun. Semakan selanjutnya terhadap minit Mesyuarat Jawatankuasa Bantuan Pembangunan SKM Peringkat Ibu Pejabat Bil. 5/2023 bertarikh 19 September 2023 yang meluluskan permohonan bantuan

SCOPE kepada Koperasi F mendapati tiada pengecualian pematuhan syarat tersebut diluluskan oleh pihak jawatankuasa.

**MAKLUM BALAS**

Koperasi telah mengemukakan dokumen perjanjian 1 Disember 2022 hingga 30 November 2027.

- **Dokumen Permohonan**

- Berdasarkan perenggan 11.1 (ii) Garis Panduan SCOPE, borang permohonan bantuan pembangunan hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan seperti berikut:

  i. Kertas kerja projek termasuk kajian daya maju dan *milestones*;
  ii. Penyata kewangan teraudit (3 tahun terkini);
  iii. Penyata terimaan dan bayaran (6 bulan);
  iv. Butiran kos bantuan yang dipohon;
  v. Cabutan minit Mesyuarat Agung Tahunan;
  vi. Cabutan minit Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi;
  vii. Senarai Anggota Lembaga Koperasi yang terkini;
  viii. Sebut Harga (sekurang-kurangnya daripada tiga pembekal/kontraktor) bagi setiap pembekalan kerja/perkhidmatan;
  ix. Gambar-gambar sokongan bagi projek yang dipohon;
  x. Penyata bank terkini yang disahkan;
  xi. Senarai *outlet* peruncitan sedia ada atau baharu bagi tujuan pembekalan oleh DC/SDC; dan
  xii. Dokumen lain yang menyokong seperti Surat Kebenaran Badan Berkuasa, Perjanjian Sewaan/Surat Ikatan antara Pihak Berkaitan, Lesen Perniagaan/Lesen-lesen lain yang berkaitan, hak pemilikan dan lain-lain.

- Semakan Audit terhadap dokumen permohonan bantuan pembangunan bagi Program SCOPE mendapati perkara seperti berikut:

  i. Semua permohonan telah disokong dengan kertas kerja projek termasuk kajian daya maju. Bagaimanapun, 13 permohonan tidak disokong dengan *milestones* projek yang dilaksanakan.
  ii. Sebanyak 12 permohonan tidak disokong dengan 3 tahun Penyata Kewangan teraudit.
  iii. Sebanyak 12 permohonan tidak disokong dengan penyata terimaan dan bayaran untuk tempoh enam bulan yang lengkap.

iv. Sebanyak tiga permohonan tidak disokong dengan cabutan minit Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi manakala satu permohonan tidak disokong dengan cabutan minit Mesyuarat Ahli Lembaga Koperasi
v. Sebanyak empat permohonan tidak disokong dengan 3 sebut harga bagi setiap pembekalan dan perkhidmatan yang diperlukan.
vi. Sebanyak dua permohonan tidak disokong dengan dokumen perjanjian sewaan atau hak pemilikan premis manakala dua permohonan tidak disokong dengan lesen perniagaan/peruncitan.

**MAKLUM BALAS**

i. SKM mengambil maklum dan menyambut baik saranan juruaudit untuk penambahbaikan pada masa akan datang.
ii. SKM menilai potensi perniagaan koperasi berdasarkan dokumen utama iaitu Penyata Kewangan teraudit. Penyata terimaan dan bayaran hanyalah dokumen sokongan tambahan untuk menilai prestasi terkini koperasi.
iii. Memadai salah satu dokumen sama ada koperasi melampirkan cabutan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi atau cabutan minit Mesyuarat Ahli Lembaga Koperasi.
iv. Tiga sebut harga lengkap telah dikemukakan oleh Koperasi.
v. Walau bagaimanapun, tiga sebut harga bagi dua koperasi tidak dapat ditemui dengan lengkap. SKM mengambil maklum saranan juruaudit bagi tujuan penambahbaikan pada masa akan datang.

- **Mesyuarat Jawatankuasa Bantuan Pembangunan Peringkat Negeri**

- Berdasarkan perenggan 11.3 (vi) Garis Panduan SCOPE, Jawatankuasa Bantuan Pembangunan Peringkat Negeri (JKBPPN) hendaklah menyediakan ulasan dan syor permohonan berserta minit mesyuarat JKBPPN yang dimuatnaik ke Sistem Bantuan e-Fast untuk tindakan Jawatankuasa Bantuan Pembangunan Peringkat Ibu Pejabat (JKBPPIP).

- Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada permohonan bantuan 13 koperasi telah disemak dan dinilai oleh JKBPPN kerana minit mesyuarat JKBPPN bagi koperasi berkenaan tidak dimuatnaik ke Sistem Bantuan e-Fast atau dikemukakan kepada pihak Audit untuk semakan.

**MAKLUM BALAS**

Minit Mesyuarat JKBPPN bagi empat koperasi yang berkenaan telah dikemukakan.

- **Jawatankuasa *Pre-Council* Bantuan Pembangunan**

- Berdasarkan perenggan 11.4 (i) Garis Panduan SCOPE, permohonan bantuan pembangunan koperasi yang telah dinilai dan disyorkan oleh pihak JKBPPN beserta dokumen sokongan yang lengkap hendaklah dibentang semasa Mesyuarat *Pre-Council* Bantuan Pembangunan Peringkat Ibu Pejabat (MPC) untuk disemak, dinilai dan diberi sokongan.

- Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada tujuh permohonan koperasi telah disemak, dinilai dan disokong oleh MPC sebelum dibentangkan semasa mesyuarat JKBPPIP untuk kelulusan kerana minit mesyuarat MPC tersebut tidak dikemukakan untuk semakan pihak Audit.

**MAKLUM BALAS**
Tarikh Mesyuarat Pre-Council Berdasarkan Minit JKBPIP telah dikemukakan untuk pengesahan Audit.

- **Penyempurnaan Dokumen Perjanjian Bantuan**

- Berdasarkan Surat Tawaran Bantuan Pembangunan SKM Di Bawah Program SCOPE, koperasi dikehendaki menandatangani perjanjian yang telah disediakan di antara pihak SKM dan koperasi dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat tawaran diterima.

- Pihak Audit tidak dapat menentukan tarikh koperasi menerima surat tawaran daripada pihak SKM kerana tiada rekod yang diselenggara oleh pihak SKM. Semakan Audit selanjutnya mendapati lapan dokumen Perjanjian Penerimaan Bantuan Program SCOPE lewat ditandatangani antara 7 hingga 49 hari dari tarikh penerimaan tawaran bantuan Program SCOPE oleh koperasi.

**MAKLUM BALAS**
Klausa 4.6 yang menyatakan mengenai tempoh melengkapkan dokumen perjanjian dalam surat tawaran adalah merupakan suatu kesilapan.
SKM telah menambah baik surat tawaran bantuan dengan tidak menyatakan klausa 4.6 surat tawaran. Koperasi sepatutnya menerima surat tawaran pada tarikh dihantar melalui sistem. Koperasi juga menerima notifikasi melalui e-mel dan SMS.
Berdasarkan maklum balas daripada SKM Negeri, kelewatan koperasi melengkapkan perjanjian adalah disebabkan faktor seperti berikut:

i. Pelaksanaan Kawalan Pergerakan (PKP) akibat Covid-19 dan kebanyakan jabatan kerajaan masih belum beroperasi sepenuhnya;

ii. Perubahan proses stamping LHDN daripada manual kepada online; dan
iii. Pertukaran atau ketiadaaan Pengerusi / Setiausaha / Bendahari Koperasi.

| | |
|---|---|
| **Pendapat Audit** | **Pengurusan permohonan bantuan adalah tidak memuaskan. Dua koperasi yang tidak mematuhi syarat penyertaan/kriteria kelayakan telah diluluskan bantuan berjumlah RM396,000. Sebanyak 17 koperasi telah diluluskan bantuan walaupun dokumen sokongan yang dikemukakan tidak lengkap. Selain itu, tiada bukti bahawa permohonan 20 koperasi telah disemak/dinilai/disokong oleh JKBPPN dan MPC untuk kelulusan JKBPPIP dan lapan dokumen perjanjian lewat ditandatangani antara 7 hingga 49 hari.** |

**c. Penyaluran Bantuan**

**i. Pembayaran Bantuan**

- Mengikut perenggan 10.0 Garis Panduan Program SCOPE, penyaluran dana bantuan akan dibuat kepada koperasi setelah dokumen sokongan lengkap diterima seperti berikut:

- Kelulusan RM100,000 dan ke bawah
  Bayaran secara *lump sum* ke akaun koperasi bagi kelulusan RM100,000 dan ke bawah

- Kelulusan melebihi RM100,000
  Sebanyak 20% daripada amaun kelulusan akan disalurkan sebagai modal awal bagi membolehkan koperasi memulakan projek. Baki dana sebanyak 80% akan disalurkan secara berperingkat mengikut kemajuan kerja berdasarkan tuntutan koperasi yang diperaku oleh SKM Negeri.

- Tuntutan koperasi hendaklah disertakan dengan dokumen berikut:

  i. Salinan minit Mesyuarat Lembaga Koperasi yang mengandungi agenda pemilihan kontraktor/pembekal;
  ii. Salinan invois tuntutan/bukti pembayaran yang telah dibuat oleh koperasi kepada pembekal/kontraktor;
  iii. Invois asal tuntutan koperasi kepada SKM;
  iv. Perakuan SKM Wilayah Penyeliaan dan Pengarah Negeri (ulasan ke atas pelaksanaan kerja/pembekalan serta gambar kemajuan kerja);

v. Salinan penyata bank yang disahkan bagi tujuan validasi nombor akaun koperasi; dan
vi. Lain-lain dokumen yang berkaitan (sekiranya ada).

- Selain itu, berdasarkan perenggan 2 Perjanjian Penerimaan Bantuan Program SCOPE, tempoh bagi perjanjian penerimaan bantuan SCOPE adalah dalam tempoh 12 bulan bermula dari tarikh perjanjian ditandatangani atau ditamatkan lebih awal oleh mana-mana pihak.

- Semakan Audit terhadap penyaluran dana bantuan SCOPE kepada pihak koperasi mendapati perkara seperti berikut:

\- Penyaluran dana kepada Koperasi MMB berjumlah RM150,000 tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap, iaitu salinan minit Mesyuarat Lembaga Koperasi yang mengandungi agenda pemilihan kontraktor/pembekal dan invois asal tuntutan koperasi kepada SKM.

**MAKLUM BALAS**

Berdasarkan semakan rekod, Koperasi MMB hanya melampirkan senarai pembekal dan invois sahaja. Bagi minit mesyuarat lembaga koperasi, SKM mengambil maklum penemuan audit dan akan mengambil tindakan sewajarnya dengan membuat penilaian yang lebih teliti pada masa hadapan. Operasi perniagaan DC Koperasi telah dihentikan sejak Januari 2023.

\- Penyaluran dana bantuan kepada Koperasi WUSMKB telah dibuat secara *lump sum* (100%) berjumlah RM130,000 melalui baucar bayaran bernombor 21000029 bertarikh 8 Oktober 2021.

**MAKLUM BALAS**

Perakuan pembayaran penuh (100%) dibuat melalui emel bertarikh 29 September 2021. Perakuan tersebut menyatakan koperasi telah mendahulukan wang dalaman bagi mempercepatkan perolehan pembelian kenderaan.

\- Koperasi PPFATLB (Tempoh Perjanjian: 11.10.2021-10.10.2022) telah menerima bayaran ke-3 bantuan SCOPE berjumlah RM20,000 selepas tamat tempoh perjanjian (Bayaran pada 27.10.2023).

**MAKLUM BALAS**

Tempoh perjanjian adalah merujuk kepada obligasi SKM untuk memantau dan menilai prestasi koperasi dalam menguruskan program yang dilaksanakan berdasarkan

kelulusan bantuan. Koperasi masih tertakluk kepada dasar pemisah dan perundangan semasa yang sedang berkuatkuasa. Pegawai SKM Negeri juga sentiasa membuat pemantauan bagi tujuan pembayaran.

Selain daripada perjanjian penerimaan bantuan SCOPE dalam tempoh 12 bulan, SKM juga menyatakan di klausa 4.4 mengenai kepatuhan terma rujukan dan perjanjian pelaksanaan program SCOPE dan undang-undang berkaitan yang sedang berkuatkuasa di dalam setiap surat tawaran kepada koperasi.

- Perbelanjaan peralatan dan kelengkapan yang diperakukan oleh SKM Wilayah untuk tuntutan bayaran pertama Koperasi IMB terlebih sejumlah RM26,750 dengan jumlah invois pembelian peralatan dan kelengkapan yang dikemukakan kepada pihak Audit semasa lawatan fizikal dilaksanakan. Semakan Audit selanjutnya mendapati invois yang dikemukakan oleh Koperasi IMB kepada SKM Wilayah untuk tuntutan bayaran pertama berbeza dengan invois yang dikemukakan kepada pihak Audit semasa lawatan fizikal dijalankan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut.

**JADUAL 72**
**PERBEZAAN JUMLAH PERBELANJAAN YANG DIPERAKUKAN DENGAN JUMLAH INVOIS YANG DIKEMUKAKAN SEMASA LAWATAN AUDIT**

| SKOP BANTUAN DILULUSKAN | AMAUN DILULUSKAN (RM) | TUNTUTAN BAYARAN YANG DIPERAKUKAN (RM) | INVOIS YANG DIKEMUKAKAN SEMASA LAWATAN AUDIT (RM) | PERBEZAAN (RM) |
|---|---|---|---|---|
| Peralatan & Kelengkapan | 70,000 | 75,140 | 48,390 | 26,750 |

Sumber: Rekod Daftar Aset Koperasi Imuara Muar Berhad & Invois Pembelian Peralatan dan Kelengkapan

**MAKLUM BALAS**

SKM akan membuat semakan semula dan sekiranya perlu SKM akan melaksanakan Pemeriksaan khas di bawah Seksyen 64 Khas Akta Koperasi 1993 bagi menentukan tindakan yang sewajarnya ke atas koperasi. Pihak koperasi juga telah diberi arahan untuk mengambil tindakan pembetulan melalui surat bertarikh 12 Julai 2024.

| Pendapat Audit | **Pengurusan pembayaran adalah tidak memuaskan. Penyaluran dana berjumlah RM150,000 telah dibuat kepada satu koperasi walaupun dokumen sokongan tidak lengkap manakala penyaluran dana bagi kelulusan berjumlah RM130,000 telah dibuat secara *lump sum.* Selain itu, penyaluran dana berjumlah RM20,000 telah dibuat kepada satu koperasi selepas 109 hari tamat perjanjian dan perbelanjaan yang diperakukan oleh SKM Wilayah terlebih sejumlah RM26,750 dengan perbelanjaan sebenar koperasi.** |
|---|---|

**d. Penggunaan Dana**

i. Berdasarkan perenggan 7.2 (iii) Garis Panduan SCOPE, jumlah bantuan yang diluluskan adalah berdasarkan anggaran sebut harga (BQ) yang dikemukakan oleh koperasi semasa membuat permohonan bantuan.

ii. Selain itu, berdasarkan perenggan 9.0 Garis Panduan SCOPE, dana SCOPE digunakan untuk membiayai pembangunan DC/SDC baharu dan menaiktaraf DC/SDC sedia ada untuk membiayai skop seperti berikut:

- pengubahsuaian dan naik taraf premis perniagaan;
- peralatan gondola/rak penyimpanan barang kering & rak *cold room*;
- pendawaian eletrik & lampu;
- perkakasan & perisian IT termasuk sistem pengurusan gudang & pengedaran;
- sistem keselamatan premis ( alat pencegahan kebakaran dan *alarm* sistem);
- *signboard/signage;*
- kenderaan/van/4x4;
- *Cold room/Chilled room equipment /freezer/chiller;* dan
- Peralatan-peralatan lain yang bersesuaian.

iii. Perenggan 10.3 dan 10.4 Garis Panduan SCOPE pula menetapkan supaya tuntutan bayaran koperasi diperaku oleh SKM Negeri dengan disertakan salinan invois tuntutan/bukti pembayaran yang telah dibuat oleh koperasi kepada pembekal/kontraktor.

iv. Seterusnya, perenggan 4.1 Surat Tawaran Bantuan SCOPE, pertukaran skop dan lokasi projek adalah tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kelulusan Jawatankuasa.

v. Lawatan fizikal Audit pada bulan Jun 2024 mendapati perkara seperti berikut:

- Koperasi AKB dan Koperasi SMK SBPB tidak membeli peralatan yang telah diluluskan berdasarkan anggaran sebut harga (BQ) yang dikemukakan oleh koperasi semasa permohonan.

**MAKLUM BALAS**

Koperasi AKB

- Koperasi telah memasang CCTV di premis DC dengan jumlah 8 unit di premis dan 8 unit lagi akan di pasang di stor bangunan tambahan menggunakan dana dalaman koperasi.

- Bagi freezer dan chiller, jumlah 6 unit bagi kedua-dua perkara tersebut semasa tuntutan koperasi, barangan tersebut berada di premis DC dan akibat daripada penambahan bangunan dan tiada penggunaan, barang tersebut telah dipindahkan ke premis coop mart koperasi dan stesen minyak tempat pembekalan barangan DC tanpa pengetahuan SKM Negeri. Tetapi koperasi telah pun menjelaskan konsep perniagaan dan perkhidmatan yang disediakan oleh koperasi dan hasil pendapatan yang memuaskan dalam perniagaan DC dan akan memohon kepada SKM Negeri penggunaan item bantuan tersebut dan pemakluman kepada SKM Ibu Pejabat bagi memutuskan perkara tersebut.

Koperasi SMK SBPB

- Koperasi SMK SBPB akan menyegerakan pembelian peralatan berkenaan bagi memastikan perniagaan akan dapat dioperasikan sepenuhnya.

- Sehingga bulan Jun 2024 DC/SDC Koperasi SMK SBPB masih belum beroperasi. Selain itu, 5 unit *freezer* yang dibeli oleh Koperasi SMK SBPB masih belum digunakan kerana tiada bekalan eletrik.

**MAKLUM BALAS**

Koperasi akan mula beroperasi sebelum akhir Julai dan bekalan elektrik telah diselesaikan. Pihak koperasi juga telah diberi arahan untuk mengambil tindakan pembetulan melalui surat bertarikh 12 Julai 2024.

- Koperasi PPFATLB telah diluluskan dana berjumlah RM150,000 untuk membiayai sebahagian kos menaiktaraf bangunan stor, yang meliputi kos peralatan dan kelengkapan stor (RM50,000) serta pengangkutan (RM100,000) bagi aktiviti SDC baharu.

- Koperasi PPFATLB telah menggunakan sejumlah RM2,310 dana bantuan untuk membeli peralatan yang tidak diluluskan iaitu penghawa dingin (RM1,340) dan perabot (RM970) untuk pejabat stor DC.

**MAKLUM BALAS**

Pihak koperasi telah diberi arahan untuk mengambil tindakan pembetulan melalui surat bertarikh 12 Julai 2024.

Selain itu, peralatan yang dibeli oleh Koperasi PPFATLB iaitu 4 Sakato *Flat Glass Freezer* dan 3 rak besi bertingkat masih belum digunakan kerana masih belum terdapat keperluan. Butirannya adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 4**




**GAMBAR 5**



Perkara: 4 Sakato *Flat Glass Freezer* tidak digunakan
Tarikh Lawatan Audit: 4 Jun 2024

**GAMBAR 6**



**GAMBAR 7**



Perkara: 3 Rak besi bertingkat tidak digunakan
Tarikh Lawatan Audit: 4 Jun 2024

**MAKLUM BALAS**

DC Koperasi akan mula beroperasi sepenuhnya pada bulan Ogos 2024.

- Penyaluran bantuan berjumlah RM70,000 telah dibuat kepada Koperasi HZKB pada bulan Jun 2022. Berdasarkan laporan pemantauan kali kedua (12 bulan) oleh SKM Negeri pada 12 Julai 2023, kerja-kerja pengubahsuaian ruang penyimpanan stok di Koperasi telah mencapai 80% dan dijangka siap sepenuhnya pada hujung tahun 2023. Bagaimanapun, sehingga lawatan Audit dijalankan pada bulan Jun 2024, ruang penyimpanan stok tersebut masih belum siap.

**MAKLUM BALAS**

Pihak koperasi telah diberi arahan untuk mengambil tindakan pembetulan melalui surat bertarikh 12 Julai 2024.

- Dua DC/SDC tidak memperbaharui Lesen Kenderaan Motor (LKM) bagi lori yang dibeli manakala satu DC/SDC masih belum membaharui LKM yang akan tamat pada bulan Julai 2024 kerana lori tersebut tidak digunakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 73**
**LESEN KENDERAAN MOTOR YANG TIDAK DIPERBAHARUI**

| BIL. | KOPERASI | JENIS KENDERAAN YANG DIBELI | NILAI PEROLEHAN (RM) | TARIKH DIDAFTARKAN | TARIKH TAMAT LESEN KENDERAAN MOTOR |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Koperasi PPFALTB | Lori | 144,132.40 | 13.01.2022 | 12.01.2024 |
| 2. | Koperasi IMB | Lori | 144,000.00 | 07.09.2022 | 07.05.2023 |
| 3. | Koperasi SMK SBPB | Lori | 179,477.89 | 13.07.2023 | 06.07.2024 |

Sumber: Sijil Pemilikan Kenderaan & Lesen Kenderaan Motor

**MAKLUM BALAS**

Semua koperasi diberi arahan untuk memperbaharui semula Lesen Kenderaan Motor (LKM) yang telah tamat tempoh bagi lori yang dibeli dan mengoptimumkan penggunaan lori tersebut bagi mencapai objektif/tujuan perniagaan koperasi.

- Koperasi AKB masih belum menggunakan gondola/rak yang dibeli pada bulan Ogos 2022. Selain itu, Koperasi AKB telah menempatkan 4 buah *chiller,* 3 buah *freezer* dan sebuah kaunter *cashier* di lokasi yang tidak diluluskan iaitu di kedai runcit miliknya.

**MAKLUM BALAS**

Pihak koperasi telah diberi arahan untuk mengambil tindakan pembetulan melalui surat bertarikh 12 Julai 2024.

- Koperasi IMB hanya menggunakan sejumlah RM48,390 (69.1%) daripada dana yang diluluskan (RM70,000) untuk perolehan peralatan dan kelengkapan. Lebihan dana tersebut telah digunakan untuk menampung kos pengubahsuaian dan naik taraf DC/SDC tanpa mendapatkan kelulusan Jawatankuasa terlebih dahulu.

**MAKLUM BALAS**

Koperasi telah diarahkan untuk mengambil tindakan pembetulan melalui surat bertarikh 12 Julai 2024.

| | |
|---|---|
| **Pendapat Audit** | **Penggunaan dana adalah tidak memuaskan. Dua koperasi tidak membeli peralatan yang diluluskan, sebuah koperasi telah menggunakan dana untuk membeli peralatan diluar skop yang diluluskan manakala empat peralatan bagi sebuah koperasi tidak ditempatkan dilokasi yang diluluskan. Sebuah pusat pengedaran masih belum beroperasi manakala kerja-kerja pengubahsuaian ruang penyimpanan stok bagi sebuah pusat pengedaran masih belum siap. Selain itu, 13 peralatan masih belum digunakan dan LKM bagi tiga buah lori yang telah tamat tempoh masih tidak diperbaharui.** |

**e. Dasar Pemisah (*Exit Policy*)**

i. Jawatankuasa Bantuan Pembangunan SKM Peringkat Ibu Pejabat Bil. 5/2023 bertarikh 19 September 2023 telah memutuskan supaya SKM mengeluarkan surat kepada Koperasi MMB untuk mengembalikan wang berjumlah RM120,000 serta aset berjumlah RM30,000 kepada SKM untuk dipindahkan kepada koperasi yang layak.

ii. Semakan Audit mendapati surat penamatan perjanjian telah dikeluarkan oleh SKM Ibu Pejabat kepada Koperasi MMB pada 19 September 2023 dan aset berjumlah RM30,000 telah dipindahkan kepada enam koperasi. Bagaimanapun, setakat bulan Mei 2024, pihak Koperasi masih belum membuat bayaran balik wang bantuan berjumlah RM120,000.

**MAKLUM BALAS**

Koperasi tidak dapat membuat pembayaran balik seperti yang diputuskan memandangkan Koperasi masih lagi dalam proses pemulihan. Pendapatan koperasi hanya mampu membiayai kos operasi koperasi. Pemindahan aset telah selesai diterima oleh enam koperasi.

| | |
|---|---|
| **Pendapat Audit** | **Pengurusan dasar pemisah adalah tidak memuaskan. Koperasi MMB masih belum membuat bayaran balik wang bantuan berjumlah RM120,000 walaupun telah diarahkan berbuat demikian pada bulan September 2023.** |

**f. Pemantauan**

i. Berdasarkan perenggan 14.3(i) Prosedur Operasi Standard Pengurusan Bantuan Pembangunan Koperasi, SKM Wilayah/Negeri hendaklah mengemukakan laporan penggunaan dana dan impak pemberian bantuan dalam tempoh enam dan 12 bulan

selepas tarikh EFT penyaluran dana yang pertama ke akaun koperasi bagi membolehkan kajian impak/*outcome* pelaksanaan program disediakan kepada pemegang taruh.

ii. Selain itu, berdasarkan perenggan 12.0 Garis Panduan Program SCOPE, SKM Cawangan Negeri hendaklah memantau dan melaporkan prestasi projek yang telah dibiayai melalui dana bantuan secara berkala mengikut sukuan bermula daripada tarikh EFT penyaluran dana. Laporan prestasi serta isu dan permasalahan projek hendaklah dilaporkan semasa mesyuarat JKBPPN untuk perbincangan dan penyelesaian. Minit mesyuarat JKBPPN tersebut hendaklah dipanjangkan kepada urus setia program SCOPE.

- Semakan Audit terhadap rekod Bahagian Pengesanan dan Penilaian Risiko SKM mendapati SKM Wilayah/Negeri telah mengemukakan laporan penggunaan dana dan impak pemberian bantuan bagi sembilan sampel koperasi yang menerima dana bantuan pada tahun 2021 dan 2022 menggunakan Borang Aktiviti Penilaian Inspektorat (Pengesanan) Bantuan Pembangunan Koperasi kepada Bahagian Pengesanan dan Penilaian Risiko SKM. Bagaimanapun, tiga borang tidak dikemukakan untuk semakan Audit. Selain itu, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada laporan bagi tiga koperasi telah disediakan kerana ketiadaan maklumat pelaksanaan pada rekod Bahagian Pengesanan dan Penilaian Risiko SKM.

**MAKLUM BALAS**

Pelaporan telah dibuat menggunakan laporan inspektorat yang di pantau oleh Bahagian Pembangunan Perniagaan.

- Antara perkara yang dilaporkan adalah seperti berikut:

- Latar belakang projek
- Penggunaan dana bantuan
- Status semasa projek
- Penilaian output (kesan perubahan sebelum dan selepas menerima bantuan)
- Penilaian *outcome* (kesan perubahan sebelum dan selepas menerima bantuan)
    - ➢ Jumlah Anggota
    - ➢ Jumlah Modal Syer
    - ➢ Jumlah Modal Yuran
    - ➢ Jumlah Pendapatan
    - ➢ Perkhidmatan
    - ➢ Jumlah Belian
    - ➢ Keuntungan (Kerugian)
    - ➢ Pekerja

- Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada SKM Cawangan Negeri telah memantau dan melaporkan prestasi projek yang telah dibiayai secara berkala mengikut sukuan dan melaporkan perkara tersebut semasa mesyuarat JKBPPN untuk perbincangan dan penyelesaian kerana laporan berkala secara sukuan serta minit mesyuarat JKBPPN tidak dikemukakan kepada pihak Audit untuk semakan.

**MAKLUM BALAS**

SKM mengambil perhatian terhadap teguran audit dan menambahbaik terma rujukan pemantauan yang dilaksanakan melalui JKBPPN.

| | |
|---|---|
| **Pendapat Audit** | **Tahap pemantauan terhadap pengurusan program SCOPE adalah kurang memuaskan kerana tiada bukti yang menunjukkan SKM Cawangan Negeri telah memantau dan melaporkan prestasi projek yang telah dibiayai secara sukuan.** |

### 6.2.6 RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, dapat dirumuskan bahawa objektif pengurusan SCOPE belum dicapai kerana hanya 9 (45%) pusat pengedaran sedia ada telah dinaiktaraf manakala 30 (150%) pusat pengedaran baharu telah dibangunkan/dinaiktaraf. Selain itu, keberhasilan program SCOPE tidak dapat diukur kerana pihak SKM masih belum menetapkan mekanisme dan indikator untuk menilai keberhasilan tersebut.

Bagi aspek pengurusan kewangan terdapat kelemahan iaitu sehingga bulan Mei 2024 sejumlah RM1.72 juta bantuan masih belum dibayar kepada 11 koperasi yang telah diluluskan bantuan pada tahun 2023 dan 2024. Pengurusan permohonan juga tidak memuaskan kerana dua koperasi yang tidak memenuhi syarat penyertaan/kelayakan telah diluluskan bantuan berjumlah RM396,000. Selain itu, sebanyak 17 koperasi telah diluluskan bantuan walaupun dokumen sokongan yang dikemukakan tidak lengkap dan lapan dokumen perjanjian lewat ditandatangani antara tujuh hingga 49 hari. Pengurusan pembayaran turut tidak memuaskan kerana penyaluran dana berjumlah RM150,000 telah dibuat kepada satu koperasi walaupun dokumen sokongan tidak lengkap manakala penyaluran dana bagi kelulusan berjumlah RM130,000 telah dibuat secara *lump sum*. Selain itu, penyaluran dana berjumlah RM20,000 telah dibuat kepada satu koperasi selepas 109 hari tamat perjanjian dan perbelanjaan yang diperakukan oleh SKM Wilayah berbeza sejumlah RM26,750 dengan perbelanjaan sebenar koperasi.

Penggunaan dana juga adalah tidak memuaskan kerana dua koperasi tidak membeli peralatan yang diluluskan, sebuah koperasi telah menggunakan dana untuk membeli peralatan diluar skop yang diluluskan manakala empat peralatan bagi sebuah koperasi tidak ditempatkan dilokasi yang diluluskan. Sebuah pusat pengedaran masih belum beroperasi manakala kerja-kerja pengubahsuaian ruang penyimpanan stok bagi sebuah pusat pengedaran masih belum siap. Selain itu, 13 peralatan masih belum digunakan dan LKM bagi tiga buah lori yang telah/akan tamat tempoh masih tidak diperbaharui. Pengurusan dasar pemisah/*exit policy* juga tidak memuaskan kerana Ko-Makmur masih belum membuat bayaran balik wang bantuan berjumlah RM120,000 walaupun telah diarahkan berbuat demikian sejak bulan September 2023.

Tahap pemantauan terhadap pengurusan program SCOPE adalah kurang memuaskan kerana tiada bukti yang menunjukkan SKM Cawangan Negeri telah memantau dan melaporkan prestasi projek yang telah dibiayai mengikut tempoh yang ditetapkan (secara sukuan).

### 6.2.7 SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dan objektif program SCOPE dapat dicapai, adalah disyorkan kepada pihak yang terlibat untuk mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

6.2.7.1 SKM Wilayah/Negeri perlu memastikan koperasi telah melaksanakan skop kerja/pembekalan yang diluluskan sebelum memperakukan tuntutan koperasi;

6.2.7.2 SKM Wilayah/Negeri perlu memastikan peralatan dan kelengkapan yang dibeli ditempatkan di pusat pengedaran yang diluluskan bantuan;

6.2.7.3 SKM Wilayah/Negeri/Ibu Pejabat mengenal pasti kenderaan koperasi yang tidak digunakan secara optimum dan menempatkan semula kenderaan tersebut kepada koperasi yang memerlukan;

6.2.7.4 SKM Ibu Pejabat perlu mengakaunkan terimaan peruntukan program SCOPE yang diterima daripada KUSKOP dengan segera untuk memastikan rekod kewangan SKM adalah benar dan saksama;

6.2.7.5 SKM menjalankan siasatan/pemeriksaan ke atas isu penggunaan dana untuk skop selain yang diluluskan; dan

6.2.7.6 SKM Negeri hendaklah memantau dan melaporkan prestasi projek yang telah dibiayai mengikut tempoh yang telah ditetapkan dan melaporkannya semasa mesyuarat JKBPPN.

# LAPORAN TAHUNAN 2024

## BAHAGIAN 7

# PENGAUDITAN PENAMPILAN AUDIT

UNIT AUDIT DALAM KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

# 7. PENGAUDITAN PENAMPILAN AUDIT

## PENAMPILAN AUDIT PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK) CAWANGAN NEGERI

### 7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Seksyen 15(A) Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan (AP) telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti dalam pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

7.1.2. Pengurusan kewangan merangkumi proses perancangan, pelaksanaan, penyelarasan, pengawalan, pemantauan dan penilaian. Proses ini perlu dilaksanakan berdasarkan dua prinsip utama iaitu legaliti dan akauntabiliti kewangan. Ini bermaksud seseorang pegawai yang diberi kuasa untuk menguruskan sumber awam perlu melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan penuh dedikasi dan mematuhi segala undang-undang serta peraturan yang berkuat kuasa. Pegawai tersebut juga bertanggungjawab untuk melaporkan pencapaiannya kepada pegawai yang mewakilkan kuasa.

7.1.3. Secara umumnya, penarafan Pengurusan Kewangan bagi Kawalan Pengurusan, Kawalan Pengurusan Aset Dan Stor serta Kawalan Pengurusan Kenderaan Kerajaan diberi berdasarkan markah keseluruhan seperti di jadual berikut.

**JADUAL 74**
**PEMARKAHAN TAHAP PENARAFAN PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN**

| MARKAH (%) | TAHAP |
|---|---|
| 80 hingga 100 | Baik |
| 60 hingga 79.9 | Memuaskan |
| 40 hingga 59.9 | Kurang Memuaskan |
| 39.9 ke bawah | Tidak Memuaskan |

## 7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai tahap pengurusan bagi Kawalan Pengurusan, Kawalan Pengurusan Aset Dan Stor serta Kawalan Pengurusan Kenderaan Kerajaan di PKK Cawangan Negeri bagi menentukan sama ada:

7.2.1. wujudnya struktur dan sistem pengurusan yang berkesan;
7.2.2. wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap aset dan stor serta kenderaan;
7.2.3. pengurusan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
7.2.4. rekod yang berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

## 7.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

7.3.1. Skop pengauditan meliputi tiga elemen utama iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Pengurusan Aset Dan Stor serta Kawalan Pengurusan Kenderaan Kerajaan.

7.3.2. Semakan Audit dijalankan secara persampelan terhadap transaksi, rekod dan dokumen berkaitan bagi tempoh Januari 2023 sehingga tarikh pengauditan. Temu bual dengan pegawai terlibat dan pemeriksaan fizikal juga telah dijalankan bagi mengukuhkan penemuan Audit.

## 7.4. PENEMUAN AUDIT

7.4.1. Hasil daripada pengauditan yang dijalankan di PKK Cawangan Negeri pada 5 hingga 20 Februari 2024 menunjukkan bahawa prestasi pengurusan Kawalan Pengurusan, Kawalan Pengurusan Aset Dan Stor serta Kawalan Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi 4 Cawangan Negeri adalah baik. Ringkasan senarai markah Penampilan Audit Pusat Khidmat Kontraktor adalah seperti diterangkan di Jadual berikut.

**JADUAL 75**
**SENARAI MARKAH PENAMPILAN AUDIT PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR**

| BIL | CAWANGAN | MARKAH | PURATA |
|---|---|---|---|
| 1. | MELAKA | 96.92% | **94.17%** |
| 2. | TERENGGANU | 96.53% | |
| 3. | PULAU PINANG | 92.17% | |
| 4. | WILAYAH PERSEKUTUAN | 91.04% | |

# LAPORAN TAHUNAN 2024

## BAHAGIAN 8

# PENGAUDITAN KHAS

UNIT AUDIT DALAM KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

# 8. PENGAUDITAN KHAS

## 8.1 PENGAUDITAN PERUNTUKAN RM 1 JUTA KEPADA NGO PERSATUAN PENJAJA

### 8.1.1. LATAR BELAKANG

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil (BKPPK) telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM1 juta kepada NGO Persatuan Penjaja pada 24 Julai 2024 bagi maksud penyaluran kepada Persatuan-Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil (PPPK).

Pengumuman penyaluran peruntukan berjumlah RM1 juta kepada PPPK untuk membantu pengurusan PPPK telah dibuat oleh YAB Perdana Menteri semasa ucapan perasmian Sambutan Hari Penjaja dan Peniaga Kecil (HPPK) Peringkat Kebangsaan pada 7 Disember 2023.

Kementerian Kewangan (MOF) melalui surat MOF.NBO.600-9/1/320(34) bertarikh 20 Mei 2024 telah meluluskan peruntukan berjumlah RM1 juta di bawah peruntukan Pembangunan Premis (Tamu Desa) untuk disalurkan kepada PPPK.

### 8.1.2. OBJEKTIF AUDIT

Pengauditan dijalankan untuk menentukan sama ada peruntukan RM1 juta yang diterima oleh NGO telah dibelanjakan untuk tujuan yang diluluskan iaitu bagi perbelanjaan mengurus PPPK.

### 8.1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perbelanjaan NGO bagi tempoh Julai hingga Disember 2024. Pengauditan dijalankan dengan menyemak Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan NGO Bagi Tahun 2024, Baucar Bayaran serta dokumen sokongan di Pejabat NGO, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Selain itu, temu bual dan perbincangan bersama pegawai yang bertanggungjawab juga turut dilaksanakan.

### 8.1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang telah dijalankan pada 18 hingga 20 Disember 2024 mendapati perkara berikut:

i. NGO telah memperuntukkan sebanyak RM750,000 (75%) kepada PPPK bagi pengurusan dan aktiviti di peringkat Negeri manakala RM250,000 (25%) bagi pengurusan dan aktiviti peringkat Kebangsaan.
ii. Sehingga 31 Disember 2024 NGO telah membelanjakan sejumlah RM443,536.53 (44.3%) daripada peruntukan RM1 juta yang diterima.
iii. NGO telah menyalurkan RM230,000 iaitu 30.67% daripada RM750,000 jumlah peruntukan kepada PPPK Negeri, manakala NGO telah membelanjakan RM213,536 (85.41%) daripada RM250,000 untuk NGO sendiri.
iv. Bagi peruntukan kepada PPPK Negeri, NGO telah menyalurkan RM10,000 kepada setiap 13 PPPK dan RM100,000 kepada NGO untuk menjalankan aktiviti persatuan.
v. Baki perbelanjaan berjumlah RM213,536.53 adalah merupakan perbelanjaan NGO. Semakan Audit terhadap 39 Baucar Bayaran NGO berjumlah RM198,582.55 (44.5%) mendapati semua perbelanjaan disokong dengan dokumen sokong/resit.
vi. KUSKOP telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM1 juta kepada NGO pada 24 Julai 2024 bagi maksud penyaluran kepada PPPK. Bagaimanapun, tiada Terma Rujukan perbelanjaan dinyatakan secara jelas dalam surat surat penyaluran peruntukan.
vii. Berdasarkan surat penyaluran peruntukan nombor rujukan MEDAC.600-2/10/10 (51) bertarikh 6 Ogos 2024, NGO dikehendaki mengemukakan laporan prestasi perbelanjaan peruntukan secara bulanan kepada pihak KUSKOP untuk dipanjangkan kepada MOF dan Unit Pantau MADANI. Sehingga bulan Disember 2024 pihak NGO hanya mengemukakan laporan perbelanjaan peruntukan bagi bulan September 2024.

### 8.1.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang dan objektif penyaluran peruntukan kepada persatuan dapat dicapai, adalah disyorkan kepada KUSKOP untuk menyediakan Terma Rujukan dan Perjanjian Program untuk dijadikan panduan dan pematuhan terhadap peruntukan diterima.

## 8.2. PENGURUSAN EMOLUMEN INSKEN

### 8.2.1. LATAR BELAKANG

i. Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) telah diperbadankan sebagai sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan pada 18 Jun 2014 di bawah Akta Syarikat 1965. INSKEN berperanan sebagai sebuah agensi di bawah naungan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang menawarkan inisiatif pembangunan kapasiti usahawan melalui program latihan dan bimbingan.

ii. Pengurusan emolumen INSKEN antaranya berkaitan terma pekerjaan, pelantikan, peletakan jawatan, tempoh percubaan dan pengesahan, kenaikan pangkat, pembaharuan kontrak serta gaji dan caruman dibuat berdasarkan INSKEN *Employee Handbook* (*Employee Handbook*).

iii. Setakat 18 November 2024, INSKEN memiliki seramai 71 kakitangan yang terdiri daripada 57 (80.3%) kakitangan tetap dan 14 (19.7%) kakitangan yang dilantik secara *Fixed Term Contract* (kakitangan kontrak). Kakitangan kontrak merupakan pegawai Pengurusan Atasan yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) dan dibantu oleh Pengarah, Penolong Pengarah, Pengurus Kanan, Pengurus dan Penolong Pengurus. Butirannya adalah seperti di jadual berikut.

**JADUAL 76**
**PEGAWAI KONTRAK INSKEN PADA 18 NOVEMBER 2024**

| BIL. | NAMA JAWATAN | GRED | BILANGAN PERJAWATAN | JUMLAH PENGISIAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Ketua Pegawai Eksekutif | A | 1 | 1 |
| 2. | Pengarah | B2 | 1 | 1 |
| 3. | Penolong Pengarah | B3 | 2 | 2 |
| 4. | Pengurus Kanan | C1 | 1 | 1 |
| 5. | Pengurus | C2 | 5 | 5 |
| 6. | Penolong Pengurus | C3 | 4 | 4 |
| **JUMLAH** | | | **14** | **14** |

Sumber: Human Resource, Admin & Integrity Department, Institut Keusahawanan Negara

iv. Berdasarkan perenggan 1.b. *Employee Handbook*, gaji pokok merujuk kepada imbuhan asas bulanan yang perlu dibayar kepada pekerja untuk perkhidmatan dengan INSKEN, tidak termasuk bonus, bayaran lebih masa, perjalanan dan elaun lain. Manakala gaji kasar merujuk kepada gaji yang ditambah elaun dan faedah tetap kewangan lain, yang dibayar secara tetap pada setiap bulan. Perincian perbelanjaan gaji pokok dan kasar bagi tahun 2022 hingga tahun 2024 adalah seperti di jadual berikut.

**JADUAL 77**
**PEMBAYARAN GAJI**
**BAGI TEMPOH TAHUN 2022 HINGGA TAHUN 2024**

| TAHUN | 2022 (RM Juta) | 2023 (RM Juta) | 2024 (RM Juta) |
|---|---|---|---|
| Gaji Tahunan | 4,701,863.62 | 5,426,557.30 | 5,391,716.07 |
| Elaun Tetap Tahunan: | | | |
| • Elaun Telefon | 204,980.66 | 252,667.10 | 245,924.21 |
| • Elaun Parking | 108,932.27 | 141,826.46 | 139,882.81 |
| • Elaun Tol | 82,967.75 | 97,200.00 | 90,200.00 |
| • Elaun Petrol | 127,658.06 | 148,000.00 | 137,500.00 |
| • Elaun Kenderaan | 70,645.16 | 132,000.00 | 132,000.00 |
| • Elaun *Laundry* | 1,200.00 | 1,200.00 | 1,800.00 |
| • Bonus/*Ex-Gratia* | 922,591.56 | 1,139,655.50 | 1,307,397.71 |
| **JUMLAH** | **6,220,639.08** | **7,339,106.36** | **7,446,420.00** |

Sumber: Human Resource, Admin & Integrity Department, Institut Keusahawanan Negara

### 8.2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan emolumen INSKEN telah mematuhi segala peraturan yang berkuatkuasa dan dibayar dengan betul dan tepat.

### 8.2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi bayaran gaji dan elaun bagi tempoh Januari 2022 hingga November 2024 termasuk pelarasan gaji baharu serta bayaran bonus. Pengauditan dilaksanakan terhadap pengurusan pembayaran gaji bagi 14 kakitangan kontrak. Pengauditan dijalankan dengan menyemak Minit Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah (BOT) INSKEN, *Employee Handbook,* Surat Pelantikan, Senarai kakitangan serta *Payroll Master Listing* di Ibu Pejabat INSKEN, Cyberjaya. Selain itu, temu bual dan perbincangan bersama pegawai yang bertanggungjawab juga turut dilaksanakan.

### 8.2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang telah dijalankan pada 18 hingga 22 November 2024 mendapati perkara berikut:

i. Jumlah kenaikan pelarasan gaji baharu antara RM1,884 hingga RM18,278 atau 38% hingga 99%;
ii. Kadar permulaan gaji baharu tanpa kelulusan BOT;
iii. Kadar permulaan gaji baharu melebihi julat terhampir gaji akhir dengan lebihan bayaran gaji berjumlah RM587,103;
iv. Penetapan kadar gaji KPE tanpa kelulusan Kementerian dan BOT;
v. Bayaran gaji melebihi ketetapan kontrak dengan lebihan bayaran berjumlah RM1,809,367;
vi. Kenaikan gaji pemandu melebihi kadar diluluskan;
vii. Bayaran bonus diputuskan sebelum penyata kewangan diaudit;

viii. Bayaran bonus diluluskan semasa syarikat mengalami kerugian;
ix. Lebihan bayaran bonus berjumlah RM182,786;
x. Tiada polisi pemberian bonus;
xi. Pegawai meletakkan jawatan dan dilantik semula tidak mengikut prosedur ditetapkan;
xii. Ketetapan *Employee Handbook* bercanggah dengan AOA INSKEN; dan
xiii. Pembaharuan *(Renew)* kontrak tanpa kelulusan BOT.

### 8.2.5. RUMUSAN AUDIT

Pada pandangan Audit, Pengurusan Emolumen INSKEN adalah tidak memuaskan kerana bayaran gaji kepada kakitangan kontrak tidak mengikut gaji yang dinyatakan pada surat pembaharuan kontrak; gaji dan bayaran bonus terlebih dibayar; kontrak ditandatangani oleh pegawai tanpa kuasa dan pegawai meletakkan jawatan dilantik semula tanpa melalui proses percubaan dan pemeriksaan kesihatan.

### 8.2.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan, adalah disyorkan agar tindakan terhadap perkara berikut diambil oleh INSKEN:

i. Bayaran gaji dibuat berdasarkan surat pelantikan / pembaharuan kontrak pegawai;
ii. Kenaikan gaji tahunan dan bayaran bonus berdasarkan kedudukan kewangan syarikat;
iii. Tuntutan bayaran balik dibuat terhadap lebihan bayaran gaji dan bonus daripada pegawai terlibat;
iv. Peraturan bagi pegawai meletak jawatan dan menyertai semula syarikat dipatuhi;
v. Pembetulan terhadap kuasa melantik/pebaharuan kontrak pegawai dibuat terhadap *Employee Handbook* agar selaras dengan AOA INSKEN; dan
vi. Ratifikasi terhadap semua kontrak yang telah ditandatangani oleh selain daripada BOT selaras dengan AOA INSKEN.

# LAPORAN TAHUNAN 2024

## BAHAGIAN 9

# PENGAUDITAN BAKI PERUNTUKAN

UNIT AUDIT DALAM KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

# 9. PENGAUDITAN BAKI PERUNTUKAN

## 9.1. PENGAUDITAN BAKI PERUNTUKAN PEMBANGUNAN SME CORP. MALAYSIA

### 9.1.1 LATAR BELAKANG

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1,487,523,536 kepada Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia) untuk melaksanakan program pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sepertimana yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia, Pelan Induk PKS 2012 -2020 dan program-program khas yang diarahkan oleh Kerajaan Pusat, Kementerian dan Agensi Kerajaan Lain. Perincian peruntukan adalah seperti berikut:

**JADUAL 78**
**DANA PEMBANGUNAN YANG DITERIMA**
**TAHUN 2011 HINGGA TAHUN 2022**

| TAHUN | RMK-10 | LAIN-LAIN DANA | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| 2011 | 57,230,000 | - | 57,230,000 |
| 2012 | 143,450,000 | - | 143,450,000 |
| 2013 | 246,708,536 | - | 246,708,536 |
| 2014 | 172,600,000 | - | 172,600,000 |
| 2015 | 93,810,000 | - | 93,810,000 |
| **JUMLAH** | **713,798,536** | **-** | **713,798,536** |
| **TAHUN** | **RMK-11** | **LAIN-LAIN DANA** | **JUMLAH** |
| 2016 | 55,075,000 | 8,100,000 | 63,175,000 |
| 2017 | 91,290,000 | - | 91,290,000 |
| 2018 | 175,550,000 | - | 175,550,000 |
| 2019 | 97,500,000 | - | 97,500,000 |
| 2020 | 128,500,000 | 23,010,000 | 151,510,000 |
| **JUMLAH** | **547,915,000** | **31,110,000** | **579,025,000** |
| **TAHUN** | **RMK-12** | **LAIN-LAIN DANA** | **JUMLAH** |
| 2021 | 65,700,000 | 30,000,000 | 95,700,000 |
| 2022 | 74,000,000 | 25,000,000 | 99,000,000 |
| **JUMLAH** | **139,700,000** | **55,000,000** | **194,700,000** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | | **1,487,523,536** |

Sumber: Penyata Kewangan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Tahun 2011 hingga Tahun 2022

SME Corp. Malaysia merupakan agensi penyelaras pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang turut bertindak sebagai pentadbir

dana dalam bentuk geran dan pinjaman untuk melaksanakan program pembangunan bagi PKS merentasi kesemua kementerian dan agensi yang berkaitan.

Kegiatan-kegiatan utama SME Corp. Malaysia adalah sebagai penyedia, penyelaras dan pemantau skim-skim bantuan kewangan untuk PKS melalui pinjaman mudah serta geran-geran bersamaan yang bertujuan untuk menggalakkan pembangunan PKS.

### 9.1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menyemak dan mengesahkan baki Peruntukan Pembangunan yang diterima dari Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9) hingga Rancangan Malaysia Ke Dua Belas (RMKe-12) yang tidak dibelanjakan.

### 9.1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan melibatkan baki peruntukan pembangunan RMKe-9 hingga RMKe-12 dan lain-lain dana pembangunan **berdasarkan Penyata Kewangan Tahun 2022 SME Corp. Malaysia & Laporan Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK).** Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan di Ibu Pejabat SME Corp. Malaysia. Di samping itu, temu bual dan perbincangan bersama pegawai yang terlibat juga turut dilaksanakan.

### 9.1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Ogos hingga bulan September 2024. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti dalam perenggan berikut:

#### 9.1.4.1. Penyata Kewangan Tahun 2022, SME Corp Malaysia

a. Bagi penyediaan Penyata Kewangan Tahun 2022, SME Corp. Malaysia mengguna pakai piawaian perakaunan sektor awam Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS).
b. Penyata Kewangan SME Corp. Malaysia Tahun 2022 telah diluluskan oleh Anggota Perbadanan melalui Kertas Edaran Bil. 4/2023 pada 8 Disember 2023.
c. Penyata Prestasi Kewangan SME Corp. Malaysia Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 telah merekodkan Lebihan Selepas Cukai berjumlah RM141,584,678. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 79**
**PENYATA PRESTASI KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

| PENDAPATAN | RM | RM | RM |
|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN BUKAN TUKARAN** | | | |
| Geran Dari Kerajaan Persekutuan | | 68,929,491 | |
| Geran Pembangunan Direalisasikan | | 242,396,262 | |
| Sumbangan Kerajaan Negeri | | - | |
| Sumbangan Agensi Lain | | 384,181 | |
| Sumbangan Swasta | | 203,537 | |
| | | | 311,913,471 |
| **PENDAPATAN PERTUKARAN** | | | |
| Faedah Simpanan Tetap | | 10,177,815 | |
| Faedah Pinjaman Kakitangan | | 14,172 | |
| Faedah Dana Skim Pinjaman | | 3,427,115 | |
| Sewa | | 66,278 | |
| Lain-lain Pendapatan | | 1,276,915 | |
| | | | 14,962,295 |
| **JUMLAH PENDAPATAN** | | | **326,875,766** |
| **PERBELANJAAN** | | | |
| **Emolumen** | | 33,895,186 | |
| **Perkhidmatan dan Bekalan** | | | |
| Bekalan dan Bahan-Bahan Lain | 176,208 | | |
| Bekalan dan Pembaikan | 63,107 | | |
| Pengangkutan dan Barang-Barang | 104,328 | | |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil | 1,151,051 | | |
| Perhubungan dan Utiliti | 1,030,525 | | |
| Perjalanan dan Sara Hidup | 418,095 | | |
| Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti | 3,932,479 | | |
| Manfaat Perubatan Pasca Persaraan | 1,988,568 | | |
| Sewaan | 28,393,788 | | |
| Aset Tidak Dipermodalkan | 325,555 | | |
| | | 37,583,704 | |
| **Pemberian dan Kenaan Tetap** | | | |
| Gantian Cuti Rehat | 520,712 | | |
| Lain-lain Pemberian Dalam Negeri | 146,496 | | |
| | | 667,208 | |
| **Perbelanjaan Pembangunan** | | | |
| Perbelanjaan Geran PMKS | 115,812,272 | | |
| Perbelanjaan Geran oleh Rakan Strategik | 1,976,375 | | |
| Hapuskira | 8,146,561 | | |
| Hutang Lapuk | 3,165,633 | | |
| | | 129,100,841 | |
| **Lain-lain Perbelanjaan** | 458,603 | | |
| **Susutnilai Hartanah,Loji dan Peralatan** | 371,383 | | |
| **Pelunasan Aset Tak Ketara** | 184,315 | | |
| | | 1,014,301 | |

| **JUMLAH PERBELANJAAN** | | | **202,261,240** |
|---|---|---|---|
| Lebihan(Kurangan) Sebelum Cukai | | | 124,614,526 |
| Cukai | | | 16,970,152 |
| **Lebihan(Kurangan) Selepas Cukai** | | | **141,584,678** |

Sumber: Penyata Kewangan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Tahun 2022

d. Penyata Kedudukan Kewangan SME Corp. Malaysia Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 telah merekodkan Aset Bersih berjumlah RM1,030,713,128. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 80**
**PENYATA PRESTASI KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

| PERKARA | RM | RM | RM |
|---|---|---|---|
| **ASET** | | | |
| **ASET SEMASA** | | | |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai | 165,642,874 | | |
| Pinjaman Kakitangan Jangka Pendek | 182,931 | | |
| Urusniaga Daripada Transaksi Pertukaran | 369,096 | | |
| Urusniaga Daripada Transaksi Bukan Pertukaran | - | | |
| Deposit dan Prabayar | 1,949,361 | | |
| | | 168,144,262 | |
| **ASET BUKAN SEMASA** | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 761,090 | | |
| Aset Tak Ketara | 5,062,675 | | |
| Pinjaman Kakitangan Jangka Panjang | 639,003 | | |
| Pelaburan Jangka Panjang | 20,000,000 | | |
| Geran Ditarik Balik Belum Terima | 66,000 | | |
| Perbelanjaan Geran Prabayar | 5,882,124 | | |
| Dana Skim Pinjaman Mudah PKS | 1,004,334,068 | | |
| | | 1,036,744,960 | |
| **JUMLAH ASET** | | | **1,204,889,222** |
| **LIABILITI** | | | |
| **LIABILITI SEMASA** | | | |
| Pemiutang | 6,515,925 | | |
| Terhutang kepada Syarikat Modal Teroka | 937,675 | | |
| Manfaat Pekerja Jangka Pendek | 36,191 | | |
| Peruntukan Cukai | 3,051,248 | | |
| | | 10,541,039 | |
